



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 35

Selasa

13 November 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 7)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2019 (Halaman 34)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 34)

Usul Anggaran Pembangunan 2019 (Halaman 34)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 13 November 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa kerajaan masih bergantung kepada cara penahanan preventif (*preventive detention*) di bawah SOSMA, POCA dan POTA sedangkan Kanun Tatacara Jenayah telah memperuntukkan prosedur tahanan reman bagi kesalahan-kesalahan keselamatan.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) merupakan satu undang-undang berbentuk tatacara khas yang digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi menentang perbuatan subversif dan tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam walaupun undang-undang itu berlawanan dengan mana-mana peruntukan mengenai kebebasan asasi di bawah Perkara 5, Perkara 9, Perkara 10 dan Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan.

Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) pula merupakan undang-undang yang berbentuk pencegahan yang juga digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Ketiga-tiga akta ini digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan pihak berkuasa membawa penjenayah dan penganas ke muka pengadilan tanpa perlu melalui proses perundangan yang biasa.

Ini kerana proses perundangan yang biasa memerlukan beban bukti yang jelas di mana saksi-saksi perlu hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan dan diperiksa balas oleh peguam tertuduh. Semua bukti yang dikemukakan hendaklah berbentuk kebolehtenerima ataupun *admissibility*.

Bagi kes-kes yang melibatkan kesalahan keselamatan, keterangan yang diperolehi dari saksi-saksi adalah berbentuk risikan dan tidak boleh didedahkan di mahkamah terbuka demi menjaga keselamatan mereka. Terdapat juga keadaan di mana saksi enggan hadir di mahkamah untuk memberikan keterangan walaupun ditawarkan perlindungan dan identiti mereka tidak

didedahkan semata-mata untuk mengelakkan keselamatan diri mahupun keluarga mereka terdedah dan seterusnya terancam.

Justeru, undang-undang berbentuk pencegahan digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan penjenayah atau penganas ditangkap dan ditahan di suatu tempat untuk dipulihkan melalui suatu modul pemulihan yang bersepada.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa pelaksanaan undang-undang ini telah menimbulkan pelbagai dakwaan mengenai pelanggaran hak asasi manusia ke atas subjek yang ditahan. Justeru, kerajaan sedang mengkaji semula undang-undang ini untuk tujuan penambahbaikan.

Sehubungan itu, jawatankuasa khas dan jawatankuasa teknikal kajian undang-undang berkaitan keselamatan telah ditubuhkan untuk meneliti secara lebih terperinci setiap peruntukan dalam undang-undang yang berkenaan. Antara perkara yang dipertimbangkan oleh kedua-dua jawatankuasa itu ialah ditambah baik untuk tempoh tahanan di bawah akta-akta berkenaan yang dilihat terlalu panjang, kuasa polis berkaitan tangkapan dan siasatan yang dilihat terlalu luas dan boleh disalahgunakan dan *judicial intervention* termasuk kuasa mahkamah untuk mengadakan semakan kehakiman yang agak terhad. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih. Sebelum saya tanya soalan, minta izin *to welcome* Sekolah Seri Cahaya, Selangor dan juga Cempaka International School Damansara Heights. Terima kasih. *[Tepuk]*

Soalan saya ialah dalam perubahan ini, adakah tempoh masa, *time frame*? Adakah komiti yang akan ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah ini?

■1010

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun menubuhkan jawatankuasa teknikal dan sebuah jawatankuasa yang saya fikir penting untuk meneliti semua cadangan yang telah pun dikemukakan oleh pelbagai pihak dalam siri pertemuan dan juga perbincangan dengan *stakeholders* ataupun pemegang taruh. Sekarang ini sudah sampai ke peringkat akhir. Kita telah pun menyediakan draf dan kita kemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara.

Saya kira bila selesai dikemukakan kepada kita, kita akan bawa kepada Jemaah Menteri dan selesai di peringkat Jemaah Menteri ataupun Kabinet, akan dibawa ke Parlimen. Memang hasrat saya selaku Menteri yang bertanggungjawab untuk menyegerakan proses itu. Kalau boleh dibawa dalam sesi Parlimen ini, kita bawa di sesi Parlimen ini. Kalau tidak pun paling lewat, saya fikir sesi Parlimen selepas bulan Mac kalau tidak silap saya, *insya-Allah*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pagoh. Saya ingin bertanya. Setakat manakah keberkesanan SOSMA, POCA dan POTA dan berapa ramai penjenayah telah dihukum. Ada berita-berita menyatakan bahawa kerajaan ingin menghapuskan SOSMA ataupun menukar dengan akta yang lain. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa semua akta yang telah pun dibawa ke Parlimen dan diluluskan dengan berdasarkan kepada Perlembagaan amat penting dan saya kira tanpa ada akta sama ada SOSMA, POCA dan POTA, saya tidak boleh menjamin bahawa negara kita menjadi negara selamat sebagaimana yang kita lihat pada hari ini. Namun begitu, kita perlu meneliti semula akta ini bukan kerana apa tetapi kerana kita nak menentukan supaya tidak ada elemen-elemen yang dianggap menindas ataupun yang bertentangan dengan hak asasi manusia atau yang disebutkan dalam keadaan yang lalu sebagai zalim.

Disebabkan itulah, maka kita telah pun menujuhan jawatankuasa untuk meneliti. Dalam soal begini, jumlah yang terlibat yang telah pun ditahan di bawah akta kita ini tidaklah terlalu ramai. Saya boleh bacakan ada data yang ada di hadapan saya ini. Kalau ada ditahan di bawah POCA, di pusat pemulihan khas kita ialah seramai lebih kurang – SOSMA lebih kurang seramai 2,000 lebih. Kemudian di bawah POCA seramai 475 orang dan juga demikian dalam bab yang lain itu kurang bilangannya di bawah POTA lebih kurang sembilan orang sahaja. Jadi saya kira langkah ini penting untuk menentukan supaya keadaan kita terkawal dan ini telah pun kita laksanakan dengan sebaik-baiknya berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.

2. **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Perdana Menteri menyatakan pendirian kerajaan sekarang untuk memansuhkan hukuman mati sama ada akan memberikan pengecualian kepada jenayah kejam seperti kematian seorang bayi 11 bulan setelah dirogol yang telah dilaporkan baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching atas soalan yang begitu relevan dan terkini. Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah memutuskan secara kolektif pada 10 Oktober tahun ini supaya hukuman mati bagi 33 kesalahan di bawah lapan akta dimansuhkan. Lapan akta tersebut ialah seperti berikut.

- (i) Kanun Keseksaan;
- (ii) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37];
- (iii) Akta Senjata 1960;
- (iv) Akta Penculikan 1961;
- (v) Akta Angkatan Tentera 1972;
- (vi) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006;
- (vii) Akta Perdagangan Strategik 2010; dan
- (viii) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Susulan daripada keputusan tersebut, memorandum Jemaah Menteri telah diedarkan kepada semua kementerian berkaitan untuk mendapatkan ulasan dan juga pandangan berkenaan termasuklah jenayah kejam. Mengenai kes kematian bayi Zara baru-baru ini, kerajaan amat bersimpati, Tuan Yang di-Pertua, dengan ahli keluarga mangsa dan juga mengucapkan

salam takziah kepada mereka. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh selaku Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini kelmarin bahawa kes ini adalah dalam siasatan polis.

Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, selepas sahaja siasatan selesai oleh pihak polis, kertas siasatan tersebut akan dibawa kepada pihak pendakwa raya untuk meneliti kesemua keterangan dalam kes ini dan akan membuat keputusan untuk menghadapkan suspek-suspek berkenaan untuk didakwa di mahkamah mengikut undang-undang negara ini. Sekian, terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Jadi isu ini sangat hangat didebatkan dan mengundang pelbagai kontroversi dan juga salah faham. Bagi saya sesuatu polisi yang baik harus mengambil kira juga *conditions on the ground* dengan izin dan rintihan rakyat. Jadi saya cadangkan keputusan ini dihadapkan ke Jawatankuasa Khas Parlimen atau *select committee* agar keputusan dapat dipertimbangkan dan lebih banyak *engagement with different stakeholders* dilakukan dengan izin. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching atas cadangan ini. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memahami penderitaan yang dialami oleh ahli-ahli keluarga mangsa terutamanya sekiranya mangsa itu adalah terdiri daripada ayah, emak, adik, kakak ataupun saudara-mara, kawan ataupun kanak-kanak ataupun bayi dalam perkara ini. Jadi impak kepada pihak keluarga sememangnya besar dan kadangkala akan memberi satu impak psikologi kepada semua yang berkenaan.

Akan tetapi dalam perkara ini, kerajaan sememangnya mengambil kira semua pandangan daripada semua pihak yang berkenaan dan cadangan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching akan diambil dengan sempurna. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, yang pertamanya Yang Berhormat Menteri telah menyebut antara akta yang akan dihapuskan hukuman mati adalah Kanun Keseksaaan. Soalan saya, adakah ini termasuk Seksyen 302 iaitu membunuh dengan sengaja. Kedua, adakah apabila timbul kes *murder*, mungkin ekoran daripada *rape and murder* ataupun *robbery and murder*, hukuman mati ini akan dikekalkan untuk kes ini sebagaimana *infant murder* pada masa ini. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Akta yang telah pun dimansuhkan termasuklah Seksyen 302 Kanun Keseksaaan iaitu pembunuhan di mana ikut juga dengan semua akta berkenaan di mana hukuman gantung sampai mati adalah hukuman yang dijatuhkan dalam akta-akta kesalahan tersebut. Jadi ini termasuk kepada kes yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat dan keputusan ini telah pun dibuat oleh pihak Jemaah Menteri seperti saya katakan pada 10 Oktober tahun ini. Setakat ini, kertas iaitu memorandum Jemaah Menteri masih lagi dalam edaran kepada semua pihak kementerian untuk mengambil kira pandangan-pandangan daripada orang awam dan juga daripada orang bawahan untuk

memastikan bahawa satu keputusan menyeluruh akan diambil oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah usaha yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah. Ini kerana masih terdapat ramai yang memegang ijazah dalam bidang Bahasa Inggeris tetapi tidak digunakan sepenuhnya.

■1020

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memastikan keperluan guru bagi semua mata pelajaran termasuklah Bahasa Inggeris sentiasa mencukupi. Perancangan dan anggaran keperluan guru bagi satu mata pelajaran dibuat berdasarkan peruntukan waktu yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kokurikulum Pusat KPM, norma perjawatan guru, kelulusan perjawatan pada tahun semasa, jumlah guru mengikut opsyen yang berada dalam sistem serta perubahan dasar dan program pendidikan.

Antara faktor yang menyebabkan berlakunya kekurangan guru seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Padang Serai ialah bilangan guru bersara wajib dan bersara pilihan yang meningkat, perubahan dalam kokurikulum dan pertambahan jumlah minit mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan sekolah menengah. Berdasarkan data 2 Oktober 2018, kekosongan guru Bahasa Inggeris di sekolah harian ialah seramai 2,615 orang iaitu 1,557 di sekolah rendah dan 1,058 di sekolah menengah.

KPM sedang berusaha menangani isu ini melalui langkah jangka masa pendek dan langkah jangka masa panjang. Langkah jangka panjang yang dilaksanakan ialah melalui pelbagai program latihan perguruan seperti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di universiti-universiti awam manakala langkah jangka pendek ialah melalui pengambilan guru interim Bahasa Inggeris dan pelaksanaan Program Diploma Pendidikan Pasca Siswazah (PDPP). Sebagai langkah berterusan, KPM juga turut melaksanakan penempatan semula guru sekiranya opsyen guru tersebut terdapat di dalam sistem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengisian guru terlatih dalam kalangan graduan yang memenuhi syarat dan temu duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan dibuat secara berperingkat-peringkat dari masa ke semasa. Sebagai langkah segera KPM telah memohon kepada SPP melaksanakan temu duga khas bagi pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan gred DG41 di dalam kalangan graduan pendidikan UA opsyen Bahasa Inggeris bagi mengisi kekosongan jawatan yang kritikal di sekolah menengah.

Selain daripada itu graduan lepasan IPG opsyen Bahasa Inggeris juga, *tagging* sekolah rendah telah ditemu duga oleh SPP pada bulan Oktober 2018 bagi penempatan pada awal sesi persekolahan tahun 2019 yang bakal menjelang ini. Urusan temu duga ini melibatkan 168 graduan IPGM tajaan KPM, manakala sejumlah kira-kira 163 graduan pendidikan universiti awam telah dipanggil temu duga oleh SPP. Graduan yang berminat untuk menjadi guru perlu terlebih

dahulu memohon temu duga tersebut melalui portal JobsMalaysia. Maka kalau mereka tidak mengisi di portal JobsMalaysia, kita tidak dapat untuk mengambil mereka bekerja ataupun memanggil untuk ditemu duga. Maka kita menggalakkan ramai lagi graduan untuk mendaftar di portal JobsMalaysia.

KPM juga akan memperkenalkan program praktikum di sekolah kepada pelajar Tahun 3 dan Tahun 4 universiti awam yang mengikuti bidang pendidikan bahasa Inggeris sebagai langkah pendedahan awal. Manakala bagi meningkatkan kualiti guru Bahasa Inggeris, KPM menjalankan pelbagai langkah. Antaranya Program Intervensi Tambahan Opsyen (PITO) Bahasa Inggeris di sekolah rendah. KPM juga akan memperluaskan kerjasama dengan pihak luar termasuk NGO, yayasan dan pihak-pihak yang berkaitan. Setakat ini antara yang terlibat dengan kementerian ialah seperti Yayasan Pintar, FINCO, Yayasan Hasanah dan lain-lain lagi. Terima kasih.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri yang beri jawapan yang padat dan tepat. Saya ingin bertanyakan ramai yang ada sungutan-sungutan oleh pelajar-pelajar yang ada ijazah dalam pendidikan. Mereka ada mengadu pada saya mengatakan tidak ada peluang diberikan walaupun mereka mempunyai kepakaran dalam bahasa Inggeris. Bolehkah pihak kementerian ambil perhatian yang serius dan memberi jawapan yang lengkap pada mereka-mereka tersebut. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi Yang Berhormat, jikalau graduan-graduan lulusan Bahasa Inggeris ataupun graduan pendidikan tidak mengisi maklumat dan tidak memohon melalui portal JobsMalaysia, maka KPM tidak mendapat maklumat tentang mereka. Oleh sebab itu kita jangkakan di masa hadapan bagi mereka yang mengambil kursus Bahasa Inggeris yang kita perlukan amat mendesak pada hari ini supaya mereka diberikan pendedahan seawal Tahun 3 dan Tahun 4 latihan praktikum di sekolah-sekolah. Jadi mereka telah tahu selepas itu untuk apa mereka buat.

Sekarang ini saya yakin ramai di luar sana di kalangan graduan Bahasa Inggeris yang lulusan daripada universiti awam ternanti-nanti untuk memohon kerja dan saya meminta kepada mereka untuk membuat permohonan melalui portal JobsMalaysia. *Insya-Allah* memang ada kekosongan dan jikalau mereka layak kita akan mengambil mereka untuk bekerja. Terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Apakah status prasekolah di sekolah-sekolah Tamil setakat hari ini. Sebelum ini, persidangan sebelum ini Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa kerajaan komited untuk melaksanakan program. So, sejauh manakah perkataan komited itu memandangkan kita sudah masuk penggal kedua. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Saya rasa kita perlu jelas Yang Berhormat Tapah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan kita berkaitan kekurangan guru Bahasa Inggeris dan bukan berkaitan dengan prasekolah Tamil. Itu kita akan jawab di waktu lain cuma berkaitan dengan prasekolah Tamil, saya bekerjasama rapat dengan Yang Berhormat Waytha yang telah ditugaskan untuk melihat isu-isu berkaitan kaum India. Cuma saya ingin menutup bicara ini dengan satu pantun seperti mana Tuan Yang di-Pertua juga memberikan pantun tadi.

Statusnya itu kita akan jawab pada jawapan bertulis lisan ketika saya dapat berbicara dan berbincang dengan Yang Berhormat Waytha Moorthy.

“Mengasah kayu di pinggir pekan,

Kayu dihiris berbalut rotan,

Bahasa Melayu sentiasa diperkasakan,

Bahasa Inggeris tidak dipinggirkan”. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

[Sesi waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]** minta Perdana Menteri menyatakan garis masa bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) serta langkah-langkah bagi memastikan IPCMC benar-benar bebas dan mempunyai kuasa untuk menangani masalah dalam agensi penguatkuasaan undang-undang dan bukan sekadar memberi syor-syor tata tertib seperti EAIC kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat saya juga akan menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan isu IPCMC ini seperti berikut. Soalan No. 31 bertarikh 15 November 2018 soalan daripada Yang Berhormat Pengerang, soalan No. 21 bertarikh 21 November 2018 soalan daripada Yang Berhormat Kepong dan juga soalan No. 12 bertarikh 21 November 2018 soalan daripada Yang Berhormat Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah iaitu JKKMAR pada 21 September 2018 yang lalu telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan juga Salah Laku Polis iaitu *Independent Police Complaint and Misconduct Commission*, dengan izin yang dikenali sebagai IPCMC bagi menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguat kuasa iaitu *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) selaras dengan janji 20 manifesto buku harapan bagi menangani isu-isu integriti dan menyiasat salah laku dalam kalangan anggota PDRM.

Pada mesyuarat bersusulan syor-syor telah dibentangkan dan telah dipersetujui bagi memastikan IPCMC ini Tuan Yang di-Pertua, benar-benar bebas, efektif dan juga mempunyai kuasa untuk menangani masalah dalam agensi di penguat kuasa tersebut. Kerangka penubuhan IPCMC ini mengambil kira kuasa-kuasa yang lebih holistik dan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada dan juga yang sedang berkuat kuasa.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, rang undang-undang IPCMC ini dijangka akan dibentangkan pada sidang Parlimen yang akan datang setelah semua isu dan perkara dasar dimuktamadkan. Sekian, terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih. Soalan tambahan. Dalam satu sidang akhbar bulan lalu IGP telah mengatakan bahawa dia tidak tolak IPCMC tetapi harap hak polis dikekalkan. Mohon penjelasan, apakah yang dimaksudkan dan apakah impaknya kepada bentuk dan struktur IPCMC yang bakal ditubuhkan? Terima kasih.

■1030

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya atas soalan tambahan ini. Pandangan daripada pihak IGP, saya rasa adalah terkandung kepada isu hak polis dalam Perlembagaan, sekiranya saya tidak salah daripada soalan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Petaling Jaya.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Artikel 140 Perlembagaan Persekutuan mengatakan bahawa *Police Force Commission* yang dianggotai oleh Menteri Dalam Negeri akan bertanggungjawab atas pelantikan, promosi dan juga semua isu-isu mengenai tata tertib pegawai polis berkenaan. Di situ lah di mana hak-hak polis terjamin di bawah Perlembagaan. Saya rasa itulah soalan yang telah pun dibawa oleh pihak IGP.

Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa IPCMC ini dia mengendali isu-isu ataupun aduan terhadap seorang pegawai polis di mana tata tertib boleh diambil terhadap pegawai polis tersebut. Ini sedikit sebanyak bercanggah dengan Artikel 140 kerana dia juga memberi tata tertib kepada pihak *Police Force Commission* untuk mengambil tindakan terhadap pegawai polis tersebut.

Jadi berdasarkan Perkara 132 dan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa tata tertib terhadap anggota dalam perkhidmatan awam tidak boleh dilaksanakan oleh suatu badan berkanun. Ini kerana ia akan bercanggah dengan Perkara 144(1) Perlembagaan kita yang memperuntukkan kawalan tata tertib terletak di bawah bidang kuasa suruhanjaya perkhidmatan masing-masing.

Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi mengenai hak dia sebagai seorang pegawai dan segala-galanya. Jadinya, dalam hendak menentukan jawatankuasa yang akan menduduki atau menganggotai IPCMC ini, apakah kriteria utama yang diambil kira oleh pihak kementerian dalam pemilihan individu-individu ini? Juga, apakah *safeguards* yang dicadangkan oleh pihak kementerian untuk memastikan betul-betul hak anggota ataupun pegawai PDRM itu betul-betul terbela sekiranya dihadapkan ke jawatankuasa ini? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong atas soalan tambahan ini. Seperti yang saya katakan tadi bahawa IPCMC ini merupakan satu pertubuhan badan atau badan yang juga akan mengendali aduan-aduan orang awam terhadap pegawai-

pegawai polis di mana ada cara-cara dia untuk mengendalikan aduan-aduan tersebut. Jadi IPCMC ini ditubuhkan untuk hanya mengendali aduan-aduan terhadap mereka. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa EAIC sebelum ini tidak dapat mengendali isu lebih efektif dan pihak berkenaan telah pun mencadangkan bahawa IPCMC ini ditubuhkan untuk mengendalikan isu-isu yang berkenaan.

Terutama sekali apabila kita melihat begitu banyak kematian yang telah pun berlaku dalam bilik tahanan di balai polis. Mengikut data yang saya ada di sini, terdapat lebih kurang 1,600 orang tahanan telah pun mati dalam masa tahanan daripada tahun 2000 sampailah 2017, tahun lalu. Jadi daripada situ, kita dapat lihat bahawa pihak berkenaan telah pun mencadangkan bahawa IPCMC ini dapat ditubuhkan untuk mengendalikan isu-isu yang tertentu. Sekian.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bukan, Yang Berhormat. Yang Berhormat belum menjawab lagi kriteria pemilihan. Maksudnya individu-individu yang akan menganggotai IPCMC ini. Yang itu yang paling penting yang tadi saya hendak maklumkan supaya mereka betul-betul *independent*.

Datuk Liew Vui Keong: Seperti saya katakan bahawa susulan daripada pengumuman daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan September itu, pihak JKCMAR pada setakat ini masih dalam mesyuarat untuk memastikan struktur-struktur yang tertentu untuk penubuhan IPCMC ini. Jadi kita kena tunggu dan bersabar sedikit. Apabila Rang Undang-undang IPCMC dikenalkan di Dewan ini, maka di situlah kita akan tahu siapa yang akan dilantik dan kriteria-kriteria yang tertentu. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 2 – YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi (Tumpat) tidak hadir]

3. **Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menggubal prosedur operasi standard (SOP) yang spesifik bagi penahanan dan pengendalian suspek dari golongan istimewa yang termasuk golongan autistik dan sekiranya ya, apakah perlindungan yang dicadangkan bagi golongan istimewa sebegini dalam keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor atas soalan yang diberikan.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah pun mempunyai *standard operating procedure* (SOP), dengan izin, bagi urusan tangkapan dan menghadapkan orang-orang yang kena tuduh seperti mana yang digariskan dalam Perintah Tetap Ketua Polis Bahagian D204. Di antara inti perintah tersebut menjelaskan tentang kuasa-kuasa menangkap, bagaimana tangkapan dilakukan, tindakan selepas tangkapan, mohon jaminan polis dan prosedur membebaskan tangkapan.

Namun demikian, dalam perintah tersebut tidak diperincikan secara khusus urusan pengendalian suspek daripada golongan orang kurang upaya (OKU) dan kategori golongan istimewa yang lain.

PDRM menerima baik cadangan ini dan akan membuat penambahbaikan dalam SOP tersebut dalam tempoh terdekat ini. Antara perkara yang akan dibuat kajian dan dimasukkan dalam perintah tersebut berkaitan pengendalian golongan istimewa ini meliputi penyediaan bilik khas untuk proses dokumentasi, jaminan polis, laporan perubatan, pembebasan dan perkara-perkara lain yang perlu dimasukkan dalam perintah tersebut. Di samping penambahbaikan terhadap SOP tersebut, latihan kepada anggota PDRM akan turut dirancang bagi mengendalikan kes seumpama ini.

Sebagai tambahan, untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor, Kementerian Dalam Negeri juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta beberapa NGO yang berkaitan dengan golongan istimewa ini untuk memperhalus SOP yang sedia ada bagi memastikan prosedur penguatkuasaan sentiasa peka terhadap keperluan OKU.

Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga telah menzahirkan tentang perlunya beberapa SOP dalam PDRM dikaji dan diperhalusi. Oleh yang demikian, satu mesyuarat bersama pemegang taruh ataupun *stakeholders*, dengan izin, akan diadakan dalam jangka masa terdekat bagi membolehkan *standard operating procedure* baru ini disediakan.

KDN komited bagi menjamin kesejahteraan semua pihak dan kami mengakui terdapat cabaran baharu dalam menangani kes-kes terbaru seperti yang dilaporkan berlaku di USJ Subang Jaya baru-baru ini yang melibatkan seorang individu autisme. Memang terdapat keperluan untuk satu SOP khas bukan sahaja untuk pihak Polis Diraja Malaysia tetapi juga melibatkan pihak Jabatan Imigresen dan semua penjawat awam ataupun *service providers*.

Sehingga kini, walaupun bilangan OKU autisme yang berdaftar dengan JKM hanya sekitar 20,000 orang, namun berdasarkan kenyataan *National Autism Society of Malaysia* (NASOM), hampir satu peratus daripada penduduk Malaysia adalah mereka yang mengalami autisme. Ini bermaksud hampir 300,000 OKU autisme mungkin wujud dalam negara tetapi ramai yang masih belum mendaftar. Ini tidak termasuk OKU di bawah kategori lain.

Oleh itu, kita boleh harapkan pada masa akan datang lebih ramai lagi OKU yang akan tampil mendaftar. Ini kerana keperluan dalam menangani isu berkaitan OKU pasti akan meningkat. Maka SOP dalam pengendalian dan pengurusan OKU yang terlibat dalam jenayah adalah sangat penting dan perlu diwujudkan segera atau sekurang-kurangnya perlu penambahbaikan SOP yang sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana memberi jawapan tersebut. Saya ingin bertanya, tujuan soalan ini diajukan adalah *as we know*. berkenaan dengan satu kes *autism*. Seorang yang bernama Ahmad Zikri dalam awal 20-an telah pun ditahan pada 11 September tahun ini dan dikendalikan ataupun *treated* dengan izin Tuan Yang di-Pertua seperti OKT ataupun OKS-OKS lain. Ini adalah satu perkara yang amat sensitif seperti yang Timbalan Menteri telah

punya menyatakan tadi hampir satu *percent* daripada warganegara di negara ini mengalami keadaan tersebut.

Keadaan *autism* ini merupakan satu keadaan OKU mental tetapi juga ada keadaan OKU fizikal. Orang-orang yang mengalami kehilangan keupayaan secara fizikal dan mental. Jadi dalam keadaan-keadaan tersebut, kenapakah SOP ini tidak dibuat lebih awal untuk mengelakkan kes-kes seperti Ahmad Zikri terjadi. Sekiranya kami sudah ada satu *precedent* sekarang, adakah SOP-SOP ini akan dilaksanakan dengan secepat mungkin? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan daripada sahabat saya Yang Berhormat Bukit Gelugor sebentar tadi. Sebagaimana saya telah sebutkan sebentar tadi, kita mengakui bahawa terdapat kekurangan dari segi SOP pihak PDRM dalam mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan golongan OKU ini. Sebagaimana jawapan saya sebentar tadi, kita komited untuk membuat pembaharuan ini dan sebab itu kita akan memanggil termasuk Kementerian Pembangunan Wanita juga, kita bawa duduk bincang untuk kita mengkaji dan memperhalusi SOP-SOP yang perlu kita perkenalkan. Orang putih cakap *better late than never*.

Sekurang-kurangnya dalam kerajaan baharu Pakatan Harapan ini kita mempunyai iltizam dan komitmen untuk memastikan bahawa SOP terhadap golongan OKU ini akan kita perkenalkan dan *insya-Allah* bila mana ianya lengkap nanti, ia akan menyediakan satu SOP yang baru kepada golongan-golongan ini bila mana berlaku kes-kes seumpama ini. Sekian dan terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, di antara masalah besar yang dihadapi oleh OKT ataupun OKS tadi ialah isu tahanan yang disuspek HIV. Isunya ialah apabila mereka bergaul dalam tempoh tahanan lokap sementara dibicara. Saya ingin dapat penjelasan berapa lama tempoh yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengesahkan seseorang tahanan disahkan ada HIV supaya dia ditahan di dalam lokap yang berbeza ataupun diasingkan dengan tahanan-tahanan lain. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Saya tidak mempunyai data ini di atas meja saya berkenaan dengan tempoh masa. Insya-Allah saya akan berikan jawapan ini secara bertulis.

4. **Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menurunkan harga minyak RON 95 dan RON 97 dalam masa terdekat?

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat, selaras dengan janji kerajaan dalam Buku Harapan iaitu untuk menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar, mesyuarat Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk mengekalkan harga runcit petrol RON95 dan diesel masing-masing pada paras RM2.20 seliter dan RM2.18 seliter mulai 7 Jun

2018 walaupun harga sebenar di pasaran telah meningkat selari dengan kenaikan harga minyak mentah dunia.

Perbezaan di antara harga runcit yang dikekalkan dengan harga sebenar pasaran yang semakin meningkat telah ditampung oleh subsidi yang tinggi daripada kerajaan. Sebagai contoh, harga sebenar pasaran bagi bulan Oktober 2018 adalah sebanyak RM2.65 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.66 seliter bagi diesel. Ini menyebabkan tanggungan subsidi kerajaan meningkat kepada 45 sen bagi RON95 dan 48 sen seliter bagi diesel. Bagi petrol RON97, mesyuarat Jemaah Menteri juga telah membuat keputusan supaya harga runcit petrol RON97 diapungkan semula secara terkawal atau dengan izin, *manage float* mulai 7 Jun 2018 memandangkan ia adalah produk premium yang tidak diberi subsidi. Penetapan harga runcit RON97 pada masa ini dibuat secara bulanan mengikut trend harga minyak mentah dunia.

Pada masa akan datang, kerajaan akan melaksanakan sistem subsidi petrol secara bersasar dengan memberi subsidi kepada pemilik sebuah kereta sahaja yang berkapasiti enjin 1500cc dan ke bawah atau motosikal berkapasiti enjin 125cc dan ke bawah seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018.

Setelah menerima maklum balas mengenai cadangan ini, kerajaan sedang mengkaji dan memperhalusi mekanisme terperinci mengenai pelaksanaan subsidi bersasar. Bukan sahaja dari segi cc kereta tetapi juga dari aspek model kereta yang akan menerima subsidi bersasar ini. Dengan kata lain, selain daripada cc kereta, kalau sekiranya ada kereta mewah yang memiliki atau mempunyai cc yang di bawah 1500cc, mereka tetap juga tidak akan layak. Ini kerana kita akan lihat dari segi model atau jenis kereta. Contohnya, kereta mewah seperti Mercedes, BMW, Range Rover, Audi atau Volkswagen sekiranya di bawah 1500cc tidak akan menikmati subsidi petrol bersasar ini. Jadi tidak ada isu bahawa kereta mewah juga akan menikmati subsidi petrol bersasar.

Melalui subsidi petrol ini, kerajaan akan memberi subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter bagi motosikal. Mekanisme baru ini dijangka akan bermula pada suku kedua 2019. Untuk ini, RM20 diperuntukkan dan dijangka dapat memanfaatkan seramai empat juta pemilik kereta dan 2.6 juta pemilik motosikal.

Harga minyak sekarang adalah kira-kira USD48 setong. Sekiranya kita mengikut perkiraan RON97 adalah RM2.53 seliter tetapi RON97 adalah petrol premium dan tidak akan menerima subsidi bersasar. RON95 mengikut harga sekarang sebenarnya adalah RM2.43 seliter, diesel ialah RM2.34 seliter berbanding dengan RM2.20 seliter untuk RON95 dan RM2.18 untuk diesel.

Bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber di samping membendung ketirisan berikutan perbezaan harga minyak dan penyeludupan rentas sempadan yang juga serius. Akan tetapi sama-sama serius ialah masalah pembelian diesel oleh industri-industri yang mewujudkan keadaan di mana banyak diesel dibeli daripada stesen pam minyak oleh industri-industri. Kerajaan akan mengapungkan semula harga petrol RON95 di pasaran berdasarkan *automatic price mechanism*. Di sini kerajaan juga akan mengkaji tentang perlunya sistem bersama

dilaksanakan untuk penggunaan diesel sekiranya ia digunakan oleh rakyat biasa dan bukanlah oleh perniagaan. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tersebut. Syabas dan tahniah juga kepada Kementerian Kewangan Kerajaan Pakatan Harapan yang mana dalam Belanjawan 2019, sejumlah RM2 bilion telah pun diperuntukkan untuk subsidi minyak secara bersasar. Jadi soalan saya, apakah wujud cadangan Kerajaan Pakatan Harapan tentang kedudukan mereka yang tidak mampu langsung untuk memiliki kenderaan? Malahan motosikal pun masih lagi ada di kawasan luar bandar mereka tidak mempunyai kenderaan.

■1050

Apakah Kerajaan Pakatan Harapan bersetuju dalam menyeragamkan subsidi hasil petroleum negara ini dapat dilaksanakan secara keseluruhannya, yang dapat diagihkan kepada keseluruhan rakyat seperti yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu. Contohnya kegunaan mereka-mereka yang tidak ada kenderaan, dia ada *genset*, kawasan luar bandar, Orang Asli, malah kawasan-kawasan pedalaman yang jauh sama sekali daripada petrol stesen.

Jadi adakah peruntukan yang bersasar, bajet yang telah diberikan yang bersasar ini termaktub atau termasuk dalam golongan-golongan ini yang tidak ada kenderaan tapi dia ada *genset*, kawasan luar bandar dan sebagainya kerana seperti kita semua sedia maklum ini adalah hasil daripada petroleum negara yang mana seluruh rakyat negara Malaysia harus mendapat manfaat secara adil dan sama rata. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Baling yang menanyakan soalan tambahan. Sememangnya untuk kumpulan yang tidak ada kenderaan tapi perlu gunakan diesel seperti yang disebut tadi *genset*, tentu ini akan diambil kira. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menarik perhatian tentang masalah ini. Seperti yang saya sebut tadi ini adalah subsidi petrol bersasar dan sasarannya ialah ke atas golongan yang perlukan bantuan, bukanlah golongan kaya. Apa yang berlaku ialah sekiranya kita melaksanakan ataupun membekukan harga pada tahap tertentu yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran sedunia, ini akan membolehkan mereka yang berkemampuan untuk menikmati harga petrol yang lebih rendah dan akan menjadi subsidi ini tersasar. So, kita hendak pindah daripada subsidi tersasar kepada subsidi petrol bersasar.

Tentulah dalam proses pemindahan akan timbul beberapa masalah yang kita harap dapat diatasi apabila *fleet card* yang sekarang diuruskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan melihat secara terperinci supaya masalah ini dapat diatasi. So, sungguhpun untuk mereka yang tidak mempunyai kenderaan iaitu baik motosikal ataupun kereta dan mereka gunakan *genset* untuk golongan B40, saya rasa itu boleh diambil kira.

Saya ingin menegaskan juga bahawa subsidi bersasar ini bukanlah khusus hanya untuk B40 kerana seperti yang saya sebut tadi ini adalah bergantung kepada kereta dan juga jenis kereta. So, ada kemungkinan bahawa ia akan dapat melimpah ke sebahagian daripada golongan M40 bawah. Ini berpandukan jenis kereta yang mereka miliki. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jempol. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi adalah baik kepada rakyat iaitu nombor satunya subsidi tersasar, yang keduanya apungan minyak di bawah *system automatic pricing mechanism*. Jadi sistem yang ada bersasar. Jadi sistem yang diadakan ini adakah pihak kementerian mengkaji kemampuan stesen-stesen minyak di bandar, di luar bandar, di pedalaman dan sebagainya?

Adakah sistem ini dapat digunakan keseluruhan 5,100 buah stesen yang kita tahu bahawa 1,200 stesen adalah kawasan pedalaman, luar bandar. Contohnya daripada FELDA, kawasan-kawasan kampung yang mana bila sistem apungan minyak ini yang paling terkesan adalah bila harga ini jatuh. Mereka ini beli harga yang mahal, bila jual harga yang rendah. Jadi sudah pasti ada sebahagiannya dari mereka ataupun pengusaha stesen minyak ini akan mengalami kerugian dan dulu telah pun berlaku 40 buah stesen menggulung tikar kerana komisen yang sedia ada, 10 sen ke 12 sen seliter selama 10 tahun tidak pernah dikaji.

Jadi kalau sistem ini berjalan, kita kena kaji kedua-dua pihaknya. Apakah pulangan, apakah kebaikan dan apakah keburukan? Jadi dalam keadaan sistem apungan minyak ini sudah pastilah rakyat akan dapat *benefit*, sasaran adalah golongan B40. Jadi, adakah keadaan ini dapat dirasai oleh semua? Contohnya sistem IT di semua stesen untuk membaca kad-kad subsidi ini. Kalau stesen ini tidak boleh membaca kad subsidi ini mana mungkin sistem ini dapat dilaksanakan. Jadi mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat daripada Jempol. Tentang keberkesanan *fleet card*, adakah ia dapat dilaksanakan secara meluas kepada semua stesen minyak. Saya percaya bahawa syarikat-syarikat minyak akan memastikan mereka diberikan kelengkapan yang perlu kerana saya difahamkan bahawa ini bukanlah satu teknologi yang canggih sangat dan memang dapat dibekalkan oleh syarikat-syarikat minyak.

Akan tetapi walau macam mana pun, keprihatinan ataupun kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat, kita akan sampaikan kepada KPDKKK supaya mereka akan memberikan keprihatinan yang sewajarnya supaya masalah-masalah yang kita bimbang akan berlaku tidak akan wujud khususnya di kawasan luar bandar apabila ia dilaksanakan. Terima kasih.

5. Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah kes perceraian direkodkan oleh pasangan di bawah usia perkahwinan lima tahun mengikut negeri, punca-punca utama yang dikenal pasti mendorong perceraian dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menangani permasalahan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua berdasarkan statistik yang diterima daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), jumlah perceraian di bawah usia perkahwinan lima tahun bagi orang Islam di Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan adalah sebanyak 2,932 kes bagi tempoh 2013 hingga 2017. Untuk makluman, jumlah kes perceraian

dari negeri-negeri lain masih di peringkat pengumpulan dan akan dimaklumkan kelak secara bertulis kepada Yang Berhormat Kangar.

Bagi orang bukan Islam pula, statistik daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan sebanyak 14,440 kes perceraian di bawah usia perkahwinan lima tahun direkodkan bagi tempoh 2013 hingga 2017. Dalam tempoh berkenaan negeri Johor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu dengan 2,860 kes diikuti Wilayah Persekutuan 2,721 kes dan Selangor 1,858 kes. Tempoh lima tahun pertama perkahwinan adalah yang paling mencabar. Merujuk kepada Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima yang telah dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014, lebih 1/3 perkahwinan pertama yang berakhir dengan perceraian atau perpisahan berlaku dalam tempoh lima tahun pertama usia perkahwinan.

Antara punca-punca utama berlakunya perceraian pada perkahwinan pertama bagi lelaki ialah kerana tiada persefahaman 56.2 peratus, isteri curang 11.8 peratus dan campur tangan mentua atau ipar 10 peratus. Manakala bagi wanita pula seramai 38 peratus wanita menyatakan punca utama penceraian ialah kerana tiada persefahaman, diikuti dengan suami curang sebanyak 20.5 peratus... *[Dewan riuh]* ...dan suami tidak bertanggungjawab sebanyak 15.2 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semua kena pergi kursus. *[Dewan riuh]*

Puan Hannah Yeoh: Mengikut satu laporan yang telah dilaporkan di dalam *Sinar Harian*, maaf ya, daripada FMT, yang ini memetik daripada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, banyak kes-kes perceraian yang remeh melibatkan pasangan muda. Antara sebab-sebab yang mereka fail ya, ada banyak sebab tetapi banyak punca ini adalah perkara yang remeh yang menyebabkan tiada persefahaman dan mereka pergi bercerai. Sebab-sebab yang saya boleh baca daripada sini adalah isteri suka mengikuti rombongan beramai-ramai, punca.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Hannah Yeoh: Isteri suka membasuh baju pada waktu malam. Ini saya pun basuh baju waktu malam tapi ini adalah salah satu punca yang difaikan. *[Dewan riuh]*

■1100

Suami tidak suka isteri makan dalam kereta.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri jangan basuh baju waktu malam, hantar dobi.

Puan Hannah Yeoh: Apa nak buat, sidang Parlimen selalu berakhir waktu malam. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semua cuba singkatkan perbahasan, jangan tambah masa.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Ini rombongan-roombongan daripada UMNO dulu banyak wanita pergi makan angin. *[Dewan ketawa]*

Puan Hannah Yeoh: Tunggu ya. Berbeza fahaman politik juga punca penceraian, gaji suami lebih rendah, pasangan tidur berdengkur [*Dewan ketawa*] dan pasangan gemar membeli belah. Saya baca sebab-sebab ini kerana saya nak menunjukkan bahawa faktor penceraian sekarang sangat serius kerana perkara-perkara remeh digunakan sebagai sebab untuk fail permohonan penceraian.

Jadi langkah yang diambil pihak kerajaan bagi terus memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia, kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan program-program Pra dan Pasca Perkahwinan khusus untuk menyediakan asas kukuh dalam membina sebuah keluarga bahagia terutama kepada pasangan-pasangan muda yang baru berkahwin. Antara program Pra Perkahwinan yang dijalankan LPPKN adalah satu, Program Pra Perkahwinan SMARTSTART.

Program ini bertujuan untuk memberi pendidikan kekeluargaan kepada pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga dan juga pasangan yang berkahwin kurang daripada lima tahun. Program kedua, Program SMART Belanja@LPPKN. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pasangan dalam membuat perancangan dan mengamalkan pengurusan kewangan secara bijak dan berhemah. LPPKN juga turut melaksanakan program dan menyediakan perkhidmatan pasca perkahwinan, selepas berkahwin seperti perkhidmatan kaunseling kekeluargaan, Program SMARTSTART *Second Honeymoon*. Ini bukan untuk pasangan kedua, pasangan yang sama.

Program ini disasarkan kepada pasangan suami isteri yang telah berkahwin lebih daripada lima tahun dan kebanyakannya terdiri pasangan yang dirujuk oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara. Ketiga, Program Parenting@Work. Program ini bertujuan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada ibu bapa mengenai pentingnya mengimbangi peranan sebagai ibu bapa dan pekerja serta memberi kemahiran serta panduan cara gaya keibubapaan bagi menghadapi kitaran hidup berkeluarga. Itu saja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Cinta abadi sukar dicari. Jika tidak bersedia, jangan berkahwin dulu. Yang Berhormat Kangar sila.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang panjang tadi. Saya membangkitkan persoalan ini kerana salah satu kategori penerima bantuan di bawah JKM ini adalah ibu tunggal dan saya juga ada menerima banyak kata aduan berkaitan dengan isu-isu terkait perkahwinan.

Akan tetapi ada dua perkara yang saya nak bangkitkan di sini adakah nanti kementerian juga akan mencadangkan Kursus Pra Perkahwinan kepada pasangan bukan Islam. Perkara ini saya pernah ditanyakan dalam satu dialog saya di Sabah dan tadi saya tanya dengan Yang Berhormat Padang Serai pun kaum India pun tidak ada kursus seumpamanya.

Kedua ialah apabila berlaku penceraian ini, ada banyak isu yang terkaitlah. Jadi adakah kementerian ada menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri, Mahkamah Syariah, jabatan kerajaan, Jabatan Pendaftaran Negara kerana ia juga melibatkan isu misalnya

ibu tunggal yang dinafikan hak dan nafkah mereka dalam proses mahkamah yang panjang dan seterusnya juga anak-anak mereka yang berdepan dengan masalah dokumen.

Misalnya, dalam satu kes baru-baru ini yang datang ke pejabat saya dulu masa kahwin orang Perlis ini setengah itu kahwin di Thailand sebab dekat. Jadi masalah dokumen. Jadi, bila tidak ada dokumen daripada jabatan ataupun majlis agama negeri anak itu tidak dapat status kewarganegaraan ini, nak masuk sekolah payah dan sebagainya. Saya minta komen sikit.

Puan Hannah Yeoh: Boleh saya jawab soalan pertama. Soalan kedua saya kurang faham dan agak melencong daripada soalan utama penceraian di bawah lima tahun. Untuk soalan pertama tadi mengenai pasangan bukan Islam, ketika ini tiada kursus wajib yang harus dihadiri oleh pasangan yang ingin berkahwin di JPN tetapi kami sudah mulakan perbincangan. Ini kerana kalau saya lihat statistik yang saya ada untuk Wilayah Persekutuan sahaja, penceraian bukan Islam dengan orang yang beragama Islam statistiknya hampir sama.

Jadi bagi pasangan Islam mereka mempunyai Kursus Pra Perkahwinan yang mandatori wajib dihadiri tetapi untuk bukan Islam tidak ada. Jadi kita sudah mulakan perbincangan dalam kementerian kita untuk mencari jalan untuk mewajibkan pasangan bukan Islam yang nak berkahwin untuk menghadiri kursus sama ada dikendalikan oleh JPN ataupun dikendalikan oleh jabatan agama masing-masing, majlis agama masing-masing. Akan tetapi kita lihat ini satu keperluan kerana ramai yang berkahwin tanpa memahami masalah-masalah yang mungkin akan datang. Jika mereka mempunyai kursus ataupun kaunseling mereka boleh masuk perkahwinan dengan mata terbuka. *Go in with eyes open* dan bukan terkejut nanti apabila kita mempunyai masalah dalam perkahwinan. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soalan tambahan, Setiawangsa.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang mohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Isu wanita minta Rantau Panjang.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya berpendapat Yang Berhormat Menteri bahawa kursus-kursus yang ada untuk pasangan-pasangan yang hendak berkahwin ini tidak mencukupi. Saya juga berpendapat bahawa setiap kali pasangan berkahwin, *personality traits* mereka akan berubah dalam lima tahun itu. Ini hakikat setiap pakar psikologi di merata dunia malah di United States mereka telah *confirm* perkara ini dengan izin.

Jadi saya bercadang satu pandangan yang perlu diambil oleh Yang Berhormat Menteri adalah untuk mengadakan ujian *Big Five Dimension*. Kalau ditanya oleh pada pakar *psychologist* mereka akan memberitahu ini adalah satu ujian lengkap yang harus dibuat pada setiap pasangan yang Islam dan juga buka Islam supaya mereka bersedia dengan perubahan personaliti

pasangan-pasangan masing-masing *for the first five years of marriage*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Kuala Kangsar kerana saya lihat kursus-kursus sedia ada kita kena mengkaji semula *impact* kursus ini terhadap kualiti perkahwinan. Ini kerana *compatibility test* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar ini kalau kita boleh adakan sebelum mereka berkahwin ia mungkin boleh membantu mereka untuk mengambil satu keputusan tidak berkahwin kalau tidak ada persefahaman. Ini kerana masa bercinta semua okey tapi selepas berkahwin apabila tanggungjawab bertambah ceritanya berubah dan personaliti juga mungkin akan berubah.

Oleh sebab itu saya sokong cadangan Yang Berhormat Kuala Kangsar dan kami akan menilai dan melihat sama ada kita boleh meletak dalam skop kursus sekarang ini *compatibility test*. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon satu lagi soalan tambahan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, minta satu lagi soalan tambahan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soalan tambahan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Soalan tambahan mohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Berkenaan dengan isu kahwin, cerai ramai yang berminat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, isu wanita bagilah golongan wanita.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: *[Ketawa]*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Prihatin, prihatin.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Setiawangsa, sila.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiawangsa nak bertanya kerana pengalaman bila saya sendiri melalui kursus kahwin ataupun kawan-kawan yang melalui kursus kahwin banyak aduan ialah sebenarnya tidak banyak guna kursus kahwin ini, lebih banyak cerita-cerita dalam kelambu yang diceritakan yang membuatkan orang tidak lihat *value* tetapi sebab dia kena melalui kursus kahwin nak berkahwin bagi pasangan Muslim, maka mereka hadir.

Jadi saya berharap apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekiranya perkara ini diperluaskan kepada pasangan bukan Islam supaya perkara ini dilihat secara mendalam supaya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar dan sebagainya dapat diterapkan dan bukannya sekadar cerita-cerita seronok-seronok yang tidak mendatangkan manfaat.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa maksud Yang Berhormat Setiawangsa cerita dalam kelambu. *[Dewan ketawa]* Jadi, saya tidak tahu bagaimana nak jawab soalan ini. Saya tidak faham soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jawapan jelas hantar dia pergi kursus sekali lagi. *[Dewan ketawa]*

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagi *detail* sahaja dekat dia.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon Yang Berhormat satu lagi soalan, pertimbangkan minta isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Peraturan mesyuarat bagi dua, tadi saya telah menggunakan budi bicara saya bagi tiga. Maka sekarang kita berhijrah dari isu penceraian kepada menara telekomunikasi. *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong, Hulu Rajang, sila.

6. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang]: minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan pendekatan pihak kementerian untuk membina menara-menara komunikasi di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Hulu Rajang tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi memperluaskan liputan jalur lebar di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan pendalaman.

■1110

Bagi memastikan kemudahan jalur lebar dapat dinikmati secara meluas oleh pengguna di kawasan luar bandar, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menambah baik infrastruktur komunikasi melalui Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP).

Melalui program USP, menara-menara baharu dibina di samping kerja-kerja menaik taraf menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan 4G dengan izin, Tuan Yang di-Pertua terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang dijalankan secara berperingkat. Di bawah inisiatif ini sebanyak 15 menara komunikasi telah dibina dan beroperasi di Parlimen Hulu Rajang dan selain daripada itu sebanyak 27 menara telah dinaiktaraf manakala dua lagi menara sedang dalam peringkat penaiktarafan di Parlimen Hulu Rajang yang dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2019.

Selain daripada itu terdapat 10 menara komunikasi yang dibina secara komersial oleh pemberi perkhidmatan dengan izin *service provider* di Parlimen Hulu Rajang. Pihak kerajaan sentiasa mempertimbangkan pembinaan menara baharu bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan komunikasi di Parlimen Hulu Rajang. Kerajaan sentiasa bersedia untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan telekomunikasi kepada rakyat terutamanya di kawasan

pedalaman tertakluk kepada ketersediaan bekalan kuasa elektrik yang diperlukan di kawasan-kawasan tersebut bagi mengoperasi sesebuah menara telekomunikasi.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberi kepada soalan saya Hulu Rajang.

Saya baru sahaja pulang dari kawasan dan melawat SK Kebulu di Kuala Kebulu di Tubau. Jadi, guru-guru besar, ketua-ketua mesyuarat di kawasan Tubau mengeluh Yang Berhormat atas liputan jalur lebar, Internet yang begitu rendah sekali.

Jadi seterusnya Yang Berhormat saya mohon tadi telah memberitahu saya beberapa buah menara dan liputan. Jadi saya minta liputan jalur lebar terus di Kampung Long Busang, Long Jawit dan juga terus ke Klinik Nanga Melinau Sungai Mujong, SK Nanga Metah di Ulu Pilah dan saya telah berada di Ulu Pilah minggu yang lalu ke rumah Impang, mereka tidak ada permohonan yang lain selain mohon supaya jalur lebar dibangunkan atau menara komunikasi. Kita ke era, saya ingat ke Revolusi Industri 4.0 Yang Berhormat. Kalau tidak masa kini saya ingat ia akan menjadi tidak menentu untuk rakyat di luar bandar.

Soalan saya Yang Berhormat, saya hendak bertanya dalam KSP Rancangan Malaysia Kesebelas, saya tahu sebanyak 1,000 menara komunikasi dan akan dinaiktaraf dan 300 menara baru akan dibina. Adakah menara tersebut diperuntukkan kepada Hulu Rajang sedikit ataupun saya hendak tahu dalam sebanyak itu menara-menara supaya dapatlah dibagi sedikit lagi untuk kawasan saya yang besar negeri Pahang itu. Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih di atas soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang sebentar tadi. Untuk maklumat Yang Berhormat, berkenaan kemudahan Internet di kawasan-kawasan sekolah ini sebenarnya kalau dari segi coverage kita telah pun sampai ke sasaran sebanyak 93 peratus secara keseluruhan dan kita menyelesaikan sebanyak 95 peratus pada tahun hadapan.

Akan tetapi ini tumpuan kepada projek jalur lebar berkelajuan tinggi, *high speed broadband* dan juga *suburban broadband* (SUBB) yang fokus kepada pemasangan gentian optik. Untuk Hulu Rajang seperti mana yang saya sebutkan tadi, 15 menara itu adalah peruntukan untuk pembinaan menara baru dan juga penaiktarafan 27 dan kita tambah lagi dua. Selepas daripada itu Yang Berhormat, kita akan tengok sejauh mana pembinaan menara-menara baru ini dapat menyelesaikan masalah sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, pihak kami mengambil berat di atas aduan dan masalah yang dibangkitkan oleh Parlimen Hulu Rajang dan saya akan meminta beberapa orang pegawai SKMM untuk bertemu dengan Yang Berhormat untuk mendapatkan maklumat secara khusus bagaimana pihak kementerian boleh membantu untuk menyelesaikan masalah ini. *Insya-Allah* selepas ini Yang Berhormat ya.

Untuk sekolah tadi, isu sekolah tadi saya jawab sedikit. Walaupun coverage itu telah pun mencapai sasaran sebanyak 93 peratus tetapi ini tidak bermakna dari segi langganan itu, *subscription* perlu dilanggan sendiri oleh pihak sekolah. Jadi, dalam perkara-perkara yang

melibatkan Kementerian Pendidikan ini saya percaya dah adapun di bawah 1BestariNet kalau tidak silap saya iaitu saya akan diselesaikan oleh Kementerian Pendidikan.

Bagi pihak SKMM, pihak kementerian KKMM saya akan mengambil inisiatif yang bersesuaian untuk membantu Yang Berhormat Hulu Rajang dan kita cari penyelesaian yang terbaik sekiranya pembinaan menara-menara ini dikatakan tidak memadai untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ada. *Insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tuan Yang di-Pertua, di Puncak Borneo juga kita mempunyai banyak masalah dengan *tower* komunikasi ini. Ada juga *tower* yang dilanda banjir dan sebagainya.

Soalan saya ingin tahu dari pihak kementerian apakah kekangan-kekangan dan juga permasalahan yang dilalui dalam kerja-kerja mengimplementasikan *tower* ini khasnya di kawasan pedalaman Sarawak dan juga khasnya di kawasan Puncak Borneo kerana kita sudah mohon dan meminta supaya banyak *tower* telekomunikasi ini dibina untuk memperbaiki liputan rangkaian Internet dan telekomunikasi.

Namun pada peringkat ini ada juga berlaku di kawasan Puncak Borneo di mana *tower* telah ada tetapi tidak boleh diguna pakai. Ada juga *tower* yang telah didirikan dan ianya di kawasan yang di landa banjir dan apabila setiap kali banjir datang, *tower* ini tidak berfungsi. Jadi saya mohon kepada pihak kementerian untuk memberi penerangan sejauh mana kerja-kerja merancakkan pembinaan *tower* ini dapat dilaksanakan dan apakah pelan-pelan yang harus diambil untuk kerja-kerja penyelenggaraan? Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puncak Borneo. Berkenaan masalah yang dibangkitkan sebentar tadi. Kalau dari segi liputan seperti yang saya sebutkan, kita telah pun mencapai ke peringkat 93 peratus kawasan liputan. Akan tetapi dari segi perkhidmatan Internet dan sebagainya kelajuan, *speed* itu sedang diperbaiki dari semasa ke semasa tetapi ianya juga mungkin berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan langganan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun kalau berkenaan kedudukan inisiatif di Sarawak, kalau tahun dulu kerajaan telah memperuntukkan RM500 juta untuk Sarawak dan RM500 juta untuk Sabah, dan inisiatif yang di Sarawak pembinaan menara baru sahaja sebanyak 412 menara dan pelaksanaan sebanyak 57. Manakala penaiktarafan menara sedia ada sebanyak 1,080 dan 107 menara dalam pelaksanaan dan jalur lebar pinggir bandar 16,328 dan pelaksanaan 16,752.

■1120

Saya tidak ada detil ataupun maklumat yang tepat, perangkaan tepat berkenaan peratusan ataupun jumlah menara di Puncak Borneo. Akan tetapi saya percaya perkara-perkara yang melibatkan *maintenance* dan penaiktarafan ini termasuk di dalam peruntukan yang disebutkan kepada 1080 menara yang telah siap dinaiktarafkan dan 107 menara sedang dalam pelaksanaan. Walau bagaimanapun, saya akan cuba mendapatkan maklumat yang tepat dan saya akan sediakan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Puncak Borneo. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita ada program di bawah Program Negaraku, Menghubung dan Menyatu iaitu sebanyak 88 projek. Pertanyaan saya adakah projek 88 membina menara ini akan diteruskan dan berapakah bilangan yang telah dibina? Saya ingin tahu juga apakah punca sebabnya di kawasan pembinaan menara-menara yang sedia ada tetapi *signal* atau *coverage* sangat lemah untuk kita menggunakan WiFi dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Berkennaan soalan Yang Berhormat sebentar tadi, saya percaya perkara-perkara yang baik yang diusahakan oleh kerajaan yang terdahulu akan diteruskan oleh kerajaan sekarang. Akan tetapi secara khususnya berkenaan soalan Yang Berhormat tadi, perkara tersebut masih dalam peringkat kajian dan perbincangan. Walau bagaimanapun, banyak peruntukan yang telah diberikan dibuat untuk menaiktarafkan menara-menara yang sedia ada dan sekiranya ada keperluan untuk penambahan, itu adalah satu perkara yang memang akan diambil kira dan diberikan keutamaan oleh pihak kementerian. Kita akan tengok dari semasa ke semasa, setakat mana keperluan untuk kita membina menara itu. Akan tetapi di dalam peruntukan yang diumumkan baru-baru ini memang ada diletakkan khusus untuk membina menara-menara Yang Berhormat sebutkan itu.

7. **Tuan Su Keong Siong [Kampar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan status kelulusan dan pembinaan tiga buah hospital baharu di Perak iaitu Hospital Daerah Seri Iskandar, Hospital Daerah Parit Buntar dan Hospital Bandar Baru Kampar yang diumumkan oleh kerajaan terdahulu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kampar telah membangkitkan soalan berkenaan status kelulusan dan pembinaan tiga buah hospital baru di Perak iaitu Hospital Seri Iskandar, Hospital Parit Buntar dan Hospital Bandar Baru Kampar.

Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan Hospital Seri Iskandar, Perak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, *Rolling Plan Keempat* dengan kos RM120 juta. Projek ini akan menggunakan pelan piawaian berdasarkan reka bentuk Hospital Parit Buntar dengan 76 katil. Projek ini dicadangkan dibina di Mukim Bandar Seri Iskandar, Perak Tengah, Perak. Projek ini telah melalui bengkel pengurusan nilai yang merangkumi *value assessment* dan *value engineering* dengan izin yang telah selesai pada 15 Mei 2018. Pada masa ini, pihak Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksanaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam proses mengemukakan justifikasi dan permohonan kelulusan kos berdasarkan keputusan VE berkenaan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Proses perolehan tender akan dilaksanakan setelah kos projek ini diluluskan.

Bagi Hospital Parit Buntar, Perak dengan 76 katil. Projek Hospital Parit Buntar ini telah ditender pada 14 Ogos 2017 dan surat setuju terima telah dikeluarkan pada 6 Disember 2017. Projek ini telah memulakan pembinaan pada 2 Januari 2018 dan projek dijangka siap pada 28 Disember 2020. Kemajuan fiskal projek ini sehingga 25 September tahun ini adalah sebanyak

10.3 peratus berbanding yang sebenar berbanding 14.4 peratus jadual dengan kelewatan 4.1 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek pembinaan Hospital Kampar, Perak, pada asalnya telah diputuskan untuk dilaksanakan secara kerjasama awam-swasta oleh Jemaah Menteri pada tahun 2012. Antara skop bagi projek pembinaan Hospital Kampar adalah pembinaan sebuah hospital gantian berkapasiti 150 katil. Walau bagaimanapun Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mac 2014 telah memutuskan pembatalan pelaksanaan projek Hospital Kampar ini secara kerjasama awam-swasta. Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya pelaksanaan projek Hospital Kampar ini dilaksanakan melalui peruntukan pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia tertakluk kepada kemampuan kerajaan.

Cadangan projek pembinaan Hospital Kampar merupakan projek yang telah dikenal pasti oleh kementerian ini untuk dibangunkan dalam projek Rancangan Malaysia Kesebelas di mana pihak EPU, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah meluluskan pelaksanaan Hospital Kampar di bawah *Rolling Plan Keempat*, Rancangan Malaysia Kesepuluh. Borang permulaan pelaksanaan projek bagi pelaksanaan Hospital Kampar telah dikemukakan kepada JKR pada 30 Jun 2015 dengan skop projek adalah kerja awalan dan kerja-kerja perancangan serta kerja-kerja tanah yang berkaitan.

Pihak Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya juga telah mengadakan lawatan tapak bagi projek berkenaan pada 5 Ogos 2015. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memutuskan bahawa projek cadangan pembinaan Hospital Kampar, Perak ditangguhkan buat masa ini atas sebab-sebab berikut:

- (i) terdapat cadangan pembinaan hospital swasta di Kampar di bawah kendalian Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Jika projek berkenaan telah mendapat kelulusan dan beroperasi terlebih dahulu yang dijangka siap tahun 2021, maka projek Hospital Kampar tidak dipertimbangkan untuk dilaksanakan memandangkan tiada keperluan untuk membangunkan dua hospital dalam kawasan yang sama dan berdekatan;
- (ii) projek Hospital Kampar berkapasiti 150 katil dengan anggaran peruntukan berjumlah RM250 juta tidak tersenarai untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan Pertama*, Rancangan Malaysia Kesebelas.

Selain itu faktor lokasi dan tanah yang kurang sesuai juga menjadi penyebab projek ini tidak diteruskan. Lokasi tapak sedia ada bagi projek pembinaan Hospital Kampar adalah di Bandar Acacia, Taman Kampar Putra iaitu kawasan bekas lombong seluas 100 ekar yang mana komposisi tanah berkenaan adalah 40 peratus tanah dan 60 peratus air. Keadaan lokasi dan struktur tanah berkenaan akan memerlukan peruntukan yang tinggi bagi tujuan rawatan tanah sekiranya Hospital Kampar dibina di tapak sedia ada. Kalau berdasarkan kepada pengalaman di klinik kesihatan jenis tiga, *water stee/Bagan Datuk* yang mempunyai struktur tanah yang hampir

sama, cadangan tapak untuk Hospital Kampar ini mungkin memerlukan kos rawatan tanah yang lebih kurang RM35 juta.

Sehubungan itu berdasarkan faktor peruntukan yang sangat tinggi dan juga terdapat pembinaan Hospital UTAR yang berdekatan dengan tapak cadangan Hospital Kampar, Kementerian Kesihatan akan meneliti kembali keperluan pembinaan sebuah hospital baru di Kampar. Sekian.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Akan tetapi apa yang telah diberikan terutamanya mengenai Hospital Kampar di mana buat masa sekarang ia telah dibatalkan atas alasan bahawa Hospital Kampar tidak akan dibina kerana terdapat satu cadangan yang baru oleh UTAR untuk membina sebuah hospital penyelidik dan akan siap pada tahun 2021.

■1130

Apa yang difahamkan oleh saya adalah hospital yang dicadangkan oleh UTAR ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM300 juta. Persoalannya adalah, adakah UTAR mempunyai kemampuan untuk menjalankan projek ini? Walaupun kelulusan telah diberikan, saya difahamkan tiada apa-apa yang dilakukan sehingga hari ini, sejak tahun 2015. Jadi, persoalan saya adalah, bagaimanakah mereka akan membina sebuah hospital dengan perbelanjaan sebanyak RM300 juta sekiranya apa yang dikatakan oleh mereka hospital ini adalah merupakan satu hospital swasta yang bukan berdasarkan keuntungan? Jadi, ramai orang hendak tahu adakah hospital swasta ini memang sebuah hospital swasta ataupun secara nama sahaja? Ini tentunya mesti ada ROI. Kalau mereka membuat pinjaman pun, faedah-faedah yang akan dikenakan ke atas RM300 juta ini – Mereka juga kena buat untung, baru boleh menampung perbelanjaan hospital tersebut.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, kawasan Kampar tersebut adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan sederhana dan juga banyak kawasan luar bandar. Jadi, isu, dengan izin, *affordability* untuk sebuah hospital seperti UTAR akan menjadi satu persoalan. Adakah mereka mampu untuk pergi ke hospital swasta, walaupun tidak ada keuntungan atas caj-caj mereka. Ini berbanding dengan sebuah hospital daerah kerajaan yang akan menggunakan caj-caj minimum. Seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, memang keperluan Hospital Daerah Kampar ini telah dikenal pasti dan akan dijalankan.

Malangnya, sekarang telah ditangguhkan atas alasan-alasan ketiga-tiga yang telah dinyatakan. Akan tetapi, bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, alasan yang ketiga yang mana mengatakan tanah tersebut atau tapak tersebut tidak sesuai tidak dapat diterima. Ini kerana di Kampar kami ada banyak tempat yang boleh kami cari sebagai alternatif. Jangan jadikan satu alasan ia merupakan sebuah kolam yang tidak dapat dibina.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ada soalan kah tidak ada ni?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Padahal banyak petani sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soalan, soalan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Bercucuk tanam...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Macam tidak ada soalan je.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Bercucuk tanam di kawasan tersebut secara haram.

Kalau ia adalah sebuah kolam, bagaimana petani boleh bercucuk tanam di situ? Jadi ia menjadi satu isu kepada orang ramai di Kampar. Adakah kerajaan sekarang kerajaan baharu...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Emosional ni, emosional.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Maaf. Adakah kerajaan baharu, Kerajaan Pakatan Harapan benar-benar ataupun komited untuk membina sebuah Hospital Kampar yang akan digunakan oleh rakyat Kampar dan bukannya Hospital UTAR yang merupakan sebuah hospital swasta. Bagaimana mereka hendak...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jawab pendek sudah.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: *Raise fund?* Adakah kementerian tahu bagaimana mereka hendak *raise RM300 million to build the hospital?* Ini adalah amat penting kepada rakyat Kampar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Menteri padat dan ringkas. Sila.

Dr. Lee Boon Chye: Ini susah hendak dipadatkan oleh sebab ada dua soalan. Soalan pertama berkenaan dengan kedudukan Hospital UTAR dan soalan kedua berkenaan dengan tanah. Berkenaan dengan Hospital UTAR, kelulusan untuk membina Hospital UTAR yang akan dibina oleh pihak Universiti Tunku Abdul Rahman, kelulusan itu dibuat oleh pentadbiran sebelum ini. Kita tidak boleh tarik balik kelulusan tersebut kecuali kalau kita ada maklumat bahawa UTAR tidak akan meneruskan projek tersebut. Kita juga diberitahu bahawa, walaupun 300 buah katil itu ada sebahagian daripada 300 buah katil itu adalah katil untuk orang awam.

Jadi, ini alasan yang diberikan supaya kita mungkin tidak munasabah untuk membina dua hospital di kawasan yang berdekatan. Sekiranya UTAR tidak akan meneruskan dengan Hospital UTAR, jadi kita akan kaji balik untuk membina Hospital Kampar di bawah Kementerian Kesihatan. Berkenaan dengan tanah, kebetulan saya dengan Yang Berhormat Kampar pernah melawat kawasan tanah tersebut. Walaupun, ada *developer* yang canggih ataupun *innovative*, mungkin boleh membangunkan hospital di kawasan yang 60 peratus kawasan air. Akan tetapi, mengikut piawaian Kementerian Kesihatan dan juga JKR, biasanya kita menggunakan cara pembinaan yang agak standard. Jadi, rawatan tanah tersebut memerlukan satu kos yang tinggi dan tidak munasabah untuk kita bangunkan hospital kementerian di situ.

Jadi, saya sarankan kalau boleh dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, Yang Berhormat Tambun ada, Menteri Besar pun ada, mungkin kalau ada tanah yang sesuai mungkin kita boleh kaji semula untuk membina Hospital Kampar di situ. Sekian.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Memandangkan soalan asal berkenaan dengan hospital di Perak, saya berikan kepada Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Satu jawapan yang baik tentang kronologi Hospital Daerah Parit Buntar. Saya lebih suka sebut 'Hospital Daerah Kerian' kerana Hospital Daerah Parit Buntar ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soalan, soalan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Hospital Daerah Parit Buntar ini duduk dalam Parlimen Bagan Serai. Jadi, apa yang saya mahu tanya ialah jangkaan masa akan datang. Oleh sebab orang akan mempunyai banyak kereta, saya bimbang hospital ini di masa akan datang akan mempunyai tempat *parking* yang tidak cukup. Adakah kerajaan menilai tempat ini? Kalau hari ini kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, di Hospital Sungai Petani, Hospital Taiping, saya lalu dan tengok *parking* tidak ada. Kereta banyak di sekeliling, tempat yang tidak boleh *parking* pun mereka *parking*. Ini meletakkan stres kepada doktor, kepada pelawat, kepada pesakit dan juga boleh membahayakan ambulan yang keluar masuk.

Jadi, saya mahu tanya Menteri, ini sebenarnya perkara yang penting, bagaimana kita hendak menangani masalah ini khususnya untuk Hospital Daerah Kerian, Hospital Parit Buntar, Hospital Bagan Serai ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, silakan Menteri.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai. Kawan lama. Berkenaan dengan tempat letak kereta di hospital. Ini bukan setakat di hospital-hospital di kawasan Parit Buntar sahaja, tetapi satu masalah yang kita kenal pasti wujud di hampir kesemua hospital-hospital utama di bawah Kementerian Kesihatan. Ini satu masalah yang kita tahu perlu diselesaikan. Bagaimana kita hendak selesaikan? Ada beberapa perkara yang sedang kita teliti, pertama, seperti mana Yang Berhormat Menteri pernah sebutkan bahawa kita rancangkan, kita *computerized* sistem rekod kita.

Ini di mana kita boleh menguruskan pesakit yang datang dengan lebih cekap, jadi ini satu cara. Kedua, kita juga membina lebih banyak kawasan tempat letak kereta di kawasan sekitar hospital. Ketiga, melalui cara kerjasama dengan *public partnership*, di mana kita biar pihak swasta yang membina tempat letak kereta dan mereka akan kenakan satu caj kepada mereka yang gunakan tempat letak kereta tersebut. Jadi, ini antara perkara-perkara yang kita sedang uruskan untuk menambah tempat letak kereta. Sekian.

8. Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah hasil atau dapatan terkini Jawatankuasa Pemeriksaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) dalam memperkasakan lagi bidang teknikal dan vokasional di Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Machang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pemeriksaan TVET (JK TVET) yang ditubuhkan berperanan untuk menyediakan laporan bagi meningkatkan dan menaik taraf Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional TVET di Malaysia. Tempoh masa Jawatankuasa TVET adalah setahun.

Buat masa ini, tindakan awal yang dilakukan adalah pada peringkat mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak. Ini termasuk industri institusi di bawah kerajaan, swasta dan pelajar. Di antara strategi yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa TVET yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh ialah dengan mengadakan sesi Jejak Jelajah atau *Town Hall*

Sehingga 31 Oktober 2018, jawatankuasa ini telah mengadakan hampir 20 pertemuan umum dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuklah pihak industri dalam memberikan maklum balas berhubung usaha menambah baik TVET. Selain itu, semua laporan berkaitan TVET daripada PricewaterhouseCoopers, Boston Casting Group, dengan izin, dan beberapa kumpulan lagi mengenai TVET akan dijadikan sebagai maklumat tambahan atau input kepada JK TVET. Semua dapatan akan digarap dengan baik supaya mampu membantu usaha melonjak TVET untuk menjadi pilihan utama pelajar dan ibu bapa.

Semua maklumat akan diambil kira sehingga TVET berupaya melahirkan graduan setaraf graduan bidang akademik serta dapat meningkatkan kompetensi tenaga pengajar TVET. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

■1140

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tujuh kementerian yang terlibat dalam institut TVET ini dan kita mengharapkan akan ada satu kolaborasi di antara kesemua kementerian bagi memastikan standard pensijilan TVET ini untuk memudahkan majikan yang akan mengambil para pekerja membuat penilaian.

Sebagaimana yang kita maklum, keperluan tenaga kerja mahir ini akan terus meningkat dan kebergantungan kita kepada tenaga kerja luar sudah mencapai tahap angka sehingga 140,000 pekerja tenaga mahir daripada luar. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, setakat ini di bawah Kementerian Pendidikan, berapa ramaikah pelajar yang terlibat dengan bidang TVET ini di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan. Di dalam Buku Harapan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan ada menyebut bahawasanya sekolah TVET berasrama penuh ini akan dilaksanakan. Kalau ia akan diteruskan, bilakah akan dilaksanakan dan kalau tangguh ataupun cadangan untuk tidak meneruskan, mengapa ia berlaku? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Machang atas soalan tambahan tersebut.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Machang bahawa usaha untuk memperkasakan TVET ini sebenarnya merentasi beberapa kementerian. Oleh sebab itu, ‘MGM’ penyeragaman institusi latihan kemahiran yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia telah setuju untuk memberi mandat kepada Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai penggerusi jawatankuasa memperkasakan TVET merentasi kementerian.

Kertas itu telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 26 Oktober 2018. Jadi pelantikan Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai penggerusi kepada jawatankuasa ini bukan sahaja

dapat mandat daripada KPM tetapi juga dapat mandat daripada Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Saya rasa ini adalah salah satu usaha untuk memperkasakan jawatankuasa ini supaya usaha kita untuk memperkasakan TVET adalah boleh merentasi semua kementerian yang terlibat dalam TVET. Ini pertama.

Kedua, soalan tentang sekolah TVET yang berasrama penuh, saya rasa pada peringkat ini masih dalam peringkat perancangan. Jadi apabila satu keputusan telah dibuat, kita akan buat pengumuman. Akan tetapi tidak ada satu keputusan yang muktamad telah dibuat. Jadi, di sini saya tidak ada kapasiti untuk memberi jawapan sama ada projek ini akan diteruskan atau ditangguhkan. Itu jawapan saya pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendidikan dan latihan teknikal vokasional ini kalau kita lihat TVET ini sebagai suatu inisiatif yang baik bagi melahirkan masyarakat berkemahiran tinggi dan dalam masa yang sama, berpendapatan tinggi.

Apa yang saya ingin tahu, awal tahun ini 2018, timbul isu penghijrahan tenaga TVET di politeknik akibat skim yang tidak selaras dan berbaloi yang dikhuatiri boleh menjelaskan kualiti graduan di politeknik. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah benar perkara ini berlaku dan apakah tindakan dan penyelesaian yang telah diambil? Sekian.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut.

Saya perlu pohon maaf kerana saya tidak ada maklumat terperinci tentang peristiwa atau khabar tersebut. Saya akan siasat dan ambil laporan terperinci tentang peristiwa tersebut kerana saya tidak terima sebarang laporan tentang peristiwa tersebut. Apa yang kita terima adalah bahawa ada masalah dengan akreditasi untuk DVM dan bukan terlibat dengan politeknik tetapi adalah kolej vokasional. Akan tetapi untuk memberi akreditasi penuh untuk semua DVM iaitu Diploma Vokasional Malaysia, kita memang dalam proses untuk mendapat *full* akreditasi ataupun akreditasi penuh daripada MQA dan perkara ini dijangka akan siap pada tahun depan.

Akan tetapi tentang politeknik bahawa diploma ataupun sijil mereka tidak diiktiraf ataupun ada masalah, saya pohon maaf kerana saya tidak ada maklumat terperinci. Saya akan siasat dan hantar jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

9. Puan Noorita binti Sual [Tenom]: minta Menteri Dalam Negeri menyatakan status terkini permohonan dan pembaharuan lesen serta permit senjata api di negara ini yang sering kali mengalami kelewatan khususnya penduduk di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tenom.

Pergi memburu memakai purdah,

Bawa senjata ke dalam hutan belantara,

Mendaftarkan lesen memang bukanlah mudah,

Biar lambat keselamatan di utama.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan permohonan dan pembaharuan lesen senjata api mungkin memakan masa yang lama memandangkan senjata api adalah merupakan peralatan

yang perlu dikawal yang mana kegunaannya yang boleh mengancam keselamatan negara. Dengan yang demikian, setiap permohonan untuk mendapatkan lesen memiliki, pembaharuan lesen atau permit senjata api perlu melalui tapisan yang rapi oleh Polis Diraja Malaysia bagi menentukan kebolehan, kemampuan dan keupayaan daripada aspek fizikal, mental, kedudukan kewangan serta ekonomi individu yang memohon senjata api tersebut.

Kelewatan pembaharuan lesen ataupun permit senjata api terutamanya di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah pelesen tidak dapat hadir pada sesi ujian menembak yang telah ditetapkan oleh pihak ibu pejabat polis di daerah masing-masing, kelewatan mengemukakan permohonan pembaharuan. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, ada juga pemilik-pemilik lesen ini yang terlupa untuk memperbaharu lesen mereka dan bila mana mereka menyedari bahawa mereka telah lewat untuk memperbaharui lesen ini, maka mereka lewat untuk mengemukakan permohonan untuk memperbaharui lesen.

Bila mana pihak Polis Diraja Malaysia menerima permohonan lewat mereka ini, itu pun kita masih proses cuma ia pastinya akan memakan sedikit masa kerana kita akan lihat kembali sama ada kelayakan ataupun keadaan fizikal dan kesihatan yang telah memiliki lesen ini masih boleh diteruskan untuk diberikan lesen. Inilah di antara faktor-faktor yang menyebabkan lambat untuk diproses.

Selain daripada itu, kelewatan mengemukakan permohonan pembaharuan dan dokumen pembaharuan tidak lengkap serta permohonan sedang dalam proses kajian semula lesen sama ada untuk meneruskan pemilikan ataupun tidak oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Kementerian dan pihak polis mempunyai garis panduan yang komprehensif bagi menimbangkan permohonan dan pembaharuan lesen senjata api dan juga berpandukan kepada peruntukan undang-undang seperti mana yang termaktub di bawah Akta Senjata Api 1960. Sekian, terima kasih.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan bahawa– sebab saya menerima aduan beberapa orang daripada kawasan saya bahawa permohonan mereka ini lewat bukan lewat setakat dua bulan atau tiga bulan tetapi ada yang sampai setahun. Jadi saya juga difahamkan bahawa antara sebab permohonan lewat ini disebabkan oleh permohonan itu dihantar kepada IPD Bukit Aman untuk diminta kebenaran.

Jadi soalan tambahan saya di sini sebenarnya adalah, adakah kerajaan mempunyai perancangan di masa hadapan untuk memberikan kuasa kepada kerajaan negeri melalui Ketua Polis Negeri Sabah atau Sarawak untuk meluluskan permohonan lesen ini tanpa merujuk lagi kepada Kerajaan Pusat atau Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Pada pendapat saya, ini selaras dengan konsep autonomi atau dengan izin, *decentralization* yang mahu dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan terhadap Sabah dan Sarawak.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan sebentar tadi. Sebagaimana saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua, kelulusan permohonan lesen ini, ia memerlukan kajian yang mendalam terutama daripada pihak Polis Diraja Malaysia, kiranya berkait rapat kepada keselamatan. Ia senjata api, bukannya lesen menangkap ikan. Ia lesen

senjata api yang mana ia cukup berbahaya. Selain daripada itu, bila mana permohonan lesen-lesen ini ia melibatkan banyak agensi contohnya Kementerian Kesihatan. Kita kena *check* kesihatan orang yang memohon ini. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang memohon ini tangan dia jari tidak ada. So, bagaimana kita hendak luluskan permohonan mereka jika jari tidak ada. Macam mana dia hendak pegang senjata ini? Ada juga yang memohon itu menggunakan kerusi roda.

■1150

Jadi sebenarnya kalau saya hendak ceritakan jenis-jenis pemohon ini, Tuan Yang di-Pertua, dia banyak. Sebab itu kita memerlukan VAT yang komprehensif khususnya dari segi urusan dengan kementerian dan agensi-agensi lain bagi memastikan bahawa yang memohon ini benar-benar layak untuk diberikan lesen senjata apa ini.

Dan soalan yang dikemukakan tadi berkenaan adakah kerajaan bersedia untuk menurunkan kuasa kepada kerajaan negeri, yang ini perlu dibincangkan di peringkat kementerian dan juga kerajaan negeri untuk kita perincikan sama ada proses penurunan ini boleh diberikan ataupun diluluskan. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Bagi masyarakat luar bandar, ramai yang mendapat lesen senapang misalnya, kerana mereka mempunyai kebun untuk menjaga kebun daripada musuh-musuh tanaman seperti tupai dan sebagainya. Apabila bapa mereka yang pemilik senjata itu telah pun tua dan sebagainya, biasanya dia ingin memindahkan lesen senjata itu kepada anak dia kerana anak dia yang akan mengambil alih kebun itu untuk menjaga kebun dan perlu menggunakan senapang tersebut untuk menjaga untuk mengelakkan gangguan musuh-musuh tanam tersebut. Akan tetapi, biasanya ia tidak akan diluluskan.

Ini yang mengelirukan masyarakat luar bandar ini tentang bagaimana, apakah kriteria sebenar untuk mendapatkan pindah milik senjata dan sebagainya. Kalau boleh Yang Berhormat terangkan dan mungkin boleh diperjelaskan kepada masyarakat luar bandar mengenai perkara ini.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Sebenarnya soalan ini pernah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini berkenaan dengan pemilikan senjata api ini. Senjata api ini bukanlah sesuatu yang boleh diwariskan kerana kelulusan senjata api ini merupakan kuasa mutlak kerajaan khususnya di bawah Menteri Dalam Negeri.

Berkenaan dengan isu ada ayah yang ingin memindah milik senjata api ini, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, ia boleh dikemukakan permohonan dan kerajaan akan menimbang. Ada juga kes-kes di mana kita meluluskan permohonan ayah untuk memindahkan senjata itu kepada anak dia disebabkan faktor kita melihat bahawa bukan sahaja keadaan fizikal anak ini layak untuk diberikan lesen ini tetapi dari sudut lain sebagaimana disebutkan tadi bahawa keperluan dia perlu mengambil alih untuk menjaga kebun ayah beliau.

Jadi ini di antara kes-kes yang mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa dari segi dasarnya pemilikan senjata api ini tidak boleh diwariskan kepada anak tetapi kerajaan masih menimbang untuk meluluskan permohonan-permohonan yang mana kita rasakan layak untuk diberikan. Terima kasih.

10. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah bentuk bantuan khusus yang akan diberikan kepada golongan ibu tunggal di luar bandar bagi meningkatkan penyertaan golongan ini dalam aktiviti keusahawanan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2011 ke tahun 2016, penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 44 peratus. Ini berdasarkan kepada data Banci Ekonomi 2016 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di mana sejumlah 2.6 peratus atau 186,930 adalah perusahaan milikan wanita.

Kementerian telah memperuntukkan Bantuan Khas Perbendaharaan khusus kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita seperti program keusahawanan. Pada tahun ini sehingga September 2018, sebanyak 18 program telah dilaksanakan dan seramai 2,265 peserta wanita termasuk ibu tunggal di kawasan bandar dan luar bandar telah menyertai program keusahawanan di bawah peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan ini.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga telah melaksanakan program MamaCare yang bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak dari golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui Latihan Kapasiti MamaCare. Objektif program ini adalah untuk memberi khidmat penjagaan selepas bersalin iaitu *confinement care* yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan.

Jumlah pengamal MamaCare sejak tahun 2012 hingga 2018 adalah seramai 1,131 orang. Manakala pada tahun 2013 hingga September 2018, seramai 230 orang ibu tunggal telah menyertai program latihan penjagaan ibu selepas bersalin MamaCare.

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita dari tahun 2008 hingga 2016 telah menjalankan program khusus bagi melatih ibu tunggal agar menceburi bidang keusahawanan iaitu melalui Program Inkubator Keusahawanan Ibu Tunggal (I-KIT). Walau bagaimanapun, program ini telah dijenamakan semula pada tahun 2017 melalui program baharu iaitu *Development of Women Entrepreneur Initiative* (DeWI) yang mensasarkan semua golongan wanita termasuk ibu tunggal dalam kategori B40. Jadi, tidak ada program khusus untuk ibu tunggal. Pada tahun ini, Program DeWI tidak diteruskan oleh JPW bagi memberi fokus kepada program-program kesejahteraan wanita yang bertujuan untuk menangani isu keganasan dan gangguan seksual terhadap wanita serta kesaksamaan gender.

Program-program keusahawanan untuk golongan ibu tunggal dan juga wanita akan diteruskan oleh pihak NGO melalui Bantuan Khas Perbendaharaan yang diperuntukkan setiap tahun oleh kementerian.

Kementerian juga telah melaksanakan satu perbincangan bersama jaringan rakan ibu tunggal bagi mendapatkan input mengenai apakah bentuk bantuan dan program yang boleh dilaksanakan oleh kementerian bagi membantu golongan ini. Antara isu serta masalah yang telah dibangkitkan adalah mengenai kesukaran mereka untuk mendapatkan bantuan perumahan serta cadangan untuk menjana pendapatan melalui bidang pertanian. Kementerian akan terus memberi perhatian terhadap isu serta masalah yang telah dibangkitkan serta akan memastikan kebijakan golongan ibu tunggal tidak diabaikan.

Selain itu, kerajaan melalui kementerian yang lain iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga menyediakan bantuan kepada golongan wanita ibu tunggal seperti Program DanaNITA MARA. Program ini telah dilancarkan pada tahun lepas dengan jumlah peserta seramai 360 orang bertujuan untuk memberi fokus kepada usahawan wanita agar mampu berdaya saing dan berdaya tahan dalam perniagaan sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Manakala melalui Kementerian Pembangunan Usahawan pula, terdapat beberapa program pembiayaan bagi program golongan wanita, khususnya luar bandar, telah ditawarkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Usahawan seperti program TEKUN, SME Bank, SME Corp.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang panjang lebar.

Namun begitu, kita melihat jumlah ibu tunggal ini semakin hari semakin meningkat. Kita juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan dahulu dan juga inisiatif kerajaan sekarang yang terus memperkasakan program-program untuk membantu wanita dan ibu tunggal baik di bandar dan juga di luar bandar.

Namun begitu, kita ingin menarik perhatian pihak kementerian, antara isu dan masalah utama terhadap program-program yang dianjurkan kepada wanita-wanita yang mirip kepada usahawan adalah produk mereka. Produk mereka tidak dapat dipasarkan. Maksudnya, produk mereka tidak dapat membantu sepenuhnya dalam usaha meningkatkan pendapatan ekonomi dan merubah kehidupan keluarga ibu tunggal berkenaan.

Jadi soalan saya, apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian, maksudnya program yang berterusan, bersama dengan kementerian lain dalam meningkatkan penyertaan ibu tunggal dalam memasarkan produk mereka ke pasaran e-dagang? Juga, apakah usaha bagi memberi latihan dan bimbingan ke arah penggunaan teknologi bagi memberi pendedahan ke arah perniagaan digital terutamanya untuk ibu tunggal di luar bandar? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Kami akan berhubung dengan Kementerian Luar Bandar dan Kementerian Keusahawanan untuk memastikan apa yang diajar di kursus-kursus ini menepati kehendak market di luar supaya

produk-produk yang dijanakan ataupun yang diusahakan oleh golongan ibu tunggal akan menjadi laku di pasaran. Kalau tidak, kita ajar mereka membuat produk tetapi *market* di luar tidak mahu produk tersebut, maka kita tersasar daripada tujuan kita.

Akan tetapi, apa yang saya lihat dalam dialog terbaharu yang telah kita adakan bersama jaringan rakan ibu tunggal, ramai ibu tunggal membawa masalah mereka bukan mengenai program keusahawanan. Bukan semua yang nak buat *business*.

■1200

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Ada yang hendak membuat– bukan *business* sendiri tetapi mereka hendak membuat penjagaan kanak-kanak di tempat tinggal mereka dan mereka memerlukan lebih banyak latihan. Jadi, kursus yang kita hendak buat nanti, kita hendak melalui dialog dengan ibu tunggal supaya kita memahami kehendak mereka. Jikalau tidak kita akan asyik buat kursus-kursus untuk *business* tetapi mungkin ada segolongan daripada mereka yang tidak mahu membuat *business* tetapi mereka mahu kemahiran baru.

Jadi, antara masalah yang mereka hadapi adalah masalah kewangan, jadi kita juga menyambut baik usaha yang Yang Berhormat Menteri Agama yang telah memberi cadangan supaya *blacklist* suami yang tidak memberikan bantuan kewangan kepada isteri-isteri mereka supaya masalah kewangan ini kita boleh *we can curb it at the root cause*.

Masalah perumahan yang mereka sering tidak dapat akses kepada rumah PPR, kita akan berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membincangkan supaya kuota untuk ibu tunggal ataupun golongan orang kurang upaya kita boleh memperbanyaknya terutamanya di kawasan luar bandar, supaya kos sara hidup ibu tunggal ini akan dijaga, terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ingin bertanya kerana sebelum ini ada satu Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal yang telah pun diluluskan dan telah dibawa ke seluruh negara. Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal 2015-2020 ini, saya ingin tahu apakah status keadaannya sekarang dan saya ingin tahu bagaimana status kedudukan *one stop centre* untuk ibu tunggal yang telah pun mula kita laksanakan bagi membantu ibu tunggal di seluruh negara? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta untuk berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Beaufort kerana saya tidak ada maklumat itu dengan saya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dengan itu selesailah sesi soal Jawab Lisan hari ini.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.02 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 14 November 2018.”

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2019 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh enam bilion tujuh ratus juta ringgit (RM56,700,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[12 November, 2018]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Port Dickson untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat.

12.04 tgh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana terpaksa menerajui kementerian dan membentangkan belanjawan dalam suasana ekonomi yang lebih muram.

Akan tetapi kebijaksanaan beliau dan kementerian dalam menetapkan satu pendekatan anjakan sifar belanjawan *zero-based budgeting* dan memberi keyakinan bahawa pendekatan ini jelas berbeza dengan pendekatan yang biasa kita lalui selama ini. Pakatan Harapan harus membawa anjakan kerana dalam fahaman kita tentang konsep pembangunan harus ada pertembungan idea di antara yang silam dengan yang sekarang. Maka sebab itu, fokus tentang reformasi institusi beliau tekankan. Kesejahteraan rakyat diberi keutamaan dan untuk melonjak ekonomi negara, persiapan budaya negara keusahawanan diberikan penekanan.

Dikaitkan juga dengan kedudukan perang dagang Amerika dan China, ia banyak berikan kesan negatif kepada perdagangan dan ini suatu yang aneh kerana Amerika Syarikat yang menjadi jurubicara tegas mempertahankan perdagangan bebas, kini memberikan sekatan-sekatan. Negara China yang dikenali sebagai negara yang tidak mendukung perdagangan bebas memilih untuk mendukung perdagangan bebas. Malaysia tentunya terkesan seperti juga dengan negara lain tetapi saya percaya Malaysia patut manfaatkan keadaan ini untuk menarik pelaburan dari negara China dan Amerika Syarikat secara agresif.

Kita belum nampak suatu kesungguhan, maka perlu kerajaan menyediakan satu jawatankuasa khas untuk mencari jalan, helah untuk menjadikan Malaysia destinasi pelaburan yang kompetitif dan menarik. Ini bermakna kita terpaksa mengambil langkah-langkah baru dan tidak terikat dengan peraturan perdagangan antarabangsa yang kadang-kadang menekan negara-negara yang berkembang.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengemukakan masalah *international financial architecture* yang perlu juga turut di *reform* dalam sidang-sidang IMF, *the World Bank*. Akan tetapi dalam keadaan kekangan yang ada, apakah yang perlu kita lakukan untuk menjadikan Malaysia mampu bersaing lebih hebat kerana sekarang ini kalau ikut di negara-negara ASEAN yang mendapat tarikan pelaburan, baik dari China atau Amerika adalah Vietnam yang mengatasi negara-negara lain.

Malaysia mempunyai keupayaan yang lebih berdasarkan prestasi kita, keupayaan kita dan saya percaya hal ini dapat ditingkatkan usaha. Suatu perkara yang menarik dalam *reform* institusi ialah *no return to business as usual* dan ini penegasan Yang Berhormat Menteri yang patut didukung bukan sahaja oleh kementerian lain tetapi juga oleh Ahli-ahli Parlimen bahawa kebobrokan sistem ekonomi kita adalah kerana pengurusan *governance* yang tempang.

Syarikat-syarikat kewangan antarabangsa juga mengambil kesempatan. Di dalam kes 1MDB, saya sebut juga di Singapura dan kebetulan dan ketua atau Pengerusi Goldman Sachs

di hadapan di dalam majlis itu dan saya sebut, bahawa kecurangan yang berlaku yang menelan belanja puluhan bilion kerugian kita juga melibatkan Goldman Sachs. Sekarang Amerika Syarikat telah mendakwa tetapi Malaysia juga harus mengambil tindakan yang lebih agresif menuntut bukan sahaja pulangan komisen RM600 bilion dolar tetapi menuntut ganti rugi imej kita yang terjejas. Saya percaya kerajaan harus mengambil langkah ini untuk mendapat pulangan hasil yang jauh lebih daripada komisen yang diserahkan kepada Goldman Sachs.

Akan tetapi berbalik kepada isu domestik, Malaysia hanya mampu bertapak dengan *export-led growth*. Justeru itu, beberapa langkah bukan sahaja langkah fiskal, perundangan, pertimbangan makro yang patut diubah, tarikan kepada sektor swasta tetapi tentunya peluang harus diperluaskan.

■1210

Saya beri contoh kerana ada berbangkit soal perumahan dilancarkan, tentang pemilikan saham perumahan. Walaupun pada dasarnya saya mendukung langkah ini sebagai positif, saya minta Menteri Kewangan tolong perhatikan kerana apakah kesan pemilikan rumah melalui saham ini akan menambah hutang dan beban hutang isi rumah yang kini sudah mencecah kadar yang terlalu tinggi.

Apakah ada kemungkinan dengan pendekatan ini akan menyebabkan kita terikat dengan permasalahan kewangan seperti mana yang berlaku dalam sub *prime* atau spekulasi hartanah? Kerana saya berpendapat pendekatan pembinaan rumah ini pertama dengan mengawal kadar harga, supaya tidak membebankan pembeli dan keduanya peningkatan pendapatan. Dia tidak boleh *short cut* dalam ekonomi ini untuk mengandaikan orang yang tidak mampu boleh memiliki rumah kerana ia bermakna hutang itu akan membebangkan mereka.

Saya menyokong langkah-langkah strategi yang diumum oleh Menteri Kewangan dalam mengukuh pengurusan fiskal, struktur semula, rasionalisasi hutang kerajaan, meningkat hasil, menyemak semula sistem percuai. Ini suatu permulaan. Akan tetapi saya faham masih terlalu baharu. Akan tetapi dalam kerangka besar dasar ekonomi kita mesti melibatkan suatu pendekatan percuai yang lebih progresif. Bahawa negara tidak boleh dan mampu menjamin kesaksamaan pengagihankekayaan sekiranya orang yang berpendapatan tinggi diberikan terlalu banyak incentif, dikurangkan cukai dan dalam keadaan ekonomi yang menekan.

Rasional Menteri yang saya setuju ialah kerana dengan pengurangan cukai ia akan dapat membawa dan menarik minat mereka untuk melabur dalam negara dan ini yang kita faham sebagai teori Ibnu Khaldun dan juga Wang Tse yang menggalakkan perubahan dengan mengurangkan beban pada peniaga.

Akan tetapi saya ingatkan Menteri dalam menyarankan kepentingan ekonomi ini satu permasalahan besar. Profesor Diraja Ungku Aziz pada tahun 1961 tatkala menghurai permasalahan ekonomi dan kemiskinan, pernah menyatakan cara sinis sekali dalam rencana tersebut. Betapa perancang ekonomi di Kuala Lumpur, di bank, penganalisis ekonomi, merancang dari segi statistik dan angka yang menarik. Akan tetapi tidak menjurus kepada permasalahan rakyat. Tidak menunjukkan kepedulian. Dalam rencana beliau tentang kemiskinan

tidak ketara di Berserah dan Kemaman di Pahang dan Terengganu, beliau menganggap bahawa kemiskinan yang sangat perit pada ketika itu. Dia perkenalkan apa yang disebut indeks sarung. Paling miskin satu sarung. Satu sarung untuk solat, satu sarung untuk tidur, satu sarung untuk berjalan. Begitulah kadar kemiskinan pada ketika itu, 1961. Akan tetapi kenyataan ini juga dinafikan oleh pakar-pakar ekonomi di Kuala Lumpur.

Jadi kalau kita mahu pastikan perkara ini tidak diulangi walaupun kadar kemiskinan robak besar, kita akui langkah-langkah diambil termasuk oleh kerajaan dulu dalam membasmikan kemiskinan, sebahagiannya berhasil. Sebab itu kadar kemiskinan dapat diturunkan. Akan tetapi pertimbangan ekonomi dan perancangan yang berdasarkan angka dan data dan memberikan unjuran yang meyakinkan. Akan tetapi kurang berpijak kepada kenyataan, derita rakyat. Ini harus diperbetulkan. Kerana kehadiran Pakatan Harapan dan dukungan rakyat itu adalah mengharapkan supaya permasalahan rakyat itu benar-benar dirasakan oleh pimpinan dalam perencanaan ekonomi mereka.

Saya ingin tarik perhatian Dewan dan Menteri kerana berhasil untuk mendapat pulangan hasil Petronas yang meningkat. Walaupun saya percaya beliau kerajaan faham bahawa kebergantungan kepada sumber Petronas itu ada batasnya kerana harga yang turun naik. Akan tetapi kenyataan sekarang dengan pendapatan yang lebih, sebahagian yang besar untuk membayar tunggakan bayar balik cukai GST dan cukai pendapatan bagi tahun 2019.

Saya merayu kepada Menteri supaya meneruskan tetapi membuat sedikit penilaian atau perubahan. Sebabnya ialah kerana sementara syarikat-syarikat yang telah bayar GST dan perlu dipulangkan balik. Saya percaya proses ini akan mengambil masa kerana saya tahu pihak kastam dan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan teliti lebih terperinci supaya tidak hanya terima pakai pandangan daripada syarikat-syarikat besar yang minta pulangkan.

Akan tetapi memadai kalau kita bayar cara *staged* dalam masa singkat satu, dua tahun dan tidak segerakan. Sebabnya saya katakan kerana saya pohon kebijaksanaan Menteri yang punya rekod yang baik di Pulau Pinang dari segi pembelaan nasib rakyat miskin, nelayan, perumahan kecil, [Tepuk] baik masyarakat Melayu, Cina di bandar, India di estet. Saya harap perkara ini dapat beliau timbang untuk kemukakan dan laksanakan di peringkat Persekutuan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Port Dickson. Boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sebelum ini Yang Berhormat Port Dickson selalu menyebut yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana. Itu istilah yang selalu disebut. Akan tetapi dalam bajet 2019 ini saya lihat bantuan sara hidup turun, jumlah penerima bantuan turun, elauan nelayan turun, subsidi baja padi turun, harga getah turun, harga sawit turun, ringgit turun, saya pun tidak tahu apa yang naik. Banyak perkara turun ini adakah kemungkinan yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana? Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kenyataan itu tepat. Saya setuju. Cuma Yang Berhormat Pontian harus juga sedar bahawa kita terpaksa tanggung beban yang tuan-tuan

buat dahulu. [Tepuk] Itu sahaja *problem* dia. Sebab itu saya hendak gunakan kesempatan ini hendak merayu. Ya, kalau sudah 30-40 bilion hilang. Betul, saya cakap di *Bloomberg Conference* di Singapura itu depan Golden Sachs, *commission USD600 million* itu Tuan Yang di-Pertua, di antara yang paling tinggi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat jangan ikut Yang Berhormat Jelutong punya style lah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Okey, saya sambung.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kamu Minister.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya sambung. Yang Berhormat Pontian tadi sebut ya, memang betul. Saya bawa perkara ini soal berdasarkan *track record* Menteri Kewangan di Pulau Pinang. Bahawa ada peruntukan yang wujud untuk dimanfaatkan membayar balik wang ataupun cukai GST oleh syarikat-syarikat. Maka saya minta kalau boleh sebahagian daripada peruntukan itu dipulangkan.

Rasional Menteri Kewangan ialah kerana banyak peruntukan atau subsidi ini ada ketirisan. Ada minyak yang dijual belum sampai ke petani, nelayan. Kajian-kajian daripada Unit Perancangan Ekonomi sebelum ini mengesahkan. Jadi saya setuju bahawa Kementerian Kewangan mengambil langkah yang lebih tegas, menghalang segala ketirisan atau penyalahgunaan kuasa dan memastikan pembahagian kepada kelompok sasar ini yang miskin, pekebum getah, atau nelayan itu lebih terjamin. [Tepuk]

■1220

Bukan sahaja di Terengganu, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak. Di Port Dickson saya sering melawat empat kampung nelayan Melayu, dua kampung nelayan Cina, satu estet India yang saya anggap dalam kategori yang sangat miskin dan merana. Oleh yang demikian...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta? Sikit sahaja. Ini bos saya ini. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Perlu beri laluan?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Termasuk Kinabatangan, miskinnya tadi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, masalahnya Yang Berhormat Port Dickson bantuan untuk orang miskin ini petani, nelayan yang berhadapan dengan masalah ini tidak ada langsung. Ini yang kita pertikaikan. Itu sebab saya kata lebih baik Yang Berhormat Port Dickson diangkat cepat-cepatlah supaya rakyat senang. [Dewan Ketawa]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Ini istilah Melayu, "Sokong bawa rebah" ini. [Dewan Ketawa]

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Provoke, provoke.*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Baik Tuan Yang di-Pertua. Tidak, sebenarnya kalau dikatakan dipotong semua tidak betul. Peruntukan Kementerian Luar Bandar, Kementerian Pendidikan itu diteruskan ya. Cuma masalah ketirisan ini *real*. Kita harus bagi kerjasama kepada Kementerian Kewangan dahulu untuk membetulkan keterlanjuran, ketirisan

yang berlaku dalam pembahagian ini. Maka sebab itu saya ingin menarik perhatian dan merayu kepada Kementerian Kewangan untuk mengkaji semula dan meluluskan. Mungkin jumlahnya tidak sebesar tahun lalu kerana kebocorannya dan ketirisannya banyak.

Akan tetapi saya minta supaya bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah di bawah Kementerian Industri Utama, subsidi baja padi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, insentif pengeluaran padi. Pengeluaran padi Tuan Yang di-Pertua, itu di kalangan kategori *[Disampuk]* petani paling miskin ialah penanam padi. Oleh sebab itu, baja sangat penting. Insentif bersasar nelayan yang dipotong kalau dipastikan sampai ke kumpulan sasar kerana sudahlah mereka ini miskin. Saya setiap kali ke Port Dickson ada perahu nelayan yang disamun oleh nelayan-nelayan asing.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Jadi ini termasuk juga saya minta pihak Kementerian Dalam Negeri perhatikan juga. Satu lagi, subsidi baja padi bukit huma, ini untuk Sarawak dan Sabah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Port Dickson.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Sudahlah mereka ini miskin dan jumlah yang diperuntukkan pun tidak banyak, RM70 juta.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Port Dickson.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Dan – bagi saya habis sekejap.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Port Dickson.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Elaun sara hidup nelayan darat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri laluan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Sekejap, sekejap. Elaun sara hidup nelayan darat yang dahulunya diperuntukkan RM12.5 juta, kini dipotong kepada RM3.5 juta iaitu pemotongan sebanyak 72 peratus atau RM9 juta.

Jadi kalau kita lihat kesemuanya itu jumlahnya masih kecil dan masih boleh ditampung daripada peruntukan yang sedia ada, boleh dipindahkan daripada jumlah yang mahu di pulang balik kepada peniaga yang bayar GST tetapi terus kepada masyarakat yang saya sebut tadi petani, pekebun kecil dan nelayan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta sikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Berhubung dengan soal harga lantai getah yang dicadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan pada kadar RM4 sekilogram. Keduanya, pelepasan sekatan eksport kayu getah. Hingga setakat ini kerajaan membekukan eksport menyebabkan petani ataupun peladang, pekebun kecil ini tidak boleh mengeksport menyebabkan harga kayu getah jatuh merudum. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Port Dickson soal dua perkara ini? Satu, harga lantai getah. Keduanya, kerajaan melepaskan semula memberi kebenaran untuk dieksport kayu getah ke luar negara.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Menteri tetapi saya menjawab Yang Berhormat Kubang Kerian ini untuk meminta bagi setuju pandangan beliau supaya perkara ini diberi pertimbangan kerana pekebun getah sekarang ini menghadapi kesengsaraan hidup. Jadi mungkin ada langkah-langkah tambahan, apakah perlu dibuka peluang untuk eksport supaya dapat ditingkatkan harga. Itu saya harap dapat diberikan pertimbangan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini untuk pertimbangan Menteri Kewangan kerana saya percaya jumlah ini jumlah yang munasabah dan keduanya kerana kita mengambil kira keperluan Kementerian Kewangan untuk menyelesaikan masalah ketirisan dan pembaziran yang wujud dalam sistem pemberian subsidi ini. Setakat yang saya tahu, memang perkara yang lama yang berlaku dan serius, nama untuk bantu orang miskin. Akan tetapi apa yang berlaku ialah sama ada hasil petani di peringkat orang tengah dan peringkat pegawai ataupun pengurus di peringkat rendah telah menyebabkan jumlah yang diperoleh oleh kumpulan sasar ini sangat rendah.

Saya ingin mengajak selain daripada saya sebut tadi Ungku Aziz, B. R. Ambedkar. Ambedkar ini ialah pejuang kumpulan Dalit paling miskin di India. Dia kata di India ini hak yang sama dari segi politik. Orang besar, orang miskin, orang Muslim, Hindu, Kristian hak yang sama dari segi teorinya yang dijamin oleh Perlembagaan. Akan tetapi hak dari segi ekonomi dan sosial itu tidak sama. Ini yang kita harus pastikan dalam pemerintahan Pakatan Harapan, bahawa hak yang sama dalam politik, hak yang sama dari segi ekonomi dan sosial baru kita boleh angkat martabat rakyat ini dengan cara adil dan saksama. *[Tepuk]*

Kedua yang beliau lihat di India dan juga berlaku di sini ialah pembahagian subsidi yang diteruskan itu banyak ditelan oleh orang tengah dan dibolot oleh orang-orang tertentu di peringkat bawah. Jadi katanya, kalaular satu INR1 juta dikeluarkan, hasil yang sampai kepada petani itu mungkin setengah atau satu per empat. Ini yang dibimbangkan oleh Menteri Kewangan dan saya bersetuju dengan beliau untuk memastikan proses ini diubah dan jangan beri peluang kepada penghisap darah atau lintah darat di mana peringkat juga daripada atas ke bawah supaya rakyat dapat peluang terbaik. Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Port Dickson telah memberi laluan, berilah kesempatan untuknya. Silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, kerana ini adalah – ini bukan wakil rakyat biasa. Yang Berhormat daripada Port Dickson dan tentu bagi pihak kementerian akan beri jaminan bahawa untuk peladang, pekebun kecil dan nelayan yang tulen tidak akan diabaikan. So, itulah yang penting. Bahawa kita akan pastikan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Peraturan Mesyuarat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Nanti ada banyak masa lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan. Peraturan Mesyuarat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Dia kacau kita punya *time* sudah.

Tuan Lim Guan Eng: Pada masa yang sama...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ikut peraturankah?

Tuan Lim Guan Eng:...bahawa kita akan pastikan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Takut, takut.

Tuan Lim Guan Eng:...ketirisan yang kita hendak atasi tidak juga akan memangsakan peladang, pekebun kecil ataupun nelayan yang tulen. So, itulah prinsip yang kita hendak amalkan. Pada masa yang sama, saya juga ucapan terima kasih bahawa Yang Berhormat memang buat *homework*, bukan macam pihak tertentu yang buat tuduhan yang tidak benar. Contohnya bahawa peruntukan untuk MARA telah dipotong separuh. Ini tidak berlaku kerana...

Seorang Ahli: Bodek Yang Berhormat Port Dickson.

Tuan Lim Guan Eng:...fungsi MARA...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tidak ikut peraturan itu Tuan Yang di-Pertua. Minggu depanlah menggulung.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Apa ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng:...telah dipindahkan di antara beberapa kementerian.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Minggu depan menggulung.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *Unprecedented.*

Tuan Lim Guan Eng: Akan tetapi daripada jumlah keseluruhannya masih serupa.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mungkin boleh jawab...

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak – sikit sahaja. So, saya – kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan – Yang Berhormat Port Dickson bukanlah Yang Berhormat yang biasa. Saya...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ini takut kena tegur...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Masuk insurans, masuk insurans.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini *double standard* Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Berikan kesempatan. Setiap Yang Berhormat mempunyai hak untuk berucap setelah diberi laluan ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak beri – cakap terima kasih...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dan dia tidak boleh ditegur.

Tuan Lim Guan Eng:...dan saranan baik ini...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Dia ada masa untuk jawab ini.

Tuan Lim Guan Eng:...perlu diambil kira secara serius oleh pihak kerajaan kerana ia adalah satu cadangan yang lunas dan munasabah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jawablah nanti. *Your time will come.*

Tuan Lim Guan Eng: Bukan seperti pihak tertentu yang lain.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Your time will come to answer. What?*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. *[Dewan riuh]*

[Pembesar suara dimatikan]

■1230

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya sudah melebihi masa. Sebentar saya hendak tanya Yang Berhormat Port Dickson memerlukan berapa lama lagi?

Seorang Ahli: 10 minit.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kalau boleh 10 minit sahaja lagi. Kalau tidak ada bangkangan.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab ini keadaan luar biasa, saya akan berikan kesempatan yang sama kepada Yang Berhormat Bagan Datuk yang akan berbahas selepas ini. Silakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi 30 minit lah bukan selalu dengar.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Kita boleh bagi masa sepanjang mana sahaja Yang Berhormat Port Dickson yang hendak sebab dia bakal Perdana Menteri. *[Dewan tepuk]*

Seorang Ahli: Sokong, sokong.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Kebobrokan Menteri Kewangan dan kalau kesilapannya Yang Berhormat Port Dickson yang kena baiki. Jadi bagi dia masa lebih. *[Dewan riuh]*

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak suruh Yang Berhormat Ketereh tarik balik kebobrokan itu. Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak buat kebobrokan ...saya jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya, saya minta—

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya! Yang Berhormat Kapar!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Saya ingat itu bukan perkataan yang indah ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kebobrokan—.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, teruskan teruskan. Kita menghabiskan masa ini.

Mike, mike. [Dewan riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita perlu minta Yang Berhormat Ketereh tarik balik. Bukan sahaja serangan dibuat di Dewan, kelmarin juga ada buat serangan—*[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya ingat tarik baliklah kebobrokan. Tidak berapa indah dari segi *Parliamentary language*.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tarik balik. Yang Berhormat Ketereh ini memang berniat jahat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Ketereh tarik balik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya tarik balik. Yang Berhormat Port Dickson yang kata dahulu. Saya pakai perkataan yang—

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia kata kalau ada kebobrokan, kalau tidak ada tidak mengapalah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Boleh saya proceed dengan—

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat kebobrokan itu digunakan secara umum, bukan terhadap seseorang ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bukan menuduh. Kalau ada. Kalau tiada tidak mengapa lah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ha! Tadi dia tuduh tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya terpaksa tekan ini— ini *button* ini sehingga semua sudah tenteram ya. *[Ketawa]* Jadi teruskan dengan soalan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat mereka hendak buat kacau. Hendak bazir masa sahaja. So, baik tidak payah bagi laluanlah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya mengambil kesempatan yang sangat berharga ini—, masa sangat berharga ini, masa tambahan ini untuk bertanya sahabat saya Yang Berhormat Port Dickson kerana saya teringat waktu satu ketika dahulu, waktu Yang Berhormat Port Dickson membentangkan belanjawan Yang Berhormat telah menyebut satu petikan daripada Al-Quran Al-Karim kalau tidak silap saya Surah Yusuf yang menggambarkan bagaimakah tujuh tahun kesejahteraan, kemakmuran harus diurus dengan berhati-hati untuk mengingatkan mungkin tujuh tahun kemarau yang mendatang.

Dalam hubungan ini juga saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Port Dickson, kerana tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang pendekatan mengenakan dividen luar biasa kepada Petronas dan sepanjang ingatan saya Yang Berhormat Port Dickson adalah seorang yang sangat-sangat melindungi kepentingan Petronas melalui beberapa siri ucapan yang

disampaikan setahun dua tahun yang lalu, menegur Yang Amat Berhormat Langkawi dalam pendekatan yang menggunakan sumber-sumber Petronas dengan cara yang difikirkan tidak wajar ketika itu.

Jadi sekarang ini, nampaknya peristiwa mengenakan dividen luar biasa kepada Petronas sudah pun menampakkan kesan negatif kepada Petronas itu sendiri. Jadi sebagai seorang pakar ekonomi, Mantan Menteri Kewangan dan bakal Perdana Menteri, saya sejurnya ingin mendapat ulasan daripada Yang Berhormat Port Dickson apakah pandangan peribadi Yang Berhormat Port Dickson tentang pendekatan untuk menggunakan secara agak sewenang-wenang dana daripada Petronas memandangkan—, betul pada masa ini ada kenaikan harga minyak, Petronas mungkin ada sedikit surplus tetapi kita tahu harga minyak mungkin menjunam dan ini mungkin akan memberi tekanan yang berat kepada Petronas dan menjaskan reputasi Petronas.

Sejurnya saya ingin mendapat pandangan seikhlas daripada Yang Berhormat Port Dickson tentang pendekatan yang sedemikian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, Akan tetapi saya jawab—, ulas Yang Berhormat Menteri Kewangan dahulu. Saya hargai, ini sikap Yang Berhormat Menteri yang sangat positif, dia dengar, kalau— Dia ulas dan dia bagi jaminan, *you* nak marah fasal apa lagi saya tidak faham. Bila Yang Berhormat Menteri bagi jaminan bahawa pertimbangan tentang nasib rakyat miskin ini akan diberikan perhatian, tetapi elak ketirisan dan dalam kajian semula ketirisan pun tidak akan membebankan petani, pekebun kecil dan nelayan, saya hanya jawab saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masalahnya Yang Berhormat Port Dickson, kami cakap bertalu-talu, dia tidak jawab. Yang Berhormat Port Dickson sahaja tanya—
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Kinabatangan. [*Dewan riuh*] Kita ikut peraturan mesyuaratlah. Semua yang Yang Berhormat mesti diingati, mengikut peraturan mesyuarat, kalau tidak diberi pencelahan, sila duduklah. Kalau tidak, tidak habis. Kita cadangkan hendak habis pukul 9.30 malam ini. Nanti jadi pukul 11.00 pula.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, tentang Petronas. Memang pada dasarnya saya bersetuju bahawa dana Petronas itu tidak mudah diguna pakai kerana Petronas diamanahkan untuk memanfaatkan dana untuk melabur dan hanya peruntukan yang sedia ada digunakan oleh kerajaan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua harus juga faham bahawa dalam konteks sekarang ini, Petronas punya keupayaan dengan dana yang sedia ada, dan juga negara menghadapi krisis ekonomi yang perit.

Jadi kita harus ada keutamaan. Asalkan Petronas dapat jamin pulangan atau hasil tambahan kepada kerajaan itu tidak membebankan perancangan Petronas, saya tidak fikir buat jangka pendek sekali dalam beberapa lama ketika kerajaan atau negara memerlukan, saya tidak fikir ia merupakan satu masalah.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam konteks Petronas ini untuk apa wang digunakan. Apakah wang ini digunakan untuk projek yang dianggap membazir ataupun yang dianggap kecurangan ekonomi ataupun seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan, dana ini khusus untuk menyelamatkan ekonomi negara. Jadi kalau dalam konteks itu, *governance* ini adalah dari konteks sama ada dana itu dimanfaatkan atau tidak baik.

Penutupnya ialah tentang fokus ketiga. Fokus ketiga budaya negara—, tentang keusahawanan kerana Malaysia ini punya kapasiti dan kita harus tekankan *capacity building*. Maka seluruh skim pendidikan dan latihan itu harus dirombak. Ini kesempatan terbaik dalam negara kita kerana bila ada perubahan, peralihan, kita bicara soal *reform* atau *paradigma*, akan tetapi kita tidak mahu menjadi kosmetik. Jadi istilah kosmetik menyebut tentang perubahan, *paradigma* tetapi dalam program latihan tidak ada kesediaan untuk membawa anjakan yang baharu kerana dunia menunggu dan menyaksikan tentang keperluan pendekatan yang lebih strategik. Akan tetapi ia terikat juga dengan permasalahan pemilikan dan penguasaan ekonomi. Kalau kita mahu jamin semua rakyat, semua kaum diberikan perhatian.

Ini saya tekankan Tuan Yang di-Pertua kerana ada orang anggap dalam pendekatan sekarang ini oleh sebab kita tidak tekankan sangat tentang Dasar Ekonomi Baru dan Bumiputra, maka kepentingan bumiputera itu terpinggir. Saya tidak setuju, kerana dalam pendekatan keusahawanan pertimbangan yang strategik adalah untuk menjamin dalam program ini dasar *affirmative action* itu terus berlaku. Maknanya kalangan yang kurang— yang berpendapatan rendah, yang *marginalize*, terpinggir atau tersisih. Golongan miskin yang majoriti dan tentunya Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, mesti diberikan peluang untuk bersama dalam arus perubahan dalam peningkatan bidang keusahawanan ini.

Oleh sebab ini rencana dan fokus yang penting yang ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan Revolusi Industri 4.0 dan Transformasi Pendigitalan Industri ini suatu yang amat strategik untuk negara. Negara harus beralih kepada perkilangan peringkat rendah kepada perkhidmatan dan kini, pendigitalan industri. Pendigitalan industri kalau tidak diawasi akan menyebabkan jurang perbezaan di antara kaya dan miskin terus melebar.

Kalau mahu mengelak jurang itu terus melebar, terutama kerana akan memberikan kesan kepada kaum Melayu dan bumiputera Sabah Sarawak akan ketinggalan kalau tidak diajak untuk bersama dan latihan-latihan dalam program-program kementerian termasuk MARA dan lain-lain vokasional harus cepat dirombak dan tidak boleh teringat dengan pemikiran lama dan pendekatan lama.

■1240

Jadi sebab itu, kita mahu jadikan budaya keusahawanan ini DNA baharu masyarakat kita. DNA masyarakat kita mestilah ke arah transformasi pendigitalan industri. Saya tertarik dengan penekanan yang diberikan oleh Menteri dalam hal ini kerana ia juga berkait dengan reformasi institusi yang saya sebutkan awal.

Kita mesti berikan dokongan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan itu pegang satu kementerian yang strategik untuk kawal pembaziran, untuk kawal amalan boros, untuk jaga supaya pemimpin-pemimpin tertinggi tidak terbawa-bawa untuk memikirkan bahawa kuasa itu menjadi milik mereka dan mereka juga akan ikut kecundang dengan arus pembaziran ini. Ini memerlukan seorang Menteri Kewangan yang wibawa, yang tegas, yang sanggup tidak popular dengan Jemaah Menteri yang lain.

Jadi, saya harap kerana kita bawa perubahan – anjakan perubahan ini Tuan Yang di-Pertua kerana jaminan kita elak pembaziran, tolak rasuah, tolak timbunan kekayaan pada kelompok kecil, tolak gaya hidup kemewahan yang melampau, ini tidak harus berlaku. Kalau dalam kerajaan, selain daripada SPRM dan siasatan yang lain, tunggaknya ialah pada Menteri Kewangan dan saya berdiri untuk menyokong langkah tegas beliau dalam menjamin supaya iktikad ekonomi ini dapat dipertahankan. Tuan Yang di-Pertua, saya harap kementerian dapat memberikan pertimbangan yang wajar dan saya menyokong. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Bagan Datuk. Akan tetapi sebelum itu saya ingin senaraikan pembahas-pembahas seterusnya. Selepas Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Rasah. Selepas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Tanjung Karang. Seterusnya Yang Berhormat Kalabakan, seterusnya Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Sarikei dan Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya menjemput Yang Berhormat Bagan Datuk – untuk berlaku adil pada sebelah kiri, saya akan berikan masa yang sama seperti yang diberikan kepada Yang Berhormat Port Dickson bererti 40 minit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengucapkan berbanyak terima kasih bagi pihak rakan-rakan dalam saf pembangkang ini. Port Dickson baru sahaja melontarkan pandangannya, masih tidak berubah pendiriannya 20 tahun, 30 tahun dahulu dan mungkin semasa menjadi pemimpin belanja bahawa bajet ini bajet yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana. Inilah pendirian Port Dickson yang terus saya hormati. *Insya-Allah* kita doakan segeralah mengambil alih sebagai Perdana Menteri. [Tepuk][Ketawa]

Saya juga mengucapkan tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dalam sejarah saya berada di Dewan ini, inilah pertama kalinya seorang Menteri Kewangan yang meneliti hujah-hujah sebelah sini dan sebelah sana dan tidak keluar termasuk mengambil kesempatan untuk melelapkan mata dan tidur. Akan tetapi bukan salah beliau kerana sakit mata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu tidak adil. Saya...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Kerana sakit, beliau kata beliau sakit mata.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak semestinya beliau tidur.

Beliau sakit mata. Saya mengucapkan tahniah kepada pandangan-pandangan itu. Bagi pihak pembangkang, sebagaimana yang telah dilontarkan oleh Yang Berhormat Rembau semalam, itulah pandangan kita di dalam belanjawan ini. Kita melihat – pembangkang melihat bahawa belanjawan yang telah dibentangkan pada 2 November lalu adalah seperti belanjawan air mata rakyat.

Ini kerana ada sebelas perkara kenapa belanjawan air mata rakyat ini disebutkan. Pertamanya kita lihat bahawa apa yang telah dilontarkan itu memperlihatkan bahawa segmentasi kepada kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran rakyat tidak dapat dipenuhi. Ini dilihat daripada beberapa segmen peruntukan-peruntukan yang bukan sahaja ia dikurangkan, walaupun diperjelaskan tadi tetapi dilihat bahawa dalam segmen tertentu ia tidak langsung diberikan keduduan.

Saya juga melihat bahawa 76 peratus kepentingan kerajaan kini tercetus di dalam belanjawan yang telah disebutkan. Malah pengumuman-pengumuman untuk kumpulan-kumpulan sasaran tertentu yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Rembau semalam dan rakan-rakan saya yang lain memperlihatkan bahawa pemunggiran dilakukan terhadap kumpulan-kumpulan sasaran yang berada di luar bandar.

Begitu juga kalau kita lihat bahawa sebagai sebuah negara Malaysia, pakej rangsangan yang seharusnya dilakukan untuk memperkuatkan ekonomi negara kita masih terus berlandaskan kepada alasan *blame game* yang dilakukan. Rakyat mahu melihat apakah rangsangan baharu, apakah inisiatif dan insentif baharu yang mahu diberikan tetapi ini tidak tercenna langsung. Ini memperlihatkan bahawa apa yang sedang dialami sekarang ini adalah sesuatu yang tergelincir daripada harapan rakyat keseluruhannya dan ini memperlihatkan bahawa ketidakmampuan beberapa kumpulan yang selama ini memberikan pandangan, nasihat dan juga perspektif yang lebih positif kerana harapan yang baharu mahu diletakkan terhadap belanjawan ini tetapi jelas bahawa janji 100 hari tidak ditunaikan malah selepas bajet diberikan juga, ia telah tidak turut ditunaikan.

Di dalam keadaan ini, kita lihat apa yang terkesan daripada *Foreign Direct Investment (FDI)* di mana pelabur-pelabur juga turut kecewa. Kecewa dengan ketiadaan pakej rangsangan untuk mereka di mana insentif cukai yang diharapkan boleh melegakan *capital market*, Bursa Malaysia yang diharapkan boleh dan dapat melonjak telah tidak memperlihatkan sebarang tandatanda yang positif. Begitu juga kadar pertukaran wang asing, kita lihat bahawa kadarnya makin menurun.

Ini tentunya akan mengakibatkan beberapa permasalahan dalam jangka sederhana dan panjang yang akan dihadapi oleh negara kita. Kita lihat juga tidak terdapat hak kesamarataan di dalam belanjawan ini di mana apa yang terlihat natijah daripada seluruh bajet yang meletakkan RM314.6 bilion tidak memperlihatkan bahawa agihan belanjawan ini diberikan mengikut nisbah kaum yang sebenarnya. Ini tentunya apabila konsep *Malaysian Malaysia* yang mengharapkan kononnya kesamarataan telah tidak dapat diterjemahkan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Kita lihat umpamanya tentang beberapa perkara yang sudah terang lagi bersuluh di mana – kita lihat contohnya bahawa kira-kira 9,000 sekolah kebangsaan yang diberikan peruntukan sebanyak RM250 juta. Ini bermakna, setiap sekolah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan hanya menerima kira-kira RM27 ribu sahaja setahun. Ini berbanding dengan tidak untuk mengetepikan sekolah-sekolah SJKC umpamanya yang jumlahnya 1,298 yang diberikan peruntukan sebanyak RM50 juta di mana sebanyak RM38,520 secara purata SRJKC ini diberikan peruntukan. Begitu juga sekolah-sekolah Tamil yang berjumlah 532 buah juga diberikan peruntukan RM50 juta. Ini bermakna sekolah-sekolah Tamil telah diberikan secara purata RM93,954.

Kita bukan mahu mengetepikan sekolah-sekolah berkenaan tetapi berlaku adillah kepada sekolah-sekolah ini dan kita harap apa yang mahu dihasratkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat diterjemahkan di dalam pelaksanaan. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bagan Datuk. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bagan Datuk, adakah Yang Berhormat menyedari bahawa Menteri Kewangan ada memberikan bantuan-bantuan *cash* kepada sekolah-sekolah Cina *off the budget*.

■1250

Saya dengar ada RM200,000, RM100,000 satu sekolah. Saya dapat tahu daripada pengetua-pengetua atau *association*. Jadi, kalau benar perkara ini berlaku, ini menunjukkan satu tindakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang tidak sepatutnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa, silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan. Ya terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk. Pertama, saya hendak bertanya adakah apakah yang saya faham daripada pembentangan Yang Berhormat Menteri ialah bahawa peruntukan ini ialah di atas peruntukan sedia ada terhadap sekolah kebangsaan dan sekolah agama di negara kita. Jadi kita tidak boleh hanya melihat daripada angka yang diumumkan pada hari tersebut tetapi kena ambil jumlah angka-angka yang juga memang diberikan kepada sekolah-sekolah ini secara keseluruhan. Itu pertama.

Kedua, saya setuju kita perlu melihat kepada keperluan. Jadi apabila kita lihat di atas dasar keperluan, maka kita tidak hanya boleh lihat atas nisbah kaum tetapi juga atas nisbah keperluan komuniti berdasarkan kaum, geografi dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ya, saya tidak mempertikaikan Tuan Yang di-Pertua terhadap apa yang disebutkan. Apa yang kita pertikaikan ialah *on top* dengan izin, *on top the existing budget* yang diberikan. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak juga, saya masukkan itu sebagai ucapan saya. Ini memperlihatkan bahawa mereka bercadang untuk mengambil keduduan tetapi pada waktu yang sama kita lihat 618 buah sekolah tafhib juga mendapat RM50 juta.

Ini bermakna setiap sekolah akan mendapat kira-kira RM80,000 setahun. Sekolah Cina swasta berjumlah 60 buah dan mendapat peruntukan RM12 juta. Ini bermakna setiap sekolah memperolehi RM200,000 setahun.

Saya sekali lagi tidak mahu untuk mengasingkan dan berasa *prejudice* dengan izin terhadap perkara ini tetapi saya fikir elok lakukan keadilan ikut jumlah yang sama rata.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya hendak minta pendirian Ketua Pembangkang. Daripada jumlah tambahan yang diberikan kepada sekolah-sekolah ini, ada satu kategori yang dimasukkan iaitu sekolah menengah persendirian Cina. Ini adalah *independent Chinese high school*. Ini adalah pemberian kepada sekolah-sekolah yang langsung tidak ada dalam pengelolaan sistem pendidikan kebangsaan. Kalau dikatakan sekolah tahfiz ada Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang Ketua Pembangkang sendiri pun tahu. Jadi apakah pendirian Ketua Pembangkang apabila dana awam digunakan untuk sistem pendidikan swasta yang tidak di bawah pengelolaan langsung dasar pendidikan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Bagan Datuk mengenai bantuan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau itu sebenarnya di bawah Akta Pendidikan pun tidak sebut mengenai sekolah persendirian melainkan kuasa yang ada pada Yang Berhormat Menteri Kewangan mungkin melalui projek oleh Kementerian Kewangan. Akan tetapi kalau menggunakan Kementerian Pendidikan punya bajet, memang tidak dibenarkan di bawah Akta Pendidikan. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat setuju atau tidak bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan ini daripada DAP. DAP ini mengamalkan prinsip kesamarataan. Dalam bab-bab lain selalu sebut kesamarataan, mestilah sama dapat. Kalau A dapat dua, semua dapat dua. Mengapa apabila bentang bajet ini, prinsip kesamarataan ini tidak dilaksanakan? Mengapa hanya ikut pukal sahaja? Sepatutnya kiralah berapa banyak sekolah tahfiz bagi sama rata.

Jadi kalau betul itu prinsip DAP yang selalu memperjuangkan kesamarataan, menunjukkan DAP cakap tidak serupa bikin. Setuju atau tidak.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Saya fikir elok Tuan Yang di-Pertua saya jawab ini dahulu. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Tanjong Karang...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Selepas itu Lembah Pantai ya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Memang tidak ada peruntukan khusus terhadap perkara ini tetapi ia berlaku. Oleh kerana itulah janji mereka. Itu sebab di luar saya beritahu bahawa bajet ini bajet DAP, bukan bajet rakyat. Jadi agenda DAP diterjemahkan dalam bajet ini. Tambahan pula dia mendapat nasihat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, tarik baliklah. Tidak payahlah Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Bagan Datuk tarik balik. Yang Berhormat bagan Datuk, apa pula bajet DAP Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua peraturan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada peraturan mesyuarat?

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan Dewan. Saya rasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Bagan Datuk cuba menggunakan...

Tuan Yang di-Pertua: Ini termasuk dalam peraturan mesyuarat juga. Apabila seseorang ahli mengemukakan peraturan mesyuarat kita dengar dia dahulu. Ya, silakan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, tanya peraturan mana Tuan Yang di-Pertua. Tak kan buka buku sahaja.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan berapa? Peraturan tidak sebut. Peraturan berapa?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Tanjung Karang duduk.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, mesti sebut...

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum dia sempat menyebut pun, hiruk pikuk. Mana saya tahu peraturan berapa? Sekarang saya hendak dengar. Yes, silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: 36(6).

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Juga Peraturan Mesyuarat 36(12) yang mana saya merujuk Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Bagan Datuk cuba mengelirukan Dewan yang mulia ini. Cara beliau bercakap itu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham Peraturan 36(6) pun dia tidak faham.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sabarlah. Sabarlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduklah dulu.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Satu persatu, satu persatu. Saya ada akan dengar dahulu. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenapa saya rujuk kepada kedua-dua perenggan ini, Peraturan Mesyuarat 36(6) ia adalah sangkaan jahat daripada Yang Berhormat Bagan Datuk yang mengatakan bahawa Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi pihak Kerajaan Malaysia, bagi pihak Kabinet dituduh sebagai belanjawan DAP.

Saya tahu niat jahat Yang Berhormat Bagan Datuk selaku Presiden UMNO sengaja hendak memainkan isu perkauman. Saya memang– saya minta tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Datuk, *you are racist. You are racist.*

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat itu adalah suatu bantahan yang mempunyai merit. Bajet ini, belanjawan ini bukan belanjawan DAP. Ini belanjawan Kerajaan Malaysia. Jadi tarik baliklah.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Ya, ini bukan wang yayasan. Tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya betul. Bukan Yayasan Akal Budi. Mana pergi wang Yayasan Akal Budi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Jangan tarik, jangan tarik.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Itu pun tidak boleh jaga.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Dulu DAP selalu sebut belanjawan UMNO. Berulang kali mereka sebut dulu. Tidak pernah kita bangkitkan perkara ini pun. Sekarang apabila kena kepada DAP...

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Mana ada belanjawan UMNO. Kita bincangkan sekarang belanjawan kerajaan. Saya telah membuat keputusan tarik balik.

Beberapa Ahli: Tarik balik, tarik balik.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ketua Pembangkang cuba memberitahu kepada kita bahawa hebatnya DAP. Sepatutnya mereka lebih bangga.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan isu Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang tidak menyebut belanjawan DAP. Ini Yang Berhormat Tanjong Karang yang sebut.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Okey, belanjawan Yang Berhormat Damansara. Belanjawan Yang Berhormat Damansara.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Ini bermakna...

Tuan Yang di-Pertua: Belanjawan?

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Tarik baliklah. Yang Berhormat Tanjong Karang, apa pendirian Yang Berhormat Tanjong Karang? Hendak tarik balik atau tidak? Belanjawan DAP.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta Yang Berhormat Bagan Datuk tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Belanjawan DAP itu kurang tepat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Datuk juga ...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Bagan Datuk juga sebut DAP.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Juga sebut belanjawan DAP.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Datuk yang sebut.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Bagan Datuk yang mulakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak. Saya cakap sama sahaja dengan, saya cakap setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Larut bahawa sebagai parti DAP, dia patut berasa bangga. Macam kami dahulu dalam Kerajaan Barisan Nasional, apabila disebut belanjawan UMNO, kami tidak ada bantahan. Ini menunjukkan UMNO ini hebat. Ini DAP malu kah? Hey, malulah.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Ketua Pembangkang tidak *gentleman* langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah membuat keputusan sebagai Tuan Yang di-Pertua, perkataan itu tidak tepat dan tidak memenuhi hasrat aturan mesyuarat. Jadi tarik balik. Kita boleh berbincang, riuh rendah sampai sejam pun tidak akan sampai kesudahannya. Jadi tarik balik.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yalah, tarik baliklah. Tak malu kah?

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: *[Mencelah]*

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tarik balik, tarik balik.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Makan dahulu Tuan Yang di-Pertua. Fikir-fikir dahulu macam mana.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Pukul satu. Sekarang pukul satu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu cadangan yang agak baik. Kita fikir-fikir dahulu sebab sekarang sudah pukul satu. Apabila balik semula, tarik balik ya. Jadi kita bersidang semula 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Datuk, tinggal 22 minit 40 saat. Akan tetapi sebelum itu, Yang Berhormat Tanjung Karang, tarik balik kah? *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, bukan Yang Berhormat Tanjung Karang sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Datuk pun kena tarik balik kerana yang memulakan...

Tuan Yang di-Pertua: Khusus saya tanya Yang Berhormat Tanjung Karang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak, yang memulakan kenyataan itu adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat Jelutong. Sila duduk. Ya, silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghormati kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk tarik balik. Ya lah, walaupun orang kata lain bengkak, lain bernanah ni. Akan tetapi sebelum saya tarik balik ini, mengapa yang begitu Peraturan Mesyuarat 36(6), DAP ini rasa malu kah apabila bajet ini telah gagal melaksanakan satu perjuangan DAP. Kesamarataan ini gagal dilaksanakan. Itukah yang sebabnya DAP marah saya? Apa kena-mengena saya nak tarik balik? Saya tidak ada tuduh siapa-siapa.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik baliklah supaya kita dapat teruskan perbincangan dan perbahasan.

Seorang Ahli: Tarik balik atau tak nak?

Tuan Yang di-Pertua: Beginilah. Pernyataan Yang Berhormat itu adalah pernyataan fakta atau pendapat?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Pendapat atau fakta?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ia adalah pendapat.

Tuan Yang di-Pertua: Pendapat?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pendapat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya perhatikan selepas Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Rasah mempunyai giliran.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya, saya.

Tuan Yang di-Pertua: So, pendapat. Yang Berhormat Rasah pun boleh memberikan pendapat sendirilah, ya. Okey, jangan biarkan ini berleluasa lah.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Yang di-Pertua, pendapat pun dia kena tarik balik. Kalau begitu kita sendiri pun boleh bagi pendapatlah. Betul tak? Pendapat kah apa itu dia kena tarik balik.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Kalau begitu selepas ini tidak boleh bagi pendapat apa-apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu saya tanya, adakah dinyatakan sebagai fakta atau pendapat.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Apa Yang Berhormat Lenggong? Duduklah!

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Duduklah kau!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pendapat, kemukakanlah pendapat sebaliknya. Kita teruskan. Ya, silakan Yang Berhormat Bagan Datuk.

2.34 ptg.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah Tuan Yang di-Pertua yang adil. Kita berikan penghargaan kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menggariskan 11 perkara dan saya telah menyentuh empat daripadanya setakat ini iaitu pertamanya belanjawan ini adalah merupakan belanjawan yang hambar. Belanjawan ini merupakan belanjawan atau bajet politik dan bukan bajet rakyat. Itu kedua. Ketiga, tiada pakej rangsangan. Keempat, hak kesamarataan tidak diwujudkan. Saya telah turut memberikan beberapa fakta daripada dapatan kajian yang telah saya lakukan. Kita lihat bahawa apa yang berlaku, biarpun hasratnya adalah untuk mewujudkan kesamarataan dengan izin yang dilaksanakan ialah *apartheid of the economic distributions* dengan izin.

Jadi, dalam keadaan itulah kita lihat bahawa perkara lain yang dilontarkan dalam bajet itu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan. Yang Berhormat *said*, ‘apartheid’? Adakah Yang Berhormat menyebut perkataan ‘apartheid’? Saya dengar tadi.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: *Apartheid of the economic distributions.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa maksud ‘apartheid’?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ertinya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ‘Apartheid’ itu adalah kenyataan yang tidak begitu baik.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ertinya ada...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ‘Apartheid’ adalah berunsur perkauman, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ada, ada...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Kalau nak mencelah pun mintalah kebenaran dulu, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ada jurang dari segi pengagihan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Minta kebenaranlah, Yang Berhormat Jelutong. Guna peraturan mesyuaratlah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Saya fikir ini adalah merupakan satu istilah yang memang tidak disukai oleh Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Jelutong, makin tebal apa yang ada di wajah beliau, makin tebal lah ketidaksetujuannya kepada saya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Datuk, saya minta Yang Berhormat Bagan Datuk tarik balik kenyataan. Saya bukan *racist* seperti Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Datuk, saya minta Yang Berhormat *be a gentleman*. Tarik balik. *You are the racist. I am not a racist.*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Perkara yang kelima iaitu hutang yang tidak... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Beginilah ya. Ada perkataan-perkataan tertentu yang termasuk dalam kamus. *Oxford dictionary* pun masuk perkataan '*apartheid*' dan boleh digunakan dalam berbagai-bagi konteks. Ini termasuk kepada '*apartheid*'...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Belajar baliklah, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jelutong ini *first time*. Dia belum tahu peraturan Dewan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan peraturan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan Mesyuarat 36(9)(c). Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Bila Yang Berhormat Bagan Datuk mengatakan bahawa pengagihan '*apartheid*'...

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Jelutong selalu sakit hati orang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengarlah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan dengar. Dengar dulu, ya. Ya, apa?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini membuang masa. Mengganggu masa. Diamlah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Bagan Datuk adalah pengagihan yang tidak sama rata. Itu adalah apa yang dimaksudkan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya pun faham itu yang dimaksudkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul. Ini boleh menyebabkan perasaan bermusuhan-musuhan di antara kaum.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Habis, tidak boleh *complaint* kah?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dari dulu lagi Yang Berhormat Bagan Datuk... [*Pembesar suara dimatikan*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Begini, begini, begini. Yang Berhormat-Yang Berhormat, ini adalah Parlimen.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jelutong, sudah makan nasi kah Yang Berhormat Jelutong? Sudah makan kah belum?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah beberapa kali saya menyatakan Yang Berhormat Bagan Datuk berhak untuk menyuarakan pendapat. Jadi kalau tidak setuju dengan perkataan tidak sama rata atau pendapat tidak sama rata, kemukakanlah hujah sebaliknya. Itu cara intelektual ya. Jadi teruskan, teruskan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Suruh dia balik kampung belajar dululah!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi membantah kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bagan Datuk itu adalah kenyataan yang tidak patut dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Itu akan direkodkan dalam *Hansard*. Membantah. Sila duduk. Kita sudah habiskan tiga minit, empat minit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia menganggu. Menganggu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk. Yang Berhormat, ya silakan. Teruskan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima yang saya ingin sentuh ialah mengenai hutang yang tidak dijamin di mana wujud perkara yang tidak telus di dalam bajet itu terutamanya mengenai bagaimana kerajaan memperoleh jumlah yang begitu besar untuk negara dan rakyat keseluruhannya. Ini menafikan dakwaan kerajaan bahawa kerajaan atau negara tidak ada duit untuk belanjawan kali ini hingga Yang Amat Berhormat Langkawi baru sahaja berhutang RM7.4 bilion atas nama Bon Samurai dan di dalam hal ini, pada hemat saya, domestik dengan izin *domestic borrowing* lebih baik daripada *foreign borrowing*. Di dalam hal inilah kita ingin bertanya, adakah kita akan terus meningkatkan hutang untuk melupuskan hutang kononnya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Perkara yang keenam. Saya tidak bagi izin. Perkara yang keenam ialah mengenai rizab antarabangsa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya nak bertanya tentang Yayasan Akal Budi bolehkah?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Duduklah!

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Rizab antarabangsa.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Duduklah! Yang Berhormat Jelutong, sit down!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan untuk Yayasan Akal Budi.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ikut peraturan mesyuarat. Kalau laluan tidak diberikan, sila duduk. Sila duduk.

■1440

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Rizab antarabangsa Malaysia yang menguncup di mana...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Bagan Datuk, minta penjelasan. Sini, Yang Berhormat. Sini, sini, Batu Kawan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Saya ingin memberikan perhatian di Dewan yang mulia ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Kawan minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Perbandingan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberikan juga. Sila duduk Yang Berhormat Batu Kawan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Saya tinggal 17 minit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak tanya tentang penggunaan kad kredit untuk bayar hutang, Yang Berhormat. Boleh tidak? Setuju Yang Berhormat, boleh tidak?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Perbandingan pasaran dan aliran keluar modal asing dengan beberapa negara maju yang cukup tidak masuk akal...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Kecuali ia dibuat berdasarkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tentang yayasan yang tidak wujud, Yang Berhormat. Boleh bagi saya laluan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hendak tanya soal banglo.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ini termasuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan pun duduklah. Tidak diberi laluan. Sudah, duduk. Tidak diberikan laluan ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kalau Yang Berhormat Jelutong bangun, minta halau keluarlah kalau macam itu. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Sokong, sokong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Datuk, berani bagilah. Apa Yang Berhormat Lenggong hendak bela?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Bukan Speaker lah. Yang Berhormat Lenggong hendak jadi Speaker kah? Tunggu lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa Yang Berhormat Lenggong hendak bela? Kalau Yang Berhormat Bagan Datuk berani, bagilah. *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Kalau Yang Berhormat Jelutong hendak cakap, selepas inilah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cabar, Jelutong cabar...
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak bertelagah, sila keluar dua-dua. [Dewan riuh]
Silakan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Apa yang ingin saya nyatakan ialah tentang rizab antarabangsa yang semakin menguncup. Ini termasuk kejatuhan nilai ringgit di pasaran mata wang antarabangsa. Angka terbaru menunjukkan rizab antarabangsa di bawah Bank Negara telah menyusut kepada USD101.1 bilion. Ini dalam tempoh lima bulan kerajaan yang didukung oleh Yang Berhormat Jelutong memerintah. Rizab asing kita menguncup daripada hampir USD110 bilion pada April lalu. Kita kehilangan kira-kira RM35 bilion.

Berbanding dengan November 2003 ketika Yang Berhormat Langkawi meletakkan jawatan selepas memerintah 22 tahun, jumlahnya adalah kira-kira USD44 bilion. Akan tetapi, ia melonjak kepada USD110 bilion dalam tempoh sembilan tahun ketika kerajaan yang lalu memerintah. Adakah ini sesuatu yang datang dari langit atau sesuatu perancangan ekonomi yang teliti?

Dalam hal ini, kita harus juga melihat bagaimana bajet ini dalam perkara yang ketujuh yang ingin saya sentuh di mana nasib penduduk luar bandar, sebagaimana yang disebutkan oleh rakan yang lain, telah juga disentuh. Saya sedih juga melihat apabila Yang Berhormat Sungai Petani sebak bila menyentuh tentang perkara ini. Saya harap sebak itu sebak yang ikhlaslah. Begitu juga Yang Berhormat Port Dickson, seorang pejuang rakyat daripada dahulu hingga sekarang. Saya harap apabila beliau mengambil alih dalam tempoh terdekat jawatan Perdana Menteri, beliau akan dapat melaksanakan, tetapi jangan lambat sangatlah. Dia akan terseksi dan dia akan menyeksakan diri.

Begitu juga perkara yang kelapan mengenai PTPTN. Kita tahu bahawa apa yang dijanjikan kepada para pelajar tidak dapat dilaksanakan. Dahulu kononnya mahu dihapuskan. Walaupun kita menyebutkan bahawa hanya RM4,000 ke atas sahaja pendapatan sebulan hanya akan dikenakan bayaran semula, sebaliknya yang berpendapatan RM1,000 sebulan pun terkena getahnya. Maknanya mereka membayar bayaran balik. Sedangkan apa yang disebutkan *minimum wage*, dengan izin, gaji minimum ini ialah RM1,100. Ertinya yang di bawah gaji minimum pun kena membayar PTPTN ini.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan Datuk...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Jika tidak, mereka dikenakan beberapa tindakan perundangan.

Begitu juga perkara yang kesembilan di mana kerajaan tidak menepati janji-janji yang telah diberikan, umpamanya dari segi gaji minimum RM1,100 kononnya mahu dijanjikan RM1,500. Apa yang berlaku dimulakan dengan RM1,050 dalam bajet yang lepas, kini hanya RM1,100. Ini telah dibantah oleh MTUC dan banyak kesatuan-kesatuan sekerja.

Hakikat yang harus diakui bahawa kos sara hidup semakin naik. Bagaimana mereka dapat meneruskan hidup dan berkeluarga dengan gaji serendah itu? Sudah kita lihat harga

komoditi, Tuan Yang di-Pertua, turun dan tidak ada usaha menaikkannya. Harga barang meningkat, tidak ada usaha menurunkannya.

Jadi dalam hal inilah, saya lihat ada kaitan umpamanya iaitu perkara 10, tiada bantuan secara khusus kepada nelayan, penoreh getah, petani dan sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain. Saya lihat perkara ini terdapat semacam tidak ada keikhlasan dan memfokuskan hanya kepada kumpulan sasaran di bandar sahaja. Kita lihat juga bahawa belanjawan yang disebutkan ini, bajet yang disebutkan ini adalah bajet yang mengabaikan rakyat keseluruhannya. Ini tidakkah bermaksud sebagai satu belanjawan politik untuk kononnya mempopularkan kerajaan dan menidakkannya hak rakyat? Jika kerajaan benar-benar berjiwa rakyat, ia perlu memikirkan kepentingan rakyat terlebih dahulu. Memperkayakan saku kerajaan dan mengabaikan hak rakyat adalah satu penindasan politik yang tidak akan dapat diterima oleh sesiapa.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya, apakah maknanya Belanjawan pada kali ini? Kita di sini hairan dengan sikap kerajaan yang masih berbohong. Berbohong mengenai kedudukan hutang negara dan menolak kenyataan yang dibuat oleh agensi penarafan antarabangsa seperti Moody's, Fitch, Standard & Poor's dan pelbagai lagi agensi penarafan. Dan tentulah kita lihat lebih mengejutkan lagi apabila Bank Negara sendiri turut tidak bersama-sama bersetuju dengan penarafan yang diberikan oleh agensi-agensi berkenaan, malah mereka berdiam diri dan tidak memperbetulkan angka yang telah salah dilaporkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Datuk, Jelutong minta penjelasan mengenai isu berbohong.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Saya juga ingin menyebut di dalam pentadbiran ekonomi pula, perlukah kita mengikut dan akur apa sahaja yang berlaku? Apa yang disebut...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Saya tidak mahu bagikan. Apa yang disebut di dalam kenyataan sekarang ini perang perdagangan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang berbohong tentang 1MDB? Jelutong minta penjelasan. Berani bagi, Yang Berhormat Bagan Datuk?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Perang perdagangan antara Amerika dan China. Apakah kita tidak mempunyai sistem penampang terhadap kesan negatif kemelesetan ekonomi serantau dan asing seperti yang diamalkan oleh negara-negara yang tidak disebut pun di dalam Belanjawan kali ini? Di manakah *macroeconomic management* yang selama ini dilaung-laungkan, dibangga-banggakan dan mereka menolak kononnya bantuan IMF suatu ketika iaitu khususnya pada tahun 1997?

Saya juga ingin bertanya, apakah penjelasan matematik atau *mathematical explanation*, dengan izin, yang digunakan oleh kerajaan di dalam beberapa projek seperti HSR, ECRL dan stesen jana kuasa di Sabah? Kami menyokong sebarang usaha penjimatatan tetapi adakah angka

itu berdasarkan perkiraan semula atau sekadar angka yang keluar daripada mulut semata-mata bagi menunjukkan kononnya kerajaan sekarang hebat dalam penjimatan wang negara?

Pembangkang memohon kepada kerajaan agar janganlah dimain-mainkan harapan rakyat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong minta penjelasan siapa yang lebih hebat. Berani bagi?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ini kerana kerajaan terlalu banyak memberikan harapan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, ini menyalahi peraturan. *[Dewan riuh]* Jangan mengganggu. Silakan, silakan, habiskan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelutong memang tidak pernah faham perkara-perkara yang saya sebutkan. Mungkin beliau naif di dalam hal-hal ekonomi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak tanya bagi pihak Yang Berhormat. Saya faham.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Terlalu banyak harapan yang diberikan tetapi hasilnya amat mengecewakan. Ini termasuklah mereka yang terpedaya dengan janji-janji yang lalu termasuk janji oleh Yang Berhormat Jelutong.

Laporan terbaru menyebutkan kira-kira setengah juta atau 500,000 orang yang hilang pekerjaan. Ada yang diberhentikan oleh majikan, ada yang hilang kerja apabila projek besar dihentikan dan ada pula yang dipecat kerana politik. Apa yang akan terjadi oleh nasib mereka ini?

Terdapat penjawat awam diminta menyokong Kerajaan Pakatan Harapan dengan menyertai parti-parti yang ada di dalam Pakatan Harapan. Kita lihat bahawa mereka yang bekerja dalam KEMAS, dalam JASA, dalam agensi-agensi yang lain disuruh untuk mengisi borang dan jika tidak, maka mereka akan hilang mata pencarian. Saya fikir sebagai sebuah negara demokrasi, biarlah mereka menentukan di manakah hala tuju sokongan mereka asalkan mereka dapat menjalankan tugas-tugas yang baik di jawatan-jawatan yang mereka diamanahkan.

Kasihanlah rakyat. Pulangkanlah semula apa-apa yang ditarik balik itu. Tanpa rakyat, siapakah kamu di dalam kerajaan? Rakyat tidak memerlukan jambatan bengkok atau kereta nasional ketiga tetapi lebih penting lagi sara hidup sehari-hari rakyat. Mulut anak-anak perlu disuap. Ini, dengan izin, *bread and butter issue*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Datuk, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Mereka perlukan akan pakaian yang cukup. Justeru...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang menzalimi rakyat? Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Justeru, apa nasib mereka sekarang apabila bantuan dipotong atau dikurangkan?

Dalam keadaan itu, kita lihat juga bahawa terdapat RM261.8 bilion perolehan pada bajet kali ini. Berapa banyak pelaburan asing yang telah dicatatkan oleh kerajaan sekarang ini sejak memerintah? Berapa banyakakah projek yang sudah dimeterai oleh Menteri-menteri yang disokong oleh Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, Yang Berhormat Jelutong, sabar. *[Dewan ketawa]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Dari manakah sebenarnya sumber negara yang kohnnya memperoleh sumber negara pada Belanjawan 2019 ini? Ini seolah-olah seperti penipuan ekonomi untuk mengaburi mata rakyat.

■1450

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Sedangkan kajian agensi penarafan asing...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang menipu rakyat...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Duit Yayasan Akal Budi dibayar!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan, siapa yang menipu rakyat?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ini pula, teguran daripada rakyat...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, apabila penarafan agensi yang mempunyai piawaian yang tinggi pun tidak diterima oleh rakyat. Apatah lagi teguran rakyat, jauh lagi teguran pembangkang. Yang Berhormat Jelutong sahaja yang memandai-mandai. *[Ketawa] [Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the government is not always right, the opposition is not always wrong.* Di dalam hal ini, bagaimanapun kerajaan tidak mahu mendengar teguran dan keluhan rakyat adalah bersifat diktator dan inilah juga disokong oleh Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa diktator Yang Berhormat? Saya minta penjelasan. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Dalam keadaan ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang menggunakan SOSMA untuk menzalimi rakyat yang membuat aduan?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, pembangkang menolak Bajet 2019...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan. Sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berani bagi?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Atas dasar ia dibuat semata-mata untuk politik dan bukannya untuk kepentingan semua, ini belanjawan *one way street* dengan izin.

Seorang Ahli: *One way ticket! [Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ia bukan belanjawan 1MDB.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Belanjawan 2019 tidak melambangkan kematangan ahli ekonomi dan perancangan-perancangan dilakukan mungkin belanjawan ini diideakan oleh Yang Berhormat Damansara, dibaca oleh Yang Berhormat Bagan dan dipersetujui oleh Yang Berhormat Jelutong. *[Ketawa]*

Belanjawan 2019 tidak melambangkan hal yang begitu dan menjadi harapan kepada rakyat dan kita harap Yang Berhormat Bagan yang saya kenali sebagai sahabat saya ketika menjadi Ketua Menteri. Mana mungkin saya menjawab telefon Tuan Yang di-Pertua, 3.30 pagi ketika banjir. Ketika itu beliau pembangkang dan saya Menteri Dalam Negeri. Akan tetapi atas *wahsan* atas ihsan dan bukan kerana beliau menangis air mata buaya tetapi atas rasa kemanusiaan saya tetap membantu walaupun saya ketika itu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, yang itu tak perlulah. Itu kenyataan air mata buaya... *[Dewan riuh]* Tarik baliklah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Saya kenal beliau...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Itu tanggungjawab sebagai Timbalan Perdana Menteri sewaktu itu!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu bukan macam air mata Yang Berhormat Pekan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Itu tanggungjawab!

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Dalam pembentangan belanjawan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan macam air mata isteri Yang Berhormat Pekan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: ...Wang Yayasan. Wang Yayasan, siapa pakai? *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa air mata buaya?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Bayar kad kredit!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan macam isteri Yang Berhormat Pekan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *[Tidak jelas]* ...Begini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, telinga panas kah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Semua sudah puas hati?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tak panas, kita hendak tahu bagaimana guna wang Yayasan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sedang berjalan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tunggulah di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, sila duduk.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini perkara mana boleh bincang, dalam mahkamah boleh.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Dalam keintelikualannya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tidak perlulah menggunakan istilah penyangak, penyamun, perompak dan sebagainya. Ini belanjawan rakyat kah atau belanjawan parti sahaja? Itu sebab yang Yang Berhormat Jelutong rasa sangat ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa makan cili dia rasa pedaslah!

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Dalam keadaan itu...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha! Samalah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Dalam keadaan itu Tuan Yang di-Pertua, saya harap dalam waktu yang...

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang beri ucapan ni? *[Ketawa] [Dewan riuh]* Yang Berhormat Kinabatangan, silakan Yang Berhormat selesaikan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat Jelutong amat gian kerana tidaklah perlu bercakap lagi mengenai hasrat menjadi negara maju pada tahun 2020 dan negara berpendapatan tinggi jika rakyat yang dijanjikan dengan pelbagai keistimewaan selepas PRU ke-14 terus berada di dalam kemelaratan yang amat sangat dan tidak perlulah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab duit Yayasan Akal Budi sudah dicuri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Dan tidak perlulah Yang Berhormat Jelutong menunjukkan betapa kita berjimat cermat hingga naik kelas ekonomi penerbangan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, rakyat biasa sakit sebab duit Yayasan Akal Budi sudah dicuri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Dan naikkanlah IQ Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberikan juga.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Sedikit tentang kehidupan rakyat luar bandar. Adakah pula usaha kerajaan untuk mendaftarkan rakyat miskin di bawah eKasih, mereka ini perlu dikesan dan dicari kerana mereka tidak akan datang semata-mata untuk mendaftar.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Begitu juga langkah PERKESO untuk mendaftarkan mereka yang kehilangan kerja sejak PH memerintah. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Pemikiran *carrot*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Mungkin ada yang tidak bersetuju dengan apa yang saya nyatakan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Bagan Datuk, boleh?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ada dua minit lagi. Kerana salah satu helah Pakatan Harapan yang pasti diingati rakyat ialah pembekuan kenaikan tol. Pembekuan kenaikan, dua kenaikan pada pegawai kerajaan. Kesian kepada pegawai kerajaan. Mereka telah dinafikan haknya, erti kenaikan bayaran pencen juga akan diturunkan apabila dua kenaikan ini dihentikan. Bonus tidak diberikan, kasihan kepada mereka, kasihan pada tentera, kasihan kepada polis, kasihan kepada pegawai-pegawai yang lain. Malah saya diberitahu bahawa...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Peruntukan untuk Kementerian Pertahanan telah diturunkan. *[Dewan riuh]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Bagan Datuk, sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Peruntukan untuk PDRM diturunkan. Bagaimakah soal pertahanan dan soal keselamatan mahu dijaga jika wang-wang itu dan belanjawan itu diturunkan? Bagaimana nasib guru KAFA, bagaimana nasib guru takmir, bagaimana nasib Maahad Tahfiz, bagaimana nasib guru-guru KAFA? Bagaimana sekolah-sekolah KAFA yang selama ini dapat bantuan, bagaimana kedudukan JAKIM yang juga telah diturunkan peruntukannya?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Dalam keadaan yang begitulah, saya fikir kita perlu menekankan bahawa rakyat tidak lagi mahu mendengar janji-janji palsu yang dihamburkan. Rakyat tidak mahu lagi dikaburi dengan hanya harapan. Mereka sebaliknya mahu mengetahui, rakyat mahu mengetahui bagaimana harga sawit, harga getah, harga komoditi lain boleh dipertingkatkan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bagan Datuk, minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Mereka ingin tahu..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Bagaimana kerajaan boleh membantu...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Menukar keringat mereka kepada ringgit dan sen...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sedikit saja.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...KDNK kita akan meningkat. Sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh sedikit, diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari itu untuk membantu rakyat dengan masukkan insurans daripada Great Eastern RM2 bilion. Jadi, Great Eastern ini adakah MNC, terikat dengan 30 peratus sekiranya MNC hendak melabur dalam Malaysia, perlu ada 30 peratus hak tempatan, rakyat tempatan terlibat dalam itu juga. Kenapa, ini ada kontra kah, macam mana kah? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Datuk sedikit berkenaan dengan Great Eastern ini sebab dia *base in Singapore*. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan juga tadi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Pendang dapat, Lembah Pantai bolehlah sedikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Great Eastern, tahu kah?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: ...Keutamaannya sepatutnya diberikan kepada syarikat tempatan supaya tidak ada pengaliran wang ke tempat lain. Banyak lagi syarikat insurans dan takaful yang berdasarkan kepada syarikat-syarikat dan ekuiti tempatan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Macam Goldman Sachs.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Ini harus diberi keutamaan, bukanlah menyusukan mereka yang berada di luar. Sebaliknya Yang Berhormat Jelutong tidak pernah menerima hakikat ini, Yang Berhormat Jelutong mengganggu sebab Yang Berhormat Jelutong tidak faham perkara ini. Dalam hal inilah, nasib baiklah Menteri jaga JAKIM ada di sini. Mudah-mudahan beliau akan memperjuangkan bahawa peruntukan JAKIM, peruntukan KAFA, peruntukan takmir, peruntukan sekolah agama rakyat terus diperjuangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]: RM1.2 bilion. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Daripada UMNO dulu.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri tidak boleh cakap.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, pembangkang menolak...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Bagan Datuk, minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Menolak Bajet 2019 dengan rasminya. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Kawan minta penjelasan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Pandai tolak.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pun sudah habis. Jadi sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah. Akan tetapi, sebelum itu saya ingin umumkan ada sedikit perubahan dalam senarai. Selepas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Marang akan beri ucapan menggantikan Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang akan berbahas selepas Yang Berhormat Kalabakan. Silakan Yang Berhormat Rasah.

2.58 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas...

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit ya, selepas itu semua 20 minit ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Oh! Bukan 40 minit kah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak, 20 minit.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak apa, saya junior saya terima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya turut serta kali pertama sebagai orang baru dalam Dewan ini membahaskan Belanjawan 2019 yang dibentangkan buat julung-julung kalinya oleh seorang Menteri Kewangan bukan daripada UMNO, bukan daripada MCA tetapi daripada pembangkang... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ya betul, dari DAP, DAP.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini memang mengaku kan? *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tadi tidak mengaku.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi saya beri kesempatan di sebelah kiri untuk berhujah, jadi beri...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kinabatangan duduk.

Tuan Yang di-Pertua: ...Kesempatan sebelah kanan. Silakan, silakan Yang Berhormat Rasah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Eh! Mengaku DAP pula.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tadi tak mengaku, sekarang mengaku DAP pula.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Berucap tanpa menggunakan pemberas suara] [Dewan riuh]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah mempunyai 12 minit ini, kasihanlah pada dia. 20 minit, ya silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tak sangka orang senior macam Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kinabatangan hendak ganggu saya sebagai orang baru.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasihlah mengaku ini bajet DAP... *[Dewan riuh]* Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Banyak-banyak terima kasih. *[Dewan riuh]*

■1500

Tuan Yang di-Pertua: Aturan 37, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan kacau ganggu. Ya, silakan Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sesungguhnya Belanjawan 2019 memahat satu lagi lembaran baru dalam sejarah politik negara. Seperti yang saya katakan kali pertama Menteri Kewangan daripada...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: DAP! DAP! DAP!

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: DAP! DAP! DAP! *[Dewan riuh]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:...Pembahas pertama...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Hoi! Diamlah! *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Macam monyet.

Tuan Yang di-Pertua: Ya teruskan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kita juga menyaksikan kali pertama dalam sejarah...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dari DAP!

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: DAP! DAP! DAP! *[Dewan riuh]*

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Hoi! Monyet diamlah!

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dari DAP.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tahniah kepada Yang Berhormat Rembau, saya nampak Yang Berhormat Rembau mempunyai dedikasi yang lebih tinggi daripada Yang Berhormat Bagan Datuk sebagai Ketua Pembangkang. Syabas orang Negeri Sembilan, saya tumpang bangga, tahniah Yang Berhormat Rembau. Walaupun rambut tidak ada uban tapi gaya sebagai Ketua Pembangkang ada, tahniah. *[Tepuk]*

Tuan Willie Anak Mongin [Puncak Borneo]: Suruh dia isi borang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tiga fokus utama yang digariskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Belanjawan 2019 akan melaksanakan reformasi institusi,

memastikan kesejahteraan rakyat dan memupuk budaya negara keusahawanan jelas membuktikan kesungguhan kerajaan baharu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi untuk mengatasi ketirisan, penyelewengan, penyalahgunaan dan juga kerakusan yang telah diwarisi daripada rejim yang lepas yang sekarang ini duduk di sebelah sana.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta mencelah?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Malulah sikit. Saya tidak bagi laluan Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takutkah?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tak bagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takut?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Nanti, tidak ada.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takut.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan, bagi Lenggong. Lenggong, Lenggong.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Duduklah. *[Dewan riuh]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tak bagi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Lenggong boleh?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Duduklah, dua-dua macam monyetlah, duduklah!

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tak bagi. *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Takut. You takutkah?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak ada takut.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Takut, *confirm* takut.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan jangan...
[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Selaku Tuan Yang di-Pertua, saya kena bersikap adil terhadap semua. Jadi kalau tadi saya suruh di sebelah sini duduk kalau laluan tidak diberikan, prinsipnya sama di sebelah kiri. Silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon Yang Berhormat Kinabatangan duduk, jangan lari nanti ada bab-bab Yang Berhormat Kinabatangan akan menarik untuk Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh? Boleh bagi penjelasan?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak, nanti dulu, duduk dulu. *[Dewan ketawa]* Belanjawan ini memang tidak sempurna. Saya mengakui kita sebagai manusia kita tidak mampu, tidak mungkin untuk membentangkan belanjawan yang sempurna. Akan tetapi ia adalah belanjawan yang mampat, komprehensif, menyeluruh dan untuk kesejahteraan semua rakyat Malaysia yang tidak pernah dibentangkan oleh UMNO dan Barisan Nasional selama 61 kali peluang diberikan.
[Tepuk]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mampan itu apa ertiinya?
Mampan itu apa?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak faham?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Ketawa]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, kita kena ambil maklum pihak pembangkang waktu dia duduk di sini banyak yang tak buat, bila dah jadi pembangkang baru nak jadi hero.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Jawablah mampan itu apa.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kena ingat Kerajaan Baharu Pakatan Harapan mewarisi hutang lebih RM1 trilion yang ditinggalkan oleh rejim yang duduk di sebelah sana dan juga hutang ataupun tunggakan untuk bayar balik GST dan cukai pendapatan sebanyak RM35.4 bilion hasil daripada kerajaan dahulu yang gagal membayar tepat pada masanya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh bagi penjelasan?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Duduk, Yang Berhormat Kinabatangan duduk, sila duduk.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak bagi? Tadi sudah janji.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak bagi, saya tak bagi, belum sampai.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okeylah Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Rasah tak bagi, saya keluarlah Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak apa, duduk, duduk.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Keluarlah!

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dia yang mencontohi Yang Berhormat Bagan Datuk.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya juga mengambil kesempatan pada petang ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Timbalan Menteri Kewangan. Saya tengok kali ini pada 1 September permulaan kepada pelaksanaan SST menggantikan GST tidak banyak masalah yang timbul. Pimpinan utama, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri turun padang menyelesaikan masalah, jumpa dengan rakyat, jumpa dengan stakeholders, ia berbeza sama sekali kalau dibandingkan dengan tiga tahun dulu iaitu ketika pelaksanaan GST pada 1 April 2015 yang mana Yang Berhormat Pontian hanya cakap barang tidak naik, itu sahaja tetapi tidak berani untuk...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak bagi juga, sila duduk.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tak bagi?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat Pontian.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak bagi, sila duduk, minta maaf.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Takutlah Yang Berhormat Rasah ini.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak, kalau takut Rasah tidak berdiri kat sinilah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rasah anak jantan atau anak betina?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak payah provoke, sila duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat Pontian.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Cakap sorang, soranglah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Apa tak naik? Barang apa tak naik?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...SST kali ini kurang membebankan berbanding dengan GST. Kajian daripada KPDNHEP menunjukkan bahawa 70 peratus harga barang daripada 417 yang dikaji menunjukkan penurunan harga daripada bulan September tahun ini berbanding dengan Mei iaitu ketika GST masih hidup. Ia bukti bahawa SST kurang membebankan rakyat berbanding dengan GST.

Saya juga ucapan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah menuahkan satu jawatankuasa khas pembaharuan cukai yang mula berkuat kuasa pada 1 September 2018. Beberapa perubahan ataupun pindaan kepada SST yang akan dilaksanakan pada 1 Januari 2019 misalnya perkhidmatan import untuk arkitek, reka bentuk kejuruteraan, reka bentuk grafik, teknologi maklumat yang diimport dikenakan SST untuk melindungi pembekal perkhidmatan tempatan. Satu langkah yang baik, satu langkah yang membolehkan SST itu sendiri akan melindungi pembekal perkhidmatan tempatan berbanding dengan mereka daripada negara asing.

Begitu juga perkhidmatan atas talian yang diimport. Bermula pada 1 Januari 2020 akan dikenakan cukai SST berbanding dengan pembekal tempatan satu lagi bukti bahawa Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan sentiasa melindungi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Saya menyokong penuh langkah kerajaan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menyiasat harta kekayaan luar biasa yang dimiliki oleh pemimpin-pemimpin politik tertentu. *[Tepuk]* Khasnya mereka yang memiliki beg Bijan ke apa, saya tidak dapat nak sebut sangat, saya minta maaf sebab saya tak pernah tengok, tak pernah sentuh, tidak ada peluang macam ini. Jadi sesiapa yang memiliki wang tunai yang bukan sahaja beribu, berjuta tetapi berbilion patut disiasat, dikenakan tindakan, dikenakan denda, ambil rampas wang tersebut, harta tersebut dan dijadikan sebahagian daripada dana awam Kerajaan Persekutuan supaya wang tersebut akhirnya akan kita salurkan sebagai dana pembangunan untuk semua rakyat Malaysia tak kira di bandar maupun di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan pada hari ini saya juga hendak ambil kesempatan untuk menyinggung perkara berkenaan dengan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Telah dinyatakan bahawa pemilikan harta yang lebih lima tahun akan dikenakan, apabila dijual akan dikenakan CKHT sebanyak lima peratus. Saya mohon cadangkan walaupun hari itu Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan belanjawan menyatakan bahawa pengecualian diberikan kepada rumah kos rendah ataupun rumah di bawah RM200,000.

Saya mohon cadangkan supaya pengecualian tambahan diberikan kepada warga emas yang menjual harta tersebut sekiranya harta tersebut dimiliki untuk tempoh tertentu. Maknanya mereka bukanlah mereka yang merupakan pemain untuk spekulasi tetapi telah memiliki harta

tersebut misal kata 15 tahun ataupun 20 tahun. Oleh sebab kalau pesara-pesara ataupun warga emas ini mereka memerlukan duit tersebut untuk hari tua mereka.

Saya juga mohon supaya pembeli rumah pertama di bawah harga RM500,000 yang sekarang ini dicadangkan pengecualian setem duti untuk RM300,000 yang pertama kalau boleh dicadangkan terus kepada RM500,000 tersebut untuk tempoh dua tahun sebagaimana yang dicadangkan dalam belanjawan tersebut. Saya juga menyokong penuh cadangan bahawa untuk enam bulan pertama daripada 1 Januari 2019 iaitu untuk mana-mana harta yang bernilai RM300,001 sehingga RM1,000,000 dikecualikan duti setem tempoh enam bulan.

Saya percaya langkah ini bersama dengan cadangan saya bahawa setem duti dikecualikan untuk pembeli rumah pertama untuk harga rumah di bawah RM500,000 di bawah dua tahun akan dapat merangsang industri pembinaan dan harta tanah di negara ini dan seterusnya mengurangkan banyak rumah yang telah siap dibina yang mana dianggarkan nilainya lebih kurang RM22 bilion yang masih belum terjual dan menurut Menteri KPKT, kebanyakannya daripada rumah yang belum terjual tersebut merupakan rumah mampu milik.

■1510

Saya menyambut baik langkah kerajaan yang memperuntukkan RM1.5 juta untuk program perumahan rakyat dan dana RM1 bilion yang ditubuhkan oleh Bank Negara untuk membantu golongan B40 dalam membeli rumah mampu milik di bawah RM150 ribu dengan kadar faedah serendah 3.5 peratus. Saya cukup percaya ramai orang muda dengan gaji yang tidak berapa tinggi payah ataupun sukar untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada pihak institusi kewangan yang menyebabkan hasrat mereka untuk mendapatkan ataupun membeli rumah pertama sentiasa terbantut dan langkah ini sudah pastikan akan menguntungkan mereka.

Dalam belanjawan yang dicadangkan, yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dinyatakan bahawa lesen kasino akan dinaikkan sebanyak 25 peratus daripada RM120 juta kepada RM150 juta. Saya mohon cadangkan supaya kenaikan itu ditambah. Sebab apa hendak tambah? Oleh sebab perkara ini hanya untuk orang mewah. Mana kawan tadi. Saya kata duduk jangan lari. Saya tidak sebut nama, saya hanya kata kawan tadi. Saya minta dia duduk untuk dengar ini. Saya mohon lesen kasino digandakan dan wang dapat itu dijadikan dana untuk Kerajaan Persekutuan untuk membantu lebih ramai penerima yang sepatutnya diberikan bantuan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Contohnya...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kampar minta laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Saya hendak sama ada Yang Berhormat Kinabatangan akan sokong cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Rasah atau tidak tadi tentang lesen ini, kenaikan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Kampar, saya tidak dapat hendak jawab. Tapi saya minta beliau duduk tapi beliau sudah keluar, hendak buat apa kan. Saya pun tidak boleh buat apa. Saya mohon keuntungan sebegini akan dapat digunakan untuk kepentingan rakyat. Saya juga mohon kerajaan supaya mempertimbangkan semula, cabutan khas yang dikatakan akan dikurangkan 50 peratus supaya dimansuhkan sama sekali. Ini kerana ia akan dapat menyebabkan kesejahteraan rakyat diangkat ke tahap yang lebih tinggi yang gagal dilakukan oleh kerajaan sebelum ini walaupun telah berpuluh tahun diberikan mandat oleh rakyat. Tadi saya menyatakan bahawa cukai kasino dan lesen kasino dinaikkan. Sambil itu saya juga...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tidak bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan. Sila duduk.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya juga mohon caruman sebanyak RM40 oleh kerajaan kepada di bawah program i-suri untuk mereka yang terlibat dalam program eKasih dinaikkan. Jangan carum RM40 sahaja,

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh, boleh celah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...kita carum RM80 setiap bulan kalau kita naikkan lesen kasino tadi sebab peruntukan setahun adalah RM45 juta. Kalau kita naikkan lesen kasino, kita boleh naik kepada RM90 juta. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...saya juga menyambut baik Bantuan Sara Hidup (BSH) di bawah untuk kumpulan B40 dengan kita berikan kepada kumpulan yang bersasar, bukan tersasar sebagaimana yang dilakukan oleh rejim sebelum ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Rasah mata rabun kah? Tidak nampak saya berdiri.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya sudah kata duduk. Saya tidak bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi laluan, sila duduk Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ingat dia tidak nampak tadi. *Directly.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Nampak, tapi saya masih minta duduk. Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Kerajaan Persekutuan, walaupun dalam keadaan bajet yang berdefisit tetapi keutamaan tetap diberikan kepada Kementerian Pendidikan. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang sentiasa mendukung pendidikan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak Yang Berhormat Rasah, duit yang dia kutip, duit kasino itu...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tidak bagi laluan, saya minta duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak tanya, dia letak di mana? *How is the money being distributed* kepada rakyat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya menyambut baik hasrat kerajaan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...because majority of the rakyat are Muslim.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...untuk menambahkan peruntukan, untuk menaik taraf dan menyelenggara semua jenis sekolah yang telah bertambah daripada RM615 juta kepada RM652 juta berbanding dengan tahun sebelumnya...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...untuk semua jenis sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Lembah Pantai. Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana boleh, itu tidak adil. Bagilah kita.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya bukan berdiri dulu, dia bagi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tidak apalah, tadi saya minta daripada Yang Berhormat Bagan Datuk, Bagan Datuk bagi pada Yang Berhormat Pendang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa ni?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tidak apalah. Cari masalah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia bagi geng. Bila geng bagi, tidak geng tidak bagi. Apa lah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Samalah, Yang Berhormat Bagan Datuk, cakap dengan Yang Berhormat Bagan Datuk tadi, saya berdiri dia pun tidak bagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong tolong advise, nasihat. *No class lah.*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Rasah, saya ingin dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Bila Yang Berhormat sebutkan tadi peningkatan peruntukan daripada RM615 juta ke RM652 juta. Bagi saya bila saya lihat sebelum ini kerajaan UMNO, Barisan Nasional tidak pernah memberikan bantuan kepada sekolah tahfiz, sekolah pondok berdaftar, SMJK ya sebagai contoh. Tapi sekarang diberikan begitu banyak dan saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat, bukankah kita lihat peruntukan ini...

Seorang Ahli: Tiap-tiap tahun kita bagi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tidak, tidak ada, tidak pernah bagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: You mana ada duduk dalam kerajaan masa itu, mana you tahu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sekarang apa pandangan Yang Berhormat..

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: You tidak ada duduk dalam kerajaan, you tidak tahu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: ...bila masa kerajaan ingin memberikan bantuan....

Tuan Yang di-Pertua: Berikan Yang Berhormat Lembah Pantai mengemukakan apa yang hendak dikemukakan. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa itu main dekat pantai ini, Pantai Dalam itu lagi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi bukankah, apakah pandangan Yang Berhormat memandangkan sebagai contoh ada 54 institusi MARA yang akan secara purata mendapat lebih RM900 ribu satu institusi. Kalau kita lihat mereka di sebelah sana sering mengatakan oh, berapa banyaklah yang akan diberi kepada SMPC sebagai contoh ya. Tapi kalau kita lihat sebenarnya institusi yang ramainya orang Melayu yang hadir sebenarnya mendapat manfaat yang sangat besar daripada peruntukan yang diberikan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: MRSM pun sebelum ini kita bagi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya cukup yakin, kita nampak daripada peruntukan untuk sekolah-sekolah, mana yang baik kita teruskan, mana yang tidak baik kita perbetulkan, mana yang silap kita perbetulkan. Sebab itu kita tidak boleh ikut apa yang Yang Berhormat Rembau sebut semalam. Kalau hendak *copy and paste, copy and paste* semua. Tidak boleh *copy and paste* semua. Kita ambil mana yang baik. Saya tidak kata kita buang semua. Mana yang baik kita buat, kita teruskan. Mana yang tidak elok kita perbetulkan. Contohnya sekolah tafhib, Yang Berhormat Pontian kata ada, tidak ada, rujuk balik belanjawan tahun lepas. Sekolah tafhib zero. Tapi Pakatan Harapan bagi RM50 juta.[*Tepuk*]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, sebelum ini ada juga bagi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya ucapkan tahniah juga kepada Yang Berhormat Ayer Hitam yang baru masuk. Saya menanti-nanti kehadiran Yang Berhormat apabila saya hendak sebut perkara ini. Sekolah Menengah Persendirian Cina...

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tidak bagi laluan. Minta maaf. Tinggal 20 saat.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang Berhormat Rasah, benda yang tidak betul, tidak boleh disebut ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tidak bagi laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Benda tidak betul, tidak boleh disebut.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Rembau, saya tidak bagi laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang Berhormat Rasah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: kerana hendak betulkan *you*, hendak betulkan *your facts*.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: tidak ada peruntukan sekolah tafhiz.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Duduk, saya tidak bagi laluan

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Sama juga dengan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi, mana pernah kita tidak pernah bagi kepada sekolah tafhiz.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Itu kawan saya. Duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: RM80 juta, RM50 juta, RM30 juta disebutkan oleh bekas Perdana Menteri sendiri.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon masa kecederaan. Banyak sangat provokasi petang ini.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Menteri Pendidikan ada di sini, bekas Menteri Pendidikan ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat Rembau.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *He's a liar.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya mohon dua, tiga minit.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You are lying.*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: ...hendak bahas, cakap kena betul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You are lying, you menipu Dewan. Mana boleh biar.*

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang Berhormat Lembah Pantai...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah sampai masa kecederaan, silakan.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Mana boleh menipu terang-terang macam itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Mana boleh menipu macam itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sekolah menengah persendirian Cina.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Tidak malukah Yang Berhormat Rasah buat penipuan macam itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Dalam sejarah 60 tahun ketika MCA berkuasa...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak pernah dapat peruntukan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuduhan itu, tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Hari ini saya cakap tahniah pada Presiden MCA yang baru.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik balik.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Rasah menipu terang macam itu tidak malu kah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Pakatan Harapan...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Duduklah, duduklah, semua duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Persendirian kita yang baru.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Tidak ada *class* langsunglah Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, peraturan mesyuarat ya.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat 36(12), saya hendak baca, dengar ini, dengar Yang Berhormat Rasah. Duduklah

Tuan Yang di-Pertua: 56.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk dulu. Faham tidak peraturan. Bila sudah Tuan Yang di-Pertua bagi saya, *you* kena duduk.

Seorang Ahli: Bacalah.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: lalah, *you* duduk, saya bacalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk. Peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eh! Duduklah, bodoh ka lu.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Bodohlah Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: 36. Dengar ini saya hendak baca 36(12).

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Penggunaan perkataan bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: 56 ya.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat kena tarik balik perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada, peraturan mesyuarat 36 (12).

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Pasir Salak kena tarik balik perkataan.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mana-mana Ahli yang mengelirukan, yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada jawatankuasa.

■1520

Dia bagi melalui Dewan, dia kata tahfiz kita tidak bagi bantuan. Kita ada bagi bantuan sekolah tahfiz, saya bagi sekolah tahfiz. Ini menipu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Janganlah nak tipu dia orang..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik kenyataan bodoh yang dikatakan kepada Yang Berhormat tadi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa, kalau dia pandai...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak come on don't use...

Tuan Yang di-Pertua: Semua duduk, semua duduk, semua duduk.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat Jelutong.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional terhadap sekolah tafhiz. Ini adalah mengelirukan Majlis.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat Rembau.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat Rasah, *mislead* Dewan. Yang Berhormat Rasah telah *mislead* Dewan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sabar, sabar.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Peruntukan ada peruntukan ada.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tahu Menteri .. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, kena tarik balik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, kementerian saya diberikan sebanyak RM50 juta untuk *upgrade* sekolah tafhiz seluruh negara. Giat MARA diberikan peranan untuk membaik pulih semua institut ataupun sekolah-sekolah tafhiz seluruh Malaysia, RM50 juta dan RM40 juta lagi diberikan kepada kementerian saya melalui Giat MARA untuk menganjurkan kursus dan latihan kepada pelajar-pelajar Giat MARA.

Jadi jangan cakap kalau tidak tahu, tuduh benda yang tidak betul. Kita bagi RM90 juta untuk sekolah tafhiz.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Mana cukup, sabar-sabar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tarik balik, tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar, sebentar. Isunya ialah sama ada bantuan diberikan kepada sekolah-sekolah tahfiz ya? Dan mengikutkan..

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak sahkan.

Tuan Yang di-Pertua: Bahawa ada bantuan yang diberikan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya nak sahkan apa Yang Berhormat Bera cakap. Yang Berhormat Bera masa itu Menteri KKLW, dia bekerjasama dengan Kementerian KPKT, dengan bomba kita bagi bantuan untuk sekolah tahfiz.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua tengah bercakap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Fasal apa kata tidak ada? Itu semua... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Kita khusus kan kepada bantuan terhadap tahfiz itu yang dibangkitkan tadi ya. Jadi sekarang dihujahkan di sebelah kiri saya bahawa bantuan sememangnya diberikan kepada sekolah tahfiz sebelum ini. Jadi isunya sekarang sama ada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rasah itu benar atau tidak. Bukan berbohong ya. *We cannot* dengan izin *jump the gun*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Lembah Pantai yang bangkitkan dulu. Dia kata tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi dalam semangat kita berparlimen berdebat secara hemah dan intelektual, saya ingin cadangkan berikanlah fakta-fakta kepada Yang Berhormat Rasah supaya Yang Berhormat Rasah dapat menimbangkan fakta-fakta ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak boleh, kena tariklah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini orang masyarakat Islam di luar sana dengar ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik. Kalau tidak kita boleh bawa ke Jawatankuasa Rujuk ...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Setuju, setuju, setuju.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya mohon untuk bela diri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, berikan fakta-fakta kepada Yang Berhormat Rasah terlebih dahulu. Kita tidak boleh melulu dalam hal ini. Kalau memang benar dengan fakta dan sebagainya dan sudah tentu mesti diarahkan untuk tarik balik. Adakah Yang Berhormat Rasah pasti tidak ada bantuan yang diberikan sebelum ini?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, hujah saya berdasarkan teks ucapan Belanjawan 2018 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan pada tahun lepas.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: No, no, no.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya berdasarkan nas tersebut.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya rasa tidak payah nak hujah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya saya dengar.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Biarkan seorang demi seorang bercakap dahulu, Yang Berhormat Rasah silakan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Adalah kenyataan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai yang menyatakan tidak pernah diberi bantuan kepada sekolah tahniz oleh kerajaan yang lama.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya rujuk perkara yang sama.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Rembau jangan menegakkan benang yang basah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Seperti Yang Berhormat Rasah bangkitkan berdasarkan kepada ucapan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu ada disebut. Sekarang ini nak cari jalan keluar... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Sambil menunjukkan senashkah buku]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Tuan Yang di-Pertua: Sebelah pihak berkata A, pihak yang lain berkata B. Isunya ialah isu fakta siapa yang bercakap benar, siapa yang lebih dekat dengan fakta sebenar. Jadi berbincang sesama sendirilah sebelum saya buat *ruling*.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua dalam isu ini..

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sudah cukup.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, nak minta fakta? Saya ada fakta. Saya ada fakta, di negeri Selangor walaupun negeri itu bukan Barisan Nasional saya sendiri yang bagi. Saya sendiri yang bagi bantuan kepada tahniz.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada teks ucapan belanjawan tahun ini berbanding dengan tahun lepas. Saya minta sebelah sana jangan cuba nak menegakkan benang basah. Jangan sebab Yang Berhormat Rembau itu saya puji dia, dia cuba nak menegakkan benang basah.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua isu sekarang masalahnya..

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: ...bayaran itu telah dibuat, pembiayaan kepada tahfiz telah pun dibuat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, tidak. Duduk, duduk. Saya tidak bagi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benar Yang Berhormat Tasek Gelugor bangun untuk bercakap pun. Ya Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Mantan Penggerusi Jawatankuasa Kabinet dan Jawatankuasa Bertindak mengenai maahad tahfiz, di Dewan yang mulia ini saya memperakukan bahawa peruntukan sebanyak RM90 juta telah diberikan untuk membantu maahad tahfiz di seluruh negara ketika itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada Ketua Pembangkang saya merujuk kepada Teks Ucapan Belanjawan 2019 berbanding dengan Teks Ucapan Belanjawan 2018. Saya tidak mengelirukan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Payra Besar]: Tidak study dulu kah?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya sudah study. Saya kata jangan sebab saya orang baru boleh buli saya. Kalau nak buli saya ..

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Bodoh sangatlah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...over my dead body first ,dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ucapan belanjawan itu awal.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berbalik kepada apa yang saya sebutkan tadi. Bila Yang Berhormat Tanjung Karang dirujukkan kepada Peraturan Mesyuarat yang sama (12). Sama sahaja isu di antara pendapat dengan fakta. Kalau pendapatnya salah dan dibuktikan salah harus ditarik balik tapi sekarang ada perbezaan pendapat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini bukan perbezaan pendapat, ini fakta. Ini fakta Tuan Yang di-Pertua. Fakta.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin ya. Bajet 2018 bertarikh 27 Oktober 2017 Bernama. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan peruntukan RM50 juta kepada Giat MARA bagi membaik pulih dan menyelenggarakan tahfiz seluruh negara dalam ucapan belanjawan. Ini apa lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: How much more prove when you are judge, Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baru masuk Dewan nak menipu Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita akan dengar Yang Berhormat Rasah. Silakan Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak bantu Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak payah, tidak payah. Saya minta duduk tidak payah bantu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Janganlah sompong orang nak tolong, tolonglah.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua yang benarkan....

Tuan Yang di-Pertua: Duduk-duduk dulu. Yang Berhormat duduk dulu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bukan *you* yang Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua benarkan. *[Dewan riuh]*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hei, jangan tunjuk keras kepala lah.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat Rasah menjawab dulu. Silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Rasah tengok di bawah bajet Kementerian Pelajaran atau Pendidikan. Bajet yang diluluskan di bawah MARA di bawah Kementerian KKLW. So rujuk kepada MARA bukan di bawah Kementerian Pendidikan. *[Dewan riuh]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tarik balik perkataan bodoh, Yang Berhormat Pasir Salak.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau kamu macam ini perangai, *[Pembesar suara dimatikan]*

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk, sila duduk. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon teruskan ucapan saya dalam masa yang singkat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah.

Dato' Sri Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Mana Pantai Dalam? Yang Berhormat Lembah Pantai mana, Yang Berhormat Lembah Pantai?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau memang terbukti dan nampaknya terbukti sebab dibaca khusus daripada Belanjawan 2018.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, ucapan tahun lepas muka 61/226 ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, muka surat 61, Perkara 225, "baru-

baru ini seluruh negara dikejutkan dengan insiden menyayat hati tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang mengorbankan 23 nyawa”.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa benarkan saya teruskan. Saya mohon..

Tuan Yang di-Pertua: Baik semua duduk, semua duduk. Yang Berhormat Rasah, oleh kerana memang terbukti ada bantuan yang diberikan, jadi tarik baliklah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Itulah, lain kali jangan berlagak.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Dengar cakap orang lama-lama.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya bagi penjelasan. Saya rujuk kepada tajuk di bawah pendidikan. Tadi Yang Berhormat Bera kata itu di bawah tajuk lain. *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

■1530

Tuan Yang di-Pertua: *[Pembesar suara dimatikan]* Tarik, tarik balik sebab penyataan yang dibuat itu memang umum seolah-olah tidak ada langsung bantuan yang diberikan kepada Sekolah tahfiz. Itu memang tidak benar. Tarik balik lah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, saya mohon.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Mana Yang Berhormat Lembah Pantai? Yang Berhormat Lembah Pantai mana Yang Berhormat Lembah Pantai?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta supaya Yang Berhormat di sebelah sana bertenang. Tarik balik kenyataan bodoh. Ada yang diajukan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai tadi.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Sudah, tarik balik lah yang tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua: *[Pembesar suara dimatikan]* Memang lah itu yang selalu saya nasihatkan. Yang Berhormat Rasah tarik balik ya, tarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Lembah Pantai dah masuk.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah lah tidak payah. Terlampaui banyak *point of order*. Yang Berhormat Rasah tarik balik. Tarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Tuan Yang di-Pertua *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti satu per satu. Ya, sila Yang Berhormat Lembah Pantai kenapa? Tidak ada kena mengena Yang Berhormat Lembah Pantai. Sebenarnya Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah tarik balik. Tarik balik Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, okey. Saya hormati arahan daripada Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tegaskan gangguan sebegini, tadi niat saya, saya hendak jelaskan

sekali lagi saya mohon tidak ada gangguan lagi bahawa saya hanya hendak katakan Kerajaan Pakatan Harapan walaupun hadapi kekangan kewangan yang teruk disebabkan oleh kita mewarisi legasi daripada kerajaan yang kleptokrat yang sebelum ini tetapi tetap memberikan peruntukan yang lebih kepada sektor pendidikan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dua minit.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit ya.

Seorang Ahli: Tidak boleh, tarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Tinggal dua minit untuk Yang Berhormat Rasah menggulung.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Dia belum tarik balik lagi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, ada *point of order.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon *point of order.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You think that we are stupid?*
Pusing-pusing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak sila duduk. *[Pembesar suara dimatikan]* Tarik balik perkataan bodoh.

[Dewan riuh]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Silap lah, bukan bodoh.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pohon semua Yang Berhormat tenteram. Yang Berhormat Rasah telah menarik balik.

Beberapa Ahli: Belum, belum.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik lah, dengan secara jelas supaya semua dengar dan kita selesaikan masalah ini.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak saya macam ini, saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of order should give presidence in the house not all of you all.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Kawan duduk sebab kalau kita berlangsung begini akan menjadi kacau bilau. Ramai lagi orang yang hendak bangun untuk berbahas, jadi adalah tidak adil bagi orang yang sedang menunggu untuk berbahas. Jadi, sila gulung.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati arahan daripada Tuan Yang di-Pertua. *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah ditarik balik. Yang Berhormat Rasah tarik balik.

Beberapa Ahli: Belum, belum.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya dah kata saya hormati, patuhi arahan daripada Tuan Yang di-Pertua tapi janganlah diganggu sebab saya orang baru. Jangan lah buli orang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan. Habiskan bahas.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua dua minit terakhir masa tambahan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eh! *Don't play around!* Kau tarik balik. *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah nyatakan dengan jelas "saya tarik balik". Selesai keadaan. Ya, silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam itu bukan dua minit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *Point of order.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, okey macam ini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *Hold on, hold on!* Tuan Yang di-Pertua, *point of order 36(4).*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada. *Point of order* yang tadi pun belum kita selesaikan lagi. Tarik balik.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Arahan Tuan Yang di-Pertua pun tidak diikut oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tarik balik lah Yang Berhormat Rasah!

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya dua minit yang terakhir untuk saya menyentuh satu lagi tajuk.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tarik balik Yang Berhormat Rasah. Eh, Yang Berhormat Rasah!

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah sebelah sini hendak mendengar perkataan, "saya tarik balik".

Seorang Ahli: Jangan kurang ajar tau!

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, sudah melampau lah, tidak payah layan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, perkataan "bodoh" kena tarik balik! Sebelah sana. Mesti tarik balik!

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: "Kurang ajar" pun tarik balik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sekejap, sekejap!
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Satu per satu. Yang Berhormat Rasah kena tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dua minit yang terakhir yang diberikan kepada saya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, sebentar, sebentar. Tuan Yang di-Pertua, 36(4).

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tarik balik lagi. Tarik dulu Yang Berhormat Rasah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: 36(4).

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik dulu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Standing order 36(4).

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Melayu Yang Berhormat Lembah Pantai ini!

Tuan Yang di-Pertua: Satu per satu dulu. Yang Berhormat Rasah sila tarik balik itu keputusan yang dibuat. Tarik balik. Tarik balik! Yang Berhormat-Yang Berhormat kalau ini lah keadaannya. Ya! Sila duduk, sila duduk! Yang Berhormat Rasah tarik balik. Silakan.

[Dewan riuh]

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sebentar Yang Berhormat Rasah. Kita dihadiri oleh anak-anak pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Memang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Betul!

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kita kena tunjuk satu akhlak yang baik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Betul.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Betul! Setuju.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati pandangan Yang Berhormat Rasah tetapi Tuan Yang di-Pertua mengarahkan Yang Berhormat Rasah untuk tarik balik. Saya fikir dengan penuh hormat, apa masalahnya kalau tarik balik dan membetulkan apa yang difahami oleh Yang Berhormat Rasah. Dewan tidak perlu habis masa bincang benda-benda yang tidak bermanfaat. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Kubang Kerian, ini saya sokong.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Nasihat ini baru didengari.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon *point of order*. Saya hendak – *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, duduk dulu. *Point of order* yang pertama pun belum selesai.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sebab berkaitan dengan keadaan sekarang Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan keadaan sekarang. Saya mohon untuk *point of order*. Peraturan mesyuarat 36(4) izinkan saya membaca “*Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan, biadab*”. Tadi Yang Berhormat Bagan Datuk mengatakan sekiranya apa yang dikatakan tadi di Dewan itu salah maka kita berhujah dalam perbahasan kita. *Is that right? Is that not right* Yang Berhormat Bagan Datuk? *You said if anything wrong we will debate*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham. Saya ingat semua orang pun faham. Mengikut peraturan. Yang Berhormat Tanjong Karang sila duduk! Sila duduk! Mengikut peraturan mesyuarat perkataan-perkataan yang kurang senang itu, bodoh, biadab dan sebagainya tidak boleh digunakan. Apa yang diperhatikan sekarang, perkataan-perkataan ini digunakan oleh kedua belah pihak. Jadi, tidak akan menyelesaikan masalah kalau saya menegur ‘A’, ‘B’ atau ‘C’. Yang penting sekarang ialah Yang Berhormat Rasah yang perlu menarik balik. Itu pokok masalahnya. Jadi, tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya hormati arahan, pandangan dan petua daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya tarik balik dan *rephrase* ayat saya tadi dengan mengatakan bahawa Belanjawan 2019 ini dengan khusus dan jelas memberikan peruntukan RM50 juta kepada sekolah-sekolah tahniz berbanding dengan belanjawan yang lepas-lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung kan, gulung kan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dua minit terakhir tadi untuk Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Dah jadi satu minit dah. *[Ketawa]* Dua minit.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Dua minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya menyambut baik dana perlindungan kesihatan nasional untuk B40 yang diperkenalkan oleh kerajaan sebab saya percaya akan membantu mereka yang menghadapi kekangan, masalah kewangan untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital swasta dan saya juga menganggap langkah kerajaan memperkenalkan skim perlindungan kesihatan iaitu PEKA untuk B40 khasnya mereka yang berumur 50 tahun ke atas merupakan satu langkah yang tidak pernah dilakukan, yang julung-julung dilakukan yang dapat memberikan manfaat kepada golongan B40 khasnya mereka yang telah menjangkau usia warga emas. Saya cukup percaya ia akan membolehkan lebih ramai warga emas yang telah mencapai usia 50 ke atas untuk mendapatkan rawatan perubatan.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, RM50 juta yang diperuntukkan untuk pelbagai penyakit jarang jumpa. Saya secara terbuka, saya mohon Kementerian Kesihatan supaya memberikan dana atau

peruntukan khusus kepada Pertubuhan Penyakit Lysosomal Malaysia yang mana setiap tahun pertubuhan ini mendapat peruntukan tahunan daripada Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, semua kaum tidak kira yang Melayu, India, Cina, Iban, Kadazan, yang tua, yang muda, yang di bandar dan di luar bandar semuanya disantuni dalam Belanjawan 2019. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dalam keadaankekangan kewangan memberikan RM100 juta untuk pembangunan latihan teknikal dan kemahiran kepada komuniti dan masyarakat India, sesuatu yang sangat terpuji yang benar-benar menunjukkan Pakatan Harapan memberikan peluang kepada masyarakat India untuk memperkasakan diri.

Selain itu peruntukan RM694,734 juta yang diberikan kepada kawasan luar bandar untuk akses elektrik dan air juga merupakan satu peruntukan yang cukup menarik dan saya percaya kalau ia berterusan diberikan sebegini pada tahun-tahun akan datang, ia akan dapat membantu kawasan luar bandar. Begitu juga RM85 juta yang diberikan kepada semua kampung baharu di Malaysia untuk menaiktarafkan infra seperti balai raya dan jalan raya.

Sesungguhnya peruntukan sebegini akan membolehkan konsep menyejahterakan rakyat di bawah kerangka Pakatan Harapan benar-benar memberikan manfaat kepada semua pihak dan tidak ada mana-mana segmen ataupun sektor ataupun bahagian di Malaysia yang tertinggal sebagaimana yang dituduh oleh pihak pembangkang yang tidak dapat hendak menerima hakikat bahawa inilah kali pertama seorang pemimpin bukan daripada Perikatan mahupun Barisan Nasional membentangkan belanjawan tahunan untuk Kerajaan Persekutuan.

Jadi akhir kata, saya sebagai orang baru di sini mohon menyokong Belanjawan 2019. Terima kasih atas masa kecederaan yang panjang yang telah dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: terima kasih Yang Berhormat Rasah. Tarik nafas sebentar ya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Marang. Silakan.

3.42 ptg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Karang yang memberikan peluang kepada saya. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memulakan perbahasan ini, saya sebut sepotong ayat al-Quran yang berkait dengan ekonomi *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Surah... ayat 30 yang bermaksud “*Sesungguhnya Tuhan mu itulah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Dia juga yang menyempitkannya. Sesungguhnya Dia maha mendalam pengetahuannya lagi maha melihat akan hamba-hambanya*”.

Allah yang maha adil lagi maha bijaksana sebenarnya mengurniakan rezeki yang cukup bagi hambanya sama ada dalam konteks individu, keluarga atau negara. Sama ada dari aspek sumber atau kemahiran mentadbir dan mengurus. Semua mereka diuji di alam dunia ini sama ada menunaikan amanah dengan jujur dan ikhlas atau melakukan khianat terhadap amanah yang dibebankan kepadanya.

Firman Allah [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Surah Al-Ahzab, ayat 72. “*Sesungguhnya kami telah mempamerkan satu perkara yang dinamakan amanah kepada langit, bumi, bukit bukau dan gunung-ganang supaya mereka bersedia untuk memikulnya, namun semua makhluk yang besar dan hebat itu enggan memikul kerana takut, namun manusia bersedia untuk memikulnya itulah takdir Tuhan kerana sifat yang ada pada manusia boleh memikulnya. Namun manusia itu ada yang sangat zalim dan sangat jahil.*”

Kini kita menyaksikan Bajet 2019 yang julung kali dibentangkan oleh Pakatan Harapan merupakan bajet terbesar dalam sejarah jauh melebihi bajet pilihan raya oleh Barisan Nasional pada tahun 2018. Sejumlah RM314 bilion peruntukan untuk kerajaan berbelanja pada tahun hadapan meningkat 12 peratus berbanding anggaran RM280 bilion bagi tahun 2018. Untuk menampung perbelanjaan yang besar ini, kerajaan mengunjurkan kutipan hasil berjumlah RM221.6 bilion pada tahun 2018 disumbangkan oleh pungutan cukai langsung dan tidak langsung serta dividen khas Petronas berjumlah RM30 bilion yang akan digunakan untuk melunaskan tunggakan bayaran balik cukai GST dan cukai pendapatan berjumlah RM37 bilion.

Natijahnya kerajaan dijangka akan menanggung defisit mencecah RM55 bilion pada tahun 2019 atau 3.4 peratus kepada KDNK. Tuhan berfirman [*Membaca ayat al-Quran*] Surah Asy-Syura, ayat 27; “*Dan kalauolah Allah memberikan kemewahan rezeki kepada setiap hambanya nescaya mereka akan melampaui batas di bumi dengan perbuatan-perbuatan liar durjana akan tetapi Allah menurunkan rezekinya menurut kadar yang tertentu sebagaimana yang dikehendaknya, sesungguhnya Dia mengetahui dengan mendalam akan segala keadaan hambanya lagi melihat dengan nyata.*”

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengaruhi Mesyuarat]

Sebenarnya Allah memberi rezeki dengan kadar yang mencukupi kepada hambanya kalau diberikan berlebihan boleh menjadi melampau. Sejauh mana Bajet 2019 ini mampu memacu pertumbuhan ekonomi, menurunkan kadar inflasi dan mengurangkan kadar pengangguran masih terlalu samar untuk dinilai kesudahannya. Adakah kebijaksanaan boleh diambil kira dengan menambah hutang negara tanpa mengamalkan konsep jimat cermat dan meninggalkan amalan boros serta rasuah tanpa mengutamakan kepentingan rakyat tetapi kepentingan kroni yang sangat banyak mengambil kesempatan di sebalik pembangunan.

Sering kali tidak mengikut jumlah yang sebenar di peringkat permulaan. Selepasnya pula akan berlaku bajet tambahan kerana sering kali katanya tidak mencukupi di pertengahan jalan. Menambah hutang bukan kebijaksanaan tetapi menggali lubang apa lagi hutang yang menjadi masalah riba yang diharamkan oleh Islam.

Komitmen yang diberikan oleh kerajaan dalam membasi rasuah dan meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran adalah perkara asasi yang perlu dibudayakan. Bermula daripada kehendak politik, *political will* yang ditunjukkan oleh pemimpin atasan. Inilah rahsia kejayaan pentadbiran PAS di Kelantan sejak tahun 1990 hingga sekarang yang ditunjukkan ketinggian integriti oleh Menteri Besar, barisan Exco dan ADUN serta jentera pentadbiran di peringkat

pertengahan walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran, dinafikan royalti, tidak menghormati konsep federalisme.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, kami tidak mahu lagi mendengar jawapan sekadar menuding jari ke arah kerajaan yang lalu yang telah memerintah selama lebih 60 tahun. Apa yang penting dijawab dengan tindakan penyelesaian, jangan sekadar mudah berjanji dapat menurunkan harga minyak dalam tempoh 24 jam, dapat menghapuskan tol dengan segera dan banyak lagi janji yang diberikan. Sekarang sudah berlalu enam bulan. Hanya sekadar menukar GST kepada SST, yang pernah diamalkan pada zaman dahulukala dan pernah mengalami masalahnya, maka ditukar kepada GST. Sudah tentu cara menukar kembali pada SST hanya akan mengulangi pelbagai masalah yang pernah dialami dahulu.

Usaha membasmi rasuah dan meningkatkan integriti ini memerlukan komitmen dan kejujuran semua pihak. Ianya tidak cukup dengan ungkapan retorik dan nada sinis ketika pembentangan bajet di Parlimen. Akan tetapi perlu diterjemahkan dalam aspek ketelusan oleh mereka yang kini berkuasa untuk meluluskan dan mengagihkan tender besar kerajaan. Sejauh mana Menteri baharu tidak akan mengulangi budaya Menteri lama, hanya waktu akan menentukan. Tanda-tanda awal yang menunjukkan tindakan yang mengulangi kesilapan dahulu iaitu dengan hanya lawan dan musuh politik sahaja disapu. Adapun dalam kalangan diri sendiri dibatalkan di pertengahan jalan siasatan SPRM dengan alasan yang diada-adakan sahaja, menunjukkan konsep pemisahan kuasa di antara *legislative*, *executive* dan badan kehakiman tidak dilaksanakan. Di mana petunjuk Nabi kita Muhammad SAW [*Berucap dalam bahasa Arab*]. “*Demi Allah, sekiranya Fatimah binti Muhammad puteri kesayangan ku sendiri mencuri, nescaya aku potong tangannya*”.

Kita sangat meragui langkah Peguam Negara (AG) memberhentikan tindakan perundangan yang sedang berjalan terhadap pemimpin Pakatan Harapan sewaktu proses kehakiman sedang berjalan, sehingga dihentikan terus. Adapun terhadap pihak lawan politik dilakukan dengan rakus begitu rupa sehingga dengan apa sahaja alasannya. Walaupun PAS tiada dalam kalangan kami yang dicecup dan sentiasa membuka pintu kalau ada salah laku, namun kami ingin bertanya, adakah melalui tangan-tangan ghaib yang merempuh batas pemisahan kuasa di antara *legislative*, *executive* dan kehakiman yang menjadi konsep demokrasi yang sebenar.

Beginilah apabila sistem sekularisme yang tiada roh keimanan dan kepercayaan, mana adanya konsep dosa dan pahala dalam sistem pemerintahan dan pelaksanaan undang-undang. Bermula dari sinilah, mengapa kami ingin memperkenalkan perbezaan di antara syariat dan undang-undang ciptaan manusia melalui RUU 355 yang tergantung kerana sikap prejedis dalam kalangan bukan Islam dan Islam pula ada yang bersekongkol bersamanya.

Kini ada pula daripada kalangan yang menunjukkan sikap lebih bersimpati kepada penjenayah daripada yang sepatutnya bersikap belas kasihan terhadap mangsa jenayah. Ini kerana terpengaruh dengan negara Barat yang membatalkan hukuman mati secara mutlak demi

menyokong kalangan mafia dan gengster yang mendukung parti yang memerintah daripada belakang sehingga hilangnya nilai kemanusiaan. Di mana Islam meletakkan betapa tingginya nyawa manusia sehingga agama Samawi sebelum Islam meletakkan kesalahan dan dosa membunuh satu nyawa sahaja.

Firman Allah Taala [*Membaca Surah Al-Maidah: Ayat 32*] yang bermaksud, “*Dengan sebab kisah pembunuhan kejam yang demikian itu Kami tetapkan atas Bani Israel bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia sahaja dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu atau kerana melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuhan manusia semuanya dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, menyelamatkan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya dan demi sesungguhnya telah datang pada mereka Rasul-rasul Kami dengan membawa keterangan yang cukup terang. Kemudian sesungguhnya kebanyakannya daripada mereka sesudah itu benar-benar menjadi orang-orang yang melampaui batas melakukan kerosakan di muka bumi*”.

Hal ini menunjukkan semua agama kitabi, Yahudi dan Kristian menetapkan hukuman mati terhadap kesalahan jenayah membunuh secara mandatori dengan memberi hak pengampunan kepada mangsa jenayah, bukannya Lembaga Pengampunan yang tiada kaitan dengan mangsa jenayah. Islam juga menetapkan hukuman bunuh tidak mandatori terhadap beberapa kesalahan yang termasuk dalam kesalahan hudud dan takzir. Contohnya terhadap jenayah rompakan atau lanun yang tidak sama keadaannya. Firman Allah Taala [*Berucap dalam bahasa Arab*], “*Sesungguhnya balasan hukuman terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta berusaha melakukan kejahatan di atas muka bumi seperti merompak atau melanun, hendaklah dibunuh dan disalib atau dipotong tangan dan kaki atau dibuang negeri atau daerah, itulah kecelakaan untuk mereka*”. Sepatutnya dikaji perbezaan cara hukum Islam yang beradab dengan cara hukum ciptaan manusia yang tidak beradab seperti hukuman mati digantung dan hukuman sebatan yang kejam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada isu petani dan nelayan, rakyat luar bandar khususnya daripada kalangan petani dan nelayan sepatutnya menjadi asas ke arah strategi makanan yang mencukupi bagi keselamatan negara yang boleh menghadapi sebarang kemungkinan. Dahulunya subsidi memberi wang hanyalah menjadi amalan politik wang terhadap petani dan nelayan, bukannya boleh menjayakan kehidupan mereka demi kepentingan negara. Sepatutnya diperuntukkan bagi kemudahan mereka secara menyeluruh seperti dilakukan oleh negara maju yang menjadi peruntukan khusus bagi menggalakkan pertanian sehingga negara Jepun memperuntukkan 99 peratus subsidi kepada petani dengan diambil daripada hasil kemajuan industri mereka yang pesat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya PAS ingin beralih kepada isu ASEAN. PAS menentang sekeras-kerasnya apa yang dinamakan ICERD ringkasan kepada Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum. Konvensyen itu telah dibuka untuk ditandatangani dan disahkan mulai 21 Disember 1965 dan mula berkuat kuasa pada 4 Januari

1969. Sehingga ke hari ini, Malaysia tidak mengesahkannya. Malaysia adalah satu daripada negara yang tidak menerimanya. Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan sudah mencukupi untuk menjaga hak keadilan, hak asasi manusia kepada semua kaum. Keadaan yang tiada pencapaian yang sewajarnya kepada rakyat bumiputera dalam bidang ekonomi dan pendidikan walaupun jumlah mereka paling besar tetapi masih ketinggalan.

Begitu juga hak Islam yang masih banyak belum ditunaikan walaupun sudah ada dalam Perlembagaan, namun hendak dihapuskan. Kononnya hak asasi yang adil dan bersamaan. Ketahuilah bahawa yang adil itu maknanya meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sewajarnya, bukan persamaan yang sewajarnya mengikut kemampuan kerana kemampuan yang berbeza mestilah diambil kira. Ketahuilah bahawa perjuangan menentang penjajah dahulu dimulakan oleh umat Islam, bumiputera, Raja-raja, ulama', pemimpin dan rakyat sejak kedatangan Portugis 1511 hingga 31 Ogos 1957. Sekali gus mencapai kemerdekaan dalam keadaan penjajah sengaja meletakkan bumiputera dan umat Islam dalam kehinaan. Maka jangan dipermainkan *actual ICERD* kerana kemenangan Pakatan Harapan dalam pilihan raya tanpa peduli keadaan demografi penduduk dan ketinggalannya yang masih gagal diusahakan. Maka PAS memberi amaran yang sekeras-kerasnya! Jangan menyalahgunakan Parlimen kerana kemenangan Pakatan Harapan.

■1600

Ketahuilah bahawa mudah bagi PAS untuk mengerah berjuta rakyat di jalan raya sekiranya Parlimen ini disalahgunakan untuk mengiktiraf ICERD yang tidak adil terhadap Islam dan rakyat Bumiputera. *[Tepuk]*

Saya ulangi sekali lagi, maka PAS memberikan amaran yang sekeras-kerasnya. Jangan menyalahgunakan Parlimen kerana kemenangan Pakatan Harapan. Ketahuilah bahawa mudah sahaja bagi PAS untuk mengerah berjuta rakyat di jalan raya sekiranya Parlimen ini disalahgunakan untuk mengiktiraf agenda ICERD yang tidak adil terhadap Islam dan rakyat Bumiputera. *[Tepuk]*

Separutnya ICERD dihadapkan ke arah Israel dan Myanmar yang melaksanakan kekejaman terhadap rakyat yang berbeza agama dan bangsa di negara mereka. Bukan diterima di negara Malaysia yang telah wujudnya penerimaan masyarakat majmuk. Jangan lagi diganggu sehingga melampaui batas yang ada terkini, jangan dilanggar lampu merah yang sedang bernyala! *[Tepuk]* Jangan bersikap laksana “*diberikan betis mahukan paha*”.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks hubungan antarabangsa yang berperang ekonomi yang boleh mencetuskan perang bersenjata yang ditunggu oleh pelobi perniagaan senjata, Kerajaan Malaysia kita ini mestilah berhati-hati dalam mengadakan hubungan dengan semua pihak dengan sikap berkecuali dan mengadakan hubungan dengan semua pihak, hendaklah mengutamakan hubungan dengan negara sahabat khususnya negara Islam yang berkonsepkan persaudaraan seagama dan seakidah. Begitu juga dengan negara jiran dan negara sahabat yang terpilih.

Gabungan lapan negara D-8 yang pernah diusahakan oleh Almarhum Prof. Necmettin Erbakan, mantan Perdana Menteri Turki yang didukung bersama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamed perlu dihidupkan dan diperkuatkan. Kita mempunyai hasil kekayaan perut bumi yang lebih daripada mencukupi. Ada negara yang mempunyai modal yang melimpah ruah tetapi dilaburkan di negara barat yang hanya mencari keuntungan sebelah pihak sahaja. Ada tenaga pakar yang berkhidmat di negara asing dan ada pula pelarian ke Eropah dan US yang sepatutnya boleh menjadi tenaga kerja dimanfaatkan di negara kita.

Zaman negara penjajah yang memperhambakan kita dan mengaut hasil kekayaan kita sudah berlalu. Ini kerana kita dikatakan sudah merdeka. Maka, mestilah merdeka sebenarnya. Malangnya, masih dalam negara yang dinamakan sedang membangun.

Kita menyaksikan negara Jepun dan Jerman yang kalah dalam Perang Dunia Kedua boleh bangkit menjadi negara yang besar kerana tegak dengan jati dirinya sendiri, bahasanya menjadi jiwa bangsanya, bagi memanfaatkan dari kepandaian sendiri dan pihak luar dari mana sahaja dan menjadikan bahasanya adalah bahasa ilmu. Kegagalan menjadikan bahasa kebangsaan perkasa digunakan secara rasmi menjadi bahasa ilmu, pendidikan dan pentadbiran menyebabkan bangsanya tidak berjiwa dan hilangnya integriti sahsiah dalam arena politik, ekonomi, sosial.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Marang, rumus. Minta Yang Berhormat Marang rumuskan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: Saya ingin menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: Bagi menggulung, Allah telah memerintah supaya bersikap *wasatiyyah* dalam perbelanjaan. Firma Allah Taala... [Membaca sepotong ayat al-Quran]

"Dan janganlah engkau jadikan tangan mu terbelenggu di leher kamu (bakhil) dan janganlah pula engkau menghulurkan tangan dengan sehabis-habisnya (boros) kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering kosong keputusan."

Dalam menggulung bajet, pihak kerajaan hendaklah berkonsepkan *wasatiyyah*, jangan bakhil, kedekut. Malangnya, bakhil terhadap lawan politik. Ini kerana sepatutnya demam pilihan raya sudah tiada lagi. Kerajaan jangan juga boros khususnya diadakan pula projek untuk memenuhi poket kroni. Apa yang lebih parah, sehingga berlakunya pembaziran. Membazir adalah saudara syaitan. Jauhkan diri daripada syaitan.

Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullah. [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Marang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Insya-Allah*, UMNO bersama PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kalabakan.

4.05 ptg.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak kerajaan mahupun pembangkang serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Setelah berlaku hiruk pikuk, kita ditenangkan oleh Tuan Guru kita. Dia berucap dengan penuh ketenangan. Jadi, tahniah kepada Tuan Guru Yang Berhormat Marang. *[Tepuk]*

Alhamdulillah...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kalabakan pindah sebelah sinilah.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *[Ketawa] Alhamdulillah,* segala puji bagi Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya maka kita dapat berhimpun di Dewan yang mulia ini untuk saya Parlimen Kalabakan membahaskan ucapan dasar Belanjawan Negara 2019 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 2 November 2018 yang lepas.

Kesempatan ini sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada rakyat Malaysia dan negeri Sabah khususnya yang menyokong dan mendukung serta memberikan mandat ke atas Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu untuk membawa pembaharuan dalam pentadbiran dan urus tadbir negara untuk kembali bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak daripada tanggal 9 Mei yang lalu, rakyat Malaysia telah menyaksikan sejarah tercipta dengan buat pertama kalinya satu peralihan kuasa eksekutif telah berjaya dicapai dengan aman melalui proses pilihan raya di dalam negara kita ini. Ini adalah satu pencapaian yang hebat untuk negara kita ini yang tetap komited kepada prinsip demokrasi sejak kemerdekaan negara.

Rakyat secara amnya memberikan kerjasama yang terbaik dalam menjayakan proses demokrasi ini dan menjadi tanggungjawab kita di Dewan yang mulia ini bagi mendukung harapan dan cita-cita mereka setiap satunya. Tepatlah bagi saya apabila gabungan parti pemerintah negara ketika ini dinamakan Pakatan Harapan untuk sentiasa memperingatkan kita di pihak kerajaan ini tentang harapan dan tanggungjawab yang rakyat telah pikulkan di bahu-bahu kita semua.

Di peringkat Persekutuan, saya gembira melihat pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah sempurna diatur dengan lantikan Kabinet dan pembentangan belanjawan pertama Pakatan Harapan pada 2 November yang lalu. Namun, sebagai wakil rakyat daripada Sabah, saya membawa suara rakyat di sana yang dahagakan arus pembangunan setara dengan apa yang sedang dinikmati di Semenanjung Malaysia.

Kadar kemiskinan di Sabah kekal berada di tempat kedua tertinggi di Malaysia. Harapan kami ialah supaya kadar ini dapat dikurangkan melalui satu strategi bersepadu di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara yang membangun. Sebagai negara yang membangun, kita mempunyai keperluan yang tinggi bagi menaik tarafkan infrastruktur seperti pembekalan tenaga elektrik, air, gas dan pembinaan jalan raya bagi memperbaiki jaringan yang sedia ada.

Sabah amat bertuah kerana mempunyai potensi bagi membangunkan lombong arang batu dan seterusnya loji jana kuasa arang batu. Komoditi ini berpotensi mewujudkan sejumlah ribuan pekerjaan baharu di dalam sektor perlombongan dan seterusnya sektor jana kuasa elektrik. Dengan adanya stesen jana kuasa elektrik di Sabah, ia dapat menyelesaikan permasalahan pembekalan kuasa di sebelah Pantai Timur Sabah yang mengalami masalah *black-out*.

Walaupun ada kegusaran mengenai impak alam sekitar, namun masalah ini akan dapat diatasi melalui penerapan teknologi terkini di dalam perlombongan arang batu dan teknologi jana kuasa arang batu yang mesra alam. Kesan daripada kewujudan industri perlombongan dan jana kuasa elektrik ini pasti memberikan impak positif kepada ekonomi Sabah.

Industri pelancongan juga adalah industri yang boleh dikembangkan lagi di pedalaman Sabah. Hutan Simpan Maliau Basin merupakan satu khazanah alam semula jadi yang boleh dijadikan tarikan utama pelancong ke Sabah. Oleh itu, pombaikan infrastruktur pelancongan ke Hutan Simpan Maliau Basin harus diberikan perhatian lebih spesifik oleh pihak kerajaan.

Selain itu, kerajaan boleh memberikan sokongan melalui aktiviti promosi yang lebih spesifik kepada Hutan Simpan Maliau Basin. Hutan simpan ini ialah hutan simpan yang tertua di dunia, malah menjadi pilihan destinasi bulan madu antara Prince William dan Kate Middleton.

■1610

Ini harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh negara bagi mempromosikan pelancong ke Malaysia. Selama ini, Sabah juga terkenal dengan pengeluaran hasil laut berkualiti tinggi, sokongan kerajaan kepada industri ini dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil laut bagi membolehkan ia dieksport ke serata negara-negara jiran seperti Singapura, Hong Kong atau Taiwan yang mempunyai permintaan yang tinggi. Kerajaan harus memberikan lebih banyak geran dan peluang latihan keusahawanan kepada penduduk di Sabah bagi memberikan mereka modal dan ilmu untuk menjalankan perniagaan hasil laut ini dengan jayanya. Industri ini berpotensi mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat.

Sabah masih memerlukan perhatian kerajaan untuk memperbaiki jalan raya, bekalan air dan jaringan telekomunikasi yang sedia ada. Segala keperluan asas ini harus dibaiki untuk membolehkan aktiviti industri pelancongan dan perdagangan dijalankan dengan efisien. Masih ada jalan yang belum berturap dan sempit, masih ada kawasan yang tidak mempunyai bekalan air dan jaringan *broadband* yang berada di dalam kawasan lembah. Semua ini penting bagi kemudahan rakyat dan peniaga di Sabah.

Saya ingin menyentuh mengenai pendidikan di Sabah. Dengan peruntukan RM60 bilion untuk Kementerian Pelajaran Sabah, adalah penting untuk Sabah memperbaiki segala infrastruktur persekolahan di Sabah. Ini adalah kerana dalam UPSR tahun 2017, Sabah berada

di dalam kedudukan terbawah. Begitu juga dengan SPM, daripada tahun 2014 sehingga tahun 2017, ranking Sabah dalam Sijil Pelajaran Malaysia adalah berturut-turut berada di kedudukan terendah mengikut Gred Purata Negeri (GPN) yang telah diumumkan.

Prestasi pendidikan di tahap sekolah menengah ini adalah bergantung kepada asas-asas dan kemahiran-kemahiran sepatutnya diperoleh dan dikuasai di peringkat prasekolah dan sekolah rendah. Potensi pendidikan di peringkat SPM ini menunjukkan kelemahan-kelemahan tegar yang wujud di peringkat ini. Sudah tiba masanya untuk kerajaan Sabah untuk merancang dan mengimplementasikan pelan komprehensif tersendiri untuk menangani keadaan ini sesuai dengan kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Malaysian Agreement 1963.

Kuasa autonomi yang diberikan adalah amat perlu supaya kerajaan Sabah boleh menentukan hala tuju polisi dan haluan tersendiri sesuai dengan keadaan lokal yang tidak sama dengan kawasan yang lain di Malaysia dan sejajar dengan cabaran-cabaran unik yang dihadapi di Sabah. Dua punca utama yang dikenali adalah pertama, pendidikan awal kanak-kanak yang lemah di Sabah. Kedua, prestasi pelajar-pelajar yang lemah di sekolah-sekolah pendalaman.

Cadangan berikut adalah untuk menangani kedua-dua punca prestasi rendah di Sabah. Pertama, kerajaan Sabah menyelaraskan semua institusi pendidikan dan kurikulum yang digunakan untuk pendidikan awal kanak-kanak. Prestasi pelajar-pelajar Sabah terjejas dengan pendidikan awal kanak-kanak yang lemah. Masalah ini dihadapi ialah kerana pertama, kurang pemantauan dan koordinasi dengan semua prasekolah di Sabah yang dikendalikan oleh kementerian yang berlainan dan badan swasta. Ini menyebabkan murid-murid yang dipersiapkan di prasekolah tidak konsisten dari segi kualiti. Kini didapati masih ramai murid prasekolah tidak dapat menguasai kemahiran-kemahiran asas 3M.

Kedua, jurang perbezaan yang terlalu besar antara kemahiran-kemahiran yang dinyatakan dalam kurikulum standard prasekolah dan kemahiran yang diperlukan untuk berfungsi dengan berjaya di tahap satu sekolah rendah. Ini menyebabkan murid-murid sedemikian ketinggalan pada tahap permulaan pendidikan mereka di sekolah rendah. Jika guru-guru di tahap satu sekolah rendah tidak menangani keadaan ini dalam kalangan murid-murid lemah, maka masalah ini akan terus berterusan hingga ke sekolah menengah.

Ketiga, sekolah rendah masih kurang berkesan menangani masalah murid-murid yang tidak dapat menguasai 3M iaitu mengira, membaca dan menulis. Oleh sebab itu, maka kerajaan Sabah perlu kuasa autonomi untuk mengimplementasikan pelan berikut, pertama mengambil alih semua pendidikan kanak-kanak di bawah kementerian tersebut. Oleh kerana keadaan di pendalaman Sabah ini sukar dijangkau, maka kerajaan Sabah amat menghargai prasekolah swasta yang telah ditubuhkan oleh badan-badan seperti gereja dan organisasi tempatan. Kini di Sabah terdapat 427 buah tadika swasta yang kebanyakannya berada di kawasan-kawasan pendalaman Sabah.

Perkhidmatan yang diberikan oleh mereka perlu disokong dan diberi geran dan galakan kerana mereka membantu kerajaan mendidik kanak-kanak pada tahap permulaan mereka. Dalam pada itu, ramai daripada guru-guru ini menghadapi masalah memenuhi syarat kelayakan

diploma untuk pendidikan awal kanak-kanak. Maka kami mencadangkan kerajaan Sabah mengambil alih keempat-empat institut perguruan guru iaitu Institut Perguruan Guru Gaya, Institut Perguruan Kent Tuaran, Institut Perguruan Tawau dan Institut Perguruan Keningau. Untuk menyediakan latihan ke tahap Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak yang menjadi kelayakan wajib untuk guru-guru tadika dan prasekolah.

Selain itu, para tenaga pakar di institut perguruan Sabah boleh digunakan untuk memberi latihan dan perkhidmatan untuk guru-guru memperoleh teknik pengajaran awal kanak-kanak yang terkini. Dalam masa itu, pensyarah-pensyarah yang berkhidmat di institut perguruan Sabah boleh dihantar untuk melanjutkan pelajaran atau mengikuti kursus-kursus teknik pengajaran yang paling berkesan untuk diubahsuai bagi keadaan tempatan. Dengan usaha ini, maka pendidikan yang terbaik boleh disediakan untuk anak-anak Sabah. Selain itu, keempat-empat institut perguruan boleh melatih guru-guru mengikut keperluan dalam rancangan pendidikan Sabah. Contohnya melatih lebih ramai guru-guru untuk sekolah TVET dan pensyarah-pensyarah politeknik.

Coaches yang baru dan berperanan saksama dengan SIAC dalam perkhidmatan boleh diambil dan dilatih khusus memberi *coaching* di tadika dan prasekolah kerajaan. Perkhidmatan ini akan memberi dorongan dan semangat kepada semua guru-guru tadika dan prasekolah untuk memberikan pendidikan yang terbaik untuk murid-murid mereka.

Mentransformasikan pendidikan di sekolah-sekolah secara umum dan sekolah-sekolah pendalaman secara khusus. Salah satu faktor murid-murid di pendalaman tidak dapat menguasai kemahiran dan pelajaran mereka dengan baik ialah kerana mereka terpaksa mengharungi perjalanan yang jauh setiap hari untuk menghadiri sekolah. Ketidakhadiran di sekolah-sekolah pendalaman adalah sesuatu yang lumrah berlaku. Selain itu, guru-guru besar dan guru di pendalaman kurang akauntabiliti dari segi prestasi mereka.

Prasarana dan kemudahan di kawasan pendalaman menyebabkan ramai guru tidak senang berkhidmat untuk jangka masa yang lama di sekolah-sekolah pendalaman. Maka, kerajaan Sabah ingin mengimplementasikan rancangan-rancangan untuk menangani masalah-masalah yang dinyatakan. Melaksanakan masa pembelajaran yang... *flexi hour*. Sekolah pendalaman boleh mengendalikan hari pembelajaran sebanyak tiga hari seminggu iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang. Makan tengah hari akan disediakan untuk murid-murid pada hari persekolahan.

Pusat pembelajaran pendalaman atau *rural learning center* akan ditubuhkan sama ada di rumah, pusat komuniti atau dibina berdekatan dengan rumah-rumah murid. Mereka boleh pergi ke pusat-pusat ini yang dikelolakan oleh ibu bapa atau ahli keluarga untuk beberapa kelompok keluarga yang tinggal berdekatan pada hari selain daripada hari persekolahan. Pusat-pusat ini akan diperlengkap dengan komputer yang memadai untuk keperluan pembelajaran berdikari. Pada hari-hari selain hari persekolahan guru-guru boleh melawat pusat-pusat ini untuk memastikan aktiviti pembelajaran berjalan.

Kuasa elektrik solar mesti disediakan untuk pusat-pusat ini dan sambungan internet untuk pembelajaran dalam talian dibekalkan. Guru-guru di sekolah pendalaman akan dilatih untuk mengendalikan *blended learning* termasuk *prep classroom*, dengan ini pembelajaran secara berdikari akan digalakkan dan diamalkan lebih berkesan. Perbezaan serta *flexi hours* juga akan dikenakan supaya murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran akan mendapat bantuan yang khusus dan segera untuk mengatasi masalah-masalah pembelajaran mereka. Keempat-empat IPG di Sabah akan digerakkan untuk merangka dan melaksanakan latihan dan perkhidmatan, ini untuk guru-guru di sekolah pendalaman sesuai dengan pendekatan pembelajaran yang disebut di atas.

■1620

Penglibatan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain boleh digunakan untuk pembelajaran berkomuniti termasuk program pembelajaran sepanjang hayat untuk orang dewasa. Dengan ini budaya pembelajaran boleh diterapkan dalam komuniti di kawasan pedalaman.

Selain itu, kerajaan ingin memperluaskan model transformasi Sekolah Amanah (*Trust School*) dengan izin. Rahsia kejayaan modal ini ialah satu pelan spesifik berproses dan bertujuan untuk mengubah suasana pembelajaran dan berpusatkan pelajar serta pemantauan yang rapi dan konsisten untuk jangka masa yang panjang. Kami ingin melatih dengan bantuan dan konsultasi *lead services* untuk melatih semua SIRC dan SIP untuk memberi tumpuan kepada usaha mentransformasikan sekolah-sekolah dalam jangka masa 10 tahun atau lebih sehingga kami merealisasikan sekolah-sekolah di Sabah yang mampu membekalkan pendidikan yang kualiti dan bertaraf dunia.

Kami juga ingin mengadaptasi model Sekolah Amanah yang sekian lama ini dilaksanakan di sekolah-sekolah bandar dan sub bandar untuk digunakan di sekolah luar bandar. Mekanisme-mekanisme sokongan pemantauan kendiri dan pihak luar dan strategi serta teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan sekolah rendah luar bandar akan direka bentuk melalui penyelidikan dan pembangunan yang profesional yang akan diguna pakai sebagai pelan jangka panjang yang bertujuan.

Instrumen untuk memantau dan mengukur implementasi rancangan ini yang tertumpu kepada hasrat pembelajaran berpusat pelajar seperti *co-business* di semua sekolah juga akan direka bentuk untuk menggantikan instrumen yang diguna pakai untuk mengukur keberkesanan sekolah-sekolah di Sabah serta prestasi pengetua guru besar dan guru-guru sebagai agen transformasi pembelajaran. Instrumen ini akan menjadi sumber maklum balas daripada guru-guru kepada pengetua-pengetua dan guru besar dan daripada murid-murid dan pelajar-pelajar kepada guru-guru untuk proses penambahbaikan amalan mereka.

Semua rancangan yang dinyatakan di atas perlu kuasa autonomi dan peruntukkan autonomi harus diberikan kepada Kerajaan Sabah kerana ianya adalah satu rancangan radikal di luar kotak. Kerajaan Sabah memandang dengan serius prestasi pendidikan Sabah yang sekian lama menghadapi kemurungan dari segi pencapaiannya. Semoga dengan kuasa autonomi dan kuasa penentu penggunaan kewangan pendidikan yang diberikan kepada Kerajaan Sabah, kami

akan berjaya mempertingkatkan kualiti pelajaran di semua tahap pendidikan dari pra sekolah sehingga sekolah menengah.

Saya memikul harapan tinggi kepada penduduk Kalabakan khasnya, yang memilih untuk bersama dengan Pakatan Harapan bagi membawa perubahan positif kepada kehidupan mereka. Segala harapan ini hanya akan menjadi kenyataan jika pihak Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan sewajarnya bagi pembangunan Sabah dan Kalabakan khasnya. Sesungguhnya segala kejayaan akan dicapai di Sabah ini pastinya akan memberikan kebaikan kepada Malaysia amnya. Saya mohon menyokong ucapan dasar Belanjawan Kerajaan tahun 2019. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang.

4.23 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan dalam ucapan Bajet 2019 pada petang ini. Saya dengar ada pelbagai ucapan dan saya menyokong penuh ucapan daripada Yang Berhormat Rembau yang mengatakan bahawa bajet ini banyak *copy paste* sahaja dan juga tadi pun dibangkit bajet ini bukan hendak menolong rakyat. Bajet ini boleh dikatakan yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana.

Saya tengok sudah tiada apa yang baharu kecuali satu. Satu yang saya tengok yang cuba dibawa ialah Skim Perumahan ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mohon mencelah boleh?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang dinamakan ‘Skim *Fund MyHome*’. Ya?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh mencelah?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baru mula lagi ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tadi ada sebut sedikit ada hendak tanya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ah?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tadi ada ayat sebut tadi saya hendak tanya. Yang berkaitan yang sudah disebut.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey. Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang sebut bajet ini *copy paste*. Pada masa yang sama Yang Berhormat Tanjong Karang sebut bajet ini mengutamakan orang kaya berbanding orang miskin. Itu bermaksud bajet Barisan Nasional dahulu mengutamakan orang kaya dan menolok orang miskin. Betul?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tunggu jangan keluar Dewan. Saya akan beri hujah nanti. Okey? Tunggu jangan keluar. Bagi saya – saya akan sentuh isu itu nanti. Baik. Apa yang baharu kita tengok ada satu skim. Skim perumahan namanya *Scheme Fund MyHome*. *Scheme Fund MyHome* ini kita hendak tanya ini, kita tidak berapa jelas baru-baru ini pun saya tengok Menteri Pembangunan Keusahawanan pun ada buat komen di dalam surat

khabar. Jadi sama ada skim ini dibincang dengan Bank Negara ataupun idea Menteri Kewangan sendiri ataupun telah dibincangkan dalam Kabinet? Sehinggakan Menteri pun tertanya-tanya skim ini.

Skim *Fund MyHome* ini kalau kita tengok *info*-nya ialah skim ini adalah milik *The Edge Properties* syarikat swasta. Ini bukan milik kerajaan, jadi skim ini hendak tolong rakyat ataupun hendak tolong kroni? Secara dasarnya yang saya faham kalau salah Menteri Kewangan kena betulkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tanjung Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baru hendak mula.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Oh baru hendak mula?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi skim dahulu, habiskan skim dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baru hendak mula.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak bagi skim tadi disentuh juga oleh Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau ada sentuh secara ringkas. Skim ini kita tahu bahawa bayar 20 peratus harga rumah kemudian tidak perlu bayar apa-apa untuk lima tahun. Ini untuk *first buyer*-lah baki 80 peratus dibayar peminjam, dana, pelabur, ataupun institusi kewangan. Jika nilai rumah yang meningkat dalam masa lima tahun, keuntungan akan dikongsi dengan peminjam dana 80 peratus. Jika nilai rumah menurun dalam masa lima tahun ia ditanggung oleh pembelinya. Untung *share*, bila turun pembeli kena tanggung.

Ertinya, selepas lima tahun pembeli boleh timbang sama ada hendak terus beli ataupun kalau hendak beli, kena beli mengikut harga pasaran. Ataupun kalau dia tidak hendak beli dia boleh jual rumah itu untung kena kongsi bersama. Skim ini. Jadi skim ini, apakah benar apa yang saya cakap saya tidak tahu ini maklumat yang saya dapat. Ini kerana ini skim baharu, bukan saya kata, Menteri pun keliru. Jadi kalau inilah dasar yang dibuat menunjukkan bahawa *Scheme Fund MyHome* ini apa kesan dia kepada pembeli? Skim ini sebenarnya bertujuan untuk menarik minat pelabur yang ingin mendapatkan pulangan secara konsisten tanpa perlu menanggung risiko yang agak besar dengan nilai pelaburan permulaan yang rendah.

Apa yang bakal paling untung di sini adalah pemaju yang akan dapat menjual stok harta tanah tidak terjual pada harga yang mereka mahu. Kemudian individu yang menyertai skim ini tentulah individu yang tidak berjaya mendapat pinjaman bank. Akan tetapi mereka kena cari 20% untuk bayar. Apa akan berlaku? Bermakna *first buyer* ini dia kena *maybe* dia kena buat *personal loan* secara peribadi. Kemudian dia ataupun – dia kena cari *personal loan* ataupun kalau dia mampu untuk dapat 20 peratus mengapa tidak diberikan pinjaman secara pinjaman biasa.

Justeru itu, ianya akan menggalakkan masyarakat membuat *personal loan* bagi membolehkan mereka untuk memiliki rumah di bawah skim ini disebabkan ketidakmampuan kewangan. Skim ini akan melahirkan lebih ramai pemilik rumah kali pertama. Betul, ramai akan dapat rumah kali pertama bayar 20 peratus sahaja. Akan tetapi kena tengok kesannya selepas

lima tahun apa akan jadi? Maka mereka baru sedar bahawa mereka tidak ada kemampuan kewangan mereka untuk memiliki sepenuhnya rumah tersebut.

Oleh itu, kalau pembeli ini gagal melayakkan dirinya untuk mendapatkan pendapatan yang secukupnya terutama sekarang ekonomi tidak menentu mungkin ramai yang kena berhenti kerja dan sebagainya dia pun tidak ada duit Tuan Yang di-Pertua. Rumah yang dia duduk lima tahun bayar 20 peratus, apa dia hendak buat rumah ini? Akhirnya dia kena jual. Jual kongsi keuntungan. Siapa yang dapat untung? Yalah, pelabur. Apa kesannya? Kesannya ialah *ownership* rumah itu sudah hilang. Jadi bagaimana matlamat kerajaan hendak mencapai matlamat supaya rakyat lebih banyak ada rumah sendiri. Akhirnya rakyat lima tahun dapat rumah lepas itu tiada maka rancangan kerajaan untuk memastikan rakyat dapat rumah *ownership* ini akan berkurangan.

Lebih-lebih lagi golongan bumiputera. Ini kerana kita tahu kita juga hendak dapatkan ekuiti yang sama supaya golongan-golongan bumiputera juga dapat memilik rumah. Akan tetapi dengan dasar yang ini di mana hak istimewa ataupun kuota-kuota yang diberikan kepada bumiputera? Kalau ada diskau-diskau yang tertentu adakah diambil kira?

■1630

Jadi ini dasar yang baru yang saya tengok dasar ini kalau kita laksanakan akan menguntungkan kroni daripada rakyat. Ya sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya ingin membacakan di sini satu tulisan Ketua Pengarang sebuah akhbar yang berpengaruh di Malaysia menyatakan bahawa konsep yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang itu yang disebut dalam bajet konsep *peer to peer* (P to P), mungkin baharu di negara kita. Namun sudah dipraktikkan meluas di negara China dengan pelbagai masalah dikhabarkan membelenggunya. Wajar sekali kerajaan teliti corak pelaksanaan konsep sama di China sebagai panduan merangka mekanisme *Fund My Home* supaya impak negatifnya tidak melebar ke negara kita. Jadikan kes di China sebagai panduan apabila ratusan platform *peer to peer* bungkus hingga impak ditanggung peserta serta cukup hebat dari segi kewangan dan beban perundangan. Jadi ini satu cerita benar di negara China, skim itu gagal.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong karang]: Setuju. Sebab itu saya kata dia tidak ada dasar yang baharu. Hendak cuba kenalkan dasar yang baharu. Jadi kalau kenalkan dasar baharu tidak dibuat kajian teliti, itu kesannya. Seperti mana yang Yang Berhormat Pontian cakap tadi. Oleh sebab kerajaan baharu ini Tuan Yang di-Pertua, dia agak keliru. Hendak beza isytihar harta dengan isytihar pendapatan pun tidak boleh beza. Yang disuruh isytihar harta, bukannya isytihar *income*. Ini heboh dalam surat khabar *income* dia dapat 80 ribu. Waktu kami dulu dalam kerajaan, saya, Menteri semua, kita Menteri kena isytihar semua. Tanya Ketua Pembangkang. Harta apa yang kita ada. Bukannya pendapatan. Jadi macam mana hendak memimpin negara kalau hendak beza *income* dengan aset pun tidak tahu beza. Macam mana hendak buat satu bajet yang boleh beri faedah kepada rakyat? Saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua. Masalah ini zaman saya dahulu menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong karang]: Okey. Pendek sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Untuk makluman, sebenarnya pihak SPRM sepatutnya mengisyiharkan semua harta benda. Akan tetapi telah diumumkan bahawa telah berlaku satu kesilapan dan saya yakin bahawa dalam masa yang terdekat pengisyiharan itu akan dibuat. Jadi setuju Yang Berhormat yang di sebelah sana juga boleh mengisyiharkan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong karang]: Okey, tidak apa lah. Itu apa yang saya baca. Apa yang diheboh-hebohkan. Akan tetapi tidak apa lah. Saya hendak bagi contoh sahaja lah. Okey saya masa zaman Barisan Nasional memerintah, kita juga pernah mencadangkan .

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita sudah isytihar dahulu masa kita dalam kerajaan. You mana ada masa itu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong karang]: Okey tidak apa. Saya hendak pergi kepada perumahan ini.

Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon: Teruskan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong karang]: Saya hendak bagi tahu waktu Barisan Nasional memerintah, kita mencadangkan. Saya sendiri waktu Menteri KPKT kita hendak cadang dahulu, supaya kita tengok rumah banyak. Orang hendak pinjam bank susah. Jadi kita cadang dahulu, saya pernah cadang supaya pemaju-pemaju perumahan ini bagi lesen peminjam wang supaya rumah-rumah mereka kita tahu pemaju ini dia hendak *win-win situation*. Dia hendak rumah dia laku dan dia tidak mahu menyusahkan pembeli pada masa itu. Kita baru cadang sahaja. Belum pergi *in detail* lagi.

Saya tengok pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, yang kuat menentang ini Ketua Menteri Pulau Pinang lahir ketika itu. DAP. Ini saya boleh baca ini. Kerajaan Pulau Pinang tidak beri kebenaran pemaju beri pinjaman kewangan. Ketua Menteri rayu Kerajaan Pusat jangan halalkan Ah Long perumahan. Termasuklah PKR ini beri lesen pembiayaan kepada pemaju perumahan, keputusan gila. Akan tetapi kita pada masa itu kerajaan yang prihatin. Kita dengar masalah rakyat. Maka saya bawa kepada kabinet. Bila kabinet, bekas Timbalan Perdana Menteri pun mempersoalkan saya, ini menyusahkan rakyat. Kalau kita bagi kepada pemaju perumahan, pembeli dia kena bayar apa? Kena bayar hutang bank dan dia kena bayar juga hutang pemaju perumahan. Walaupun pemaju perumahan bersetuju hendak bagi *interest* ikut kadar bank. Bila kita bincang ini menyusahkan rakyat dan mungkin menguntungkan perumahan. Kita tidak laksana dasar ini. Betapa prihatinnya kita kepada masalah rakyat.

Begitu juga kalau kita ingat dulu, ada satu dasar *developer interest bearing skim* (DIBS). Ini kita tahu siapa beli rumah, bayar sahaja deposit 10 peratus, tidak payah bayar apa-apa. Cukup masa rumah siap, CF keluar, barulah mula bayar *instalment* kepada bank. Itu satu skim yang baik. Akan tetapi akhirnya bila kita lihat skim ini akan merugikan pembeli, maka Bank Negara

mengarahkan supaya skim DIBS ini dimansuhkan. Jadi beberapa cara kita buat bagaimana kita hendak membantu masalah.

Kemudian saya dengar Menteri Kewangan pula menyatakan bahan-bahan binaan dikecualikan daripada SST. Boleh mengurangkan 10 peratus harga rumah. Saya hendak cabar. Betul ke tidak betul kurangkan SST pada barang binaan ini boleh mengurangkan 10 peratus harga rumah? Kerana kita kena ingat harga rumah ini bukan sahaja bergantung pada bahan-bahan binaan. Harga tanah, harga premium tanah, dan berbagai-bagai caj lagi yang dikenakan oleh kerajaan negeri. Kerajaan negeri yang menentukan harga rumah ini. Jadi sebab itu kadang-kadang kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Menteri ini bermakna dia pun tidak tahu apa yang dia cakap. Ya, sila Yang Berhormat Larut.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya apabila mendengar Yang Berhormat Tanjong Karang bangkitkan tentang isu harga rumah ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang. Apa salahnya kalau benar-benar kita hendak membantu rakyat, kita jadikan skim kawasan rumah yang kita rasa mampu milik oleh rakyat ini, infrastrukturnya diambil alih oleh kerajaan. Maknanya kerajaan yang bayar tentang kos jalan, *drainage*. Jadi semua kos ini kalau dapat dikurangkan maka harga perumahan untuk rakyat yang mampu milik ini dapat di miliki oleh ramai rakyat dalam negara. Apa pendapat?.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong karang]: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Itu satu cadang yang baik yang pernah kita hendak buat. Akan tetapi pada masa itu kita menghadapi juga permasalahan dengan kerajaan negeri. Bila hendak buat rumah ini, ada kaitan dengan pihak kuasa kerajaan negeri. Jadi kerana itu saya hendak ingatkan kepada kerajaan. Menteri KPKT terima kasih lah, bersama-sama.. Supaya sebelum hendak buat umum dasar ini, kena kaji dahulu, supaya jangan mengelirukan rakyat.

Saya hendak ucap terima kasih kepada menteri KPKT. Tahniah menang jadi Naib Presiden yang baik PKR. Tetapi bagus, dia menang. Jadi PKR ini kadang sama juga. Hendak memerintah negara. Hendak membuat pemilihan PKR pun bergaduh macam bergaduh dengan *barbarian*. Bergaduh tidak habis-habis. Sistem pun tidak betul. Akan tetapi tidak apa lah Menteri KPKT hebat, menang. Beliau seorang pemimpin yang terbuka. Tidak salah pilih beliau sebagai Presiden. Dia meneruskan dasar kita. Saya bukan hendak puji. Kenyataan.

Skim *My Home* saya dengar saya dapat maklum akan diteruskan. *My Home*, ada dua skim ini. *My Home* dan juga lagi satu *My Deposit*. Ini punya baik kerajaan. Ini yang saya kata yang mana baik kita ikut. Kita bagi kepada pembeli sampai 10 peratus. Kalau rumah 300 ribu, kita bagi *free* sahaja. Bagi *free* kepada *first buyer*, 30 ribu. Bukananya hendak suruh rakyat bayar. Bagi percuma. *No loan* tau. Bagi *free*. Kita bagi itu skim. Tapi terima kasih skim ini diteruskan.

Saya juga harap kepada Menteri KPKT. Ini rumah transit belia ini diteruskan juga. Kita buat rumah transit belia. Kita tahu belia M40. Dia hendak mula. Hendak pinjam bank susah. Kita buat rumah berbentuk studio, duduk 5 tahun. Cukup 5 tahun bayar ansur bulan-bulan. Bayaran sewa itu dikira sebagai *part payment*. Kita pulangkan balik. Itu cara kita hendak tolong rakyat. Bukan hendak menyusahkan rakyat. Bukan hendak menguntungkan kroni.

Saya harap *rent to own* ini untuk rumah PPR. Yang Berhormat Menteri saya faham yang rumah PPR di Kepong ataupun di Jinjang itu yang diserah kepada Dewan Bandaraya saya dimaklumkan rumah itu sepatutnya dibuat *rent to own* tetapi Dewan Bandaraya dia tidak mahu ikut sistem *rent to own*. Jadi saya harap Menteri ambil perhatian kerana itu secara umum untuk PPR, *rent to own*. Orang miskin hendak pinjam duit 35 ribu. Mana ada *pay slip* semua. Terima kasih kepadayang baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat tentang kenyataan menguntungkan kroni itu. Boleh Yang Berhormat perjelaskan perkara itu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong karang]: Saya sudah tidak mula tadi. Ini kalau

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tetapi kenyataan itu tidak memberi apa-apa butir-butiran.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong karang]: Yang Berhormat, Skim *Fund Home* ini yang untungnya siapa? *Developer* lah. Dia tidak ada *problem*. Rumah laku dijual. 5 tahun dia jual tetapi lepas itu cukup 5 tahun dia jual pula ikut harga pasaran. Sudah lah saya tukar tajuk lain lah. Yang Berhormat tidak faham lah apa yang saya cakap. Baik itu.

Kedua, tadi Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai saya kata yang *copy paste*. Hendak *copy paste*, *copy* betul-betul lah. Jangan lah separuh-separuh. Contoh ini pertanian. Saya hendak tanya. Jumlah pertanian untuk kita punya bantuan subsidi baja. Subsidi baja padi potong 50 peratus. Ikut kita tetapi potong 50 peratus. Insentif pelaburan padi potong 50 peratus. Elaun sara hidup nelayan potong 38 peratus. Elaun sara hidup nelayan darat potong 28 peratus.

■1640

Bantuan musim tengkujuh langsung ‘yillek’, tidak ada. Bantuan-bantuan padi sementara orang tua-tua dahulu kata “*Berjagung-jagung dahulu, sebelum padi masak*”. Kita kenalkan sebelum padi dituai, tiga bulan kita bagi elaun. Tidak ada, tidak ada. Jadi, saya hendak tanya, mengapa dikurangkan? Oh, tadi dia kata, Yang Berhormat Port Dickson pun kata, Yang Berhormat Menteri Kewangan pun kata ini untuk mengelakkan ketirisan. Betul, saya pun setuju. Kalau betul ada ketirisan buat kajian dahulu. Janganlah mengamalkan dasar dakwa dahulu baru siasat. Ini pun masalah juga. Dakwa dahulu baru siasat, hukum dahulu baru hendak siasat.

Ini saya hendak tanya, bila ada pengurangan 50 peratus ini? Nelayan 50 peratus. Ini bermakna kalau hal ini nelayan 70 ribu dapat elaun hanya tinggal 50 peratus dapat. Baru 35 ribu sahaja dapat, memang betul ada. Bagaimanakah pegawai hendak menilai 35 ribu ini? Adakah pemutihan telah dibuat lebih awal? Sepatutnya buat pemutihan dahulu. Buat pemutihan daripada 70 ribu tengok-tengok hanya 60 ribu sahaja layak. Jadi bayarlah kepada kuota 60 ribu ini, bukannya – ini tidak. Pemutihan belum selesai, tetapi telah dipotong bajet dengan alasan hendak mengelakkan penyelewengan. Esok, kalau dibuat kajian tengok-tengok daripada 70 ribu, 60 ribu layak dapat. Sejumlah 10 ribu ini mungkin tidak layak dapat. Apa nasib yang 10 ribu ini yang patut layak dapat?

Begitu juga dengan benih padi. Hari ini kita sudah tahu bahawa satu ekar, satu ekar kalau tidak silap saya ada lebih kurang tujuh ataupun lapan bantuan baja. Apabila potong separuh saya hendak tanya, adakah bilangan baja, bilangan kampit baja ini akan dipotong? Oleh sebab bajet tinggal separuh. Kalau hari ini katalah seorang pesawah dapat 10 kampit. Oleh kerana potong bajet ini 50 peratus, adakah pesawah hanya dapat lima peratus? Atau adakah bilangan pesawah katalah ada 100 ribu, sudah potong bajet 50 peratus hanya 50 ribu sahaja yang layak dapat bantuan berdasarkan kepada peruntukan yang ada ini. Ini lah jawapan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi. Kalau hendak ikut, ikut betul-betul lah Yang Berhormat Lembah Pantai. Akan tetapi Yang Berhormat Lembah Pantai ini kadang-kadang antara beza rumah PPR dengan rumah mampu milik pun tidak faham, Yang Berhormat Menteri. Sekolahkan dia. Suruh Yang Berhormat Menteri KPKT bagi sekolah kepada Yang Berhormat Lembah Pantai ini.

Juga sebut fasal miskin. Yang Berhormat Lembah Pantai, saya hendak beritahu. Waktu Barisan Nasional memerintah dahulu, kita memberi pembelaan kepada miskin bandar. Kita bagi RM300 juta, di mana kita tahu orang dalam bandar lif pun masalah. Rumah-rumah kos rendah lifnya rosak, bumbungnya bocor, rumah tidak cat. Saya pergi menitis air mata saya tengok rumah 16 tingkat lif pun rosak. Apa yang kita buat? Kita beri peruntukan khas. Ini kerana kita kata lif ini sebagai jalan. Kalau di luar bandar, jalan rosak kerajaan bagi peruntukan. Akan tetapi dalam bandar, lif rosak mengapa kerajaan tidak tololong baiki lif? Lif ini sebagai jalan tetapi tidak ada disebut. Jadi bermakna, mana? Itu yang saya kata tadi yang miskin bertambah miskin, yang kaya bertambah kaya. Mana pembelaan untuk orang miskin? Bukan sahaja di luar bandar Tuan Yang di-Pertua, termasuk dalam bandar. Apa pembelaan yang dapat rakyat miskin bandar ini?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, *last* sekali poin saya fasal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Marang tadi, ICERD. Saya setuju, saya pun hendak mintalah – tololnglah. Ini yang buat kenyataan ini Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ini dahulu daripada HINDRAF tidak silap saya.

Seorang Ahli: HINDRAF.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Janganlah buat kenyataan kalau belum bincang di dalam Kabinet. Kami dahulu sebelum apa-apa dasar hendak buat bincang dahulu. Ini dasar-dasar baharu. Apabila dia buat kenyataan, menimbulkan kemarahan kepada orang. Tadi Yang Berhormat Marang cakap, berjuta PAS akan keluar. Saya pun hendak beritahu, ini kami punya Presiden pun ada. Kalau PAS pun boleh keluarkan berjuta, UMNO juga akan keluarkan berjuta ahli kita untuk kita menolak ICERD. Apa kepentingannya?

Sampaikan bukan sahaja NGOs, bukan sahaja parti politik sampaikan bekas-bekas ketua hakim, pakar-pakar undang-undang, ini saya beritahu ini. Orang gila sokong ICERD, bukan saya cakap. Yang cakap ialah Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, seorang pakar daripada Perlembagaan. Naratifnya kalau sudah orang veteran macam ini kata siapa yang menyokong ICERD ini orang gila, memang betullah siapa yang sokong semua orang gilalah ini, bukan saya cakap. Ini kerana kita kena bezakan di antara sejarah negara kita.

Saya bukan - Yang Berhormat Jelutong kena dengar. Saya – Yang Berhormat Jelutong, you kena dengar. Dengar ini ucapan, dengar. Ini ucapan Presiden MIC merangkap Menteri Kerja Raya pada Jun 1965 berucap di Dewan Rakyat yang mulia ini. Apa dia cakap? “*Seperti yang saya nyatakan*” ini bukan saya cakap ya. Ini Tun Sambanthan cakap. “*Saya amat berasas baik kerana dilahirkan di negara ini. Di manakah anda boleh berjumpa bangsa yang lebih prihatin, bersopan-santun dan tertib selain daripada bangsa Melayu? Di manakah anda boleh mendapat politik yang baik untuk kaum pendatang? Di manakah dalam sejarah dunia saya bertanya kepada anda. Ini adalah fakta. Siapakah anda untuk menjaga keselamatan kami? Saya adalah kalangan 10 peratus kaum minoriti di sini tetapi saya amat gembira tinggal di sini.*”

Ini bukan saya cakap, ini bapa kemerdekaan kita. Ini bapa Tun Hussein Onn bercakap pula, Tun Hussein Onn pernah cakap. Apa dia cakap? “*Orang Melayu menerusi UMNO bermurah hati melonggarkan syarat-syarat dalam undang-undang negara ini sehingga dalam masa 12 bulan selepas kemerdekaan, 90 peratus penduduk bukan Melayu menjadi warganegara. Ini berbeza dengan keadaan sebelum merdeka di mana 90 peratus daripada mereka masih tidak diiktiraf sebagai rakyat Tanah Melayu walaupun hampir 100 tahun hidup di bawah pemerintahan penjajah. Sebagai membalaikemurahan hati orang Melayu, MCA dan MIC bersetuju meneruskan dasar memelihara dan menghormati kedudukan istimewa orang Melayu dan dalam masa yang sama mempertahankan kepentingan-kepentingan sah kaum yang lain.*” Inilah yang tahu berterima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Tanjong Karang minta...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa yang saya cakap ini ia ada di dalam Perlembagaan. Memang betul Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, sikit. Saya hendak ulas fasal ICERD.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tolong rumuskan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya akan gulung. Saya akan gulung. Ini Perlembagaan. Kalau kita tengok...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan Yang Berhormat?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nanti, saya hendak gulung. Saya hendak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hendak gulung sudah, gulung sudah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau ikut Perlembagaan memang betul lah. Kita kata hak-hak kebebasan. Perkara 153 semua orang tahu. Malah dalam Artikel 11 kebebasan beragama, memang kita akui tetapi jangan lupa baca sampai habis. Kebebasan

beragama tertakluk kepada fasal 11(4). Apa fasal 11(4) kata? Agama-agama lain tidak boleh disebarluaskan di kalangan orang-orang Islam.

Kita ada di sini *Article 8, Equality before the law*, hak yang sama dari segi undang-undang, disebut. Bahawa kalau kita sebut *last sekali*, apa dia sebut? Bahawa askar Melayu hanya untuk orang Melayu. Adakah ini satu diskriminasi? Oleh kerana inilah yang dikatakan *social contract*. Orang Melayu sudah berkorban, kita berkorban di mana kalau ikut *Malayan Union* dahulu, kalau ikut datuk nenek orang Melayu dahulu berarak melawan *Malayan Union*. Oleh sebab apa kita melawan? Ini kerana orang Melayu tidak bersetuju hendak bagi kerakyatan secara jus soli kepada bukan Melayu. Akan tetapi kerana kita ini bangsa baik, seperti mana Tun Hussein Onn kata, sebagaimana Tun Sambanthan kata, kita bertolak ansur. Ayuh, kamu jadilah rakyat negara kita tetapi jangan lupa hak istimewa orang Melayu, kedudukan Raja-raja, tujuh wasiat Raja-raja Melayu ditulis di dalam Perlembagaan. Janganlah diungkit lagi.

Yang Berhormat Jelutong kata Yang Berhormat Pasir Salak perkauman. Apa erti perkauman? Salah kah kalau saya kata bahawa sesiapa yang menyokong ICERD ini ialah orang yang perkauman yang hendak menimbulkan huru-hara. Terbukti, PAS pun kata hari ini, esok, lusa ada lagi demonstrasi. Apa akan jadi? Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jangan cakaplah, cukup-cukuplah. Sudah 60 tahun punya isu hendak dibangkitkan lagi? Untuk apa?

Jadi sebab itu saya hendak minta supaya pihak sana kena faham bahawa UMNO bukanlah parti pembangkang, bukanlah perkauman. Kita menjalankan dasar yang termaktub dalam Perlembagaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Oleh itu – oleh kerana belanjawan ini belanjawan yang miskin bertambah miskin, yang kaya bertambah kaya maka saya menolak bajet ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya ingin memanggil seterusnya...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, lupa hendak beritahu apa Tunku beritahu. Patut... *[Pembesar suara dimatikan]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya menjemput seterusnya Yang Berhormat Puncak Borneo.

4.49 ptg.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya ucapkan terima kasih kerana diberi ruang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019. Kita sering mendengar kerajaan kata prihatin, prihatin, prihatin dan prihatin sejak zaman Barisan Nasional lagi. Sudahlah, keprihatinan tidak mencukupi. Kita ingin pembangunan terlaksana dan nasib rakyat supaya terbela. *We want this government to deliver...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dengan izin.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: ...not giving excuses as results speak louder than anything else, dengan izin.

■1650

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tengok itu kamera depan. [Ketawa]

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah menjadi kerajaan sudah hampir enam bulan. Rakyat Sabah dan Sarawak di luar sana menunggu keputusan Jawatankuasa Khas Perjanjian Malaysia 1963. Saya memohon keputusan untuk mengangkat Sabah dan Sarawak sebagai sebuah wilayah dan diberi autonomi penuh adalah amat dialu-alukan pengiktirafan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sebagai wilayah mampu membawa kemajuan besar bagi negara kita.

Ini terbukti di persada global di mana di negara China, Hong Kong sebagai wilayah pentadbiran khas, sistem pemerintahan Hong Kong adalah berasingan dari Tanah Besar China, namun negara China tampil sebagai gergasi dunia dan membela nasib rakyat mereka. Walaupun negeri-negeri mereka miskin, akan tetapi mereka telah mampu membasmikan kemiskinan sebanyak 700 juta hanya dalam jangka masa 30 tahun dan membela nasib rakyat mereka.

Walaupun negeri-negeri dalam negara Amerika Syarikat yang mempunyai undang-undang mereka sendiri dan mempunyai autonomi, namun negara Amerika Syarikat maju dan makmur. Ini membuktikan *decentralization, devolution and autonomous power* dengan izin mampu memajukan negara dengan pantas dan mampan. Maksud mampan itu *sustainability* – ada orang tanya tadi.

Saya percaya hanya Pakatan Harapan sahaja yang mampu menunaikan dan mengiktiraf dan mengembalikan Perjanjian 1963 ini. Kembalilah hak Perjanjian Malaysia 1963. Kalau Kerajaan UMNO Barisan Nasional dan GPS dahulu tidak dapat tunaikan, biarlah kerajaan Pakatan Harapan melakar sejarah kerana anak-anak Sarawak dan juga anak Sabah, kita pada masa akan datang akan berkata “Terima kasih Kerajaan Pakatan Harapan.” Ini kerana Perjanjian Malaysia 1963 telah dikembalikan dan diiktiraf semula. Mereka akan ingat dan sokong kita sampai bila-bila. Akan tetapi jika kita lalai juga kita akan menerima nasib seperti UMNO Barisan Nasional yang terkubur pada PRU14 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkilan kerana tidak ada peruntukan belanjawan untuk kerja-kerja sukat dan keluar geran tanah NCR untuk negeri Sarawak. Saya sedia maklum bahawa ini adalah di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Namun, Kerajaan Pusat juga perlu berperanan untuk membantu kami. Semasa kerajaan dahulu, sebanyak RM120 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Namun, di kawasan saya, cuma dua kampung sahaja yang telah disukat dan diberi geran iaitu Kampung Sekuduk dan Kampung Pisa, itu pun geran jenis Seksyen Enam sahaja.

Kami rakyat Sarawak khasnya orang-orang Dayak amat berharap agar tanah NCR kami dilindungi daripada segelintir pemimpin GPS yang tamak, rakus dan rampas tanah adat kami secara zalim dengan bertopengkan naratif sebagai pejuang dan pembela hak rakyat Sarawak.

Akan tetapi mereka inilah yang menghancurkan harapan kami menjadi debu, mereka inilah dalang penghalang untuk bangsa lain untuk maju di Sarawak. Oleh sebab itulah kami di Parlimen Puncak Borneo bangkit menolak mereka dan memilih harapan sejati dalam Pakatan Harapan. Oleh itu, bantulah kami dengan memberi peruntukan khas untuk menyukat tanah-tanah NCR kami. Tanah kami, hidup kami.

Tuan Yang di-Pertua, ada suara-suara membangkitkan isu perkauman. Usah mereka berbicara soal tanah ini Tanah Melayu kerana kalau sejarah menyajikan kita bahawa kita pernah membayar ufti kepada negara Thailand suatu ketika dahulu. Sejarah dan fakta tidak pernah berbohong. Tanah ini tanah orang asal, tanah orang asal, orang Dayak seperti kami. Namun kami tidak pernah sepatah kata pun persoalkan mana-mana bangsa dalam negara ini. Usahlah label bangsa-bangsa lain pendatang kerana kami inilah orang jati rakyat Malaysia. Malah kami sanggup berkongsi negara ini dengan mana-mana rakyat Malaysia. Negara ini negara kita.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Awak seorang saja yang cakap macam itu.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tanah ini tanah kita untuk seluruh rakyat Malaysia tanpa menidakkan hak orang Melayu, tanpa menidakkan hak Bumiputera Sabah dan Sarawak. Jangan mana-mana ada individu yang cuba menghancurkan perpaduan negara ini. Malah negara ini apabila diserang oleh pasukan komunis, askar-askar daripada Sabah dan Sarawak lah yang mempertahankan negara ini. Ini sejarah, ini fakta. Bukan sahaja orang Melayu yang membela tanah ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masuk video itu janganlah sampai buat cerita yang bukan-bukan.

Dalam Belanjawan 2019, saya tidak ada melihat secara khusus dan konkrit kesungguhan kerajaan untuk memformulasikan strategi untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan. Saya memberi penekanan terhadap perkara ini kerana jika golongan penganggur negara kita mempunyai pekerjaan dan mempunyai pendapatan boleh belanja yang tinggi, sudah tentu walaupun harga barang meningkat, ia tidak akan menjadi masalah. Ini kerana mereka mampu membayarnya dengan pendapatan boleh guna yang tinggi.

Namun, saya amat kecewa dengan cara pengambilan perkhidmatan awam, syarikat GLC yang ada ketempangan dan kepincangan. Saya menyaksikan sendiri ketempangan ini dengan mata sendiri. Segelintir anak-anak Bumiputera bukan Islam di Sabah dan Sarawak tidak diberi ruang dan peluang yang sewajarnya. Ini cukup tidak adil bagi mereka. Mereka ini dipandang dan diberi layanan kelas ketiga sedangkan mereka ini cukup layak dan memenuhi syarat untuk diberi pekerjaan. Cukuplah, hentikanlah diskriminasi ini, pada zaman Malaysia baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa, acap kali kita ajukan projek-projek pembangunan di kawasan kita, kita sering diberi jawapan, kerajaan mempunyaikekangan kewangan, projek dikaji semula. Saya mohonlah, janganlah kita memperlakukan pembangunan di Sabah dan Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan Parlimen Puncak Borneo. Semasa kempen kita memperjuangkan hak Sabah dan Sarawak, bila kita menang kita kata kita akan

pertimbangkan kepada Sarawak bila kedudukan kewangan pulih. Ini seolah-olah menghukum rakyat negeri Sabah dan Sarawak. Kita rakyat Sabah dan Sarawak ingin melihat pembangunan itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen Puncak Borneo banyak sekolah yang daif yang harus dinaiktarafkan dan diperbaiki dengan kadar yang segera – sekolah SMK Tun Razak, SK Serumbu, SK Simpang Kuda dan banyak sekolah yang daif yang perlu diberi perhatian. Mereka ini pintu gerbang mereka pecah, tingkap mereka pecah dan kedudukan sekolah ini amat daif perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Di Puncak Borneo, saya juga memohon supaya permohonan untuk bekalan air terawat disegerakan di kawasan Kampung Petag, Kampung Bangau, Kampung Serdang, Kampung Munggu Kopi, Kampung Sebemban, Kampung Tanah Putih – saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah memperuntukkan sebanyak RM129 juta untuk seluruh kawasan Puncak Borneo untuk selesaikan masalah air terawat dan saya juga telah dimaklumkan bahawa projek ini sedang dalam proses konsolidasi.

■1700

Kita di Parlimen Puncak Borneo, Jalan Bau-Kuching beralun gelap gelita, Jalan Padawan bengkang-bengkok, Jalan Puncak Borneo gelap gelita berbahaya dan sering mengundang kemalangan maut. Oleh itu saya memohon supaya permohonan untuk menaik taraf Jalan Bau-Kuching seperti mana yang telah diajukan dalam RMKe-11 dapat disegerakan. Saya juga merayu supaya projek lampu Jalan Puncak Borneo dapat disegerakan. Bantulah kawasan saya, rakyat saya di Puncak Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik hasrat baik Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan syiar Islam di negara ini dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion tahun 2019. Namun saya amat kecewa kerana tiada peruntukan langsung diberi kepada agama-agama lain di negara ini oleh kerajaan persekutuan. Ini secara tidak langsung memperlekehkan usaha dan agama-agama lain untuk memperkasakan dan melahirkan insan yang berpegang teguh kepada ajaran agama. Kenapa begitu sukar oleh kerajaan baharu ini membantu agama lain yang juga berperanan membina rakyat Malaysia yang mempunyai tahap kemapanan rohani, akhlak dan etika yang utuh.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kesanya amat besar, sebab jika rakyat kita mempunyai nilai rohani, akhlak dan etika yang tinggi, negara kita akan mempunyai rakyat yang berhemah tinggi. Di kawasan Puncak Borneo, saya sering dihujani oleh pelbagai permohonan untuk membina gereja-gereja, tokong-tokong, rumah gawai dan sebagainya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Puncak Borneo. Saya ingin mencelah sedikit, hendak bantu ini.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya tidak beri laluan sebab banyak lagi—

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya nak bantu sebab kita kerajaan GPS menawarkan untuk membina gereja-gereja melalui UNIFOR.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya tahu ada UNIFOR, akan tetapi saya bercakap tentang—

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya cadangkan Kerajaan PH untuk ikut modul GPS ini untuk membantu.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Itu saya dalam ucapan saya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita boleh membantu, okey?

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey saya masukan dalam ucapan saya. Namun saya tidak mampu membantu secara total kerana peruntukan Parlimen yang amat kecil. Oleh sebab itu saya memohon dan merayu supaya Kerajaan Persekutuan dapat membentuk satu tabung khas untuk membantu agama-agama lain yang berhasrat membina tempat keagamaan dan aktiviti mereka demi melahirkan banyak rakyat Malaysia yang mempunyai hemah yang tinggi dan takut akan ajaran tuhan

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh kenaikan cukai fi dan levi ke atas sektor perjudian. Namun kenaikan ini juga akan menggalakkan aktiviti judi haram. Sekarang amat mudah untuk rakyat di luar sana untuk berjudi. Mereka hanya perlukan *handphone*. Baru-baru ini saya telah didatangi oleh syarikat-syarikat judi berlesen yang beroperasi di Sarawak mengatakan bahawa mereka telah kehilangan sebanyak 80 peratus daripada *market share* dengan izin. Ini secara tidak langsung merugikan kerajaan daripada mendapat hasil cukai. Oleh dengan itu, saya memohon supaya kerja-kerja *enforcement* dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan menyalurkan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi membantu semua pekebun kecil kelapa sawit amatlah dialu-alukan. Namun kerajaan juga harus memperbanyakkan produk hiliran berdasarkan kelapa sawit demi untuk memperkasakan harga kelapa sawit yang boleh menjadi lebih tinggi supaya permintaan domestik terhadap kelapa sawit meningkat. Pada hari ini kita terlalu bergantung kepada pasaran eksport mentah kelapa sawit. Bayangkan kita mampu mencipta banyak produk hiliran untuk pasaran domestik dan eksport, sudah tentu suatu hari nanti kita bukan sahaja boleh menjadi pengeksport produk hiliran yang besar, malah negara kita juga boleh menjadi pengimpor hasil sawit mentah untuk produk hiliran kita yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan menyumbangkan 14.9 peratus KDNK ataupun RM201.4 bilion pada tahun 2007. Oleh itu saya memohon supaya kerajaan memberi tumpuan kepada kawasan Puncak Borneo yang mempunyai potensi produk pelancongan supaya dapat memikat lebih banyak lagi pelancong luar dan domestik demi meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada KDNK negara. Di Puncak Borneo kita ada *Wind Cave*, *Fairy Cave* di Krokong, kita ada tarikan rumah panjang di Kampung Anak Rais, Kampung Benuk. Kita ada habitat Orang Utan yang *natural* di Gunung Barau. Kita ada air terjun yang cantik. Kita ada pusat pelancongan *Borneo Highland Resort*, kita mempunyai *climate* yang sejuk dan nyaman. Kita ada beberapa *hotspring* di Kampung Pancor, Kampung Anah Rais, *hiking track* yang cantik dan

mencabar. Kawasan pergunungan dan gua-gua yang indah. Pendek kata semua ada. Saya mohon supaya semoga produk pelancongan ini dapat digilap supaya bersinar demi memperkasakan ekonomi sosial penduduk Parlimen Puncak Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetengahkan bahawa bantuan musim tengkujuh, subsidi nelayan, penoreh getah, pesawah padi dan pesawah padi bukit haruslah diteruskan dan di tambahkan untuk membantu golongan ini. Bantulah mereka sebab saya masuk ke kawasan, saya tahu derita mereka ini. Jadi mereka ini sudahlah pendapatan mereka sedikit, harga produk jualan mereka juga rendah. Masa inilah kita membantu mereka demi untuk membantu keluarga mereka yang daif dan miskin.

Saya juga menyambut baik di mana negeri Sarawak bakal menerima RM4.3 bilion pada tahun hadapan. Projek di Sabah dan Sarawak akan merangkumi pembinaan dan penaik taraf infrastruktur air, elektrik, jalan raya, kemudahan kesihatan, pendidikan dan juga telekomunikasi. Saya berharap pelaksanaannya dapat dilaksanakan dengan baik tanpa ketirisan, tanpa kebocoran dan tanpa rompakan daripada agensi-agensi pelaksana di peringkat bawah. Saya berharapan supaya kerja-kerja pelaksanaan ini dapat dilakukan dengan kadar segera dan baik supaya rakyat negeri Sabah dan Sarawak dapat menikmati pembangunan yang harus diterima yang sejajar dan setanding dengan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi penekanan bahawa tiada peruntukan untuk penggiat seni dan budaya. *There is no allocation for the art and culture.* Ini membantutkan usaha untuk membantu golongan sasar ini. Peluang-peluang juga harus dicipta untuk golongan ini supaya ekonomi mereka makin mampan dan dapat dipertingkatkan. Janganlah kita mengabaikan sektor-sektor tertentu dan juga kaum-kaum tertentu dan juga daripada sektor-sektor yang tidak termasuk dalam belanjawan supaya mereka ini boleh terlibat sama dan merasa juga kemajuan yang telah di kecapi oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik quote daripada Peter Drucker; “*Effective leadership is not about making speeches or being liked; leadership is defined by results not attributes*”. Saya menegur kerajaan ini kerana saya sayangkan kerajaan ini—

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu buku lama itu. *An old book.*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: —Ibarat kata sayangkan isteri, tinggal-tinggalkan, sayangkan anak rotan-rotankan. Cukuplah mempersalahkan kerajaan terdahulu. Ayuh teman seperjuangan kita mengorak langkah demi masyarakat dan rakyat dan negara Malaysia tercinta ini.

Saya setuju dengan hasrat kerajaan untuk memulihkan fiskal kerajaan demi untuk membina semula negara ini dan jangan kita sekali-kali mengikut jejak langkah semua pejuang-pejuang UMNO Barisan Nasional yang telah menghancurkan negara ini—

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan ikut Yang Berhormat Jelutong itu.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: —dengan ini saya menyokong ucapan Belanjanan 2019. Sekian terima kasih. Tuhan berkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat—

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey? Video itu okey?
[Dewan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak jangan ganggu bila Yang di-Pertua bercakap. [Dewan Riu]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

■1710

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hendak cakap, minta izin Tuan Yang di-Pertua. Saya jemput Yang Berhormat Larut.

5.10 ptg.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang bertemakan “*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*”. Mungkin tema hanya tinggal tema, janji hanya tinggal janji, bajet hanya tinggal bajet. Ini kerana apa yang dibentangkan, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan sesuatu yang hanya retorik semata-mata.

Saya hendak sebut dalam bajet ini juga apabila mereka menyebutkan tema sebagai Malaysia wibawa, mana mungkin menjadi satu bajet yang boleh kita ketengahkan untuk melahirkan satu negara yang wibawa kalau dalam bajet mengucapkan terima kasih kepada Great Eastern Life Insurans, dalam waktu yang sama esok harinya Great Eastern Life Insurans mengaku bahawa mereka belum bersetuju lagi. Wibawa macam mana? Yang Berhormat Menteri Kewangan kata sudah setuju. Esok hari di Singapura mereka mengatakan tidak setuju. Mana mungkin wibawa kalau ini telah pun diperkotak-katikkan oleh orang yang dibawa dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Oleh sebab itu saya kata ini bukanlah sesuatu yang berwibawa.

Kedua, ekonomi yang dinamik. Macam mana kata ekonomi dinamik kalau segala apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semuanya menggagalkan semua projek-projek yang boleh merangsang ekonomi dalam negara. Banyaknya membatalkan segala projek yang kita rasa mampu untuk bukan hanya membangunkan negara tetapi juga membantu seluruh rakyat yang ada dalam negara.

Kalau kita lahirkan ECRL, sebagai contoh, ia boleh membantu mereka yang duduk di Pantai Timur. Kalau kita batalkan HSR, *High Speed Rail*, ini juga boleh membantu banyak pelancong daripada Singapura dan membangunkan seluruh kawasan di sebelah selatan.

Begitulah juga projek-projek yang kita hendak buat yang telah pun dibatalkan. Saya hairan. Ini adalah merupakan projek-projek untuk melahirkan peluang pekerjaan yang begitu hebat.

Kalau tema mengatakan ekonomi dinamik, yang saya dengar, yang saya baca ucapan Menteri Kewangan DAP ini hanyalah memberitahu kepada kita projek ini dibatalkan, projek ini dibatalkan, projek ini dibatalkan, kalau semua projek dibatalkan, mana ada ekonomi yang dinamik. Ini yang saya persoalkan.

Begitu juga dengan apa yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya hairan dalam tema mengatakan kesejahteraan rakyat, macam mana hendak katakan kesejahteraan rakyat apabila banyak daripada projek yang dahulunya dibawa, yang dahulunya diketengahkan, yang dahulunya dilahirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional banyak diturunkan.

Saya hendak bagi bermacam-macam contoh. BR1M, kalau Kerajaan Barisan Nasional hendak naikkan menjadi RM2,000, hari ini mereka kerajaan yang ada hari ini bajet yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan menurunkannya. Begitu juga dengan penjawat awam. Kalau Kerajaan Barisan Nasional, kita hendak naikkan tetapi hari ini mereka hendak turunkan daripada RM1,500 dan RM500 mereka hendak turunkan kepada RM500 dan RM250.

Begitu juga dengan bantuan golongan nelayan, petani, peladang dan pekebun kecil yang dalam bajet hari ini dikurangkan sehingga lebih daripada RM500 juta. Jadi mana mungkin kesejahteraan rakyat ini?

Begitu juga inisiatif jaringan keselamatan sosial. Mana dia *social safety net* yang telah pun selama ini diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional—saya hairan—seperti bantuan musim tengkujuh, bantuan khas musim menuai? Semuanya telah pun dibatalkan oleh kerajaan yang ada hari ini melalui bajet yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang begitu hebat yang dikatakan oleh ramai sahabat kita di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mendengar tentang subsidi minyak yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya hairan. Pertama, beliau mengatakan ingin membantu ramai di kalangan rakyat. Melalui subsidi minyak ini, dia mengehadkan hanya setakat 100 liter kepada kereta yang mempunyai kapasiti enjin 1500 cc. Begitu juga kepada mereka yang mempunyai motosikal yang dihadkan hanya kepada 125 cc. Manakala had yang diberikan juga, limit yang diberikan, bagi kereta hanya 100 liter manakala motosikal hanya 40 liter.

Saya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah selama ini telah pun dikaji bahawa subsidi yang diberikan kepada mereka yang diumumkan ini tidak adil kepada rakyat keseluruhannya? Sepatutnya kita berikan subsidi minyak ini mengikut kadar yang mungkin boleh memberi sebanyak mana mungkin kepada rakyat yang ada. Saya hendak maklumkan, di bandar-bandar, di kalangan mereka yang hidup di bandar, kebanyakannya masih lagi belum mempunyai kenderaan. Mereka menggunakan *public transport*. Kalau mereka menggunakan *public transport* dan subsidi yang diberikan hanya kepada yang 1500 cc dan juga motosikal, maka sudah tentu tidak ada keadilan.

Jadi saya mencadangkan mengapa tidak dengan bajet sebanyak RM2 bilion yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tersebut, kalau diberikan kepada semua sebanyak RM300, kita boleh mendapat enam juta isi rumah yang mungkin boleh mendapat bantuan daripada subsidi minyak ini. Ini lebih baik kerana ia boleh melebihkan lagi daripada mereka yang menerima bantuan sebanyak RM2 bilion ini.

Inilah dia Kerajaan Barisan Nasional yang dahulukala memberikan satu subsidi yang lebih baik kerana memberikan keadilan. Kita mengapungkan minyak ini manakala keuntungan daripada petrol ini kita berikan melalui bantuan-bantuan lain seperti bantuan BR1M dan sebagainya.

Maka inilah yang menyebabkan sesuatu yang semua sahabat saya mengatakan bahawa hari ini bajet yang diumumkan oleh kerajaan hari ini adalah bajet yang hanya memikirkan tentang sesetengah pihak sahaja dan tidak memikirkan bantuan yang perlu diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dalam bajet yang telah pun diketengahkan kepada kita, dia menyebut...

"Berdasarkan kajian oleh Institut Penyelidikan Khazanah pada tahun 2016, isi rumah dengan pendapatan bulanan di bawah RM2,000 membelanjakan 95 peratus daripada pendapatan mereka untuk keperluan harian. Lebih membimbangkan, pendapatan yang masih berbaki selepas mengambil kira inflasi hanya tinggal RM76 sahaja disposable income ataupun income yang boleh diguna pakai."

Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah tahu kajian macam ini, tiba-tiba ada pula satu lagi yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membantu konon-kononnya golongan B40 ini dengan mewujudkan satu polisi yang dinamakan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40.

Tuan Yang di-Pertua, betullah dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa harga perlindungan ini lebih murah daripada harga sekotak rokok. Itu yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Akan tetapi dalam waktu yang sama, beliau juga mengatakan *disposable income* B40 ini hanya RM76 sebulan.

■1720

Kalaupun kena bayar RM10 sebulan, ia tidak mampu dibayar oleh mereka, golongan B40 ini, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu Kerajaan Barisan Nasional mengambil kira segala apa yang telah pun dikatakan oleh Menteri Kewangan. Kita berikan melalui subsidi yang lain. Kita bantu, kita tentukan supaya mereka yang B40 ini, yang tidak mampu ini boleh pergi mendapatkan segala apa keperluan kesihatan melalui hospital kerajaan yang dibangunkan di seluruh negara. Ini membuktikan bahawa kerajaan kita ini, Kerajaan Barisan Nasional dahulu adalah merupakan kerajaan yang benar-benar tahu bagaimana untuk menentukan masa depan rakyat.

Jadi saya terfikir apakah yang selama ini polisi yang dibuat oleh Menteri Kewangan ini semata-mata kerana nak bantu Great Eastern Life Insurance daripada negara luar. Ini yang kita

persoalkan kerana dalam apa yang telah pun dikatakan oleh Great Eastern Life Insurance daripada Singapura, mereka mengatakan bahawa mereka tidak bersetuju kecuali RM2 bilion itu diambil kira. *Quid pro quo* nya supaya diambil kira sebagai salah satu syarat untuk tidak meletakkan syarat Bank Negara Malaysia untuk menentukan mereka boleh melakukan segala apa perniagaan dalam negara kita ini. Saham mereka tidak payah dijual kepada *local investors* ataupun rakyat Malaysia dalam negara kita.

Ini yang saya ingin persoalkan. Apakah ini boleh saya katakan seperti peribahasa orang kita. Janganlah kera di hutan ataupun lotong di hutan disusukan.

Beberapa Ahli: Jelutong?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jelutong atau lotong?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Lotong.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oh! Lotong itu. *[Ketawa]*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Lotong, bukan Jelutong.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sorry, sorry.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bukan lontong.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Apa Yang Berhormat Pasir Salak ini? Janganlah kera di hutan atau lotong di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan. Kita nak bantu Great Eastern Life Insurance yang datang daripada Singapura manakala banyak lagi syarikat-syarikat di Malaysia yang mungkin juga mampu untuk melakukan polisi yang bukan hanya boleh membantu rakyat dalam negara tetapi juga menentukan ekonomi yang ada, keuntungan yang ada diagihkan juga untuk kepentingan kita bersama dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat, boleh pencelahan? Satu minit.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: PAS, PAS boleh.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan. Apa pandangan Yang Berhormat. Dalam bajet ini di mana Perdana Menteri Malaysia menyatakan *"Malaysia umpama Harimau Asia yang selama ini tidur lena, sekarang bangkit mengaum semula"*. Apakah bajet ini, Bajet 2019 ini mampu menjadi Harimau Asia yang mengaum ataupun hanya seekor kucing yang mengiau?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yang Berhormat, saya tidak payah jawablah kerana Yang Berhormat sendiri pun sedia maklum dan masukkan ucapan ataupun soalan Yang Berhormat itu dalam ucapan saya. Apa yang penting, saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat. Selepas sahaja habis bajet ini, tiba-tiba tinggal dua, tiga hari selepas itu, Yang Amat Berhormat Langkawi ataupun Perdana Menteri kita menjawab soalan-soalan yang dibangunkan atau diketengahkan kepada beliau dengan mengatakan kita akan fikirkan tentang *midterm review*. Bajet belum lagi dibahaskan sudah kena cerita pasal *midterm review*. Macam mana nak cakap dengan ekonomi harimau ini? Sepatutnya bajet ini telah pun diambil kira waktu yang

panjang. Janganlah baru tidak sampai seminggu sudah kena fikir *midterm review*. Ini menunjukkan bahawa bajet ini bukanlah sesuatu bajet yang boleh dibanggakan oleh rakyat. Yang Berhormat, ia hanya merupakan satu harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin nak mempersoalkan Menteri Kewangan. Dia kata seperti mengikut kajian Institut Penyelidikan Khazanah yang mengatakan ramai di kalangan kita tidak mampu. Akan tetapi kalau sudah tidak mampu, dia juga nak membangunkan rumah-rumah tetapi dalam bajet yang diketengahkan oleh Menteri Kewangan ini, saya baca dia kata nak menambahkan lagi jumlah rumah yang akan dibangunkan dalam negara kita sehingga terpaksa mengadakan satu polisi untuk membantu rakyat konon-kononnya nak membeli rumah. Telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang tadi.

Saya nak persoalkan, kalau sudah tahu *supply* nya tidak cukup, sudah tentu kalau kita nak bangunkan supaya cukup *supply*, mengapa tidak kita fikirkan turunkan harga sebelum kita nak *supply* banyak dengan harga yang berlebihan sehingga terpaksa buat polisi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang tadi. Ini yang saya hairan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Larut.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Mengapa tidak kira fikiran...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta jalan sikit, Yang Berhormat Larut.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Ya, Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: PAS lagi. Yang Berhormat Pendang, okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Menteri KPPT pun ada di sini. Saya nak menyentuh sedikit berkenaan dengan rumah. Sekarang ini ada lebihan. Lebihan rumah yang tidak terjual. Selepas itu masih ada ramai lagi yang memerlukan rumah. Kenapa rumah ada lebihan, orang yang memerlukan rumah pun ramai lagi tetapi tidak terjual? Apa puncanya? Nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Larut.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Puncanya adalah kerana harga rumah dalam negara kita ini pada saya *it is very unrealistic*. Harganya melampaui. Kalau difikirkan dengan jumlah barang-barang yang diperlukan untuk membangunkan rumah sebagai contoh, sepatutnya tidaklah dijual sehingga RM400,000 hingga RM500,000. Sesuatu yang *unrealistic* ini sepatutnya kerajaan mengambil ini sebagai satu iktibar untuk menentukan supaya jualan rumah kepada golongan B40 ini benar-benar merupakan jualan harga yang berpatutan.

Hari ini ia tidak berpatutan sebab itu saya telah mencadangkan tadi kepada Yang Berhormat Tanjung Karang. Contoh, kalau *investors* daripada luar nak datang ke negara kita, dia persoalkan perkara berikut.

Pertama, tentang *port* yang disediakan oleh negara kita. Maka kita sediakan port untuk mereka.

Kedua, mereka bertanyakan tentang *energy* sama ada cukup ataupun tidak *energy*, *electricity* dalam negara. Kita sediakan supaya mencukupi.

Ketiga, mereka mempersoalkan infrastruktur untuk keluar masuk, logistik, *transportation* untuk mereka membuat segala apa perniagaan daripada kilang dan seterusnya ke *port* dan seterusnya di eksport ke luar negara.

Ini dipersoalkan oleh pelabur-pelabur luar. Begitulah juga tentang perumahan ini. Mengapa tidak kita fikirkan bahawa pembeli-pembeli ini adalah merupakan tenaga kerja ataupun aset kepada negara. Kalau ini merupakan aset kepada negara, kalau kita berikan rumah yang benar-benar mampu milik, harga yang berpatutan, harga yang mungkin diberikan subsidi oleh kerajaan, maka akhirnya mereka yang membeli ini bukan hanya menjadi aset yang berguna tetapi mereka yang benar-benar sejahtera dengan pemikiran yang begitu hebat. Yang tidak keliru, yang tidak mempunyai masalah kerana mereka mampu tinggal di rumah yang baik.

Mereka mampu untuk membayar rumah, mereka mampu dengan gaji yang mencukupi kerana segala apa telah pun dibantu seperti apa juga kita bantu dengan pelabur-pelabur luar. Dengan sebab itulah saya memikirkan ya...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat daripada Larut. Yang Berhormat setuju atau tidak, salah satu lagi punca yang rumah tidak boleh nak jual adalah kerana sukar nak dapat pinjaman bank. Jadi Yang Berhormat setuju atau tidak supaya Bank Negara mengecualikan pinjaman-pinjaman pelajaran seperti pinjaman PTPTN atau MARA or Yayasan supaya jangan dikira sebagai satu liabiliti kepada peminjam-peminjam baru ini untuk mereka membeli rumah. Apabila pinjaman pendidikan pun dikira sebagai hutang, itu salah satu sebab mereka tidak layak nak dapat. Jadi kita tolonglah pelajar-pelajar PTPTN terutamanya sebab sudahlah tidak tunaikan janji, kita buat satu pendekatan baru untuk bagi kemudahan PTPTN.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sikit sahaja, Yang Berhormat Larut, rumah.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tanya sikit?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Rumah, Yang Berhormat Larut. Kerajaan Barisan Nasional dulu dalam masa lima tahun, kita merancang berusaha membina satu juta rumah untuk rakyat. Akan tetapi Kerajaan Pakatan Harapan sekarang dalam masa lima tahun, mereka hanya nak membina 500,000. Sepuluh tahun, baru nak capai satu juta. Bererti perancangan kita lebih baik. Jauh lebih baik. Dua kali ganda lebih baik daripada Kerajaan Pakatan Harapan. Apa pandangan Yang Berhormat Larut?

■1730

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Okey, Yang Berhormat Pontian, semua...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Larut, hendak tambah sedikit sahaja Yang Berhormat Larut. Minta sedikit sahaja.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tambah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah – minta Yang Berhormat Larut terus gulungkan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Boleh, boleh.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekejap sahaja satu minit sahaja Yang Berhormat Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 20 saat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya hendak perbetul sedikit banyak yang disebut tadi. Hutang RM1 trilion. Siapa yang mengaji, kaedah akaun tidak betul. Dia kena sebut hutang dan juga liabiliti baru betul. Kalau sebut hutang RM1 trilion tidak betul kenyataan ini menyebabkan kita ini nampak persepsi yang cukup elok tetapi sebenarnya hutang disebut seperti yang disebut oleh Menteri Kewangan hari itu RM686 juta dan yang lain itu liabiliti kerajaan tidak termasuk dalam hutang negara. Okey saya hendak perbetulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan, Yang Berhormat Larut.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tanya satu.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat Pendang. Itu adalah merupakan definisi yang sebenarnya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tanya satu soalan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Cuma sekarang ini telah pun disalahkan seolah-olah kerajaan dahulu menipu rakyat dan sebagainya walhal itu adalah merupakan satu daripada prosedur yang kita ikut *World Bank*. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pendang. Begitu juga dengan Yang Berhormat Pontian. Sebenarnya Yang Berhormat Pontian bukan hanya perumahan. Segala apa yang dikatakan bajet dalam ini bukan hanya perumahan, segala-galanya. Kalau kita hendak baca daripada tinjauan ekonomi yang ada yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan sendiri. Saya hendak maklumkan semua ini adalah merupakan sesuatu yang dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi bukan hanya perumahan.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, saya hendak maklumkan saya bersetuju sebenarnya kalau boleh benar-benar hendak bantu mereka yang terpaksa bayar PTPTN ini bantulah dahulu mereka untuk mendapat perumahan. Apabila pemikiran mereka benar-benar aman sejahtera, saya rasa mereka akan lebih produktif dan mereka akan lebih efisien. Apabila mereka lebih efisien dan lebih efektif mereka boleh membantu negara untuk menambahkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga hendak maklumkan kepada mereka yang sebelah sana, kalau nasihat daripada Pengurus CEP yang mengatakan sudah-sudahlah. Jangan lagi ada *blame game*, sepatutnya kita *move forward*. Sepatutnya kita fikirkan bersama tentang kepentingan untuk membangunkan negara. Ini cerita-cerita yang bukan-bukan yang selalu Yang Berhormat Jelutong bawa itu tidak payah lagilah. Tidak payah sudah.

Apa yang penting kepada kita, kita fikir bersama bagaimana hendak membangunkan negara lebih baik sebagai sebuah negara yang sama-sama kita banggakan. Saya tidak mahu *blame* Yang Berhormat Jelutong, saya tidak mahu *blame* sebelah sana yang penting biarlah kita semua menerima hakikatnya. Hari ini tinjauan ekonomi bermula daripada kerajaan dahulu dan ia bukannya sengaja dilakukan sebegini sahaja tetapi dengan pemikiran, dengan *research*, dengan

segala-gala telah pun diambil kira sebelum ianya menjadi sebuah buku yang dibentangkan dalam Dewan hari ini. Jadi saya Tuan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Larut. Seterusnya ikut aturan ialah Yang Berhormat Ipoh Timur tetapi ada Mesyuarat PAC. Saya menjemput Yang Berhormat Santubong. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jeli.

5.33 ptg.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikut...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jeli sudah di sebelah sana sudah.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Mengikut perbahasan ini daripada awal pagi tadi dan saya amat tertarik hati. Pada zaman saya menjadi *Backbenchers Club* dahulu kita selalu bincang soalan sopan-santun, budi pekerti orang yang duduk dalam Dewan. Jadi bukan dengan suara yang nyaring bahkan kalau di Finland Tuan Yang di-Pertua, percakapan dalam Dewan tidak boleh melebihi *certain decibels*, kalau melebihi daripada itu dia keluar pada Dewan.

Akan tetapi kita bertanding siapa yang nyaring itulah hero. Sebenarnya tidak begitu. Kita dalam Dewan ini itulah kenapa *honorary title* diberi kepada kita Yang Berhormat. Kalau kita tidak bersikap dan bersifat Yang Berhormat, saya ingat memalukan Dewan lah. Sepatutnya kita mengelak daripada perkara. Di sini kita berbincang perkara serius, bukan perkara-perkara yang kebudak-budakan. Bukan perkara – bahkan bukan debat sekolah. Ini kita hendak menghala tuju negara kita.

Jadi saya rasa kecewa. Jadi saya duduk di sini hampir satu jam macam itu selepas itu saya keluar sebab saya rasa tidak sedap hati. Oleh sebabnya saya berpendapat bahawa kalau hendak bagi dipanggil Yang Berhormat itu, minta tolonglah bersifat dan bercakaplah Yang Berhormat. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sebagai mukadimah saya ini menggunakan fakta. Tadi satu perbahasan besar berhubung dengan Peraturan 36(12). Cerita Peraturan Mesyuarat 36(12) menyeleweng, mengelirukan Dewan ini adalah satu kesalahan yang terbesar dalam Dewan.

Jadi saya lihat perbalahan, kita tahu fakta-fakta yang telah ditunjukkan oleh pihak-pihak yang pernah menjadi Menteri dahulu. Akan tetapi masih pihak yang bercakap tidak mahu menarik balik. Menunjukkan bahawa Tuan Yang di-Pertua patut mengambil alih tugasnya supaya memberi keputusan bahawa kita dapati fakta sebenar telah didapati, yang tidak betul itu diperubahsan sama ada menarik balik ataupun meminta maaf kepada Dewan kerana telah membawa fakta yang tidak tepat. Sebenarnya memang tidak tepat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Oleh sebab saya tahu dalam Kabinet keputusan dibuat untuk membantu sekolah-sekolah tahfiz. Jadi saya tahu yang disebut

itu memang fakta yang sebetulnya. Jadi dalam keadaan sedemikian, kalau fakta tidak diketahui Tuan Yang di-Pertua masih *induct*, Tuan Yang di-Pertua mengambil alih supaya buat keputusan selepas itu dan beri apa sahaja keputusan ataupun tindakan yang patut kepada mereka yang telah membuat kesalahan.

Akan tetapi di bawah Peraturan 36(12), kalau Yang Berhormat pernah dengar Peraturan Mesyuarat 36(12)..

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Duduk dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Cuma hendak jelaskan yang...

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Peraturan Mesyuarat 36(12) ini bermula pada tahun 1960, kes John Profumo dahulu atau John Profumo tidur dengan *girlfriend* dia Christine Keeler dan dia bercakap fasal dia tidak ada pernah pun kenal dengan Christine Keeler. Akan tetapi selepas itu dia membuat ucapan secara peribadi, *ministerial statement* dalam bahasa Inggerisnya dia mengaku bahawa dia ada membuat perhubungan dengan Christine Keeler. Dia dituduh di bawah kes ini. Inilah memulakan kes Peraturan Mesyuarat 36(12). Tidak ada orang yang boleh selamat. Appleton di Kanada meletak jawatan. Curly di Western, Australia terpaksa meletak jawatan oleh kerana didapati bersalah di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Jadi berjaga-jaga mengeluarkan percakapan. Soalan fakta, fakta mesti betul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya hendak tanya...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya cuma hendak buat sedikit pembetulan. Tadi saya rasa Yang Berhormat Rasah ada tarik balik kenyataan beliau setelah mendengar petua daripada Tuan Yang di-Pertua. Cuma hendak perbetulkan sedikit perkara itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, hendak jelaskan Yang Berhormat Rasah juga telah menarik balik dan perbetulkan. Atas itu yang sama, apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara yang sama, prinsip yang sama, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pekan berkenaan dengan isu 1MDB. *[Dewan riuh]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming] mempergerusikan Mesyuarat]

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bincang soalan Yang Berhormat Rasah tadi. Saya mendengar banyak perbalahan sepatutnya tidak sampai ke peringkat bergaduh. Tidak mahu duduk, tidak mahu dengar baru hendak mengatakan mengalah dan meminta maaf.

Sebenarnya di dalam Dewan ini sebagai Dewan-dewan yang betul-betul dikatakan Yang Berhormat punya Dewan, saya sudah hadir di *House of Command* menghadiri Macedonia punya Parlimen. Saya sudah hadir persidangan Parlimen di Athen, saya banyak menghadiri Parlimen. Di India saya menghadiri Parlimen di India, Jepun saya pernah menghadiri persidangan di Jepun. Sikapnya sama. Bila *Speaker speaks, you stop.*

■1740

Speaker buat keputusan *no more argument*. Jadi kadang-kadang kita, kata laluan kita lebih bijak, lebih kuat berkuasa dari Speaker. Jadi, saya dengar Yang Berhormat. Saya dengar dia menarik balik terlepas sudah pergaduhan besar. Sepatutnya tidak sampai ke tahap itu, itu yang saya kata. Tidak perlu sampai ke tahap sedemikian, yang mula-mula memberi penjelasan Yang Berhormat dari Bera. Lepas itu Yang Berhormat daripada Tanjong Karang dan dua tiga orang lagi. Akan tetapi, saya bukan hendak menyebut apa-apa. Kalau saya jadi Speaker, saya sudah tahu sudah bahawa perkara ini memang betul. Ini kerana kalau dua Yang Berhormat ini menyebut cerita yang sama, dia mengelirukan Dewan pada satu sesi yang akan datang minta mereka diselidik juga. Kalau dia yang mengelirukan Dewan pada kali ini.

Akan tetapi, dia menyatakan perkara yang betul. Jadi itulah sepatutnya tidak sampai ke peringkat itu. Yang Berhormat, gunalah *parliamentary language*. Saya sudah 28 tahun duduk dalam Dewan, tidak pernah guna *unparliamentary language*, 28 tahun. Saya bercakap secara *gentleman*, kalau Tuan Yang di-Pertua bercakap saya akan duduk, tidak payah bagi tahu. Kalau saya masih bercakap, Yang Berhormat jangan berdiri dulu. Kalau ada teguran, Speaker yang bagi tahu. Dalam Dewan ini Yang Berhormat, *it's three way traffic*. Saya bercakap dengan Speaker, Speaker bercakap dengan Yang Berhormat dan saya akan terima arahan daripada Speaker, saya jawab kepada Speaker. *It's a three way traffic all the time.*

New Zealand cuba hendak buat *one way traffic*, daripada dia bercakap dengan yang dia berbahas tidak di lulus oleh Dewan. *The system of Westminster is still three way traffic*. Saya kepada Speaker, Yang Berhormat kepada Speaker. Yang Berhormat, *you don't have the floor* Yang Berhormat sebenarnya. Speaker *has the floor*. Kalau Speaker kata *no floor*, baru semua *everybody got to stop* termasuk saya. *That is why the floor belong to the Speaker, not belong to me, not belong to you*. Itulah kenapanya imbasan daripada peraturan ini mengatakan, *when Speaker speak everybody sit down*. Sebab Speaker ambil *floor* balik. *The theoretically*, Speaker ambil *the floor* balik bila Speaker bercakap. Tidak payah suruh bagi duduk, bila Speaker bercakap saja terus berhenti. Sebab *everybody floors* sudah kena ambil, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya berharap kita jagalah *the sanctity* Dewan Parlimen kita ini. Berbincanglah dasar perundangan dan sebagainya secara yang terbaik. Bukan untuk menuduh. Bahkan dulu, Speaker Tun Zahir dahulu mengatakan, *the moment you enter the door, you leave your politic outside and talk about the policy inside here*. Itu Tun Zahir punya cerita, itu betul. *Sanctity* dalam Dewan ini amat tinggi

tahapnya. *This is the highest tribunal of the land.* Jadi kalau kita anggap sedemikian itu, everyone of us mesti respect. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kerana ini agenda orang Sarawak.

Saya tidak sebut lagi macam apa Yang Berhormat Puncak Borneo tadi ya. Saya hendak sebut secara *detail*. Tuan Yang di-Pertua, dulu depan ini saya berbincang soal PDA *Petroleum Development Act*, saya bincang soalan *Mining Ordinance Sarawak*, saya berbincang dengan berhubung dengan *continental shelf*, berhubung dengan *the causal area of Sarawak*, tanah Sarawak dan sebagainya. Itu sudah yang lepas. Kalau orang tidak dengar, lain kali baru saya ulang balik. Pada hari ini saya khusus kepada artikel 112D. Artikel 112D ini Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan *the review contribution* yang bagi oleh pihak Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri.

Semenjak tertubuhnya Malaysia, hanya *the last review* dibuat pada tahun 1969. Pada ketika itu, tiap-tiap tahun kerajaan memberi RM4 juta, lepas itu RM8 juta setahun, lepas itu RM16 juta. Makna dia, dia ada sampai 50 peratus di naik, di naik, di naik macam itu kerana mengambil kira kos operasi dan kos perbelanjaan negeri Sarawak. Akan tetapi, semenjak 1969 tidak ada *review* lagi dan kalau dipandang daripada sudut apa yang saya sebutkan tadi iaitu sudut operasi dan pembangunan bahawa mengikut kajian yang dibuat oleh negeri Sarawak pada tahun 2018, kos ini sudah meningkat kepada 1,910 peratus.

Jadi maknanya, kalau pada tahun 1969, 16 juta kali dengan satu ribu lebih, berbilion-bilion Tuan Yang di-Pertua yang patut diberi kepada Sarawak tiap-tiap tahun, *over and above the budget* yang kita sebut mengikut bajet biasa. Oleh sebab ini peruntukan khas diberi kepada negeri Sarawak untuk membangun. Sebabnya apabila Sarawak bersetuju untuk menujuhkan Malaysia dahulu, kita berkehendakkan pembangunan kerana kita jauh di belakang kerana Sarawak. Saya pernah sebut ini Tuan Yang di-Pertua. Ada orang kata, kenapa sekarang baru sebut. Sebabnya bila saya dilantik menjadi Timbalan Speaker, tidak boleh berucap lagi lah. Jadi Menteri-menteri minta tolonglah tidak payah berucap, berucaplah bila hendak jawab soalan saja. [Tepuk]

Ini peraturan kita *convention we have followed for number of years*, dengan izin. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya tidak berucaplah. Tidak adalah suara-suara saya dan ucapan-ucapan dahulu itu dia ada boleh dijumpa dalam *Hansard*. *Check* dalam *Hansard*. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, bila hendak dapat Datuk Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bila anak saya beranak.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Insya-Allah. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi, apabila menyokong Wawasan 2020 dahulu pada tahun 1993 dibentangkan, saya sebut pembangunan yang kita lihat di Kuala Lumpur, pembangunan yang kita lihat di Johor, pembangunan yang kita lihat di Pulau Pinang, bahkan pembangunan di Kuching, Bintulu, Kota Kinabalu saya kata *is not the benchmark*, menunjukkan *achievement* Wawasan 2020. Kemajuan mesti dilihat apabila orang di Belaga, orang di Kapit, di Kenowit, di Tinja, orang-orang di Bario sudah mendapat kemudahan yang sama

dengan orang di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang, di Johor, di Kuching, di Kota Kinabalu, barulah kita mengatakan *the wawasan is a success*. Itu saya sebut dalam ucapan saya, masih ingat saya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengulang kembali. Itulah kenapanya *review* ini penting walaupun saya mengetahui, walaupun Menteri Kewangan tidak menyebut artikel mana berhubung dengan *review* ini. Ada *caveat* sendiri iaitu di bawah artikel 112C mengatakan (3) mengatakan tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan Pusat dan kehendak dan keperluan kerajaan negeri. Dua perkara penting. Pertama kemampuan Kerajaan Pusat, yang kedua keperluan kerajaan negeri.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Santubong.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tanya dengan orang-orang Sarawak Tuan Yang di-Pertua dan orang Sabah.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Santubong, Hulu Rajang.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu, tunggu habis sentence dulu. Sarawak itu masih di pedalaman khususnya 30 tahun sebagaimana saya sebut 30 tahun dulu, eh 28 tahun dulu. Masih 30 tahun di belakang Kuala Lumpur. Jadi itulah kenapa *the need of Sarawak is there all the time, that's why the money is required*. Akan tetapi, Kerajaan Pusat kata kedudukan kewangan Kerajaan Pusat. Sekarang ada RM54 bilion dari Petronas. Bagi lahir sedikit, RM20 bilion untuk Sarawak. Mungkin kita boleh dapat, saya sebut saja RM20 bilion ini. Mungkin Sarawak kata banyak lagi daripada itu.

■1750

Jadi Tuan Yang di-Pertua, *the need is always greater outweigh the financial capacity of Federal Government to give*. Sila Yang Berhormat.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya terpanggil bila Yang Berhormat Santubong menyebut dengan hasil dari negeri Sarawak tadi. Jadi saya percaya Yang Berhormat apakah tindakan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengembalikan hasil yang berbilion dan belum dituntut oleh negeri Sarawak. Boleh kita buatkan usul-usul di Parlimen ini supaya Kerajaan Persekutuan supaya dapat membayar duit itu untuk pembangunan negeri Sarawak, bukan kita curi dari negeri-negeri yang lain. Bersetujukah Yang Berhormat Santubong?

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dalam kerajaan kita banyak berbincang, ini nilai orang Malaysia. Jadi nilai-nilai ini telah wujud sejak 60 tahun, nilai perbincangan. Itulah kenapa Kerajaan Negeri Sarawak berbincang untuk menuntut apa yang tidak dibayar selama ini. Adakah oleh kerana bahasa Inggerisnya *negligent, omission* ataupun apa sahaja, kecuaian ataupun kelalaian ataupun disengajakan tidak melihat. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita kena *review*. Saya meminta Menteri Kewangan jangan gunakan alasan kedudukan kewangan kerajaan. Kedudukan kewangan kerajaan kalau dilihat Petronas beritahu RM54 bilion itu sedikit sahaja tidak payah banyaklah tolong bagi kami. Ini bagi RM4 bilion sahaja, ini lebih rendah daripada apa yang Barisan Nasional bagi tahun lepas, tahun ini dibagi. Jadi dalam

keadaan sedemikian, *review* ini perlu untuk dilihat. Jangan pandang soalan kemampuan Kerajaan Pusat, ia mampu memberi ini.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Lanang minta mencelah, hendak bagi ke?

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu sekejap Yang Berhormat, saya akan bagi orang Sarawak ini. Itu daripada soalan 112D, *review every five years* ini minta dibuat dan kita hendak penilaian yang sebenar dan permohonan daripada Sarawak dah dimajukan. Saya tak nak sebut kerana orang Sarawak, negeri Sarawak kata tak payah dedahlah di dalam Dewan jumlah yang sebenar tuntutan negeri Sarawak tetapi tuntutan dah dibuat. Jadi minta tolong Menteri Kewangan jangan beri alasan bahawa Sarawak *need is lower than your financial capacity in term of weightage* dia. Jadi dalam keadaan sedemikian, *review* ini kena dibuat. Yang Berhormat, sila.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya memang bersetuju bahawa Kerajaan Pusat perlu memberi lebih tumpuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak tetapi saya ingin tanya Yang Berhormat Santubong. Tadi Yang Berhormat Santubong kata Yang Berhormat telah berada di dalam Dewan ini selama 28 tahun dan *need is there, the Sarawak need is there all the while for the past 28 years* dan kenapa Yang Berhormat Santubong tidak membawa isu ini semasa Yang Berhormat Santubong dalam kerajaan. Saya minta penjelasan.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya maafkan Yang Berhormat sebab mungkin tak *pay concentration* sangatlah apa yang saya sebutkan tadi. Saya kata dalam perbahasan bahas Wawasan 2020 dulu tahun 1993, saya sebut, *I raised up this issue* bahkan banyak ucapan-ucapan saya menegur Kerajaan Pusat untuk soalan pemberian Kerajaan Pusat kepada pembangunan di negeri Sarawak khususnya pembangunan di luar bandar dalam semua sudut Yang Berhormat.

Saya pernah disebut dalam *magazine* Wanita, mungkin saya was *handsomer than I am now*. *Magazine* Wanita kata saya ini ganas bagai buaya Batang Lutar sebab saya mewakili Batang Lutar dulu. Jadi sebabnya sebab baru ucapan dalam Dewan ini menuntut hak-hak yang saya sebut sekarang ini, hanya sekarang *I'm putting the article ataupun section in*.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, apabila *Federal Government...*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat, cuba ringkaskan.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dah habis ke ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Masya-Allah*, singkat sangat tapi sedikit sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi dalam masa kita tandatangani AFTA dulu, ada mengatakan apabila kerugian negeri Sarawak berlaku oleh kerana Kerajaan Pusat mengambil satu tindakan, itu perlu diberi ganti. Apabila sebelum AFTA iaitu ASEAN Free Trade Agreement di sign, Sarawak memungut RM250 juta on average tahunan daripada cukai-cukai umpamanya petroleum dan pelbagai lagi. Akan tetapi selepas AFTA, Kerajaan Pusat hanya bagi RM120 juta, setengah sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dua perkara ini sahaja yang boleh saya sebut dalam masa 20 minit dan sebut sedikit soalan itu tadi. Sebenarnya banyak saya hendak cerita Tuan Yang di-Pertua, mungkin dalam Jawatankuasa nanti saya sebut. Walau bagaimanapun saya ucapan terima kasih. Saya berdoa Tuan Yang di-Pertua dapat cucu dan dapat jadi datuk. Terima kasih. *[Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli, selepas itu Yang Berhormat Ipoh Timur. Sila.

5.56 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan berkaitan belanjawan. Saya akan bercakap tentang tiga, empat perkara mengenai kedudukan fiskal, pelaburan halal bumiputera Kelantan dan kawasan saya Jeli dan saya bercadang untuk bercakap 15 minit. Kalau ada masa, lima minit hujung saya akan beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk tanya soalan. Kalau boleh ganggu hujung-hujung ya, saya akan cuba tamat dalam masa 15 minit.

Pertama, saya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana memberi respons secara spontan kepada saranan daripada Yang Berhormat Port Dickson tadi, daripada Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Marang dan ramai Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya kerajaan lebih prihatin kepada nasib petani dan nelayan. Jadi pertimbangan ini kita harap akan jadi satu kenyataan dan ini cukup melegakan dan saya perhatikan bahawa terdapat tepukan gemuruh daripada dua-dua belah pihak. Ini salah satu isu yang mendapat sokongan daripada semua Ahli Dewan. Jadi kita harap pertimbangan sewajarnya akan diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjayakan hasrat kami semua khususnya yang mewakili kawasan luar bandar.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan konsolidasi fiskal. Secara berperingkat defisit 3.7 peratus tahun ini turun 2.8 peratus tahun 2021, saya menyokong perkara ini. Ini adalah satu perkara yang penting, adalah mustahak kita pastikan kedudukan kewangan berada atas landasan yang kukuh. Ia penting untuk memastikan mata wang kita kukuh, penting untuk pastikan ada wang yang lebih untuk dibelanjakan. Hendak kukuhkan kewangan bagaimana, yang pertama tambah hasil, yang kedua ialah kawal perbelanjaan. Itu secara ringkasnya.

Jadi penting kita pastikan bahawa kita belanja mengikut kemampuan, Yang Berhormat Marang ada sebut perkara ini. Yang penting juga kita perlu berjimat untuk masa kecemasan, *rainy day* akan ada sehari dua, ini di luar sana hujan lebat. Kelantan mungkin hendak banjir, Kuala Lumpur banjir juga, Penang pun banjir. Jadi 2014 banjir besar di Kelantan umpamanya, kerajaan terpaksa masa itu berbelanja lebih RM1 bilion untuk membina rumah, baiki rumah, baiki jambatan, landasan kereta api. Jadi bermaknanya kita perlu pastikan kedudukan kewangan kita kukuh untuk menghadapi masa kecemasan, banjir salah satunya. Kita *alhamdulillah*, kita tidak ada *hurricane*, tidak ada taufan, tidak ada malapetaka, yang ada di Malaysia mungkin banjir. Jadi ini antara sebab kenapa kita perlu pastikan kedudukan kewangan kita kukuh.

Berkaitan dengan fiskal juga hutang banyak pertikaian mengenai hutang ini. Disebut tadi, Yang Berhormat Pendang sebut mengenai hutang dan liabiliti, itu terminologi yang tepat. Yang dipertikaikan ialah yang berkaitan dengan *contingent liabilities* ataupun hutang yang biasanya tidak termasuk dalam hutang Kerajaan Pusat, *central government debt*, ini yang dipertikaikan. Benar mengikut takrif antarabangsa banyak negara tidak memasukinya tetapi apabila ia perlu dibayar, kalau mengikut kerajaan *committed liability* yang perlu dibayar RM118.54 juta. Maknanya ia sudah menjadi satu kenyataan, kita jamin, Kerajaan Pusat jamin kena bayar maka jadi hutang. Oleh yang demikian adalah perlu kita masukkan dalam angka-angka kita.

Sehubungan dengan itu, kita pastikan bahawa *off budget* umpamanya, perbelanjaan perlu ada ketelusan.

■1800

Disebut juga dalam Dewan ini bahawa hutang 1MDB yang belum lunaskan, RM43.8 bilion dan kita hendak kerajaan jelaskan kepada rakyat bagaimana hendak selesaikan hutang ini. Sehubungan ini saya mencadangkan supaya kerajaan memberi penekanan isu yang sentral. Isu pokok dalam perkara ini ialah tidak cukup wang untuk memenuhi keperluan permohonan daripada wakil rakyat. Oleh yang demikian perlu diberikan penjelasan bukan sahaja kepada *rating agencies* tapi juga kepada Ahli-ahli Parlimen, juga kepada rakyat, penjelasan yang senang difahami, kenapa kita berada dalam keadaan sedemikian, kenapa *contingent liabilities*-nya RM118 bilion hutang 1MDB yang belum dilunaskan, RM43 bilion mengikut kerajaan, kerajaan perlu memberi penjelasan kepada Ahli Parlimen sejelas-jelasnya ya, *be transparent* dengan izin mengenai ini.

Juga berkaitan RM37 bilion hutang *refund GST* yang belum dibayar, juga berkaitan dengan hutang *income tax refund* yang belum dibayar. Ini semua menuntut supaya rakyat memahaminya kenapa kerajaan terpaksa mengambil tindakan untuk pastikan bahawa diperbetulkan kedudukan. Jadi saya sokong konsolidasi fiskal adalah penting untuk pastikan bahawa defisit ini dapat dikawal. Dalam pada itu kita tidak harus dogmatik ataupun terlalu fanatik dengan defisit ini. Defisit yang kecil boleh kita *tolerate* kerana kita ada kemampuan untuk bayar hutang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju supaya diadakan lebih banyak lagi petunjuk-petunjuk ekonomi dan sosioekonomi menggambarkan keadaan sebenar rakyat ya.

Kerajaan sudah pun ada pelbagai petunjuk, *to be fair* sudah ada beberapa petunjuk yang perlu ialah untuk tambah baik. Kita perlu lihat kepada isi rumah ataupun *household*, kita perlu lihat kepada kampung-kampung, kampung baru, pinggir bandar, angka-angka yang lebih tepat untuk menggambarkan kedudukan ataupun kemakmuran rakyat sebenarnya.

Ini penting selari dengan SDG ataupun *Sustainable Development Goals UN*, 17 kesemuanya sekali. Adalah perlu kita ada angka-angka lebih tepat berkaitan dengan *savings* kumpulan B40, disebut tadi mengenai angka yang dikeluarkan oleh Khazanah, TRI RM76 saja dapat disimpan oleh mereka yang berpendapatan RM2,000. Ini perlu diperbaiki lagi. Maknanya angka-angka, Jabatan Perangkaan perlu diperkemaskan lagi, dimantapkan lagi, Unit Perancang Ekonomi dan lain-lain perlu dimantapkan lagi untuk pastikan bahawa kita ada angka-angka tepat berkaitan kedudukan sebenarnya ekonomi negara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah penting kita tingkatkan pelaburan, ini penting. Kita lihat bagaimana beberapa kawasan dalam negara kita Johor kah, Lembah Klang kah, Pulau Pinang kah di mana kerajaan memainkan peranan tidak berapa besar tapi di kampung-kampung di Kelantan, di Terengganu, peranan dimainkan cukup besar ya. Kalau di negeri-negeri tertentu di mana sektor swasta memainkan peranan penting, ini antara lainnya oleh kerana sektor swasta mempunyai peranan yang besar dan ianya datang kebanyakannya daripada *foreign direct investment*.

Adanya pelaburan besar di Johor, di Lembah Klang, Pulau Pinang, ini membolehkan ekonomi di negeri-negeri tersebut berkembang makin pesat tapi negeri daripada Kelantan umpamanya *private sector*-nya cukup kecil, maka peranan kerajaan adalah besar. Oleh yang demikian, kerajaan perlu meneliti apabila kita hendak kata *market driven* umpamanya perlu pastikan bahawa kita lihat kepada keadaan ekonomi di Malaysia ini, di mana kampung-kampung masih lagi memerlukan pembelaan daripada kerajaan.

Sehubungan itu kita harap kerajaan akan meningkatkan usaha untuk meningkatkan pelaburan berkualiti, pelaburan dalam bidang *knowledge intensive industry*, dalam *services*, *high end manufacturing*, *industry 4.0*— Tidak perlu saya pergi dengan teliti, kita harap kerajaan akan lebih fokus untuk memastikan kita menarik pelaburan yang berkualiti daripada seluruh dunia untuk pastikan kita mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti. Apabila berkualiti kita kurangkan penggunaan buruh asing. Apabila kita bawa pelaburan berkualiti kita perlu untuk mendapat pekerja daripada mereka yang berkemahiran tinggi, *engineers* dan lain-lain. Dengan itu mampu untuk memberi pulangan ataupun gaji lebih kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah ekonomi akar umbi. Kita kampung-kampung, kopitiam, saya baca dalam surat khabar, kita jumpa dengan pengundi kita, mereka mengeluh ya, pasar tani kah, kedai runcit kah, kedai *hardware* kah ya kita dapati bahawa di kampung-kampung, kampung baru dan pinggir bandar kita dapati bahawa ekonomi ini, mereka orang kampung yang melihat satu suntikan baru. Maka saya mencadangkan supaya kerajaan memikirkan cara-cara bagaimana boleh kita menyuntik ekonomi akar umbi. Umpamanya hal-hal yang berkaitan dengan *maintenance* ataupun penyelenggaraan sama ada masjid kah, jalan raya kah, balai raya kah,

longkang kah, KPKT kah, tidak kisahlah ya, ini menuntut perbelanjaan. Kita harap apabila ekonomi negara pulih, maka kerajaan akan ada satu program untuk memastikan bahawa ekonomi akar umbi. Kerana dengan ekonomi akar umbi yang lebih mantap, kedai-kedai runcit lebih *viable*, kopitiam lebih *business*-nya. Ini penting untuk pastikan bahawa orang kampung dapat menyara hidup dalam keadaan harga getah yang rendah, kelapa sawit yang rendah, mereka menghadapi banyak cabaran. Jadi saya cadangkan supaya kerajaan memperkenalkan satu pelan ekonomi untuk mengerakkan akar umbi termasuklah PKS, *Small Medium Enterprises* termasuklah *rural infrastructure*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah pertumbuhan ataupun pembangunan yang inklusif. Kita hendak kongsi kemakmuran secara adil, ini penting, kita hendak keadilan. Tapi ia harus berpaksikan kepada perlembagaan, Perkara 153 Perlembagaan, peranan MARA, peranan TERAJU dan lain-lain agensi Bumiputera, ekuiti Bumiputera sekitar 20 peratus pada masa ini, kadar pengangguran lebih tinggi di kalangan Bumiputera termasuklah anak muda Bumiputera. Maka ini harus menjadi teras kepada dasar kerajaan. Dalam pada itu kita tidak harus melupakan rakan-rakan kita yang lain.

Pembangunan inklusif saya cadangkan supaya kita beri definisi baru, memberi nafas, kita hendak lihat kepada agenda Bumiputera sebelum ini, kerajaan sebelum ini dan apa bezanya agenda Bumiputera kerajaan hari ini. Lebih mantap lagi kah dari segi peruntukannya, dari segi dasarnya, mengurangkan ketirisannya menjadi lebih berkesan lagi. Jadi berpandukan kepada Perlembagaan, kita teruskan agenda Bumiputera. Pada masa yang sama kita pastikan bahawa rakan-rakan yang miskin tidak kira bangsa sama India, Cina dan bangsa lain, di bandar, *new villages*, kampung baru dan pinggir bandar hendaklah kita perjuangkan kerana kemiskinan kita sedia maklum tidak mengenali bangsa dan kita menyokong usaha-usaha untuk menjadikan agenda kita lebih inklusif.

Sehubungan ini harus ada satu *consensus* di kalangan kita rakyat Malaysia, apakah bentuk-bentuk agenda nasionalis, agenda, apa dia yang dan dimaksudkan dengan pembangunan inklusif, macam apa yang dimaksudkan dengan *shared prosperity*. Kita boleh definisi tentang berkongsi kemakmuran secara adil. Ini satu perkara yang penting untuk memastikan bahawa kita dapat memenuhi hasrat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini, untuk memupuk perpaduan, saya mencadangkan supaya model Maktab Tentera Diraja, saya tidak ada peluang untuk ke MTD, RMC, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Parlimen, Yang Berhormat Ketereh dan lain-lain yang daripada MTD, satu saja Maktab Tentera Diraja di Malaysia, kita lima, enam, sepuluh. Oleh kerana ada kekangan perbelanjaan kerana konsep MTD ini di mana pelbagai kaum pergi sebuah sekolah dan mereka menjadi pemimpin dalam politik, dalam kerajaan, dalam sektor swasta. Saya hendak cadangkan supaya model yang digunakan, *existing SBP*, sekolah-sekolah berasrama penuh yang ada, lima, enam di peringkat awal ditukar modulnya untuk memastikan anak-anak muda kita akan pergi satu sekolah dan jika berjaya kita tambah bilangannya untuk

pastikan anak-anak muda kita bersama dalam satu sekolah berasrama penuh yang satu hari menjadi pemimpin-pemimpin negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan Kelantan, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Perdana Menteri, Sabtu, 10 November lalu melawat Kelantan, berjumpa Menteri Besar Kelantan, ada perbincangan termasuk mengenai pembangunan Kelantan. Saya ucap terima kasih kerana hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang antara negeri-negeri yang maju dan kurang maju, negeri-negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis disebut oleh Perdana Menteri dalam ucapan kajian separuh penggal, kita mahu supaya jalan ataupun lebuh raya disegerakan pembinaannya menghubungkan Kelantan dengan seluruh negara. Kita hendak pastikan bahawa *airport* di Kota Bharu disegerakan pembinaannya dan kita mahu sektor pertanian dibangunkan. Ini satu perkara yang penting dan saya harap dapat disegerakan.

Kelantan mempunyai pendapatan per kapita yang rendah berbanding negeri-negeri lain yang paling rendah dan infrastrukturnya kurang, maka kita harap untuk menjadi sebuah negara maju, Kelantan dan negeri-negeri yang enam buah negeri yang disebut oleh kerajaan itu tidak akan terpinggir.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Saya hendak habis sudah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kata hendak bagi lima minit.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Kejap, kejap. Akhirnya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pontian.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Mengenai Jeli, kawasan saya yang pertama saya sekali lagi ingin mengulangi perlunya satu pelan ekonomi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kata hendak bagi ruang.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: ...Untuk memajukan ekonomi Orang Asli di seluruh negara.

■1810

Saya ada satu kawasan Orang Asli dekat-dekat 200 keluarga yang mereka terhimpit kehidupan mereka berikutan ekonominya, kesihatannya, pendidikannya yang perlu pembelaan yang serius daripada kerajaan.

Saya mohon supaya kemudahan sukan diwujudkan di Jeli. Ia telah diluluskan dan sekarang ini KIV. Peruntukan RM4 juta sudah diluluskan tetapi KIV. Pakar perubatan di hospital tidak ada. Satu jalan raya timur-barat Batu 14, satu kawasan sentiasa berlaku kemalangan. Saya minta JKR menyemak perkara ini. Juga, kita mahu peruntukan untuk mengindahkan taman bandar di Jeli.

Saya juga mencadangkan supaya ECER memainkan peranan penting untuk menggalakkan pembangunan di Jeli dan kawasan sempadan.

Akhir sekali...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Kita ucapkan terima kasih kepada pegawai kerajaan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani yang mencadangkan supaya kita pastikan perkhidmatan awam ini terbaik.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Untuk itu, kita perbaiki *recruitment process* dan juga *promotion*. *Recruitment*, kita setuju cadangan supaya dibuka kepada semua PTD menjadi *truly a lead service* dengan mengambil *recruit* daripada guru, *engineer*, doktor, pelbagai. Serve dalam kerajaan tiga, empat tahun, duduk *exam*, dan kita pilih yang terbaik. Dan kita mahu juga satu *civil service* yang lebih inklusif.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon penjelasan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Civil service inclusive*, kita mahu juga sektor swasta juga mengambil tindakan yang sama.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Janji nak bagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Memastikan sektor swasta juga inklusif dari segi penggunaan guna tenaga. Saya mengucapkan terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Janji Yang Berhormat nak bagi ruang kepada kami bertanya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian dulu.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Okey, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian dulu boleh?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Pendang, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya ringkas dulu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Selepas Yang Berhormat Rantau Panjang, Pontian ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jeli.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia bagi tiga-tiga itu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya mendengar dengan tekun ucapan Yang Berhormat Jeli dan saya mengakui apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri keperluan-keperluan terutama untuk Kelantan. Saya ingin bertanya kepada Menteri, selama ini berapa penggal Yang Berhormat sebelum ini menjadi Menteri di MITI yang sepatutnya peluang ini digunakan oleh Yang Berhormat sebagai anak jati Kelantan membawa pembangunan dan projek untuk membangunkan ekonomi di Kelantan tetapi hari ini kita lihat, sebagai contoh, program yang dijanjikan tebatan banjir...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Ringkas-ringkas. Ada tiga soalan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Contoh yang dijanjikan banyak sejak Rancangan Malaysia Ketujuh sampai ini tidak selesai. Begitu juga isu berkaitan dengan royalti. Dan sebelum ini Yang Berhormat Menteri pernah sebut di dalam Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat mengaku bahawa...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Saya bukan Menteri, saya bukan Menteri.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Yang Berhormat lah yang menjadi penghalang. Sebelum ini Yang Berhormat Jeli mengaku...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Salah. Tarik balik. Saya bukan Menteri.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Dalam sidang DUN Negeri, saya dengar sendiri ucapan Menteri ketika itu Yang Berhormat menjadi Yang Berhormat Jeli, mahu menyekat kemasukan apa pun pelaburan ke Kelantan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Okey, sila duduk. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi macam mana sikap *double standard* yang dibuat oleh Menteri sehingga hari ini Menteri menyebut bahawa— saya ingin penjelasan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Jangan panaskan saya, jangan panaskan saya. Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jeli tadi menyebut tentang hutang...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Bekas anak buah saya ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Hutang 1MDB. Hutang 1MDB ini saya menjadi keliru, dikelirukan oleh Dewan ini. Pada 19 Mac 2018, CEO 1MDB pada ketika itu Arul Kanda menyebut hutang RM31 bilion, aset RM43 bilion. Aset lebih banyak daripada hutang. Pada 7 Ogos 2018 di sini, jawapan dalam Dewan Rakyat, hutang 1MDB RM38.3 bilion. Saya catat jawapan Timbalan Menteri Kewangan dan juga jawapan dalam buku. Akan tetapi pada 2 November ketika pembentangan bajet, Menteri Kewangan melonjakkan hutang RM38.3 bilion itu kepada RM50.9 bilion. Ini tentang hutang 1MDB ini cukup mengelirukan.

Perkara seterusnya yang akhir ialah di Jeli ada banyak penoreh getah, bantuan musim tengkujuh sudah tidak ada. Saya ingin mencadangkan agar Yang Berhormat Jeli bercakap dengan mereka untuk kembalikan bantuan musim tengkujuh itu dan ambil duit daripada RM2 bilion luar jangka yang ada dalam bajet ini. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya terus sambung, Yang Berhormat Jeli.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nak terus kepada yang pertamanya, saya nak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Jeli kerana istikharah untuk buat keputusan.

Keduanya, saya nak sebut dalam majalah *Forbes* yang saya baca baru ini daripada tahun 2018 tahun ini, FDI keluar daripada Malaysia RM9.2 bilion sehingga bulan September. Jadi kita nak menambah pendapatan hasil negara macam mana sedangkan yang ada dalam Malaysia

keluar RM9.2 bilion? Selalunya FDI ini untuk nak menentukan pelaburan yang dibuat masuk ke dalam negeri-negeri ditentukan oleh Kerajaan Pusat melalui agensinya MIDA. Jadi di sinilah menyebabkan negeri-negeri seperti Kelantan tertinggal kerana Menteri dan juga MIDA membuat pemilihan untuk menentukan di negeri-negeri yang *favourite* yang ada industri estet. Itu yang kedua.

Ketiga, baru-baru ini, saya nak berkongsi dengan Yang Berhormat Jeli, dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita terpaksa meminjam duit daripada Kerajaan Jepun di kala kadar bunganya rendah. Kita ada sejarah pinjaman duit dengan Jepun. *If I am not mistaken— please correct me*, dengan izin.

Bagus, saya setuju pinjam bab duit untuk tampung pinjaman yang ada sekarang di kala kadar bunga rendah. Akan tetapi, pada satu ketika dahulu ketika kadar bunga telah naik di Jepun menyebabkan kita terpaksa membayar dengan kadar yang tinggi, jumlah yang besar. Pada ketika itu, Kerajaan Malaysia cuba berunding untuk menurunkan kadar bunga dari segi pembayaran tetapi Kerajaan Jepun tidak layan pada ketika itu. Ini adalah sejarah. Jadi, pinjaman yang sedang diatur sekarang ini kita minta pihak kerajaan supaya meneliti kadar bunga ini sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Ini bukan keputusan kita untuk menentukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Cuba ringkaskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, saya ringkaskan. Jadi minta Yang Berhormat Jeli melihat sejarah pinjaman wang dengan Kerajaan Negara Jepun pada ketika dahulu dan juga sekarang yang sedang diusahakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jeli nak jawab? Jika tak nak jawab, saya panggil...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Saya tidak perlu jawab Menteri Kewangan. Saya ringkas saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ringkas saja.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Pertama, banyak soalan itu dituju kepada Menteri Kewangan dan akan jawab mengenai Jepun kah, FDI kah. Cuma, FDI ini ada tiga komponenlah. Pertama ialah *investment and assets foreign direct investment*. Yang kedua, pelaburan dalam bursa saham yang kita sudah *bond market* ya. Tiga komponen. Tidak tahu Yang Berhormat maksud apa.

Yang MIDA tadi ialah dalam *fixed asset* ya. Jadi yang itu memang beberapa bulan ini mencabar dan kita harap peruntukan secukupnya diberi kepada MIDA untuk mempromosikan pelaburan yang berkualiti yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti supaya rakyat Malaysia bukan bergaji RM1,100 *minimum wages* tapi RM3,000, RM4,000. Itu hasrat kita.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Pontian, juga Menteri Kewangan akan jawab berkaitan hutang. Betullah, angka-angka berubah. Yang ada pada saya ini ialah RM43.8 bilion. Ini jawapan bertulis Dewan Rakyat. Mungkin antaranya disebabkan oleh *currency* kerana

sebahagian hutangnya dalam *US Dollars*. *Goldman Sachs* umpamanya, *USD6 billion*, mungkin saya tidak tahu. Menteri Kewangan lebih berautoriti. Itu Menteri Kewangan akan jawab.

Berkaitan dengan getah, saya sudah sebut tadi, kita harap janji spontan Menteri Kewangan akan berhasil. Kita semua khususnya ada penoreh getah, kita berharap ia nya menjadi realiti. Kerajaan akan menimbangkan bantuan kepada nelayan, petani dan juga penoreh getah.

Akhir sekali berkenaan Kelantan. Apa yang saya buat untuk Kelantan bukan saya yang menilainya. Rakyat Kelantan lebih layak menilainya. Saya serah kepada rakyat Kelantan untuk menilai apa yang saya buat untuk Kelantan. Yang Berhormat Rantau Panjang kata saya tidak buat apa-apa.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat kena jawab...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan atas peluang. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Santubong tadi supaya kita berbahas dengan nada yang kita nak wujudkan satu parlimen yang matang dan kita harap ada *consensus* dalam hal-hal tertentu. Hari ini kita ada *consensus* berkaitan bantuan nelayan, pekebun kecil getah dan juga baja padi. *Alhamdulillah*. Kita harap Ahli Parlimen akan berdebat dengan matang supaya banyak lagi titik-titik pertemuan termasuklah...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mengaku selama Yang Berhormat menjadi Menteri, Yang Berhormat berperanan sepatutnya membawa pembangunan... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rantau Panjang, jika nak ucap, boleh minta izin.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap ada titik pertemuan berkaitan dengan agenda Bumiputra, mengenai *shared prosperity*, definisinya apa, dan kita harap kita semua akan mempunyai satu haluan dan menjadi Ahli Parlimen yang matang dalam membahaskan hal rakyat.

■1820

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang diberikan. *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur. Selepas ini Yang Berhormat Bagan Serai.

6.20 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya untuk menyertai dalam perbahasan belanjawan tahun 2019 yang telah pun dibentangkan dalam Dewan yang mulia pada 2 November yang lepas.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan baharu yang telah berjaya membentangkan satu belanjawan yang baik dan membawa semangat, "*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*" walaupun menghadapi kekangan-kekangan

kewangan yang diwarisi daripada kerajaan yang terdahulu. Daripada belanjawan yang dibentangkan adalah jelas bahawa kerajaan baharu telah mengamalkan satu sikap berjimat cermat dan memberikan fokus ke suatu hala tuju yang betul.

Kita boleh nampak usaha dan hasrat kerajaan dalam menitikberatkan sektor pendidikan dan juga kesihatan yang mana kedua-dua kementerian tersebut mendapat peruntukan perbelanjaan yang paling besar dalam belanjawan ini. Masing-masing dengan jumlah RM60.2 bilion dan RM28.7 bilion. Jelas kita berada di satu landasan yang betul. Seperti yang dinyatakan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada tempoh hari dengan izin, *while we remove the fat, we must not cut our muscles.*

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2019 ini apa yang menarik perhatian saya adalah komitmen daripada kerajaan baharu ini untuk memulangkan tunggakan GST sebanyak RM19.4 bilion dan tunggakan cukai pendapatan berjumlah RM16 bilion yang mana kedua-dua item ini mencatatkan satu jumlah sebanyak RM35.4 bilion. Kita sedia maklum bahawa ramai peniaga-peniaga di luar telah mengalami kesusahan dan tersangkut dari segi aliran wang tunai perniagaan kerana tidak dapat memperoleh wang bayaran balik GST yang sepatutnya dipulangkan oleh kerajaan terdahulu.

Ada antara peniaga di kawasan saya yang mengeluh bahawa kerajaan telah berhutang kepada mereka lebih daripada RM1.6 juta wang pembayaran balik GST untuk lebih daripada satu tahun. Ini telah menyebabkan ada antara mereka yang terpaksa menaikkan harga barang-barangan dalam era GST dan *defeat the whole purpose of GST* dengan izin *and make GST a devil instead of a best taxation system as claim.* Menurut Akta GST 2014, wang pembayaran balik GST haruslah dipulangkan dalam masa 14 hari daripada tarikh tuntutan di buat. Namun, daripada rekod kastam terdapat tunggakan yang telah pun lama tertunggak sejak tahun 2015 sebanyak RM0.518 bilion, 2016 sebanyak RM2.712 bilion, 2017 sebanyak RM5.315 bilion dan 2018 sebanyak RM15.011 bilion.

Masalah dan punca utama yang menyebabkan perkara ini adalah seperti yang dinyatakan dalam teks ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu bayaran balik wang kepunyaan pembayar cukai telah pun disalah gunakan. Kesemua wang kutipan GST termasuk kutipan sebenar dan wang pembayaran balik telah pun dimasukkan ke dalam *consolidated fund* dengan izin dan bukannya akaun amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta GST seksyen 54.

Apabila wang untuk tujuan bayaran GST yang tidak patut digunakan oleh kerajaan yang lepas telah pun disalah gunakan, maka pada akhirnya rakyat yang menderita. Sekiranya seorang peguam menggunakan wang amanah anak guaman, itu adalah satu amalan pecah amanah. Perkara yang sama berlaku di sini, sekarang kita ada satu kerajaan yang lama telah pun menggunakan wang amanah rakyat. Ini adalah satu tindakan pecah amanah yang serius.

Apabila Dewan ini meluluskan akta pemansuhan GST dalam bulan Ogos yang lepas, sememangnya Dewan ini telah memberikan kuasa kepada kerajaan untuk memulangkan kesemua wang tunggakan GST dalam masa enam tahun. Kerajaan baharu ini sememangnya

mempunyai satu masa, enam tahun untuk memulangkan wang GST ini tetapi Belanjawan 2019 ini menunjukkan komitmen daripada kerajaan untuk membuat bayaran balik GST sebanyak RM19.4 bilion. Ini merupakan satu usaha yang baik, satu usaha yang berani, satu usaha yang bermoral daripada kerajaan baharu. Tahniah dan syabas kepada kerajaan baharu.

Walaupun pada hari semalam, kita lihat ada *remarks*, ada kenyataan-kenyataan daripada rakan saya di sebelah sana yang menyatakan bahawa kerajaan sekarang sekiranya menghadapi kekangan kewangan kenapa tidak menggunakan dividen khas yang diperuntukkan daripada Petronas sebanyak RM30 bilion itu untuk tujuan yang lain-lain. Akan tetapi kenapa hendak *rushed* kan, kenapa hendak digunakan semata-mata untuk pembayaran balik wang GST sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengingat kita semua di sini bahawa adalah tanggungjawab daripada kerajaan untuk memulangkan wang milik rakyat kepada rakyat dalam masa yang pendek. Ini bukan wang kita, ini bukan untuk memudahkan aliran kewangan negara kita. Setelah isu pemulangan GST dan cukai pendapatan ini diselesaikan, kerajaan baharu juga harus mengambil iktibar bahawa daripada pengalaman pahit dan kesilapan yang terdahulu yang dibuat oleh kerajaan yang terdahulu. Mungkin masih terdapat mentaliti di kalangan mereka yang berpendapat bahawa perkara tersebut adalah tidak salah, sikap ini haruslah diubah.

Jangan lah sesekali kita terperangkap dalam satu situasi yang mana wang amanah rakyat disalah gunakan. Jangan lah kita *overestimated the budget* dengan izin khasnya dari segi kutipan hasil ataupun pendapatan dan jangan lah kita masukkan wang amanah kepunyaan rakyat ke dalam *consolidated fund* dan digunakan oleh kerajaan dengan begitu sahaja. *Don't cheat yourself with what you don't have* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam belanjawan tahun 2019 telah mengumumkan untuk memberikan potongan pinjaman PTPTN kepada pelajar dari isi rumah B40 yang mendapat keputusan kelas pertama. Walaupun saya memahami bahawa...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, boleh?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Di mana? Ya, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat menyokong apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat. Apa juga wang kepunyaan rakyat sama ada wang pulangan daripada GST atau pun LHDN seharusnya dikembalikan semula kepada rakyat.

Kalau daripada GST kita berjumlah sebanyak RM19.4 bilion. Kalau daripada *income tax* sebanyak RM16 bilion. Maknanya di situ ada RM35.4 bilion yang kita kena pulangkan. Ini soalan saya sekarang, daripada manakah kita hendak datang sumber tambahan pertumbuhan ekonomi itu iaitu akan terlibat sebanyak 0.1 peratus kerana apa yang kita lihat pada ketika ini pertumbuhan ekonomi kita pada tahun ini hanya 4.8 peratus sahaja dan defisit kita akan melebar sebanyak 3.7 peratus, kalau tahun 2017 hanya tiga peratus sahaja. Jadi, itu soalan saya kepada Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya bersyukur kerana Yang Berhormat dari Jasin bersetuju

dengan saya bahawa wang ini haruslah dipulangkan dan apabila kita mengetahui bahawa kerajaan terdahulu telah pun menyalahgunakan wang ini. Siapa yang patut dipersalahkan? Bukannya rakyat yang patut dipersalahkan Yang Berhormat Jasin. Yang harus dipersalahkan adalah kerajaan yang lepas.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya *correction*, jangan sebut perkataan “menyalahgunakan”. Itu salah Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang mana telah pun menggunakan wang rakyat secara salah dan apabila kita sekarang mempunyai satu sumber daripada Petronas, dividen sebanyak RM30 bilion itu, *priority* dan keutamaan haruslah diberikan kepada apa yang tertunggak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Akan tetapi jangan gunakan perkataan “menyalahgunakan”.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Bukannya digunakan sekali lagi macam kerajaan terdahulu *to make good the cashflow of the nation and to show a better deficit*. Eh! *Come on!* Janganlah menggunakan wang yang kamu tidak ada seperti yang saya nyatakan tadi.

■1830

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Ipoh Timur, perkataan “menyalahgunakan” adalah satu kesilapan. Kalau kita menyalahgunakan, maknanya wang itu telah hilang. Sekarang wang itu di dalam tabung. Kita tidak menyalahgunakan, hanya lewat membayar, dikembalikan kepada rakyat.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Adalah jelas penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri pada bulan Ogos yang lepas bahawa di dalam Tabung Amanah GST sememangnya tidak ada wang yang cukup untuk membayar balik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak apa. Yang Berhormat Pasir Salak duduk dahulu. Saya jawab dahulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Wang itu disalahgunakan untuk bayar apa?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Duduk dulu. Tidak apa. Duduk, duduk, duduk, duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Macam mana wang itu digunakan?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Duduk dulu. Duduk dulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, no. Tolong...*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, lain kali mintalah laluan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okey, duduk. Jangan bazir masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kalau tidak diberikan laluan, tunggu giliran.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Wang bagi dekat mana?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Untuk tahun 2018, kutipan kasar daripada GST adalah lebih kurang RM67 bilion. Itu bukanlah kutipan *net*. Akan tetapi, dalam Belanjawan 2018, jumlah yang telah pun di-*estimate* ataupun dianggarkan adalah sebanyak RM44 bilion. Ini bermaksud, RM23 bilion adalah digunakan untuk tujuan wang pembayaran balik. Akan tetapi, masalah di sini adalah wang yang diperlukan untuk pembayaran balik adalah jauh lebih daripada RM20 bilion tersebut. *Estimation* ataupun anggaran berkenaan dengan pendapatan bersih daripada GST sebanyak RM44 bilion tersebut pada tahun 2018 adalah satu *over estimation*. Yang Berhormat Pekan, amat tahu berkenaan dengan perkara ini. Tidak faham? Esok apabila Yang Berhormat Pekan ada pergi ke mahkamah untuk menghadap apa-apa pertuduhan beliau, boleh tanya kepada Yang Berhormat Pekan. Saya memohon isi untuk...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Teruskan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berikan laluan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu '*move*' kepada satu topik lagi. Sememangnya saya sudah '*move*' ke topik yang lain. Tidak apa duduk. Kerajaan dalam Belanjawan Tahun 2019 juga telah mengumumkan untuk memberikan potongan pinjaman PTPTN kepada pelajar daripada isi rumah B40 yang mendapat keputusan kelas pertama.

Walaupun saya memahami bahawa dengankekangan kewangan yang sedia ada dan pertimbangan keutamaan dengan sumber kewangan yang terhad, kerajaan hendak memberikan fokus kepada golongan B40. Itu saya faham. Namun, fokus ini haruslah dipertimbangkan sekali lagi atas *case to case per cases*, dengan izin.

Pada masa ini, saya ingin berkongsi satu mesej WhatsApp yang telah pun saya terima sehari selepas Belanjawan 2019 dibentangkan. Dengan izin,

"Dear YB,

I'm from your constituency and have been your supporter for years. Allowed me some "leeway" to rant about Budget 2019. I'm a single parent from the lower income group or it is an upper poor barricade. I'm not so sure. I dare say, people from this barricade are mainly low abiding citizens who cannot and have no means what-so-ever to escape from taxes, unlike, the others. The government has done away with PTPTN discount and students who's obtain first class honors who are no longer entitled to apply for waiver. We have been telling our children to study hard, hoping to qualified for the loan waiver and this enactment has hit many of us", dengan izin.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua untuk mengutarakan pandangan saya di sini. *I shared the same sentiment*, dengan izin. Saya mengambil diri saya sebagai contoh. Saya merupakan seorang graduan Sarjana Muda Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa. Sebuah IPTA. Saya juga salah seorang pelajar IPTA yang bernasib baik untuk menerima kelulusan

pengecualian pembayaran balik PTPTN ini pada tahun 2004. Ibu bapa saya merupakan penjaja yang menjalankan perniagaan jualan makanan di pasar awam, bukan di bawah B40 tetapi adalah di peringkat bawahan iaitu M40. Dengan kehidupan yang bukan senang. Pengecualian tersebut yang saya peroleh pada tahun 2004 ini membawa satu makna yang amat besar kepada saya dan juga kepada keluarga saya. *It means a lot to me and my family members*, dengan izin, kerana ia merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha gigih pelajar-pelajar iaitu saya pada masa itu, dalam pembelajaran dan pengiktirafan kepada ibu bapa yang mendorong dan mengasuh saya sekian lama ini.

Ini adalah satu dorongan untuk para pelajar belajar dengan lebih gigih dan kuat. *We shouldn't be doing away with a waiver or repayment of loan for those obtaining first class degree*, dengan izin. Cadangan saya kepada kerajaan adalah sekiranya kerajaan tidak ingin memberikan pengecualian sepenuhnya ataupun satu “*blanket approval*” kepada semua pelajar yang memperoleh sijil kelas pertama, sekurang-kurangnya pengecualian ini haruslah diberikan kepada mereka yang menganut di IPTA dan memperoleh sijil kelas pertama. Saya adalah antara yang selalu menggalakkan pelajar-pelajar menjadikan IPTA sebagai pilihan utama mereka. Dengan insentif ini, saya percaya bahawa ini boleh memberikan satu galakkan kepada pelajar-pelajar untuk memilih IPTA yang menawarkan satu kos pembelajaran yang amat rendah. Mereka akan tahu bahawa mereka mempunyai satu peluang untuk mendapatkan pengecualian pembayaran balik pinjaman dengan keputusan akademik yang cemerlang. Maka, saya dengan ini memohon supaya bahawa cadangan ini bolehlah diperhalusi lagi. Ini supaya *discount* yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang memperoleh *first class degree* boleh diteruskan sekurang-kurangnya kepada mereka yang belajar di IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan Tahun 2019, kerajaan juga telah menyasarkan untuk memberikan subsidi yang lebih banyak dan lebih khusus kepada golongan miskin dan miskin tegar dalam subsidi bil elektrik bulanan RM20 dan ke bawah. Saya mengalu-alukan peningkatan jumlah subsidi yang akan diberikan kepada golongan ini dari tahap RM20 sehingga RM40. Ini di mana golongan sasar akan menikmati satu subsidi yang lebih besar. Walau bagaimanapun, dengan mengehadkan golongan yang mendapatkan manfaat ini kepada golongan miskin dan miskin tegar, ramai antara mereka yang mendapat subsidi bil elektrik RM20 pada hari ini, tidak dapat meneruskan dengan manfaat tersebut.

Saya memahami hasrat kerajaan adalah untuk melaksanakan subsidi bersasar dan memastikan hanya mereka yang layak sahaja diberikan bantuan subsidi. Kerajaan juga hendak menggunakan pendekatan baharu untuk mengelakkan pemilik-pemilik rumah yang mempunyai rumah yang banyak dan terbengkalai daripada menikmati subsidi ini *at the expense of the poor*, dengan izin. Namun, kita juga mengambil maklum bahawa ada ramai yang tidak di klasifikasi dalam golongan miskin dan miskin tegar yang pendapatannya tidak tinggi. Sebagai contoh, sepasang suami isteri yang berusia 60 tahun yang berpendapatan RM1,000 sebulan menduduki sebuah rumah papan usang di Kampung Baru ataupun Kampung Tradisi. Rumahnya tidak mempunyai peti sejuk dan penyaman udara. Ini sememangnya bil elektrik tidak akan sampai ke

tahap RM20. Tidak ada alasan kenapa mereka harus dikeluarkan daripada golongan yang harus mendapat manfaat ini.

Saya percaya bahawa subsidi bersasar ini boleh diperhalusi lagi. Sekiranya kita bimbang bahawa ada pemilik rumah yang bermanfaat at *the expense of the poor*, dengan izin, kita boleh mengkaji dan mengehadkan manfaat ini iaitu RM20 subsidi ini diberikan kepada mereka yang hanya memiliki sesebuah rumah kediaman yang diduduki oleh beliau sendiri sahaja ataupun, kepada mereka yang isi rumahnya hanya memiliki satu akaun DAB sahaja. Dengan ini, lebih ramai antara mereka yang mempunyai keperluan tetapi tidak layak dalam kategori miskin ataupun miskin tegar akan mendapat bantuan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dibentangkan ini saya percaya bahawa walaupun ini merupakan belanjawan yang pertama, tetapi *there are more to come in years to come*, dengan izin. Yang Berhormat Ayer Hitam semalam, ada mengatakan bahawa kerajaan walaupun meraih sokongan 95 peratus pengundi Cina, telah pun mengurangkan peruntukan kepada masyarakat Cina. Saya tidak tahu bagaimana angka ini dapat dicapai. Namun, biarlah kita perhatikan peruntukan untuk SMPC sebanyak RM12 juta telah pun diperkenalkan pada tahun ini. Peruntukan untuk Kampung Baru dinaikkan daripada RM10 juta kepada RM85 juta pada tahun hadapan berbanding dengan tahun ini sebanyak RM75 juta.

■1840

Walaupun keseluruhan anggaran perbelanjaan sememangnya telah berkurangan kepada satu tahap 2,775 bilion pada tahun 2019, tetapi kerajaan baharu ini masih mampu dan masih mahu untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan.

Kadang-kadang saya terpaksa bersetuju dengan kata-kata Yang Berhormat Ayer Hitam bahawa kerajaan tidak menjaga masyarakat Cina seperti yang dijaga oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kadang-kadang saya terpaksa bersetuju, kenapa? Ini kerana ada kalanya, pada kebiasaannya penjagaan kepentingan ini adalah terhad kepada mereka yang mempunyai hubungan yang amat rapat dengan pentadbiran yang lepas sahaja. Dalam skandal 1MDB sahaja, ia mengalami satu hutang sebanyak RM43.888 bilion, tidak termasuk hutang daripada IPIC *settlement* untuk kebaikan seorang yang berbangsa Cina yang bernama Jho Low sama ada kita hendak berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana menjaga seorang kroni yang berbangsa Cina. Sememangnya tidak. *This is on the expense, not only on the rich taxpayer and also on the poor Malay, poor Chinese, poor Indian, poor Iban and poor Kadazan in the nation.*

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru bahawa rakan-rakan di sebelah sana [*Merujuk kepada blok pembangkang*] bertaubatlah, bertaubatlah, bertaubatlah. Dengan itu, sekian daripada saya dan saya memohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Siapa yang hendak bertaubat itu terpulanglah kepada mana-mana. Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai. Sila berucap dengan nada yang tenang. [*Ketawa*]

6.42 ptg.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Membaca sepotong doa] Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan keizinan kepada Bagan Serai untuk mengambil bahagian dalam perbaahan Belanjawan 2019.*

Pertama sekali tahniah Yang Berhormat Menteri, satu pembentangan yang bersejarah daripada kerajaan baharu dan juga tahniah kepada kerajaan yang baharu, pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana telah menerima satu anugerah tertinggi baru-baru ini pada 6 November iaitu *The Grand Cordon of the Order of the Paulownia Flowers* daripada Maharaja Akihito Jepun. Juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini menerima anugerah *The Conferred the Honorary Doctor of Laws from the National University of Singapore*.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini adalah *doctors* dan mereka ini adalah alumni dan bekerja di Universiti Malaya. So they are my super, super seniors sebenarnya. So Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: So, Yang Berhormat Bagan Serai pun setaraf dengan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ya.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *When the country is sick, trust the doctors. Let them be.*

Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai pada dasarnya menyokong. Sudah tentu menyokong kerana ini adalah belanjawan yang bagus tetapi kalau kita lihat dan nilai balik, lagunya adalah sama, liriknya berbeza. Sebab yang saya nampak, yang jelasnya, kecuali teras pertama iaitu reformasi institusi. Ini yang beza, ini yang buat baharunya Malaysia Baharu dengan elemen baharu yang ditunggu-tunggu, adalah reformasi institusi. Yang lain, lagunya sama, liriknya berbeza. Kita akan kritik. Apa yang rakyat hendak? Rakyat tunggu dua jam depan televisyen. Apa yang rakyat hendak? Rakyat fikir, "What do I get?". "Apa yang saya dapat?". "Saya dapat, nama saya disebut, bajet ini bagus. Saya tidak dapat, tidak sebut nama saya, maka bajet ini mungkin tidak bagus".

Akan tetapi apa yang sebenarnya yang kita harapkan daripada kerajaan adalah satu bajet yang menggabungkan, seiring antara *annual budget*, bajet tahunan dengan KSP yang baru-baru ini dibentangkan. Baru dua minggu lepas, KSP RMKe-11, adakah seiring menuju kepada kesejahteraan, menuju kepada Malaysia yang lebih baik, menuju kepada pengukuhan defisit fiskal, menuju kepada *business* kerana negara ini adalah negara perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting yang saya nampak adalah reformasi institusi. Akan tetapi yang paling sensitif, yang saya nampak adalah masalah pesawah, nelayan dan juga pekebun kecil. Ini tidak disebut dengan jelas, ini tidak diberikan pengkhususan. Syukur kita dapat Bantuan Sara Hidup (BSH) dan sebagainya tetapi untuk golongan yang dikatakan *vulnerable*, golongan ini adalah golongan yang terkesan, golongan ini adalah golongan yang menjaga jaminan makanan negara, jaminan makanan negara.

Kalau pesawah tidak mahu bersawah, kita tidak makan hari ini. Kalau orang tidak mahu turun menoreh getah, maka *business* negara akan rosak. Ini komoditi yang menjadi eksport utama negara kita hari ini. Jadi di situ saya nampak kerajaan sepatutnya memberi pengkhususan lebih kepada mereka yang ditakrifkan sebagai *vulnerable group*, mereka yang mudah terkesan.

Contohnya Bagan Serai. Bagan Serai ini ataupun dalam daerah Kerian adalah jelapang padi yang ketiga besar di Malaysia hari ini. Kita ada lebih kurang 20 ribu hektar padi dan nelayannya hampir empat ribu orang. Ini yang kita lihat di Bagan Serai. Di Parlimen Bagan Serai, rata-ratanya adalah masyarakat Banjar. Mereka kebanyakannya melakukan aktiviti bersawah padi. Jadi masalah infrastruktur, masalah benih, masalah penyakit, masalah pengairan ataupun bila ribut datang, bila ombak tinggi, tidak dapat turun mencari makan, *income* mereka terjejas.

Oleh sebab itu saya mengharapkan kerajaan menyediakan jaringan keselamatan sosial yang lebih baik lagi ataupun *why not*, kenapa tidak kita mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang automatik. Tidak payah tunggu *annual*, tidak payah tunggu bajet tahunan. Apabila sampai harga lantai, harga sesuatu harga, tolong terus buka pertolongan bantuan untuk menjaga kepentingan golongan-golongan yang *vulnerable* ini.

Ini yang patut kita buat kerana kita tidak payah tunggu. Tiap-tiap tahun kita tunggu. Pesawah tunggu, nelayan tunggu, penoreh getah tunggu, orang sawit tunggu macam mana kerajaan hendak tolong. *Why not* kita buat begini? Ini kerana mereka ini adalah orang-orang penting dalam negara. Menjaga komoditi negara, menjaga makanan negara kita hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bertenang. Cuba bertenang. Saya tahu perasaan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah reformasi institusi. Ini saya hendak ucapkan tahniah. Laungan-laungan Pakatan Harapan, sudah lama dah melaungkan perkara ini. Tahniah, ini bagus. Sudah tentu bagus. Integriti dan rasuah, *zero-based budgeting*. Ini betul kerana kita tidak bermula contohnya kalau kita sudah buat satu program tahun lepas RM100 juta, kita tidak mula dengan RM1 juta. Kita mula dengan kosong, kita nilai balik, kita teliti balik kepentingan, kemudahan dan kita akan dapat menyelamatkan banyak duit. Elak ketirisan, keterbukaan.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah perolehan, peningkatan penguasaan, peningkatan SPRM dan juga saya puji kerajaan kerana mewujudkan pejabat pengurusan hutang. Teliti balik **PPP**, PFI, teliti balik dan bagaimana reformasi institusi ini bakal mengukuhkan defisit kita hari ini. Itu yang penting sekali.

Saya hendak sentuh dua perkaralah. Kalau kita cakap fasal rasuah, rasuah ini – di mananya pun kalau tidak jaga memang akan berlaku rasuah. Saya hendak tanya kerajaan hari ini, bagaimana penyeludupan rokok boleh berlaku? Bagaimana boleh ada bolos di sempadan? Bagaimana rokok yang haram, yang berleluasa dijual di kedai runcit dan sebagainya? Bagaimana hari ini? Bagaimana boleh terlepas ini? Apakah kelemahan penguasaan ataupun berlakunya rasuah hari ini? Ini kena teliti. Kita sudah cakap benda ini banyak kali sudah. Ini kena teliti.

Penguatkuasaan penyeludupan rokok hari ini, bukan penyeludupan yang besar-besar, penyeludupan yang kecil-kecil pun dalam istilah yang kita katakan *bootlegging* ini berlaku. Begitu juga dengan penyeludupan dadah. Saya ucapkan tahniah kepada PDRM, buat kerja yang cukup bagus. Walaupun apa pun kita hendak tanya, saya hendak tanya benarkah dadah ada dalam penjara? Benarkah dadah terlepas dalam penjara? Benarkah ada ujian air kencing boleh jadi positif atau boleh jadi negatif? Benarkah ini berlaku? Jadi ini kita hendak tengok.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada *sin tax*. Ini adalah teks yang dibentangkan dalam belanjawan. *Tax* yang akan menentukan *behavior*, perangai manusia hari ini kita dapat lihat. Cuma saya hendak tanya kerajaan, ini *sin tax* ini dibuat untuk tambah pendapatan, untuk bayar tumpung pengutipan SST yang rendah kerana tidak macam GST ataupun kerana hendak mengubah perangai manusia? *Tax* kereta contohnya, *tax* kereta. Saya hendak puji kerana ada beberapa *tax* yang telah dinaikkan tetapi saya kesal juga kenapa *tax* rokok tidak dinaikkan. *Tax* kereta sebab mungkin hendak menggalakkan orang membeli *local car* ataupun kes *tax* ke luar negara, cukai ke luar negara, pergi ASEAN RM20, pergi keluar RM40 ataupun kita patut melancong di negara kita hari ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga cukai judi kerana judi ini memang tidak bagus. Mana ada orang kata judi bagus. Kalau lebih boleh mendatangkan mudarat. Sebab itu juga *soda tax*. *Soda tax* kita kata hendak turunkan penyakit kencing manis, obesiti tetapi kita kena tengok *soda tax* ini. Teh tarik ini kena *tax* tidak? Minuman 3 in 1 kena *tax* tidak? Apa kata kalau orang ambil *hidden sugar*, makanan-makanan lain yang ada gula umpamanya. Jadi ini yang kita hendak tengok. Kerajaan hendak yang macam mana? Kerajaan hendak kutip duit atau kerajaan hendak rakyatnya kurang makan gula supaya jadi sihat supaya tidak ada kencing manis, supaya tidak ada kegemukan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga orang tidak tahu hari ini. Orang pernah datang ke klinik saya tanya. Saya tanya macam mana boleh jadi gemuk? Macam mana boleh jadi gemuk? Dia kata saya tidak *exercise*, orang *exercise* kurus kah? Dia kata kerana makan banyak. Ada orang makan banyak tidak gemuk kerana apa? Kerana kita tidak ada, mungkin tidak ada ilmu itu ataupun kita buat tidak peduli tentang kesihatan sehinggalah kita terpaksa potong kaki, sehinggalah orang kena sakit jantung, darah tinggi, strok dan sebagainya. Ini penting kerana ini akan memberi kesan kepada ekonomi secara tidak langsung akan memberi kesan kepada prestasi kerja kita hari ini.

Dari tadi saya tanya Tuan Yang di-Pertua, kenapa kerajaan tidak menaikkan cukai *tobacco*? Kenapa? Sedangkan ada kajian daripada WHO dan juga *World Bank* menunjukkan 10 peratus peningkatan perokok akan menurunkan lapan peratus pembelian rokok daripada negara-negara yang miskin ataupun kumpulan yang miskin ataupun empat peratus daripada kumpulan yang kaya. Kerana ia ada kesan yang dekat. Kesan yang cepat kerana harga naik dia tidak mahu beli ataupun kita perlu buat lagi ceramah-ceramah dan ceritakan bahaya merokok kerana merokok ini berbahaya.

Saya dapat tahu semua penagih dadah adalah perokok. *Correct me if I'm wrong.* Jadi maknanya merokok ini *another step to drug addiction.* Is bahaya sebab kita akan jadi contoh, teladan kepada anak-anak muda, kepada anak-anak di rumah, kepada pelajar-pelajar. Jadi apabila kerajaan hendak buat jangan merokok di restoran dan sebagainya, mengamuk sudah hari ini. Dalam *paper* pun sudah mengamuk sudah hari ini. Ini amalan yang tidak baik. Kenapa kita pilih amalan yang boleh memudarangkan diri kita hari ini?

Sebab itu saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kerajaan meningkatkan cukai *tobacco* ini, cukai tembakau ini. Ini penting kerana bukan senang hendak tinggal. Dalam rokok itu ada nikotin *addiction* boleh menyebabkan *addiction* kerana rokok itu ada macam-macam racun lagi yang boleh merosakkan diri kita hari ini. Orang kata hari ini kalau naikkan cukai rokok maka berlakulah penyeludupan yang banyak. Ini betul pada skala yang kecil yang saya sebutkan tadi sebagai *boot* lagi. Akan tetapi pada skala-skala yang besar, kita kena lihat lagi penguasaan. Adakah berlaku unsur-unsur rasuah? Adakah berlaku unsur-unsur rasuah? Ini kita hendak kena tengok hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menceritakan tentang *WHO Framework Convention on Tobacco Control*, WHO (FCTC). Ini adalah satu *evidence based treaty* yang dikuatkuasakan pada Februari 2005 dan protokol pertama kepada WHO (FCTC) ini adalah protokol untuk *eliminate* dengan izin, *eliminate trade tobacco product*. Ini berasaskan kepada Artikel 15 dalam FCTC yang dikuatkuasakan pada September 2018. Saya hendak tanya Malaysia di mana? Malaysia sudah *sign* kah belum ini? Saya difahamkan ada pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan, kastam telah pergi untuk menghadiri perbincangan ini. So, Malaysia sudah bersetuju kah belum? Sebab ini penting.

Saya juga hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, adakah Malaysia bersedia untuk mewujudkan *Earmarked Tax* untuk *promote* kesihatan? Promosi kepada kesihatan *Earmarked Tax* ini satu soalan saya beri. Tadi saya cakap tentang *tobacco control* sebab rokok ini ia boleh pergi tempat, ia bukan jadi elok dan kita tahu dadah ini sudah lima dekad kita berjuang. Hari ini kita tengok, hari ini orang potong kepala orang, orang bunuh orang dengan kejam, potong tanam dalam tong dan akhirnya kita tengok, akhirnya methamphetamine Rogol dan sebagainya methamphetamine, ATS, *synthetic drug*. Apa kita hendak buat hari ini?

Saya hendak mengucapkan tahniah dahulu kepada PDRM. PDRM, kastam, AADK, PEMADAM, MAC, bagus sudah dan hari ini kita ada *national drug policy* dengan izin *the new national drug policy* yang ada lima *pillars* dan memasukkan *harm reduction* di situ. Telah terbukti *harm reduction* iaitu *needle syringe*, *needle anaesity* dan juga *Medication Assistant Therapy* (MAT) telah terbukti mengurangkan HIV, mengurangkan *crime*, mengurangkan jenayah, mengurangkan masalah-masalah yang berkaitan dadah dan mengurangkan orang masuk dalam penjara. Sebab itu hari ini, saya ucap tahniah kepada kerajaan yang telah mula mengorak langkah yang kita hari itu telah membincangkan pentingnya juga kita belajar daripada negara-negara luar yang telah mengharungi ini contohnya Switzerland, Germany, Portugal.

Saya ada peluang pernah pergi ke Zurich melihat keadaan begini. Bagaimana mereka menangani masalah dadah dengan konsep yang dikatakan yang kita sebut sebagai *decriminalisation*. Maknanya bukan kena air kencing positif terus masuk *jail*, dia keluar *stigmatize*. Orang dalam *jail* apabila keluar dia sudah jadi banduan. Kerja tidak dapat, masyarakat tidak terima, *stigmatize*. Jadi ini kita kena hati-hati tidak boleh sumbat dia dalam *jail* lagipun dalam *jail*, duduk lama-lama, belanja jaga orang dalam *jail* jauh lebih mahal daripada belanja kita merawat. Sebab itu kita hari ini dengan definisi yang telah ditentukan oleh WHO bahawa ini adalah *chronic relapsing mental illness, doctor should take lead*. Sekali lagi *doctor should take the lead*. Kena buat begini, Alhamduillah.

AADK teruskan kaunseling, teruskan dengan kerja dia. Polis dan sebagainya teruskan *supply reduction* tetapi *doctor should take the lead*. Malah dalam – pada Mac 2012, *joint statement* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, WHO, UNODC, UNAIDS dan sebagainya telah memberi *statement close detention, close pusat sehenti dan increase harm reduction, increase medically assisted treatment* dan bagi peluang kepada doktor-doktor untuk ambil bahagian dan juga naikkan lagi insentif untuk GP ambil bahagian umpamanya sebab saya kata hari itu, kita sudah lima dekad kalau kita tidak buat sesuatu, kita tidak boleh *do the same thing unexpecting the different result*. Ini perkara penting.

Kerajaan hari ini nampak buat sudah hendak *control* penyeludupan rokok. Tidak bagi orang hisap rokok di restoran dan sebagainya, jangan tunggu-tunggu lagi sudah. Bulan Januari ini sudah start, jangan tunggu-tunggu lagi sudah denda dan sebagainya, kita lihat macam mana. Beritahu rakyat bahaya merokok. Inflamasi rosak badan. Ini yang kita hendak buat hari ini. Mudah-mudahan kerajaan dapat menerima apa yang dikatakan *approach* yang sekarang ini, *approach* yang dipanggil Bio-Psycho Social-Spiritual. Ini penggunaan banyak cara-cara. Hari ini kita perlukan anjakan paradigma ini. Daripada kita lihat sebagai pesalah kepada pesakit. Daripada kita benci kepada kecintaan. Jadi ini kita hendak buat hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tiga minit lagi saya ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya. Pendidikan RM60 bilion tertinggi. Saya hendak minta beberapa perkara hendak beritahu hari ini. Bagan Serai ada sekolah kebangsaan yang boleh buat muzium sudah 50 tahun. Lantai kayu. Jangan sampai nanti ada orang jatuh, sekolah sudah macam muzium. Sedangkan daerah Kerian, SPM terbaik tiga tahun berturut-turut, 2015, 2016 dan 2017. Pelajar terbaik STPM tahun lepas kategori khas daripada Sekolah Menengah Alam Iskandar, Bagan Serai. Banyak budak-budak bijak.

Perkara kedua ialah rancangan makanan tambahan. RM2.50 naikkanlah RM4. RM2.50 boleh beli apa? Ibu bapa yang bergaji RM580 naikkan sampai RM2000, kalau tidak berapa orang sahaja di sekolah itu yang dapat? Sekolah-sekolah luar bandar ini, Sekolah Kebangsaan Bukit Merah, Tebuk Pancur, Sekolah Gunung Semanggol ini sangat-sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit sahaja mengenai pengangkutan awam yang ada ketika ini, LRT, MRT, komuter dan sebagainya. Saya dapat lihat bahawa rungutan juga daripada kawan-kawan dan sebagainya tentang masalah *parking*.

■1900

Apa salahnya dia buat mini *bus* balik untuk bawa orang daripada rumah di kepada tempat – ke stesen-stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya. Hari ini *parking* berselerak, tadi saya cakap *parking* di hospital, *parking* di stesen-stesen pengangkutan awam pun berselerak. Kita sudah jauh kebelakangan dalam pengangkutan awam ini. Oleh sebab itu pengangkutan awam ini penting. Di Jepun di sana, di luar negara sana dia orang naik pengangkutan awam, bukan naik kereta sendiri, tetapi kita hari ini naik kereta sendiri, kereta penuh, jem dan sebagainya kita marah semua orang, ini penting.

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam alam sekitar, tanah runtuh, banjir dan sebagainya, kurang di cakap dalam kerajaan kita hari ini. Lereng bukit di tarah, hutan ditebas untuk pembangunan dan pertanian. Saya fikir SOP dan juga undang-undang patut lebih ketat dan bajet patut diberikan lebih lagi untuk alam sekitar. Ini kerana alam sekitar akan membuat kita sakit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya balik, ada majlis di Parlimen saya. Saya jumpa dengan beberapa orang ahli-ahli MPKK yang baru dilantik, ini ketua kampunglah kerajaan baharu. Ketua kampung dan AJK-nya. Tahniahlah saya ucapkan kepada mereka, tetapi sudah empat bulan tidak dapat elauan. Ini saya minta cepat tengok akan perkara ini, kasihan kepada mereka, mereka ini lah perwira-perwira yang menolong rakyat yang membantu wakil rakyat, ADUN dan Ahli Parlimen menjaga rakyat di kawasan-kawasan-kawasan. Janganlah sampai elauan mereka tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, ini cakap cepat ini, sebab itu jadi begini. Jika cakap *slow* tidak habis. Sekali lagi saya hendak ucapkan [*Ketawa*]. Sekali lagi saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana berjaya membawa belanjawan ini dengan baik. Satu sejarah kerajaan baharu dan juga tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri as I told you dengan izin Tuan Yang di-Pertua, they are doctors, they are alumni in University of Malaya dan saya ulang sekali lagi when the country is sick, let the doctor lead, you trust the doctors.

Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyokong belanjawan ini dan Bagan Serai ingin Tuan Yang di-Pertua untuk mengakhiri perbahasan ini dengan pantun macam Tuan Yang di-Pertua buat selalu juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Banyak kata-kata manis.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [*Ketawa*]

Bahas kita jangan menyakat,

Nanti bicara jadi sia-sia,

Mari semua kita muafakat,

Kembalikan menjadi harimau Asia Tiger.

Bagan Serai menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jasad tubuh Yang Berhormat Bagan Serai, walaupun duduk di tengah-tengah, tetapi hala tujunya semakin menyebelah. *[Ketawa]*

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Terengganu, silakan. Jika Yang Berhormat Hulu Terengganu tidak ada, Yang Berhormat Pasir Salak.

7.03 mlm.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Bismillahir Rahamanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saudara, saudari, Yang Berhormat sekalian. Tadi disebut harimau mengaum, saya hendak ingatkan, jangan jadi harimau sarkas sudah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional memerintah 60 tahun lebih, cuba gambarkan berapa banyak bajet yang telah dibuat dalam tempoh yang begitu lama yang dikatakan Kerajaan Barisan Nasional ini gagal membangunkan negara dan membela rakyat. Tidak usahlah kita pergi kepada 60 tahun, kita perlilah kepada kerajaan yang dimomok-momokkan iaitu kerajaan di mana Yang Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri. Setiap tahun bajet yang dibentangkan RM200 bilion, kalau lima tahun bermaknanya berapa? RM1 trilion. Jikalau 10 tahun? RM2 trilion. Jadi, mana pergi duit RM2 trilion ini? Melainkan untuk rakyat dan negara kita.

Yang Berhormat Jelutong menggeleng kepala seolah-olah dia menafikan duit sebanyak RM1 trilion dan RM2 trilion itu masuk poket Yang Berhormat Pekan atau masuk poket saya, Menteri-menteri. Ini tidak betul, kita gunakan duit itu pertama sekali emolumen pengurusan hampir RM200 bilion setiap tahun, siapa yang dapat duit ini? Emolumen, gaji, perbekalan, kakitangan kerajaan, keluarga mereka, kita membela kebijakan dan nasib mereka dengan membayar gaji dan lain-lain bayaran kepada mereka yang begitu ramai. Tidak pernah timbul keadaan di mana gaji pegawai kerajaan tidak berbayar, tidak pernah dalam tempoh-tempoh yang lalu itu.

Saya hendak ceritakan ini sebabnya Perdana Menteri selalu menyatakan bahawa kita gagal. UMNO *has failed*, Barisan Nasional *failed*, tidak berhemat guna duit rakyat, tidak berhemat kepada negara. Dengan izin, *who builds the road, the highway, who build the school and some of you the young people, the young MP's, benefited from the school system.* Sebuah universiti, kampus membelanjakan RM700 juta, RM1 bilion untuk dibina beberapa buah universiti yang telah dibina. Berbelas-belas universiti, beratus colleges *who benefited, who are the beneficiary of this? You, your children, your family's members.* Tidak semua pergi belajar dengan duit sendiri, siapa di sini yang belajar dengan duit sendiri? Mungkin ada satu, dua orang *but majoriti.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh saya mencelah?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak boleh, duduk.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Untuk penjelasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nanti, kemudian, kemudian.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: You ask who benefit, so I want to give answer, tidak boleh kah?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: No, later, I will you give you later.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, thank you.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kecuali mungkin ada satu orang anak orang kaya, you didn't benefit directly, but don't deny the benefits...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Pasir Salak minta penjelasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...the benefit enjoys in directly.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Where did the money come from?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Where the money come from? Because the Kerajaan Barisan Nasional they know where to get the money. [Ketawa]. Apa hei?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Thank you, thank you.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yes, what thank you? You think you pluck from the air? Can you pluck from the air, the money?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Pasir Salak you tidak faham.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengar dahulu.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Wang kerajaan datang daripada rakyat. Tax payer's money...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yes.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: ...What are you talking about?

Seorang Ahli: Yes.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: How much tax you paid? You the rakyat— of cause the rakyat but it's not you, don't become too proud.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, wang itu bukan wang Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengar sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu adalah wang rakyat Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Don't disturb me, this time. Tuan Yang di-Pertua ...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Cuma hendak minta penjelasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Don't disturb me. Jangan kacau.*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Tax collection, true betullah tax, tetapi dengar sini baik-baik. Kerajaan yang tidak baik dia tidak boleh collect tax. Economy is bad, no collection of tax. What happened to Myanmar? What happened to Bangladesh, where Yang Berhormat Jelutong came from, maybe. [Ketawa] What happened? No tax, how poor is the country, mereka terpaksa datang sendiri.*

Negeri kita Malaysia membangun kerana pengurusan pentadbiran kerajaan dengan infrastruktur. Saya hendak cakap di sini...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat boleh mencelah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Don't disturb me, I have a lot of thing to say.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *I just want to ask a penjelasan.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, Minister, you are not the Minister.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *Minister can speak at his time.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The time will come for him to answer.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *I'm asking a clarification.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, no, no please.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *If you can throw allegations, be ready to answer.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua. Jangan kacau saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bandar Kuching minta duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I have lots to say. Your young people have nothing to said. [Ketawa]*

■1910

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *Young people lah yang undi kami. Young people lah yang keluar beramai-ramai pada 9 Mei untuk ubah kerajaan.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *Ini condescending to young people.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You have won, but you have to prove.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, *please behave yourself.* Ada peraturan. Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik kenyataan saya datang dari Bangladesh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I was joking lah. Saya tarik balik.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *I know, I know. I am from Malaysia.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I tarik. Tidak ada problem.* Okey, *I tarik.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You tak nak / tarik, / cocok nanti ha... [Dewan ketawa] Jelutong, Jelutong.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, masa berjalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa berjalan, itu lah fasal. *I was young before just like many of you. I didn't know many things even though I was university graduated, you know? Economics. But didn't mean I know much when I was young. But the young of today, wow, dia mendabik dada, "I know everything". Theory and practice are two different things, you know? Dengan izin. A lot of my friends in the University Malaya, all against all this capitalism. They socialist. The moment they came out, they become the biggest capitalist—bankers and all that. [Disampuk] I am a socialist.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak tanya satu soalan sahaja. Satu soalan sahaja. Kalau semua dibuat oleh Yang Berhormat di sana, oleh Barisan Nasional, mengapa dalam pilihan raya yang lalu Barisan Nasional kalah?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Fasal manifesto *you* banyak bagi janji bulan dan bintang yang mana tidak dapat dilaksanakan. PTPTN, harga barang, lagi tol, minyak, macam-macam. *People are watching. The rakyat is waiting. They giving you time. You don't deliver, the next one or two years, we will be sitting there again.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Dengan semua wang-wang yang dicuri dan hutang-hutang 1MDB, bolehkah wang itu digunakan untuk kebaikan semua?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa hutang?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Hutang 1MDB.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang ambil hutang? *I didn't take the money.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *I didn't say you take.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Who take the money? Siapa yang *take*?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: I didn't say you *take*. Saya cakap kerajaan BN-UMNO yang curi wang. Wang itu sepatutnya digunakan untuk kebaikan orang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik balik. *That is not true*. Kerajaan tidak curi wang. Okey? Tuan Yang di-Pertua, *please*.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Satu kenyataan yang berani macam Yang Berhormat Pontian.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: No, no. I tell you. I don't have time to insist on you to withdraw. But, you should withdraw that kind of tuduhan yang tidak betul— Kerajaan UMNO curi. Come on, men.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, mengapa...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: This is what I said a young man...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya nak tanya, kalau begitu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah, sudah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Mengapa Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Bagan Datuk boleh dituduh di mahkamah kalau tidak ada ketirisan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, teruskan bahas.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak bahas. Ini kacau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tanya, kalau tidak ada rasuah dan ketirisan, mengapa Yang Berhormat Bagan Datuk dan Yang Berhormat Pekan dituduh di mahkamah? Mengapa?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: You ha...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Pasir Salak, boleh bagi laluan?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cepat sikit.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Jelutong ini. You are lawyer. *Innocent until proven guilty*. Tetapi kalau you hendak cakap fasal betul, patutnya kompelin ini Menteri Kewangan dia tengah bicara, 25 orang saksi telah dipanggil, tiba-tiba AG boleh minta untuk *discharge*. Itu lagi memalukan. Apalah you cakap ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini kes yang berlainan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini masa perbahasan bajet ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak minta kerajaan kembalikan subsidi baja padi kepada petani yang telah dipotong RM232 juta. Tolong ya. *You tell your Minister of Finance.* Jangan diam-diam. *Talk big.* Sekarang / hendak tengok *you* boleh berjaya tidak ini. Ada 300,000 petani, tahu? *They are affected by this.* Itu subsidi baja padi. Peruntukan dipotong RM232 juta. *Fifty percent cut.*

One more, satu lagi, insentif pengeluaran padi SIPP dipotong daripada RM563 juta jadi RM281 juta. Bermaknanya pemotongan RM281,500,000. *Fifty percent cut also.* So, these two items is almost RM500 million. *I want backbencher to support me to tell the Minister of Finance to give this back to the farmers.*

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Boleh saya mencelah?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada celah-celah. *[Dewan ketawa]* Apa celah-celah? Hendak, masuk terus. "Celah", "Celah".

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Peruntukan itu harga yang sebenar. Peruntukan dahulu *inflated price.* Itu beza dia.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Come on, men. I was Deputy Minister of Agriculture. You know? Do you know who I am now? Do you know? I am a minister of agriculture of shadow cabinet. You know? [Ketawa] Shadow cabinet minister of agriculture.*

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *Shadow dancing.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, RM43.9 bilion duit yang digunakan untuk bayar hutang 1MDB.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lagi satu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukankah wang itu boleh digunakan untuk memberikan subsidi, Yang Berhormat?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Subsidi baja padi bukit. Siapa dari Sarawak? *Who is from Sarawak?* You jangan ramos you itu jangan lawa-lawa macam itu. You pergi tengok petani bukit.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya nampak sendiri...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Muka *you* sendiri...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tapi seperti Yang Berhormat Jelutong cakap, hutang itu boleh digunakan untuk subsidi untuk petani. Mana duit itu pergi?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: RM70 juta dipotong daripada peruntukan petani bukit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, RM43.9 bilion. Wang itu boleh digunakan untuk memberi subsidi. Setuju tidak, Yang Berhormat?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Eh, mana boleh berdiri macam itu sahaja cakap.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Subsidi harga padi. Ini subsidi harga padi kekal, RM516 juta. Okey. Pemodenan pengairan padi bertambah—ha, bagus. Tambah ini bagus. Daripada RM138 juta bertambah menjadi RM167 juta.

Selain daripada itu, nelayan. Nelayan ada 4,000 nelayan darat. Tahu nelayan darat? Ini Yang Berhormat yang pakai cermin mata itu dari mana?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Bandar Kuching.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha, Bandar Kuching. Tahu nelayan darat? Tak tahu. Inilah budak muda-muda. Jadi Ahli Parlimen...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Mana saya cakap tak tahu? Jangan lontar-lontar ini *accusation*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha, apa nelayan darat?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *Blockchain* tahu tak? *Blockchain* apa?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: No, no. You diam. Saya bertanya dengan ini.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini satu kelakuan yang mana dia so *condescending to* orang muda. Adakah ini satu pendirian Kerajaan Barisan Nasional di mana mereka menghina orang muda? Adakah ini pendirian Barisan Nasional?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tak ada menghina. You *handsome good looking*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Merendah-rendahkan keupayaan orang muda.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Itu saya agreed. *Thank you very much.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: You faham tak nelayan darat?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Dulu Yang Berhormat Pekan menjadi Ahli Parlimen pada usia yang sangat muda. Usia kami. Lagi muda daripada kami.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu banyak belajar. Saya jadi Ahli Parlimen umur 56, tahu? You gelak-gelak. *What is your contribution?* Ini yang perempuan ini. Apa *contribution you?*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Eh, janganlah macam ini.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sebut nama kawasan lah. Apa perempuan lelaki ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, itu kenyataan seksis. Tarik balik, tarik balik.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila bahas dengan baik tanpa ada gangguan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia orang yang ganggu saya. Nelayan darat dapat dia punya bantuan bulanan RM200 sebulan ya. Sekarang sudah tidak

ada. *Why?* Apa macam ini? You Ahli Parlimen Lembah Pantai, mana you tahu. Mana ada nelayan situ. Jangan cakap banyak.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya ada Universiti Malaya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nama pun pantai. Pantai itu tempat ... bukit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Pantai itu Sungai Pantai. Sungai Pantai yang lalu ikut Universiti Malaya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya belajar di Universiti Malaya, you masih lagi...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Mak ayah saya belajar di Universiti Malaya. Nak cakap apa? *Come on.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nelayan laut 47,000 orang, RM300 sebulan elau. Potong. Ini dia orang nak makan apa ini musim tengkujuh? Ini Menteri Kewangan dia tak ada perasaan. Fasal apa ini? Ha, *I go*—nanti you kata *I ultra* ini, rasis. *Who is* nelayan? Yang Berhormat Jelutong, tolong jawab.

■1920

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *I agree* kebanyakannya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I agree.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya setuju Yang Berhormat. Kebanyakannya orang Melayu tetapi persoalannya adalah mengapakah nasib mereka tidak dibela oleh UMNO dahulu?

Seorang Ahli: Kita beri RM300 sebulan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jumlah RM300 kita bagi. You bagi apa?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di Pulau Pinang kita pun ada beri bantuan tetapi masalahnya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa] Come on man.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Masalahnya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak usahlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau hutang 1MDB tidak ada, semua boleh dibela Yang Berhormat. Masalahnya isteri Yang Berhormat Pekan simpan semua duit di rumah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu tuduhan. *It's for the court to decide on that, okay? You are not a judge. Are you a judge? So, please. It is unfair. You pun terikut dengan perangai orang yang tidak senonoh itu- buat public trial.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, RM130 million was kept by Yang Berhormat Pekan in his house. Cash money!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Whatever million it is...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Wang itu digunakan untuk bela nasib rakyat terutamanya orang Melayu. Berapa banyak orang boleh dibela? Jumlah RM130 million, di rumah Yang Berhormat Pekan. Mengapa tidak bela orang Melayu?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu mana kita tahu duit apa...
[Dewan ketawa]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Why are you laugh? Let the court decide. Let the investigators decide. Not for me, not for you... [Disampuk] [Kurang jelas] ...To tried to accuse him...*

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: [Bangun]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: LKIM, skim subsidi, bantuan baik pulih rumah sudah tiada. *You know, all of you yang duduk sebelah sana, saya cadangkan pergi melawat kawasan nelayan. Pergi! Jangan hendak menyebuk bercakap di sini.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, di Jelutong banyak nelayan Yang Berhormat. Banyak yang susah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, susah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Orang Melayu kebanyakannya susah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *What do you do?*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab subsidi Kerajaan Persekutuan tidak sampai. Banyak yang dijanjikan tidak sampai, wang yang dijanjikan tidak diberikan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You janganlah, bukti mana, where is the proof? You are making a general statement and allegation without proof. Come on lah... [Disampuk] Come on! We build LKIM, build houses for the nelayan there. Who stop the nelayan from masuk rumah? Yang Berhormat Lee Guan Eng lah...*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Eh! Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ketua Menteri masa itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah tuduhan yang tidak berdasar.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang tidak berdasar? Saya pergi, *I was a Deputy Minister. You bukan Deputy Minister. Mana you tahu.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak sila rumuskan. Ada 44 saat sahaja lagi... [Dewan ketawa]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak membuat tuduhan yang tidak berdasar. Kerajaan Pulau Pinang tidak pernah menghalang bantuan-bantuan yang diberi kepada nelayan di negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat sendiri tahu, Tuan Yang di-Pertua ketika itu merupakan Timbalan Ketua Menteri.

Mana pernah kita menghalang bantuan yang diberikan pada golongan nelayan? Terutamanya kaum Melayu di Jelutong, dibela oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Baik silakan. Rumuskan ada 10 saat lagi. Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, satu sahaja lagi. Yang Berhormat setuju tidak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa sudah hendak habis lah. *I want to conclude...*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Satu soalan, satu soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: / hendak buat kesimpulan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat setuju tidak kalau wang RM113 juta itu yang disimpan di rumah Yang Berhormat Pekan dapat diagihkan golongan nelayan terutamanya golongan Melayu boleh dibela oleh UMNO?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sila rumuskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Gangguan tidak habis-habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalan balik-balik duit itulah, duit inilah. *You Kerajaan Pakatan Harapan ini, you hendak bergantung dengan duit itu sahaja kah? You tidak terfikir hendak pergi cari duit lain? You don't know how to raise money? You don't know to raise money, you give it back to us. We know how to raise money.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *We don't know how to steal Yang Berhormat. We do not steal.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Who steal? Who steal? Who steal? Who steal?*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan, *stoled the money.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *How can you tuduh dia?*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah, sudah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan buat tuduhan. Kalau tidak tahan berhentilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan, seminit lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini bajet, sebagaimana Ketua Pembangkang sebut, bajet air mata. Petani, nelayan menangis masuk tengkujuh mereka tidak ada pembelaan tidak ada bantuan... *[Disampuk]* Miskin bandar pun. *You yang tidak tahu dosa tidak apalah. Yang tahu dosa tanggunglah kau sendiri. Yang pakai tudung itu tanggunglah dosa itu... [Dewan riuh] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya teruskan perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Selayang.

7.24 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, ramai telah meramalkan bahawa bajet ini akan adalah bajet *contractionary* sebab cabaran-cabaran dan masalah yang di hadapi oleh kerajaan terutamanya dengan hutang dan liabiliti yang lebih daripada RM1 trilion. Akan tetapi, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan dan Kerajaan Pakatan Harapan yang telah mengumumkan satu bajet *expansionary* dan ini adalah satu bajet yang sungguh bertanggungjawab kerana memberikan tumpuan kepada pertumbuhan.

Walaupun, dengan mengadakan *expansionary* bajet defisit fiskal untuk 2019 akan naik sehingga 3.7 peratus KDNK tetapi selepas ini langkah-langkah telah dicadangkan dan pentadbiran telah berkata komited untuk menurunkan kembali pada 3.4 peratus dan selepas itu tiga peratus dan pada 2020 akan di kawasan dua peratus. Ini menujukan bahawa pentadbiran akan mengambil langkah untuk membantu rakyat di dalam masa yang susah pada waktu ini tetapi juga ada rancangan, dengan izin, *mid term* dan *long term* untuk mengatasinya.

Ini kerana kita tahu sebelum ini 20 tahun berturut-turut Kerajaan Barisan Nasional mengadakan bajet defisit di dalam masa ekonomi yang baik dan juga masa ekonomi yang susah dan itulah sebab kita akhirnya mengadakan satu hutang dan liabiliti yang begitu tinggi. Akan tetapi yang penting juga ialah apa yang jadi, yang kita baru-baru ada berkata dengan kerajaan dan pentadbiran di bawah Yang Berhormat Pekan, dengan apa yang telah di buat, wang yang di curi di dalam 1MDB. Di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri berkata bahawa pentadbiran Pakatan Harapan akan menuntut daripada mereka yang telah mencuri wang daripada 1MDB.

Saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah cadangan juga untuk menuntut daripada semua yang telah menerima dana daripada Yang Berhormat Pekan iaitu wang 1MDB, seharusnya semua, setiap orang yang telah menerima wang itu yang mengetahui bahawa wang itu adalah dana 1MDB, ia adalah wang yang haram. Hendaklah memulangkan.

Kita melihat apa yang telah jadi dengan *Leonardo DiCaprio* dan mereka yang telah diberikan hadiah dari Jho Low. Bila berita diumumkan mereka telah memulangkan balik apa yang di hadiahkan oleh Jho Low kepada DOJ Amerika Syarikat. So, saya merayu kepada kerajaan kalau mereka yang telah menerima wang, mereka yang menerima itu semua tahu punca-punca wang itu dan kalau mereka bertanggungjawab mereka hendaklah memulangkan dengan serta-merta. Tidak perlu kita hendak meminta rakyat untuk menderma kepada Tabung Harapan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat. Atas isu ini sahaja. Kita lihat berbahas tentang isu bajet kali ini semua Yang Berhormat di sebelah

sana membangkitkan banyak sangat isu ketirisan bahawanya tidak mencukupi dana untuk ini dan itu.

■1930

Saya tanya pandangan Yang Berhormat, mengapakah perkara-perkara ini berkenaan dengan isu 1MDB tidak lantang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana ketika isu itu, masih lagi hangat di Malaysia, di negara. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara itu?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Itu adalah soalan yang baik. Kita di sini khasnya kita semua di dalam Dewan ini sebelum pilihan PRU tidak dapat untuk membincang. Akan tetapi mereka yang mengetahui pada waktu itu langsung sunyi. Akan tetapi masa telah sampai untuk mereka untuk membuat satu keputusan yang baik. *Last chance.*

Walaupun kerajaan telah menunjukkan keberanian untuk mengadakan *budget expansionary*, ada mereka yang telah menyerang bahawa ini tidak bertanggungjawab kerana kedua alasan yang mereka beri. Pertama ialah bila kita tidak mengawal *fiscal deficit*, tidak ada ruang, dengan izinnya, *no space* untuk mengawal bila kita mengadakan *external shock*. Kedua ialah mereka berkata kekhawatiran *rating agency* akan menurunkan *rating* kita. Akan tetapi kita melihat *rating agency* pada masa inikekalkan *rating* kita *Moody's Investment* dengan ada A3 *stable*, *Standard And Poor's, A stable, Fitch Ratings, A stable*.

Ini bermakna bahawa mereka yang berkata ada kekhawatiran. Kekhuatiran itu tidak berasas. Ini kerana kita tahu dalam ekonomi daripada John Maynard Keynes, ini ialah masa yang sesuai dan keadaan yang sesuai untuk mengadakan *deficit budget* dengan mengadakan *pump-priming* daripada masa Franklin Roosevelt, 1933 bila Amerika Syarikat mengalami *The Great Depression*, beliau telah keluarkan rancangan *The New Deal*. Itu adalah bajet defisit dan itu ialah yang telah membantu Amerika Syarikat untuk keluarkan daripada *The Great Depression*.

Kita juga melihat kepada Jepun. Jepun daripada 1961 sehingga hari ini telah mengadakan bajet defisit berturut-turut dan hutang mereka ialah lebih daripada dua peratus KDNK. Akan tetapi Jepun tidak ada masalah. Apa yang penting ialah kita hendak melihat kepada fundamental ekonomi negara dan juga hutang itu adalah hutang di dalam ringgit. Bukan hutang yang ambil daripada mereka yang asing. Ini adalah perkara yang kita hendak kawalkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, boleh?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *rating agency* ini ialah agensi penarafan yang bertindak secara bebas, yang sentiasa membuat pemantauan tentang prestasi ekonomi setiap negara. Pada ketika ini, bank dunia telah membuat amaran kepada kita, melalui *Economic Monitor* yang menyebut apa juga tindakan dan dasar yang boleh menyebabkan terjejasnya ekonomi kita mungkin akan menyebabkan rating kita akan dikaji semula.

Walaupun sekarang kita *stable* tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada ketika ini kita menghadapi beberapa masalah utama yang menyebabkan ekonomi kita cukup terjejas.

Selain daripada apa yang kita lihat daripada ketika ini, wang kita sekarang, ringgit kita pada hari ini RM4.19 sen jatuh. Keduanya, ekonomi kita semakin perlahan. Ketiganya, kita dapat lihat, hutang isi rumah kita yang tertinggi sekali di Asia. Itu sebablah apa juga dasar yang kita perkenalkan, terutamanya apabila kita memansuhkan GST yang sebenarnya sebuah ataupun satu daripada sistem ataupun instrumen pencukaian yang paling efisien sekali, kita buang. Konon kita hendak gantikan yang baharu kerana manifesto kita. Ini boleh menjelaskan *rating* kita yang boleh menyebabkan pelabur-pelabur asing tidak akan datang melabur dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Pada saya *rating agency* hanya adalah satu garis panduan kepada pelabur-pelabur dan pelabur-pelabur ini adalah kebijaksanaan mereka. Pada mereka yang penting apabila mereka membuat keputusan ialah telah melihat contohnya di Malaysia, adakah mereka akan mendapat manfaat dengan mengadakan satu pentadbiran yang jujur, yang telus dan mereka akan mengadakan satu pelaburan yang selamat, mereka akan datang.

Bila kita mendapat FDI, ini juga akan memberikan manfaat kepada penduduk kita dan itulah yang penting sekali. *That is the bottom line* iaitu adakah rakyat kita akan mengadakan satu ekonomi dan kehidupan yang lebih baik. Bukan apa yang kita telah melihat sebelum ini sebab kita hendak mengikut pandangan *rating agencies* ini kita telah potong subsidi. Bila rakyat dalam satu keadaan yang susah, kita telah potong belanjawan khususnya daripada *development expenditure* berturut-turut. Akhirnya kita tidak cukup wang untuk menjalankan dan melaksanakan projek-projek kita dan ini menjelaskan ekonomi kita.

Kalau kita melihat balik kepada keadaan *Asian financial crisis*. Langkah yang telah diambil pada waktu itu, IMF dan *rating agency* dan pakar-pakar ekonomi juga berkata itu adalah langkah yang tidak sesuai. Akan tetapi kita berjaya. Hari ini bila kita melihat negara-negara yang lain menghadapi masalah yang sama, mereka mengikut apa yang kita telah buat pada waktu itu. So, maknanya kita jangan hanya mengikut garis panduan, tetapi kita hendak memberikan tumpuan mencari cara kita yang terbaik sekali. Saya berkata apa yang kita ada di dalam perbelanjaan ini adalah yang terbaik sekali kepada rakyat. Syabas kepada kita... [Dewan tepuk]

Begitu juga mereka sampai hari ini mengatakan bahawa dengan memansuhkan GST kerajaan tidak cukup dana dan hasil. Akan tetapi sebenarnya kalau kita melihat kepada GST, GST itu bukan satu cukai yang efisien. Efisien itu bukan adakah cukai itu senang untuk kerajaan mengutip wang. Memang GST itu adalah satu sistem cukai yang baik daripada segi kutipan. Akan tetapi kalau kita melihat dengan gambaran yang besar, efisien ialah kepada negara dan ekonomi khususnya kepada rakyat. GST ialah satu cukai kepada penggunaan, *consumption*. Maknanya, bila kita mengadakan cukai untuk kegunaan, ini akan menjelaskan *consumption*.

Pakar-pakar ekonomi telah berkata GST ada *deadweight lost* yang besar kerana apa yang akhirnya berlaku ialah pengguna tidak lagi adakan *consumption*. Mereka hendak makan di rumah, tidak keluar, restoran tidak ada peniagaan dan *domestic demand* akan terjejas. Oleh sebab itu langkah yang telah dibuat untuk memansuhkan GST adalah langkah yang baik

walaupun kerajaan tidak dapat mengutip sepenuhnya cukai, tetapi yang di jimat wang itu menjadi *disposable income* kepada rakyat.

■1940

Akhirnya mereka keluar, akan membeli, mengadakan *demand and consumption* dan ini akan meningkatkan ekonomi.

So, apa yang telah dibuat dengan juga SST adalah antara langkah-langkah yang akan memberikan manfaat kepada rakyat. Di dalam langkah ini juga ialah untuk mengadakan cukai yang- kajian cukai tambahan. Saya meminta kepada kerajaan melihat kepada insentif yang telah diberi kepada pelabur asing di mana kita melihat selepas 12 tahun, apabila insentif ini tamat, apa yang jadi ialah pelabur asing ini akan pindah kepada Vietnam dan negara yang lain. Akhirnya kita yang rugi.

So, ini adalah antara satu perkara di mana kita harus untuk mengkaji semula tentang rejim insentif dan tukarnya, berubahnya kerana kita tidak lagi hendak mengadakan FDI di mana mereka hendak mengadakan *manufacturing*, pembuatan dan aktiviti kegiatan mencari kos yang rendah.

Apa yang penting juga ialah kalau kita boleh memberikan insentif ini kepada pelabur asing, mengapa kita tidak juga memberikan insentif yang sama kepada pelabur tempatan supaya mereka membawa dan pindah balik pelaburan mereka di negara asing balik kepada negara- kita memberikan pengecualian yang sama kepada mereka. Tidak akan kita rugi kalau kita membuat demikian.

Di dalam masa dua minit setengah saya hendak sentuh masalah di kawasan saya terutamanya ialah Jalan B27 juga Jalan Kerajaan FT3209. Saya telah merayu beberapa kali dan saya merayu sekali lagi kerana ini adalah jawapan yang diberi sebelum ini bahawa kerajaan akan memberikan peruntukan untuk projek meluaskan Jalan FT3209. Ini sungguh penting kepada penduduk di rawang yang mengalami *traffic jam* setiap hari.

Kedua ialah tentang balai polis di Bandar Country Homes. Kita sungguh gembira dan bangga- kerajaan telah membina satu balai polis yang besar dan canggih. Di kawasan sana adalah lebih daripada 40,000 penduduk tetapi sehingga hari ini selepas lebih daripada dua tahun balai polis itu telah dibina masih di tahap *community police*. Maknanya hanya 25 anggota polis yang ada dan bila polis-polis itu meronda, hanya satu orang, satu sarjan sahaja- satu orang di dalam satu balai. Inilah masa untuk kerajaan tukar supaya ini menjadi satu balai polis yang sebenarnya dengan cukup anggota.

Akhirnya ialah tentang Hospital Selayang. Masalah yang besar ialah tidak cukup *parking* kereta dan ini memang memberikan kesusahan kepada semua terutamanya mereka pesakit. Saya harap kerajaan akan dapat melihat bagaimana memberikan peruntukan untuk mengatasi masalah *parking* ini. Kedua ialah tentang alat-alat yang tidak ada bila kita membuka Hospital Selayang- 20 tahun itu adalah hospital yang terbaik sekali dengan alat yang moden. Akan tetapi selepas 20 tahun tidak ada penambahbaikan, jadi ada mesin-mesin dan alat yang sama. 20 tahun tetapi sudah lama dan Hospital Selayang ini adalah antara yang terbaik.

Ramai tidak tahu Hospital Selayang menjalankan *operation* untuk *liver* dan *kidney transplant*. Hanya satu hospital iaitu di Selayang yang membuat *liver* dan *kidney transplant*. Orang asing juga datang kepada hospital ini. So, saya meminta bahawa kerajaan memberikan tumpuan, memberikan peruntukan untuk Hospital Selayang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pendang.

7.46 mlm.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peranan untuk membahaskan Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan iaitu Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya hendak mulakan dengan membaca satu ayat dalam Surah As-Saff ayat 4... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “*Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.*” Kita merujuk pada Surah As-Saff ayat 4.

Dalam pembentukan sebuah negara, kita ibarat seketul bata. Ia tidak menjadi makna sekiranya batu bata ini tidak dicantum ataupun dengan batu bata yang lain untuk membina sebuah tempat perlindungan, sebuah rumah dan sebagainya. Kalau seketul bata, akan tetapi bila banyak bata-bata ini dihimpunkan menjadi sebuah rumah dan juga tempat perlindungan kita daripada hujan dan panas dan kita berumah tangga, beranak-pinak dalam sebuah rumah disebabkan bata-bata yang banyak disusun. Itulah perumpamaan yang saya hendak jelaskan di sini. Begitulah kita berperanan di sini sebagai Ahli Parlimen sama ada di pihak kerajaan dan juga pembangkang sama-sama mempunyai tanggungjawab untuk membina sebuah negara.

Kita melihat Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan bertemakan Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera. Ini tema yang telah diterjemahkan kepada kita di hari pembentangan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Saya hendak membangkitkan, adakah Malaysia kini kian berwibawa di mata dunia. Ini persoalan. Adakah ekonomi yang dinamik itu menguntungkan keseluruhan rakyat di luar sana ataupun kelompok kaya raya sahaja? Adakah kian sejahtera setelah enam bulan Kerajaan PH mengambil alih tumpuk pemerintahan daripada Barisan Nasional? Ini persoalan-persoalan yang saya bangkitkan untuk direnungkan oleh pihak kerajaan.

Bajet 2019 yang julung kali dibentangkan oleh Pakatan Harapan merupakan bajet terbesar dalam sejarah negara, jauh melebihi bajet pilihan raya oleh Barisan Nasional bagi tahun 2018. Sejumlah RM314 bilion diperuntukkan untuk kerajaan berbelanja untuk tahun hadapan. Meningkat 12 peratus berbanding anggaran RM280 bilion pada tahun 2018. Kerajaan Pakatan Harapan masih meneruskan trend perbelanjaan mengurus yang besar iaitu 82 peratus daripada keseluruhan bajet. Manakala, perbelanjaan pembangunan mencatatkan nisbah 17 peratus daripada keseluruhan bajet. Sesuatu nisbah yang sama seperti Bajet 2018.

Saya bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju membesarluan perbelanjaan dalam bajet tahun hadapan kerana ini kita boleh merancang pergerakan ekonomi negara. Akan tetapi dalam masa yang sama, kerajaan juga harus melihat bagaimana untuk mendapat hasil ganti. Ini kerana kita difahamkan pada tahun ini sahaja, kita mendapat dividen khas daripada Petronas sebanyak RM24 bilion *out of* RM30 bilion, dengan izin, yang mana menjadi satu dividen yang khusus yang telah diberikan oleh Petronas kepada negara.

■1950

Takkan kita hendak bergantung kepada Petronas? Jadi kita perlu mengimbangkan perbelanjaan negara dengan kita meningkatkan pendapatan. Tadi saya sebut dalam masa sehingga tahun 2018 sehingga September 2018 berlaku pengeluaran pelabur asing FDI, keluar daripada Malaysia berjumlah RM9.2 bilion yang mana diterjemahkan dalam Majalah FORBES kita boleh lihat dalam masa yang sama kita meningkatkan perbelanjaan yang besar. Nanti saya perincikan di mana perbelanjaan yang besar tetapi perbelanjaan mengikut kementerian telah dikurangkan menyebabkan pembangunan negara akan terbantut terutamanya melibatkan komoditi, *security food* iaitu pengeluaran padi yang menjadi *security food* negara. Hari ini Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ada di hadapan saya ini.

Kita minta Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tolong tumpu khusus *security food* terutamanya di sebelah utara dan juga di Perak yang menjadi pengeluar utama padi negara. Sekarang ini hendak dapat benih padi pun susah. Ini boleh rujuk kepada para petani. Apa yang ada di pihak swasta boleh dapat tetapi daripada BERNAS tidak boleh, kata tidak ada lagi. Ada padi yang jenis berkualiti tinggi dengan harga yang mahal. Ini menyebabkan petani yang mana pendapatan semakin berkurang akibat penyakit dan sebagainya terpaksa membelanjakan lebihan yang tinggi dan juga tanggungan bebanan kepada para petani. Saya harap pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melihat kepada pengagihan bajet pada tahun ini untuk menumpukan kepada kualiti pengeluaran padi untuk menjadi meringankan bebanan rakyat sebagai *security food*.

Ketiga, jumlah perbelanjaan mengurus sudah menghampiri jumlah hasil. Saya hendak terus kepada insentif padi tadi ini. Kita tengok dalam bajet ini diperincikan subsidi baja padi pada tahun 2018 RM465 juta. Tahun 2019 diturunkan RM232,500,000. Hampir 50 peratus sedangkan perbelanjaan dalam bajet meningkat 12 peratus daripada RM280 bilion kepada RM314 bilion. Ini nampak ada sedikit percanggahan dari segi cara agihan kek bajet ini kepada kementerian-kementerian. Kita minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani melihat keadaan ini.

Seterusnya insentif pengeluaran padi. Tahun 2018 insentif pengeluaran padi. Tahun 2018 diberikan peruntukan oleh kerajaan terdahulu RM563 juta. Pada kali ini tahun 2019, telah diturunkan tinggal RM281 juta, mana hendak cari kualiti pengeluaran padi yang banyak sedangkan peruntukannya sikit. Kita boleh jampikah satu relung, satu ekar padi dahulu dapat 20 tan, boleh jampi bagi jadi 30 tan dengan peruntukan yang sikit ini? Tidak, ia mestilah ada kajian. Mesti ada satu *lab* yang hendak menentukan pengeluaran padi, kualiti dan juga kualiti dan kuantiti padi yang bertambah. Itu insentif pengeluaran padi.

Begitu juga dengan elauan sara hidup nelayan dan juga insentif hasil tangkapan nelayan. Pada tahun 2018, kerajaan telah memperuntukkan RM226 juta. Pada kali ini tahun 2019, Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baharu telah memperuntukkan RM98,500,000 hampir lebih daripada 50 peratus semua di potong. Sedangkan perbelanjaan besar meningkat. Yakni harus direnung oleh kementerian-kementerian berkenaan dengan agihan bajet yang telah- silakan. Minta dekat Tuan Yang di-Pertua dahulu sebab dia yang benar. Saya tidak ada hak hendak bagi.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta Tuan Yang di-Pertua dahulu.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Dia sudah, dia sudah bagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia sudah bagi sudah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kapar sila.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Dia bagi...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia akan tanya saya bagi atau tidak bagi.

Tanya tengok Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak tanya saya pun, saya bagi atau tak bagi... *[Dewan ketawa]*

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Bagi kah, tidak bagi ini?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: You tidak boleh tanya, kena Tuan Yang di-Pertua tanya. Yang Berhormat Kapar tidak boleh tanya. Tuan Yang di-Pertua kena tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang kena jawab kena bagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya bagi, sila.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Pendang, meneliti daripada hujahan Yang Berhormat Pendang. Apakah Yang Berhormat Pendang mengakui bahawa sebelum ini ketirisan Laporan Audit Negara berjumlah hampir RM20 bilion itu berlaku pada setiap tahun? Apakah Yang Berhormat Pendang memahami bahawa ada peruntukan untuk penambahan sekiranya bajet ini tidak mencukupi.

Ini sebenarnya dalam konteks kita hendak berjimat-cermat untuk memastikan bahawa wang yang diperlukan dalam peruntukan itu digunakan sepenuhnya dan tidak ada berlaku penyelewengan dan ketirisan. Apakah Yang Berhormat Pendang bersetuju dengan saya bahawa ruang untuk penambahbaikan itu masih ada? Kita tidak boleh meletakkan sasaran mengatakan longgokan itu sudah muktamad dan tidak boleh ditambah untuk memastikan bahawa peruntukan untuk mereka yang betul di sasar itu dapat dilaksanakan. Apa pandangan Yang Berhormat Pendang tentang ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, sama.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kita hendak menggunakan kaedah baru dalam kita- dalam Parlimen ini minta kebenaran kepada Parlimen, dia bagi dia akan tanya saya bagi atau bagi. Saya kata bagi, baru boleh. Begitu juga Yang Berhormat Jelutong apa semua, kita mula guna kaedah *code of ethics in Parliament*, dengan izin... *[Tepuk]* Saya hendak tolong Tuan Yang di-Pertua ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, baik. Saya hendak respons balik kepada soalan Yang Berhormat Kapar. Ketirisan ini kita harap tidak akan berlaku telah dibentangkan oleh Ketua Audit Negara hampir RM30 bilion. RM30 bilion berlaku ketirisan setiap tahun. Okeylah, kita accept. Akan tetapi pemotongan ini lebih daripada RM30 bilion kerana kita mengambil alasan ketirisan ini sudah kerajaan baharu telah diberi peranan oleh orang-orang muda sekarang dan juga rakyat Malaysia.

Jadi kita tutuplah lubang-lubang ketirisan itu *breakdown*, dengan izin, tang mana, kat mana yang tiris ini. Tentu kita boleh *detect*, kita boleh bincang dengan Jabatan Audit Negara, kita boleh bincang dengan Dasar Saran Awam, Kementerian Kewangan bagaimana saluran butiran-butiran ini yang menyebabkan berlaku ketirisan. Kita kenal pasti ketirisan itu, kita tutup ketirisan dan kita tingkatkan kuantiti perbelanjaan untuk meningkatkan pengeluaran sama ada padi, getah dan sebagainya. Ini kaedahnya. Saya ingat Yang Berhormat Kapar boleh faham kot cara saya terang.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar, itu sahabat yang baik. Okey, sahabatku Yang Berhormat Kapar terima kasih. Kita teruskan lagi berkenaan dengan subsidi benih padi yang sah. Dahulu kerajaan memperuntukkan RM75 juta, sekarang pun RM75 juta okey. Terima kasih. Seterusnya penyelenggaraan sistem pengairan dan juga saliran Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan juga pertanian.

Seterusnya, elauan sara hidup nelayan, yang mana elauan saraan hidup nelayan darat dahulu diperuntukkan RM12,500,000 diturunkan menjadi RM3,500,000. Saya tengok tadi bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tidak ada. Kalau tidak, senang saya hendak minta penjelasan kenapa benda ini berlaku. Tang mana tiris, tang mana bocor, jadi kita hendak tutup. Okey, itu berkenaan dengan peruntukan-peruntukan.

Begitu juga dengan bantuan musim tengkujuh. Bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah. Tahun 2018 kerajaan telah memperuntukkan RM261 juta peruntukan. Dia sudah tahu setiap kali musim tengkujuh saya sudah merayu, menangis dalam Dewan ini pada minggu lepas kesenga-saraan yang ditanggung oleh penoreh getah ketika ini, hujan hari-hari terutamanya di sebelah Kedah, Kelantan, Terengganu yang banjir sekarang dan juga utara Perak. Di mana dalam masa sebulan boleh menoreh dua atau tiga hari dengan harga getah turun sehingga RM1.80 bawah lagi, pajak bahagi dua dengan tauke lagi. Macam mana

hendak makan? Ini saya minta dahulu diperuntukkan RM261 juta pada tahun depan tidak ada. Tidak ada ini, tidak ada langsung, kosong. Okey, baik.

Ini projek mega saya berpandangan semakan semula kos pelaksanaan projek mega adalah perkara yang sama-sama kita mengalukan. Saya akan perincikan dalam perbahasan kementerian-kementerian berkenaan dengan kelapa sawit, padi dan juga getah saya akan perincikan. Sekarang ini kita dalam perbahasan dasar, jadi banyak benda kita hendak kena sebut secara umum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpandangan ECRL akan memberi impak yang besar kepada negara kerana ia akan membantutkan pertumbuhan ekonomi negara.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Projek ini sebenarnya bermanfaat untuk pembangunan setempat khususnya di Pantai Timur yang sudah lama ketinggalan daripada sudut pembangunan, infrastruktur dan juga...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang ada permintaan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya panjang tetapi tidak apalah. Buatlah kita pakat-pakat kongsilah. Silakan

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya bagi Tuan Yang di-Pertua, boleh.

■2000

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya saja cakap bagi pasal sudah malam Tuan Yang di-Pertua. Kita relaks sedikit malam ini, *cool down*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pendang. Berdasarkan bajet ini, pasal kawasan Pendang kita ada ramai penoreh getah. Kawasan saya pun ramai penoreh getah. Ini semua adalah antara kumpulan sasar yang mesti suka atau tidak dibantu oleh kerajaan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Pendang, setuju tak kalau boleh kita *revise* balik bajet ini untuk kita suka atau tidak mesti pihak kerajaan perkenalkan bantuan khusus untuk penoreh dan juga peladang ini sebab...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey sahabat, jawab dahulu. Terima kasih sebab saya hendak habis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sekejap, sedikit lagi hendak habiskan, hendak tamatkan ini. Saya hendak gulung sekejap.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jangan gulung, ini hak saya. Cuma tanya soalan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Untuk bantu dalam jangka masa terdekat Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Pendang setuju atau tidak. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Setuju sangatlah sahabat Yang Berhormat Jelebu. Benda baik untuk rakyat ini. Kita dipilih, diundi oleh rakyat untuk bercakap, untuk

membela nasib mereka. Bukan dapat duit setiap bulan, cocok duduk senyap sahaja. Setiap bulan pergi cocok duit ATM ada. Depa sana hendak makan pun tidak boleh.

Okey baik. Saya hendak terus *speed*. Ini Yang Berhormat Jelutong hendak tanya? Hendak tanya, minta dekat Tuan Yang di-Pertua. Hendak tanya saya bagi akan tetapi minta dekat Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan ada kuasa. Okey baik.

Projek ini sebenarnya, ECRL ini bermanfaat untuk pembangunan setempat khususnya. Negara kita akan menjadi jaringan sistem perkhidmatan awam. Negara kita tidak akan mencapai status negara maju sekiranya pembangunan wilayah tidak seimbang. Adakah kerana Pantai Timur ini ditadbir oleh parti pembangkang, menyebabkan Kerajaan Pakatan Harapan mendiskriminasikan rakyat di sana?... *[Disampuk]*

Hendak? Kita berbahas boleh, saya bagi. Tidak ada masalah kita bertengkar. Okey baik. Mereka sudah membuat keputusan secara demokrasi. Rakyat Kelantan, Terengganu dan Pahang juga wajar dilayan sama rata dan adil. Kita *go thru* dalam satu laporan majalah, sumbangan rakyat Kelantan kepada federal dalam hasil kutipan cukai melebihi RM9 bilion. *Please correct me if I'm mistaken my brother from* Yang Berhormat Jelutong, dengan izin.

Jadi pulangan yang hendak bagi secara geran per kapita ataupun hak royalti ini *I think* kita pakat sokong, pakat bagilah, dengan izin. Pasal pulangan kutipan setiap negeri kalau *breakdown*, kalau disenaraikan, Kerajaan Malaysia mana ada negeri, mana negeri Kerajaan Malaysia? Tidak ada. Persekutuan Malaysia ini ialah negara mereka.

Saya ada negeri Kedah. Akan tetapi kalau pihak Menteri Kabinet hendak kata saya negeri Malaysia, tak ada. Inilah yang kita balik kepada demokrasi. *Insya-Allah* saya pun setuju, saya ingat Yang Berhormat Jelutong pun akan sokong saya. Kita balik kepada konsep *federal institution* dan kita bangunkan balik rakyat yang mana duduk sebut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, Jelutong sokong.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey terima kasih. Pasal dia pun kita tahu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan bisik-bisik dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong ada pegangan agama yang kuat. Dia orang yang ada integriti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sejak bila Yang Berhormat Jelutong jadi *assistant* Yang Berhormat Menteri?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey baik. Akan tetapi dia tidak dapat jadi menteri lagi. Okey Projek ECRL ini sekiranya diteruskan boleh dimanfaatkan melalui kaedah *transfer technology* agar tenaga kerja tempatan dapat dilatih menjadi pekerja yang mahir dan berinovasi. Justeru, saya mendesak kerajaan menyemak semula keputusan ECRL.

Saya hendak kena *speed up*. Saya hendak sentuh berkenaan dengan PTPTN. Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Menteri DAP sudah turun bertemu golongan penoreh, pesawah dan petani atau lebih sibuk bertemu tauke syarikat konglomerat seperti Great Eastern yang kononnya bermurah hati menyumbang RM2 bilion untuk Dana Perlindungan Kesihatan

Nasional. Sungguh memalukan apabila Yang Berhormat Bagan berucap di Dewan pada Jumaat, 2 November tetapi seminggu kemudian syarikat insurans Singapura Great Eastern Holding Limited mendakwa pihaknya masih belum memberi kata putus berhubung dengan sumbang...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini Yang Berhormat, ini Jelutong kena bangunlah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, *no problem*. Minta sana, minta sana.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua bagi tak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagi ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebagai seorang *backbenchers*, saya ...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua suruh saya teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Tidak boleh benarkan Yang Berhormat untuk mengeluarkan kenyataan tersebut terhadap Yang Berhormat Bagan, satu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bagan, bukan saya buat. Saya ulang balik kata ini dalam *paper*. Begitu juga saya baca kelmarin dalam...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi untuk rekod, Yang Berhormat Bagan telah pun mengusahakan perkara-perkara yang telah dibentangkan. Bukan seperti Yang Berhormat Pekan yang bersekongkol dengan Jho Low. Setuju tak Yang Berhormat? Bukan seperti Yang Berhormat Pekan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey *but not finalize yet. Statement has been made by the Great Eastern top management* dalam *paper* last two days.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Telah disahkan. Telah disahkan Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Belum lagi. Semalam saya baca. Hari ini you bagi tunjuk telah disahkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita buat perbezaan. Kalau berbanding dengan Yang Berhormat Pekan yang bersekongkol dengan Jho Low. Mana lagi yang lebih teruk?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey baik. Okey kalau disahkan okey. Saya bincang bab Great Eastern *alright*. Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Bagan ini telah tidak benar dalam mengelirukan Dewan. Mungkin Yang Amat Berhormat Langkawi boleh menilai semula prestasi Yang Berhormat Bagan ini berkebetulan khabar angin rombakan Kabinet akan dibuat tidak lama lagi. Cuma harapnya Yang Berhormat Jelutong tidaklah tersenarai sebagai menteri baru *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat. Yang Berhormat Pendang, sila rumuskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya hendak rumuskan. Berkenaan dengan PTPTN.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pendang, sedikit Yang Berhormat Pendang hendak tanya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bagi tak? Bagi tak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya hendak rumus ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya tidak ada masalah. Akan tetapi tambah masa sayalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong duduk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya bagilah. *I'm very open, gentleman.* Pantang dicabar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit sahaja Yang Berhormat Pendang. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lima saat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Yang Berhormat setuju bahawa pembentangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Bagan adalah perkara-perkara yang telah diperhalusi dan juga telah disahkan oleh Great Eastern. Kalau berbanding dengan perkara-perkara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan adalah sesuatu yang tidak boleh disahkan langsung dan tidak wujudlah soalan kita...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak mengapalah. Nanti you pertahan di luarlah. Saya hendak teruskan ini. Terima kasihlah Yang Berhormat Jelutong. Berkenaan dengan PTPTN.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta dirumuskan. Masa telah tamat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya a terus rumus dan gulung. Hendak gulung macam gulung tikarlah. Okey baik Tuan Yang di-Pertua.

Kenyataan Pengerusi PTPTN dua hari lepas iaitu Wan Saiful Wan Jan dia kalah dengan saya di Pendang pada PRU-14 lalu. Dia minta maaf. Jadi orang-orang muda B40 yang terlibat dalam PTPTN, peminjam jangan harap kamu hendak dapat free ataupun percuma. Kamu kena bayar balik bukan takat gaji RM4,000, gaji RM1,000 sudah kena bayar dan dia minta maaf. Ini kenyataan dia.

Kenyataan, “Saya antara terbabit menulis janji Manifesto Pakatan Harapan. Saya yang bertanggungjawab dalam hal ini termasuk janji menangguhkan pembayaran semula oleh

peminjam yang berpendapatan bulanan di bawah RM4,000. Saya mohon maaf kepada rakyat. Ketika itu merangka manifesto, saya tidak tahu hutang negara dan PTPTN sangat besar. Hutang PTPTN ketika itu hampir RM40 bilion dan jika janji ini diteruskan, hutang PTPTN akan menjadi bebanan besar kepada negara”, katanya. Beliau membuat pengumuman maaf terbuka itu ketika berucap pada Mesyuarat Agung Tahunan Gabungan Pelajar.

Jadi seterusnya, yang terakhir gulung iaitu kelemahan Bajet 2019. Kebergantungan kepada pendapatan Petronas sebagai hasil negara, penerusan bajet defisit walaupun negara mempunyai hutang yang tinggi, tiada peruntukan khusus untuk membangunkan Pantai Timur, tidak menunjukkan hala tuju jelas dalam pembangunan ekonomi negara, pengulangan agenda kerajaan dahulu dengan pembaharuan, kurang daya tarikan pemacu ekonomi negara, petani, penoreh getah dan nelayan diabaikan, tiada suatu yang dapat menurunkan kos hidup rakyat.

Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas masa yang diberikan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sokong tidak sokong Yang Berhormat Pendang?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sokong tidak sokong belanjawan itu?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya sokong pun tidak, saya tidak sokong pun tidak. Saya kena hendak tunggu perincian setiap bahas dalam kementerian-kementerian yang kita akan tengok selepas ini. Selepas itu baru kita hendak mengundi. Okey baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Samarahan mewakili GPS. Silakan.

8.09 mlm.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019 yang julung-julung kali dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan juga merupakan anggaran belanjawan yang terbesar dalam sejarah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin hendak merakamkan penghargaan kepada kerajaan kerana telah meletakkan Sarawak, Sabah sebagai sebuah wilayah dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-11 yang baru-baru ini yang telah kita bahaskan dalam Parlimen ini.

■2010

Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya satu berita yang gembira dan dinanti-nantikan oleh rakyat Sarawak, rakyat Sabah apabila mendengar Sarawak diistilahkan sebagai wilayah. Kita

mengharapkan kegembiraan yang berpanjangan tetapi rupanya tidak. Ini kerana kegembiraan ini terencat apabila kita mendengar Belanjawan 2019, secara keseluruhannya peruntukan yang diberikan kepada negeri Sarawak tidak mencerminkan Tonggak III dalam KSP yang lepas yang mana menekankan tentang pembangunan yang seimbang bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang masih dipertikaikan oleh pihak kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM314.5 bilion telah diperuntukkan untuk Belanjawan 2019. Namun, pada dasarnya, Sarawak hanya menerima sebanyak RM4.336 bilion daripada nilai keseluruhan yang hanya merangkumi 1.27 peratus daripada keseluruhan bajet. Kita juga dimaklumkan semasa pembentangan bahawa kutipan hasil sebanyak RM261.6 bilion merangkumi dividen khas daripada Petronas yang berjumlah RM37 bilion. Justeru itu, persoalan kita selaku rakyat Sarawak, jika Petronas mempunyai kemampuan untuk menyumbang dividen khas kepada Kerajaan Persekutuan, mengapakah tidak diagihkan juga kepada negeri-negeri pengeluar minyak seperti Sabah, Sarawak dan negeri yang lain yang turut menyumbang kepada pendapatan negara?

Lebih mengecewakan lagi, pembayaran royalti sebanyak 20 peratus yang dibentangkan melalui manifesto sebelum ini tidak disebut langsung dalam belanjawan kali ini. Apa masalah dan kekangan bagi meneruskan ataupun menambahkan pemberian royalti ini, kita mohon penjelasan daripada pihak Menteri.

Sesungguhnya setelah 55 tahun Sarawak bersama Malaysia, Sarawak sebagai sebuah wilayah yang amat memerlukan suntikan dana pembangunan yang amat besar bagi memastikan wilayah ini terus berkembang dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM4.336 bilion yang diperuntukkan kepada Sarawak amatlah kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan peruntukan pembangunan melalui Bajet 2019. Ia jauh berbeza dan tidak mencerminkan pembangunan yang seimbang antara Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung.

Jadi semestinya Sarawak memerlukan lebih banyak peruntukan bagi memastikan keciran terutamanya kawasan luar bandar dan pedalaman terus diberikan perhatian yang sewajarnya. Malahan, melalui Bajet 2019 dalam Bajet Negeri Sarawak sendiri telah meletakkan RM11.914 bilion untuk perbelanjaan dan pembangunan dan mengurus negeri Sarawak. Kita sedia maklum negeri Sarawak berkeluasan 124,449 kilometer persegi dan mempunyai 2.8 juta penduduk dengan penempatan yang bertaburan menjadikan satu faktor utama kepada pembangunan yang lebih hebat lagi pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan isu Kerajaan Persekutuan di bawah Perlembagaan Persekutuan di bawah Perjanjian Malaysia 1963 dan *Inter-Governmental Committee Report*. Jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan pada tahun 2016 untuk mengkaji kuasa-kuasa negeri Sarawak dan Sabah yang terhakis di bawah Perlembagaan Persekutuan mahupun di bawah MA63.

Kita dimaklumkan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan telah pun bersetuju membentuk Jawatankuasa Kabinet untuk meneruskan rundingan berkaitan dengan Perjanjian MA63. Di sini

saya ingin mengetahui status terkini berkaitan dengan keanggotaan Jawatankuasa Kabinet yang telah dipersetujui berdasarkan rayuan-rayuan yang kita telah tulis kepada kerajaan berkaitan keahlian yang tidak sekata dalam jawatankuasa berkenaan.

Merujuk kepada Artikel 112D Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 112C(1)(a) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak diperuntukkan pemberian khas tahunan yang bertujuan meningkatkan tahap pembangunan di kedua-dua negeri ini supaya seimbang dengan kemajuan pembangunan di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian khas ini diberikan sejak penubuhan Malaysia iaitu sejak tahun 1964. Sejak pemberian khas ini dimulakan pada tahun 1964, jumlahnya telah meningkat dari RM12 juta kepada RM16 juta pada tahun 1969. Jadi sejak pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, jumlah pemberian kepada negeri Sarawak adalah kekal RM16 juta. Dalam tempoh yang begitu lama, kadar berjumlah RM16 juta ini adalah tidak lagi realistik.

Menurut rekod perbelanjaan kerajaan negeri iaitu perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah meningkat daripada RM199 juta pada tahun 1974 kepada RM4 bilion pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak RM3.8 bilion. Jumlah pemberian khas yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi tempoh 1964 hingga 2008 adalah sebanyak RM600 juta.

Kajian semula pemberian khas ini adalah selaras dengan Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan. Kadar pemberian khas berjumlah RM16 juta ini diguna pakai lebih kurang 30 tahun dan kadar ini perlu dinilai ataupun direview semula berdasarkan keperluan pembangunan yang amat-amat diperlukan untuk kesejahteraan rakyat Sarawak secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin menyentuh tentang isu-isu berkaitan dengan pembangunan, meningkatkan perkhidmatan dan akses di negeri Sarawak. Pertamanya melibatkan sambungan jalan raya di Sarawak. Untuk Belanjawan 2019, berapakah peruntukan melibatkan bina baharu dan membaik pulih jalan-jalan di Sarawak pada tahun 2019 ini? Semestinya kami memerlukan rangkaian jalan raya berkualiti untuk menghubungkan semua bandar dan kampung utama. Dengan rangkaian jalan raya keseluruhannya kira-kira 32,091 kilometer dengan 7,084 kilometer jalan luar bandar, banyak lagi kawasan pedalaman dan terpencil masih tidak dapat dihubungi dengan jaringan jalan raya.

Dua rangkaian jalan raya yang menghubungkan bahagian selatan dan utara Sarawak iaitu Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 1,090 kilometer dan rangkaian jalan pesisir pantai sepanjang 925 kilometer. Terdapat 1,134 kampung yang meliputi 4,402 kilometer yang belum dihubungi dengan jalan raya dan sekitarnya 1,726 kampung yang meliputi 4,851 kilometer yang memerlukan peningkatan jalan raya.

Oleh sebab itu, saya merasakan wajar untuk Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan projek-projek yang telah diluluskan sebelum ini terutamanya di Kota Samarahan di mana beberapa projek pembangunan telah diluluskan termasuk menaik taraf Jalan Datuk Mohd Musa dan juga cadangan pembinaan *Samarahan-Kuching Second Link Expressway*. Dengan adanya projek ini, ia boleh menyelesaikan masalah rakyat di Kota Samarahan yang terpaksa meredah kesesakan lalu lintas yang kritikal sehingga melambatkan pergerakan mereka ke tempat kerja

setiap hari. Dianggarkan Sarawak memerlukan peruntukan sebanyak RM1.105 bilion untuk akses jalan raya. Justeru itu, berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk tujuan ini di negeri Sarawak dalam tahun 2019?

■2020

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah bekalan air terawat dan bersih. Pada masa ini hanya 81 peratus penduduk Sarawak menikmati bekalan air yang bersih dan dirawat. Dalam kes di luar bandar hanya 61 peratus penduduk di luar bandar kini disediakan dengan bekalan air terawat. Terdapat 114,437 isi rumah yang tidak mempunyai akses kepada bekalan air yang dirawat dan boleh dipercayai manakala 178,525 isi rumah mengalami gangguan kerap ataupun tekanan air rendah.

Sarawak menyasarkan untuk menyediakan liputan bekalan air yang dirawat atau selamat, 98 peratus kepada penduduk luar bandar menjelang 2020 dan liputan 100 peratus menjelang 2025. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan berapa jumlah peruntukan bagi projek bekalan air terawat untuk negeri Sarawak secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan bekalan elektrik. Liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar yang telah meningkat dari 56 peratus pada tahun 2009 kepada 89 peratus pada tahun 2008 melalui Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar. Sarawak menyasarkan untuk mencapai liputan 100 peratus bekalan elektrik di kawasan bandar dan liputan 95 peratus di luar bandar menjelang 2020 bagi terus menjamin peningkatan kualiti hidup dan ekonomi rakyat.

Oleh itu, diharapkan Bajet 2019, Persekutuan memberikan keutamaan yang tinggi kepada program-program peningkatan perlindungan elektrik 24 jam melalui sistem grid dan program bekalan elektrik luar bandar di laksanakan di Sarawak. Justeru itu, bekalan air dan elektrik di luar bandar yang telah diberi pada tahun 2019, saya mohon penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, berapakah buah projek dan berapakah kos peruntukan yang telah disalurkan untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada mutu penjagaan kesihatan. Sarawak amat memerlukan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti untuk memastikan semua orang dapat diakses dengan perkhidmatan kesihatan kerajaan. Pada masa ini kerajaan telah membangunkan 21 hospital dan 274 klinik. Terdapat 3,891 doktor kerajaan di negeri ini dengan doktor kepada nisbah penduduk 1: 693 orang. Oleh yang demikian adalah menjadi aspirasi rakyat di Sarawak dan Kota Samarahan untuk Kerajaan Persekutuan menambah dana peruntukan bagi membiayai pelaksanaan strategi untuk mempercepatkan dan meningkatkan perkhidmatan kesihatan.

Pada pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat ketetapan bahawa akan meneruskan pelaksanaan pembinaan hospital pengajar UNIMAS. Ini menimbulkan ataupun- dengan ini kita juga memohon agar kerajaan terus komited meningkatkan fasiliti Klinik Kesihatan Kota Samarahan, Klinik Kesihatan Asajaya, Klinik Kesihatan di Kampung Lubuk Ria. Pada tahun 2019, berapakah jumlah peruntukan yang terbabit dalam penjagaan kesihatan yang telah diagihkan di negeri Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan isu pendidikan. Kemudahan pendidikan di Sarawak khususnya di kawasan luar bandar sangat uzur dan daif. Terdapat 1,090 sekolah rendah di Sarawak yang memerlukan program naik taraf dan penambahbaikan kemudahan asas dan juga terdapat 1,020 sekolah usang di Sarawak. Daripada jumlah ini 429 sekolah tidak mempunyai bekalan air terawat dan 372 buah sekolah tanpa bekalan elektrik 24 jam.

Oleh yang demikian, kita mengharapkan Kerajaan Persekutuan memberi tumpuan yang serius dan seterusnya meningkatkan dana peruntukan untuk meningkatkan perkhidmatan pendidikan di Sarawak. Kerajaan Sarawak sendiri melalui bajet kerajaan negeri telah memperuntukkan RM81.7 juta untuk tujuan berkenaan.

Namun, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, berapakah jumlah yang diberikan kepada Sarawak untuk menaik taraf sekolah daif pada tahun ini? Apakah status pemberian dana berjumlah RM1 bilion yang sepatutnya diagihkan pada tahun 2018, 2019 yang masih belum digunakan sepenuhnya untuk menaik taraf sekolah-sekolah daif ini? Mohon penjelasan pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada sektor ekonomi di Sarawak, saya amat berharap agar ekonomi luar bandar perlu diperluaskan dari sektor pertanian ke sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pada masa ini, terdapat beberapa inisiatif strategik untuk ekonomi luar bandar di Sarawak iaitu Pusat Pertumbuhan Luar Bandar, Skim Penempatan Semula, Rimbunan Kasih, Program Pembasmian Kemiskinan, Pusat Transformasi Luar Bandar, Latihan ICT Desa dan Pembangunan Tanah Agropolitan. Oleh yang demikian, berapakah dana untuk peruntukan di kawasan luar bandar Sarawak melalui strategi pemodenan dan komersial sektor pertanian dengan penyertaan sektor swasta yang lebih besar dan aplikasi teknologi digital? Apakah status pembangunan ladang nanas di Kota Samarahan?

Begitu juga kita mengharapkan penerapan internet untuk pertanian pintar dan penubuhan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pusat Pembungkusan serta e-Dagang untuk pemasaran hasil pertanian. Begitu juga terdapat keperluan untuk membangunkan perkhidmatan telekomunikasi pada komuniti paling jauh di Sarawak pada masa kini amatlah tinggi keperluannya. Apakah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan taraf kemudahan telekomunikasi di seluruh negeri Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan tentang status peruntukan bagi menyukat tanah hak adat bumiputera atau *native customer rights* dengan anggaran keluasan pada masa ini sebanyak 1.5 juta hektar. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Persekutuan dimohon untuk meneruskan pemberian peruntukan bagi penyukatan perimeter tanah hak adat bumiputera Sarawak supaya isu-isu tuntutan tanah terbabit dapat diselesaikan segera seperti yang dimainkan ataupun dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dulu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan di Kota Samarahan, saya amat berharap agar pembinaan Balai Bomba Asajaya yang telah diluluskan sebelum ini disegerakan.

Selain pada itu, saya juga mohon Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan projek-projek yang diluluskan di Kota Samarahan sebelum ini seperti:

- (i) projek hakisan sungai di Kampung Tambirat;
- (ii) pelebaran jalan Datuk Muhammad Musa berserta pemasangan lampu jalan di Kota Samarahan;
- (iii) projek naik taraf Ibu Pejabat Polis Kota Samarahan dan Balai Polis Asajaya;
- (iv) projek tebatan banjir di Taman Uni Garden Kota Samarahan;
- (v) projek pembinaan SMK Seri Samarahan;
- (vi) pembinaan SK Pengkalan Kuap;
- (vii) pembinaan SK Taman Desa Ilmu; dan
- (viii) projek naik taraf sekolah daif.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin hendak mohon penjelasan daripada kerajaan, ini suara rakyat berkaitan dengan kesejahteraan. Saya mohon penjelasan kerajaan berkaitan dengan program membantu rakyat B40 khususnya penduduk miskin luar bandar. Apakah status projek rumah rakyat termiskin, program peningkatan pendapatan? Apakah status bantuan untuk para nelayan, para petani dan juga bantuan-bantuan untuk penanam-penanam getah yang terganggu disebabkan harga yang rendah. Ini persoalan rakyat semasa pembentangan bajet kali ini dan saya mohon pihak kerajaan memberi penjelasan dan memberi dana yang secukupnya untuk membantu kesejahteraan dan keselesaan rakyat.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengharapkan peruntukan 2019 ini adil untuk Kerajaan Negeri Sarawak. Kita mohon agar peruntukan ini kalau boleh dinilai semula untuk memastikan pembangunan seimbang ketiga-tiga wilayah dapat dilaksanakan dan pembangunan Sabah dan Sarawak selari dengan pembangunan Tanah Besar Semenanjung. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

■2030

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sarikei. Silakan.

8.30 mlm.

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Sarikei untuk berbahas. Saya ingin membangkitkan beberapa isu berkaitan Sarawak terutamanya kawasan Sarikei. Pertama, projek Lebuhraya Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, Pekan Jakar di Sarikei telah termasuk di bawah skop laluan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Mengikut reka bentuk laluan sekarang, Pekan Jakar akan diabaikan sekiranya laluan yang telah direka tersebut tidak melalui Pekan Jakar. Oleh yang

demikian, saya ingin meminta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah cadangan yang akan diambil untuk memastikan Pekan Jakar di Sarikei tidak akan diabaikan selepas Lebuhraya Pan Borneo dibina.

Kerajaan mencadangkan akan membina pusingan P, *in English P-turn* sebelum dan selepas Pekan Jakar bagi memudahkan komuniti di sekitar Sarikei untuk keluar masuk kawasan Pekan Jakar. Akan tetapi sekiranya pusingan P itu terus dibina, makanya orang ramai ingin ke Pekan Jakar akan mengambil jalan terlalu jauh untuk membuat pusingan P tersebut. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan untuk mengubah suai jambatan yang melalui sungai Sarikei di Jakar supaya ditinggikan dan membolehkan *U-turn* di bawah jambatan tersebut. Sekiranya pengubahsuaian ini dilaksanakan, amatlah memberi kebaikan kepada orang ramai terutamanya penduduk-penduduk dari Jalan Merutun dan Meruton masih boleh mengunjungi Pekan Jakar supaya Pekan Jakar tidak diabaikan.

Pada masa kini, lebih 70 peratus peniaga-peniaga yang berniaga di Pekan Jakar bergantung kepada perubahan tersebut. Ini kerana Pekan Jakar merupakan tempat persinggahan bagi orang awam yang memandu jarak jauh. Kebanyakan kedai-kedai yang dibina di Pekan Jakar terdiri daripada kedai-kedai makan dan restoran. Saya berharap pihak kerajaan dapat memberi jaminan bahawa Pekan Jakar ini tidak akan diabaikan dan berharap agar kerajaan dapat memandang serius terhadap permasalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, permasalahan yang dihadapi oleh Hospital Sarikei. Hospital Sarikei merupakan sebuah hospital pakar *minor* iaitu mempunyai enam *basic* pakar terdiri daripada pakar perggian, pakar kanak-kanak, pakar sakit puan, *outpatient department* (OPD) dan *surgical*. Manakala pakar mata dan pakar *ear, nose and throat* (ENT) pada masa ini masih mempunyai kekosongan kerana doktor pakar yang terdahulu telah tamat tempoh perkhidmatan dan perlu ditempatkan doktor pakar yang baru. Adakah Kementerian Kesihatan Malaysia berhasrat akan menempatkan doktor pakar baru di Hospital Sarikei bagi mengisi kekosongan tersebut?

Hospital Sarikei masih memerlukan lebih ramai kakitangan yang bertugas bagi menangani pesakit-pesakit dan meningkat pada setiap hari. Di dalam setiap wad ditempatkan sekurang-kurangnya 22 katil pesakit. Oleh yang demikian, maka ditempatkan dua orang jururawat bagi setiap peralihan iaitu lapan jam bekerja. Seorang jururawat akan menjaga sekurang-kurangnya empat orang pesakit atau enam orang pesakit di wad.

Manakala di ICU sepatutnya memerlukan seorang jururawat bagi menjaga seorang pesakit. Hospital Sarikei memerlukan sekurang-kurangnya empat orang jururawat bagi setiap peralihan di sebalik dua orang jururawat. Saya berharap agar Kementerian Kesihatan Malaysia dapat mengatasi masalah kekurangan kakitangan petugas ini dengan segera bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan Hospital Sarikei.

Selain daripada itu, Hospital Sarikei juga mempunyai permasalahan kekurangan alat-alat bantuan perubatan. Alatan-alatan yang sedia ada juga agak uzur dan perlu diganti dengan peralatan yang baru dibeli semenjak hospital beroperasi 15 tahun yang lalu. Antara peralatan yang perlu ditambah baik dan perlu ditambah dari segi kuantiti adalah *scopy*, *OT table*,

hemodialysis machine, infusion pump machine, machine scan, ventilator machine, SpO₂ machine dan *machine X-ray*. Di samping itu juga, Hospital Sarikei memerlukan peruntukan bagi menampung kos perbelanjaan APG reagent bagi kegunaan ICU dan *orthopedic implant* di mana prosedur dan alatan yang digunakan membelanjakan kos yang agak besar.

Hospital Sarikei juga ingin meminta pihak kerajaan bagi menempatkan satu mesin *mammogram* untuk kegunaan pesakit kanser payudara, *breast cancer* yang mana setakat ini hanya satu mesin ditempatkan iaitu di Hospital Sibu. Kesemua kes pesakit payudara harus dirujuk ke sana. Setakat ini Hospital Sarikei mempunyai lima buah ambulans yang masih berfungsi. Akan tetapi, masih tidak mencukupi dan sekurang-kurangnya memerlukan lima buah ambulans lagi bagi memudahkan menghantar, mengambil pesakit dan juga bagi kes-kes kecemasan.

Saya ingin Menteri Kesihatan untuk mengatakan Kementerian Kesihatan akan menambah dana bagi diperuntukkan kepada Hospital Sarikei. Saya berharap Kementerian Kesihatan dapat menyelesaikan permasalahan ini dengan segera bagi meningkatkan perkhidmatan dan kecekapan kerja supaya pesakit boleh mendapat perkhidmatan dan rawatan yang efisien.

Tuan Yang di-Pertua, permasalahan yang dihadapi oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Meradong. Ibu Pejabat Polis Daerah Meradong juga sekali gus merangkumi Balai Polis Daerah Meradong mempunyai 75 anggota petugas setakat ini, lima pegawai dan 19 kakitangan awam. Merujuk kepada jumlah tersebut, IPD Meradong masih memerlukan lebih ramai kakitangan tambahan bagi mempertingkatkan mutu kerja mengikut apa yang diberitahu. Setakat ini bahagian perondaan MPV hanya empat orang sahaja yang bertugas bagi dua peralihan, *two-shifts*.

Manakala di Jabatan Narkotik hanya menempatkan seorang sahaja pegawai. Makanya, tugas narkotik memerlukan bantuan daripada IPD Sarikei sekiranya ada kes berkaitan dengan Bahagian Narkotik. Sekiranya terdapat kes yang memerlukan siasatan terperinci, kes tersebut akan dirujuk ke IPD Sarikei kerana IPD Meradong tidak mempunyai alatan untuk membuat uji kaji.

Di samping itu juga, permasalahan lain yang dihadapi oleh IPD Meradong adalah kekurangan alat penghawa dingin di kaunter Balai Polis Daerah Meradong dan juga Pejabat IPD itu sendiri. Alat penghawa dingin yang ada sekarang sangat uzur dan perlu diperbaiki selalu. Akan tetapi kerana tiada peruntukan daripada pihak kerajaan, makanya alat-alat penghawa dingin tersebut ada yang rosak dan tidak berfungsi sepenuhnya.

Jalan menuju ke kawasan *flat* pegawai juga sudah rosak dan perlu di naik taraf. Bangunan-bangunan IPD, balai dan *flat* juga perlu di cat baru kerana yang ada sekarang kelihatan sangat uzur. Selain itu juga, sistem perparitan yang ada sekarang perlu di naik taraf kerana sering kali berlaku banjir di kawasan IPD Meradong.

■2040

Memandangkan kekangan peruntukan daripada pihak kerajaan, masalah ini tidak dapat diselesaikan. Oleh yang demikian, saya ingin kerajaan menyatakan adakah kerajaan akan

menambah peruntukan yang sedia ada bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Saya berharap kerajaan dapat memandang serius terhadap permasalahan yang dihadapi supaya perkhidmatan pegawai-pegawai polis kita lebih terjamin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada sembilan minit lagi.

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah? Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Terengganu. Yang Berhormat Hulu Terengganu?

8.41 mlm.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ada, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ada? Oh ada.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Kurang nampak, gelap, kawasan pedalaman.

Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang, peluang dan kesempatan kepada saya pada malam ini untuk terus membahaskan Belanjawan 2019. Di kesempatan ini saya ingin menarik beberapa perhatian, beberapa perkara yang saya rasa *direct to the point*. Kata orang tua-tua, '*sayang anak tangan-tangankan, sayang isteri tinggal-tinggalkan, sayang kerajaan bangkang-bangkangkan*'.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya *direct* kepada pertanianlah sebab ada Menteri Pertanian di depan saya malam ini iaitu berkaitan dengan apa yang dibangkitkan ataupun yang ditulis dalam belanjawan ini yang mengatakan bahawa pertanian ataupun- tajuk bajet ini ialah Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera. Akan tetapi apa yang saya nampak, saya mewakili rakyat Hulu Terengganu yang rata-ratanya petani dan juga peladang. Peruntukan yang diberikan kepada golongan ini nampak tidak disebut langsung. Perkataan petani, nelayan dan peladang tidak disebut langsung dan satu perkataan FELDA sahaja disebut dan di kawasan saya juga ada empat FELDA.

Lantaran itu saya menekankan bahawa golongan inilah yang perlu dibela. Dalam kita menuju arus menjadi negara maju, golongan ini perlu dibela dan diperuntukkan dengan peruntukan yang sewajarnya untuk menyamaratakan pendapatan antara kaya dan miskin. Apa yang saya nampak daripada belanjawan ini, rakyat Hulu Terengganu tidak merasa satu kesejahteraan kerana rata-rata peruntukan yang diberi oleh kerajaan kepada kementerian-kementerian yang berkait dengan masyarakat luar bandar jauh berkurangan. Contohnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pada tahun 2018 kerajaan memperuntukkan RM5.3 bilion manakala pada tahun 2019 tahun depan dikurangkan menjadi RM3 bilion sahaja. Ini penurunan yang saya rasa cukup terasa bagi masyarakat Hulu Terengganu terutamanya di luar bandar.

Berkaitan dengan pertanian. Oleh kerana kawasan Hulu Terengganu adalah kawasan pertanian, isu pertanian di dalam masyarakat ataupun dalam negara kita ialah isu tanah terbiar.

Saya mohon jasa baik daripada kerajaan untuk membangunkan tanah-tanah terbiar dengan apa cara sekalipun untuk pastikan tanah-tanah ini ditebus guna untuk menghasilkan tanaman ataupun pendapatan kepada petani-petani dan apa yang saya cadangkan supaya menjadikan pertanian itu sebagai satu ibadat. Ini kerana dalam hadis ada mengatakan bahawa... [Membaca sepotong hadis] *"Setiap Muslim yang bercucuk tanam dan daripada tanaman itu dimakan oleh haiwan, manusia, dan juga burung-burung, maka ianya sedekah"*. Jadi saya minta oleh kerana kebetulan Menteri Pertanian ada depan saya hari ini menjadikan pertanian itu bukan sahaja suatu industri tetapi juga satu ibadah untuk menggalakkan rakyat terutamanya di luar bandar menebus guna tanah-tanah yang terbiar terutamanya di Hulu Terengganu.

Isu yang kedua berkaitan pertanian juga Tuan Yang di-Pertua ialah isu kekurangan jentera. Kita di Hulu Terengganu kita kekurangan jentera pembajak dan jentuai. Jadi di harap supaya Menteri mengambil tindakan yang drastik untuk menyediakan jentera-jentera ini untuk kegunaan petani dan juga peladang di Hulu Terengganu dan juga isu yang pernah berlaku di Hulu Terengganu pernah terjadi apabila masyarakat kita bertanam, tiba musim menuai oleh kerana kekurangan jentuai, padi-padi yang ditanam itu rebah dan petani tidak mendapat sebarang hasil. Ini mendukacitakan. Lantaran itu saya bercadang dan berharap agar kementerian memperuntukkan jentera ini kepada PPN iaitu Pertubuhan Peladang Negeri, ataupun PPK iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan, untuk dijaga dan untuk diselenggarakan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, isu pertanian juga ialah isu perjawatan. Isu yang sering berlaku ialah isu pemandu. Kita ada jentera, kita ada pembajak walaupun tidak cukup tetapi perjawatan pemandu di-standardize iaitu pemandu itulah yang akan bawa *Pajero*, pemandu itulah yang akan bawa bas dan pemandu itu juga yang akan bawa jentera pembajak. Lantaran itu, rata-rata pemandu-pemandu ini memang tidak gemar untuk membawa pembajak kerana itu kerja yang selekeh, itu kerja yang kotor. Jadi mereka berebut untuk membawa *Pajero* dan juga untuk membawa bas dan sebagainya kerana *Pajero* ada *aircond*. Jadi sebab itu saya mencadangkan supaya kementerian mewujudkan jawatan khusus pemandu jentera pembajak atau jentuai untuk memberi kemudahan kepada masyarakat petani dan peladang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu seperti yang saya katakan tadi bajet ini khusus untuk masyarakat bandar ataupun masyarakat yang bukan luar bandar. Kami masyarakat marhaen di luar bandar terasa kerana perkataan nelayan, petani dan peladang tidak disebut dalam bajet ini. Juga satu sahaja perkataan FELDA disebut, itu pun peruntukan sebanyak RM295 juta untuk menaik taraf jalan, bekalan air dan memasang lampu. Jadi ini juga merasakan bahawa bajet ini adalah bajet yang tidak seimbang antara bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh juga isu pendidikan. Saya merasa agak terkilan dengan peruntukan yang begitu besar, ini telah dibahaskan oleh rakan-rakan sebelum ini kepada sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) yang mana peruntukan diberi sebanyak RM12 juta untuk 60 buah sekolah yang merangkumi secara puratanya setiap sekolah diperuntukkan sebanyak RM200,000. Jadi ini suatu benda yang saya rasa perlu dikaji semula kerana SMPC ini ialah sekolah persendirian Cina yang tidak berada dalam arus

pendidikan negara kecuali mereka bersedia untuk menerima silibus atau sukanan pelajaran yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam arus perdana.

Jadi saya hendak tahu apa rasional dan apakah justifikasi kerajaan memperuntukkan begitu banyak peruntukan kepada sekolah SMPC ini kerana mereka bukan berada dalam arus perdana.

Jika dibandingkan dengan sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan, kira-kira yang saya buat kalau sekolah SMPC mendapat RM200,000 sebuah, manakala sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan cuma mendapat RM33,258 sebuah sahaja secara average. Begitu juga dengan sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) mendapat RM37,764 sebuah. Jadi ini seolah-olah wujud diskriminasi antara pengagihan dana kepada sekolah yang tidak berada dalam aliran perdana diberi peruntukan yang lebih berbanding dengan sekolah-sekolah yang berada dalam arus perdana pendidikan kita. Jadi saya pohon kepada kementerian untuk mengkaji semula, melihat semula agar berlaku keadilan. Sebagaimana saya katakan tadi apakah justifikasi diberi kepada SMPC sehingga RM12 juta untuk 60 buah sekolah tersebut.

Selain daripada itu, saya juga merasa sedih dengan apa yang berlaku kepada *Utusan Malaysia*. Jawapan yang diberi kepada soalan saya dua, tiga minggu lalu bahawa *Utusan Malaysia* adalah surat khabar yang memecahbelahkan masyarakat. Lantaran itu, *Utusan Malaysia* tidak dibenarkan untuk masuk ke sekolah-sekolah. Jadi saya rasa itu satu tuduhan yang tidak berasas kerana *Utusan Malaysia* ini adalah utusan ataupun surat khabar antara yang tertua di Malaysia dan tidak ada suatu kes pun berlaku sama ada isu perkauman, isu *racist* ataupun perbalahan kaum disebabkan oleh surat khabar ini.

■2050

Saya difahamkan juga oleh rakan-rakan wartawan *Utusan Malaysia* bahawa mereka untuk hendak akses berita-berita di Parlimen ini juga disekat. Jadi kalau kerajaan baharu menguar-uarkan kebebasan bersuara, kebebasan mengeluarkan fikiran, apa salahnya untuk rakyat membaca dan menerima *Utusan Malaysia* ini sebagai satu wahana untuk mengembangkan fikiran mereka.

Jadi saya suka mencadangkan agar *Utusan Malaysia* diberi peluang dan ruang untuk masuk ke sekolah-sekolah kerana dalam *Utusan Malaysia* satu-satunya surat khabar yang ada aliran ataupun tulisan jawi. Kementerian baru ini menjawab antara cara untuk memperkasakan tulisan jawi, tulisan jawi ini Tuan Yang di-Pertua ialah tulisan orang Melayu. Kita sudah lama, sudah banyak ketinggalan dan ramai orang Melayu hari ini yang tidak atau pun yang buta bahasa jawi, tulisan jawi.

Jadi dengan ruang dan kesempatan ini saya suka mencadangkan agar peluang diberi semula kepada *Utusan Malaysia* untuk masuk ke sekolah kerana *Utusan Malaysia* ada edisi jawi sekali seminggu. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menekankan berkaitan dengan PTPTN yang mana sebelum pilihan raya, dikatakan bahawa mereka akan dikecualikan. Akan tetapi hari ini rata-rata bersetuju dengan saya dan ramai yang berbahas sebelum ini

mengatakan bahawa mereka tidak mampu melaksanakan apa yang dijanjikan itu kerana masalah kewangan. Lantaran itu saya berharap supaya benda ini dikaji balik, maknanya sebelum cakap, berfikir dahulu. Jangan bercakap dahulu kemudian berfikir, inilah yang merosakkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh juga berkaitan dengan harga barang yang semakin meningkat. Walaupun pihak kerajaan, saya dengar dua tiga orang yang berbahas tadi mengatakan bahawa barang semakin turun, pada saya yang turun itu harga komoditi, yang naik itu harga barang.

Pengalaman saya, saya pernah bertanya dalam satu soalan tapi dijawab oleh Menteri KPDNHEP mengatakan gas tidak naik. Betul gas tidak naik. Sebelum pilihan raya dulu, satu tong gas berisi dengan gas harganya ialah RM80 sahaja. Akan tetapi baru-baru ini oleh kerana tong gas saya dicuri, saya pergi ke kedai, harganya ialah RM180. Ini mengejutkan saya. Satu kenaikan yang cukup drastik, yang di luar daripada apa yang saya fikirkan sebelum ini. Saya ingat kalau naik pun daripada RM80 naik RM100. Rupanya naik menjadi RM180. Jadi ini perkara yang saya rasa perlu ditengok dan dilihat semula.

Selain itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan aduan daripada masyarakat di kampung saya iaitu berkaitan dengan penamatan servis *wireless* telefon untuk kawasan luar bandar. Di luar bandar terutama di Hulu Terengganu ramai oleh kerana fasiliti, kabel, tiangnya sukar untuk masuk ke kawasan-kawasan pedalaman, maka ramai masyarakat di luar bandar memakai telefon *wireless* iaitu telefon yang tanpa wayar yang dicaj di rumah-rumah. Akan tetapi surat diterima pada 26 September yang lalu mengatakan bahawa perkhidmatan ini akan ditamatkan.

Lantaran itu saya merayu kepada kerajaan untuk melihat semula keputusan ini kerana ini akan menyusahkan atau menyukarkan masyarakat di luar bandar untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, berkaitan dengan SKMM juga, liputan *coverage* sepanjang LPT2 antara Kuala Terengganu dan Kuantan. *Coverage*, alat komunikasi ada di setengah-setengah tempat di sepajang laluan tersebut bermasalah dan saya minta SKMM untuk meneliti dan mengkaji semula kerana ini amat penting terutamanya pada pengguna-pengguna lebuh raya yang mungkin ada masalah, ada *problem* ketika mereka dalam pemanduan. Jika masalah *coverage* ini tidak dapat diselesaikan, akan menimbulkan masalah yang lain.

Lantaran itu saya berharap kepada Menteri berkenaan, kementerian berkenaan untuk meningkat ataupun untuk mengkaji dan juga menyelesaikan masalah ini dengan segera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan musuh tanaman. Musuh tanaman ialah satu masalah yang berlaku di Hulu Terengganu dan saya yakin ianya berlaku juga di mana tempat di kawasan pedalaman. Orang-orang kampung rajin, mereka mananam sayur, jagung, kacang dan sebagainya tetapi musuh tanaman terlalu besar untuk, musuh tanaman adalah satu benda yang menyebabkan mereka ini menjadi tidak bermotivasi. Contohnya, kera ataupun babi dan masalahnya ialah bila didakan gotong-royong, mereka mendapat masalah daripada Perhilitan kerana dikatakan babi dan kera ini ialah barang kawalan.

Jadi kita menjadi serba salah. Kita tembak, kita akan didakwa. Kita biarkan kita kerugian hasil pertanian. Jadi kita berharap supaya kerajaan mengkaji cara ataupun wahana untuk memastikan apa yang dilaksanakan ataupun masalah ini dapat diselesaikan agar ianya tidak membebankan, bermaknanya kepada petani dan nelayan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya masih ada empat minit lagi, isu yang ingin saya bangkitkan juga ialah isu TNB. Hulu Terengganu mengorbankan sebanyak 38 hektar tanah untuk ditenggelamkan dalam Tasik Kenyir. 38 ribu hektar, satu jumlah kawasan yang cukup luas dan cukup besar. Dikorbankan oleh rakyat Hulu Terengganu untuk negara Malaysia. Daripada pengenerasian ataupun daripada jenis pelan tersebut, TNB mampu mengeluarkan sebanyak 4,400 megawatt dan diagihkan ke seluruh negara. Ertinya pengorbanan yang dibuat oleh rakyat Hulu Terengganu dinikmati oleh seluruh negara dan dikatakan juga bahawa ini antara tasik terbesar buatan manusia di Asia Tenggara.

Apa yang saya ingin kaitkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah apa salahnya permohonan saya, apa salahnya jika pengorbanan yang besar itu dibuat oleh orang ataupun rakyat Hulu Terengganu, daerah Hulu Terengganu, apa salahnya TNB mengenakan tarif yang lebih rendah kepada rakyat Hulu Terengganu khususnya ataupun rakyat negeri Terengganu umumnya untuk menikmati sedikit imbuhan, sedikit pampasan daripada pengorbanan yang begitu besar yang dibuat oleh negeri Terengganu.

Jadi pohon kepada pihak kementerian supaya mempertimbangkan permohonan ini agar nikmat ataupun pengorbanan yang dibuat oleh rakyat Hulu Terengganu yang mengorbankan sebanyak 38 ribu hektar tanah untuk ditenggelamkan dan kawasan yang paling dalam mengikut sukatn TNB ialah sedalam 145 meter air. Maka kita berharap supaya kerajaan mempertimbangkan hal ini dan kalau sebarang bencana kepada dam Kenyir, maka rakyat Hulu Terengganu lah yang mula-mula terkorban.

Jadi atas dasar tersebut saya menyeru dan saya merayu kepada pihak kementerian untuk mempertimbangkan tarif yang lebih rendah, berbeza dengan tarif-tarif di tempat lain kerana pengorbanan yang kita keluarkan. Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan permohonan di sekitar Hulu Terengganu juga ialah kekurangan mesin ATM.

Jadi kekurangan diadukan kepada saya oleh masyarakat di sekitar bandar Ajil, di sekitar Pekan Manir dan Pekan Kuala Pin dan saya minta pihak yang berkenaan supaya melihat dan mengkaji kerana kekuatan ataupun masalah ini membebankan mereka. Mereka terpaksa ke Kuala Berang, satu-satunya bandar yang ada ATM mesin untuk mengeluarkan duit atau berurusan untuk keluar dan masukkan duit. Kerana itu kita berharap atas keprihatinan kerajaan baharu di bawah Pakatan Harapan ini untuk melihat dan mengkaji semula keadaan kedudukan mesin-mesin ataupun ATM ini untuk kemudahan rakyat kerana ini jasa kita, ini khidmat kita, inilah yang kita mahu kepada rakyat kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Isunya ialah *road tax*. Saya suka

mencadangkan *road tax* tarikh tamatnya dapat dilihat di depan. Orang yang ada pemandu mungkin dapat mengesan tarikh mati *road tax* tersebut.

Akan tetapi orang yang tidak ada pemandu kadang-kadang terlupa. Jadi saya suka mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya tarikh mati *road tax* tersebut dia ada, dapat dilihat daripada dalam kereta. Memudahkan kita sebagai pemandu atau pengguna kereta mengetahui bilakah *road tax* ataupun cukai jalan tersebut mati.

Jadi ini tidak membebankan. Kadang-kadang kita terlupa oleh kerana kesibukan, oleh kerana banyak perkara yang hendak kita selesaikan, kadang-kadang kita terlupa bila *road tax* itu mati dan ditahan oleh penguat kuasa, kita salah. Jadi dengan adanya tarikh mati yang dapat dilihat daripada dalam, *insya-Allah* hal tersebut akan dapat diselesaikan.

■2100

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu minta pencelahan.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tengok waktu itu sebab nak habiskan waktu itu fasal Yang Berhormat Sarikei bagi 10 minit ruang. Setuju kah Yang Berhormat bahawa- saya pun terlepas pandang isu ini bila saya sendiri pun hampir beberapa bulan *road tax* mati saya baru perasan bila polis kejar saya. Saya ingat saya penjenayah.

Adakah Yang Berhormat Hulu Terengganu bersetuju sekiranya kalau ada pemberitahuan dari pihak JPJ khusus *direct* dengan kita seperti insurans yang buat sekarang ini kebelakangan ini dimaklumkan, supaya ia dipraktikkan daripada *department* JPJ ini supaya kita tidak terlepas pandang dan membolehkan kita *coverage* insurans itu dapat kita- dapat faedah-faedahnya.

Apakah bersetuju Yang Berhormat Hulu Terengganu bahawa keperluan JPJ memaklumkan kita lebih awal untuk kita *renew road tax* kita. Apa pandangan Yang Berhormat Hulu Terengganu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kapar. Ini sahabat baik saya ini, kawan bersama belakang Parlimen. Saya setuju 200 peratus dan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kapar tersebut memudahkan kita kadang-kadang kita terlupa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah habis, yang terakhir tetapi yang tidak kurang pentingnya juga ialah berkaitan dengan kebudayaan yang mana saya minta juga pihak kerajaan untuk melihat semula seni-seni kebudayaan terutamanya Melayu ialah silat diberi peruntukan khusus kepada pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar untuk menyuburkan lagi seni budaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu saja ucapan saya, perbahasan saya. Saya mohon untuk menyokong bersyarat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu, sekarang giliran Yang Berhormat Limbang. Silakan.

9.02 mlm.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November yang lalu.

Menyusuri belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberikan peruntukan sebanyak RM4.3 bilion kepada negeri Sarawak sahaja untuk tujuan pembangunan walaupun belanjawan ini jauh lebih rendah daripada belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri yang memperuntukkan sebanyak RM11.9 bilion. Walau bagaimanapun terima kasih diucapkan dan kita sedar ia nya jauh lebih kecil daripada apa yang sepatutnya Sarawak dapat sebagai, dengan izin, *equal partner in the Federation of Malaysia*.

Berdasarkan kepada belanjawan yang dibentangkan, kita melihat ada tiga fokus utama dalam belanjawan ini. Akan tetapi saya begitu tertarik dengan fokus kedua iaitu memastikan kesejahteraan rakyat yang *detail*-nya akan saya suarkan di terakhir bahas saya. Dalam usaha memastikan kesejahteraan rakyat, pelbagai strategi yang dibentangkan oleh kerajaan antaranya isu berkaitan pendidikan, kesihatan, kualiti hidup, peluang pekerjaan, pendapatan boleh guna dan sebagainya.

Satu harapan saya kepada kerajaan agar menyejahterakan setiap lapisan masyarakat secara sama rata, tidak kira di Semenanjung, ataupun di Sabah dan di Sarawak. Jangan kerana kami tidak berapa sehaluan politik dengan pihak kerajaan pada hari ini tetapi kami mesra kepada Kerajaan Persekutuan. Janganlah negeri kami tidak diberi perhatian sewajarnya dan tidak diendahkan oleh kerajaan. Selagi kita berada di bawah satu payung, selagi rakyat di bumi Sarawak menggantungkan gambar Yang di-Pertuan Agong di dinding-dinding rumah-rumah, di kampung-kampung, di bandar-bandar di negeri Sarawak ertiaya kita ini masih dalam Malaysia lagi. Jadi berilah kami secara adil dan saksama dengan izin *what is due to Sarawak as equal partner in the Federation, please*.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8 November lepas sebuah sekolah di kawasan saya terlibat dalam satu kebakaran akibat surc妖 elektrik. Sekolah tersebut ialah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Nanga Medamit, di luar bandar. Kebakaran ini telah pun melibatkan blok pentadbiran dan bilik guru dan apabila saya melawat ke sana saya dapati guru-guru sekarang terpaksa berpindah ke bilik makmal Sains untuk penempatan sementara disebabkan bilik guru yang sedia ada tidak selamat lagi untuk digunakan.

Kita boleh bayangkan bilangan guru yang dianggarkan melebihi 50 orang, guru terpaksa bersesak-sesak di dalam dua buah bilik makmal Sains yang ukurannya sebesar cuma anggaran

30 kaki persegi sahaja. Jadi saya mohon agar sekolah ini mendapat bantuan kecemasan dari pihak Kementerian Pendidikan untuk membina sebuah blok baru pentadbiran dengan segera bagi menggantikan blok pentadbiran yang sudah terbakar ini.

Selain itu, sekolah SMK Nanga Medamit ini juga mengalami masalah kekurangan kelas untuk menempatkan pelajar-pelajar yang saban tahun meningkat jumlahnya. Apa yang dimaklumkan kepada saya pada tahun hadapan saja dianggarkan pertambahan pelajar seramai 350 hingga 400 orang pelajar. Semuanya pelajar-pelajar daripada kawasan luar bandar untuk ditempatkan di Sekolah Menengah Nanga Medamit ini. Melihat kepada situasi sekolah tersebut, kelas yang sedia ada pada masa ini tidak mencukupi untuk menampung jumlah pelajar yang ramai.

Jadi memandangkan Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan ini ada peruntukan RM652 juta sahaja untuk tujuan menaik taraf dan menyelenggarakan sekolah di negeri Sarawak. Di mana yang sekolah daif di Sarawak berjumlah 1,000 lebih buah dan ini adalah tambahan lagi kepada yang terbakar. Untuk...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Limbang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar minta laluan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ya, terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya meneliti apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat Limbang itu dan saya melihat sendiri apa yang berlaku dalam kedaifan di sekolah di Saratok khususnya saya lawati dan saya mendapati bahawa- saya tersentuh apabila melihat anak-anak kaum Iban di sekolah itu dipanggil sekolah asrama, tidur di atas pangkin-pangkin yang papan. Di atas asrama yang berpapan yang usianya puluhan tahun dan saya berdiri di situ kelihatan tidak selamat dalam keadaan terhuyung hayang papan yang tidak begitu kukuh Tuan Yang di-Pertua. Saya tersentuh apabila saya melihat bantal-bantal mereka, baldi-baldi mereka itu di tepi-tepi pangkin tersebut.

Jadi saya bersetuju bajet yang dikeluarkan itu terlalu kecil tetapi saya juga berpandangan bahawa kita ada bajet tambahan untuk kita kenal pasti keperluan sasaran utama untuk kita melihat anak-anak ini diberikan keselesaan dalam mereka mendapat pendidikan daripada sekolah-sekolah tersebut.

Maka bersetujukah Yang Berhormat Limbang dengan saya bahawa bukan saja sekolah itu didapati agak uzur tetapi keperluan itu untuk memastikan martabat pendidikan diangkat, memastikan bahawa anak itu selamat belajar dan memastikan keperluan anak-anak itu diberikan kesaksamaan kerana kita faham bahawa Sabah satu wilayah, Sarawak satu wilayah, Semenanjung satu wilayah perlu disaksamakan pemberian untuk memastikan keperluan rakyat itu dapat disalurkan. Apa pandangan Yang Berhormat Limbang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Setuju entah berapa peratus tetapi banyak peratusnya nampak dan masukkan dalam perbahasan saya tetapi memang betul keselesaan. Contohnya Sekolah Nanga Medamit ini sendiri, sejak kebelakangan ini prestasinya

meningkat melahirkan banyak budak-budak cemerlang daripada luar bandar dan kawasan ini adalah kawasan orang Iban. Bukan hanya- sudah pastinya bukan di sekolah ini saja dan *alhamdulillah* dalam lima tahun, 10 tahun belakang ini memang banyak peningkatan ini. Keselesaan, pembelajaran dan sebagainya atas usaha-usaha walaupun peruntukkan sebelum ini sikit dan sekarang ini pun agak sikit juga sebenarnya dibandingkan dengan kedaifan di seluruh negeri.

■2110

Jadi, saya berharaplah dengan bajet yang ada ini, bajet tambahan dan sebagainya, sudah pastinya mudah-mudahan harapan rakyat- sebab, pendidikan adalah di bawah *purview* Kerajaan Persekutuan di seluruh negara. Saya berharap tumpuan diberikan kepada sekolah-sekolah di pedalaman ini sebab, kita tidak tahu, kita kena bagi peluang juga kepada anak-anak pedalaman ini. Bukan semestinya anak-anak luar bandar ini tidak ada peluang. *It's not smart but if they are given the same opportunities, environment*, saya yakin anak-anak luar bandar juga boleh cemerlang seperti anak-anak di bandar. Saya setuju Yang Berhormat Kapar. Terima kasih.

Jadi, saya berharap dan saya memohon agar sekolah ini diberikan bantuan untuk membina blok juga sebab studen makin bertambah. Untuk membina sebuah blok 15 bilik darjah untuk menampung penambahan anak-anak murid pada tahun hadapan ini.

Di samping itu juga, selain daripada masalah kekurangan kelas, sekolah ini juga mengalami masalah kepadatan bagi penempatan pelajar asrama perempuan. Berdasarkan daripada maklumat yang diberikan kepada saya, bilangan pelajar asrama perempuan juga meningkat setiap tahun.

Untuk makluman, kedudukan katil, sebagai contoh, di asrama perempuan sudah tidak mengikuti piawaian SOP lagi dah yang ditetapkan oleh kementerian. Bukan salah mereka untuk tidak mengikuti SOP tetapi disebabkan bilangan pelajar yang ramai, mereka terpaksa juga untuk merapatkan kedudukan katil. Ini dah *detail* ini. Betapa padatnya studen kita. Jadi, cerita pasal keselesaan, jangan kata tempat belajar, tempat tidur pun dah tidak selesa. Padat sangat dalam bilik-bilik asrama. Jadi saya minta kepada kerajaan, Kementerian Pendidikan dalam Bajet 2019, *please consider* untuk juga membina sebuah asrama untuk murid-murid perempuan di SMK Medamit, Limbang ini.

Berkaitan dengan kebakaran yang baru terjadi ini- ini kepada KPKT. Pekan Medamit ini *is the other side of Limbang Town*. Siapa pernah pergi Limbang- mungkin ramai yang belum pernah pergi. Bomba yang ada *is the other side of Limbang*. Sekolah SMK Medamit ini *the other side of Limbang*. Kebakaran yang berlaku pukul 1.30 malam. Saya ditelefon tengah malam beritahu pasal ini. Jadi bagaimana?

Walaupun ada dikatakan bomba-bomba sukarelawan tetapi kadang-kadang kalau yang berlaku pukul 1.30 malam ini, bomba sukarelawan ini, pegawai-pegawai dia berterburu. Bukan ditempatkan macam kita bomba memang *all the personnel* di situ. Jadi, saya minta- dulu saya dah menyuarakan dari dulu supaya sebuah balai bomba diwujudkan di sebelah Medamit ini iaitu jalan menuju ke Brunei ini supaya apabila berlakunya kebakaran, kalau di siang hari lagi dahsyat

sebab Limbang selalu *jammed*. So, bomba hendak pergi *to this side of the town* lagi susah. Jadi itu saya berharap kepada KPKT juga, sebab kebakaran ini sebagai bukti pada permintaan saya hari itu supaya menimbang semula permohonan saya untuk membina sebuah balai bomba di kawasan Medamit ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh iaitu perkara yang juga saya suarakan semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu GIATMARA. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, penempatan asrama bagi pelatih GIATMARA di kawasan Limbang ini sangat daif sebab dia menumpang Pejabat Residen yang lama. Ini menyebabkan ketidaksesuaian kepada pelatih yang mengikuti latihan di GIATMARA. Selain itu juga, keselamatan pelatih yang tinggal di kawasan ini juga tidak terjamin. Beberapa keperluan asas yang ada di GIATMARA ini sudah dalam kategori usang dan tidak selamat digunakan.

Kami sedia maklum bahawa tapak pembinaan bangunan GIATMARA yang baharu sudah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan dibayar premiumnya oleh MARA. Namun, kita tidak tahu bila kompleks baharu ini akan dibina. Mungkin dua tahun, lima tahun? Masih lagi menjadi tanda tanya. Jadi, saya berharap kalau boleh dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini dirikanlah sebab inilah satu-satunya pusat kemahiran untuk generasi baharu, untuk belia-belia kita di sebelah utara. Jadi, saya memohon asrama yang sementara ini dinaiktarafkan juga.

Isu seterusnya juga adalah perkara yang saya suarakan dalam Kajian Separuh Penggal dan hari itu Timbalan Menteri KPLB kata iaitu tentang projek Fasa 2 yang terbengkalai Jalan Meritam-Telahak-Buangabai. Dalam jawapan Timbalan Menteri, kerajaan akan meneruskan membina, *retender* untuk menyiapkan Fasa 2 yang terbengkalai ini.

Saya difahamkan bahawa peruntukan untuk jalan ini dalam bajet tahun hadapan tidak ada daripada agensi lah. Jadi saya berdasarkan daripada jawapan Menteri, projek ini akan diteruskan dan akan *diretender* semula. Akan tetapi apa yang saya dimaklumkan ialah projek ini tidak tersenarai dalam Belanjawan 2019.

Jadi, saya ingin meminta kepastian tentang status projek ini. Jika ia diteruskan seperti yang dimaklumkan oleh Menteri pada persidangan yang lepas, saya harap agar pihak agensi JKR dan semuanya kena *prepare tender* secepat mungkin sebab projek ini dah lama sangat dah terbengkalai. Sudah masuk enam ke tujuh tahun. Dua tender penyelamat pun dah terpaksa diselamatkan lagi dah.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana meneruskan Projek Pan Borneo Fasa 1 yang diusahakan oleh kerajaan daripada Lundu sampai ke Miri. Saya berharap Fasa 2 Limbang-Lawas, saya tahu telah pun dijawab oleh Menteri tempoh hari tunggu ada duit, buat kajian dan sebagainya. Terus-terang, ini adalah laluan untuk menyambungkan Sarawak dan Sabah. Pan Borneo. Barulah dari Lundu sampai ke Kota Kinabalu. Kalau yang Fasa 2 di dalam Sarawak ini ditangguhkan, maka rasanya Pan Borneo itu tidak akan *completed* dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Jadi saya berharap kerajaan menimbang sebab ianya memberi impak sosioekonomi yang tinggi yang begitu besar kepada rakyat di utara Sarawak dan selatan Sabah kerana kita

mengharapkan kemasukan rakyat di negara jiran kita ini yang mereka memang berbelanja di tempat kita di Sarawak dan juga di Sabah.

Di samping itu, sementara kerajaan sedang mengkaji semula, menilai semula, kalau boleh saya minta dalam Bajet 2019, tolong *upgrade* jalan persekutuan yang ada sekarang. Empat puluh dua kilometer sahaja. Sebahagiannya telah pun *diupgrade* oleh kerajaan sebelum ini dah. Di Lawas dan juga di Limbang. Tidak panjang, 42 kilometer sahaja. Jadi ini sementara menunggu itu, kena buat sebab inilah juga laluan yang penting untuk membawa pesakit, peniaga, *mobility* rakyat dari Sabah terus sampai ke Kuching. *Please, upgrade* dan masukkan dalam Bajet 2019.

Kita tidak apa kalau tahun 2019 sebahagiannya, sambung lagi tahun 2020, kita sabar. Rakyat kita di luar bandar ini penyabar. Penyabar, betul. Akan tetapi, ada juga hadnya. Bukan hendak ugut-ugut, tidak ada lah tetapi ini kenyataan. Jadi kalau boleh pada kerajaan yang lepas dibagi RM140 juta- RM70 juta di Lawas, RM70 di Limbang- jadi *if I can get* kerajaan bagi lagi *another* RM140 juta untuk tahun 2019, apa salahnya? Tidak ada apa-apa lah itu. Berbanding dengan bajet yang terbesar dalam sejarah, *what is RM140 million?*

Isu seterusnya adalah yang saban tahun saya bangkitkan iaitu berkenaan naik taraf kesihatan. Limbang daripada dulu telah meminta untuk pakar minor ini. Malahan, saya kalau kita hendak ini, kita dah lebih awal minta tapi orang yang kemudian minta pula yang dapat. Tidak tahu lah kenapa ya. Akan tetapi, faham-faham sahajalah. Akan tetapi, kita tetap memintanya walaupun saya difahamkan *there is supposed to be a big hospital to be built* in Lawas tapi belum ada nampak bayangnya.

■2120

Akan tetapi dengan ada dua orang pakar di Limbang, *visiting specialist* dari Miri, *actually* daripada Lawas dan kawasan berdekatan, semua kena pergi ke Limbang ini juga tetapi perkakasan tidak cukuplah, peranti tidak cukup. Jadi, *still we need this* pakar minor di Limbang ini. Jadi, ada beberapa perkara yang saya hendak sebut juga secara sepantas lalu iaitu tentang bekalan elektrik luar bandar kepada KPLB, ada dua tempat sahaja lagi di Limbang yang belum ada bekalan elektrik daripada grid, Kampung Bulantak satu kilometer sahaja, Rumah Panjang Lumbung di Limbang dalam lapan kilometer sahaja daripada grid. *This is the only two* perkampungan dan rumah panjang yang tinggal dan kalau boleh saya berharap ia dapat diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Keselbelas ini.

Di samping itu juga, saya ingin hendak menyuarakan fasal RON95 dan RON97. Orang asing tidak boleh beli. Orang asing tidak boleh beli tetapi di Limbang dengan Brunei ini terus terang 50/50 adalah kekeluargaan, *you can never separated* Limbang dengan Brunei. Limbang di tengah-tengah, orang Brunei ke Limbang hujung minggu, orang kahwin, orang meninggal, suka duka memang di situ. Kalau dia orang kadang masalah kalau habis minyak tidak boleh beli sebab arahan.

Dahulu saya pernah minta kerajaan sebelum ini, *alhamdulillah* dipertimbangkan untuk RON95 tetapi saya difahamkan keluar arahan baru tidak boleh beli. Saya minta Limbang dibenarkan untuk orang daripada negara jiran ini membeli, kalau tidak bagaimana? Kalau habis

minyak hendak pergi mana? Limbang ada dua sahaja stesen minyak. Petronas, dua sahaja dan dua-dua tidak mahu jual.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sedikit Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharap perkara ini dipertimbangkan sebab kalau Limbang ini tidak boleh disamakan dengan daerah lain di Sarawak ini, tidak ada dua. Kita Limbang macam pulau dalam negara sendiri. Jadi saya minta pengecualian khas juga diberikan tentang penjualan minyak RON95 ini. Tidak payah RON97, RON95 sahaja kepada rakyat asing apabila mereka memerlukan mungkin dengan jumlah yang terhad.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh agar Kerajaan Persekutuan baru ini mengambil juga, mengikut langkah yang telah dibuat oleh kerajaan dahulu untuk membantu negeri Sarawak dalam penyukatan tanah NCR, berilah peruntukan supaya *feeling* itu, antara *Federal* dengan negeri ada. Jangan langsung dipotong macam itu sahaja dengan alasan-alasan yang saya kira sebagai *equal partner* mesti dipertimbangkanlah untuk membantu. *So, you can have the touch* untuk rakyat kita di luar bandar.

Seterusnya, kita juga minta seperti rakan-rakan lain, banyak perkara yang disuarakan oleh rakyat di kawasan saya nelayan, petani tentang bantuan-bantuan sebelum ini. Insentif-insentif sebelum ini juga disuarakan sebagaimana rakyat kita di luar bandar, petani-petani, nelayan-nelayan dan sebagainya di tempat lain. Sama juga, di tempat kita pun mereka bersuara juga Tuan Yang di-Pertua, mereka pun mengharapkan supaya perkara ini dapat diteruskan untuk membantu rakyat-rakyat kita di kampung-kampung, di pesisir pantai dan sebagainya. Jadi secara kesimpulannya saya berharap kerajaan baru, harapan baru dapat memberikan nafas baru kepada kami rakyat Limbang. Kami tidak mengharapkan perubahan yang drastik...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Limbang, pencerahan Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Namun...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Pencelahan...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ada lagi?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, kita tinggal enam minit lagi, habiskan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya hendak tidak *drag* sebab esok saya hendak bercakap lama. Yang Berhormat Limbang bersetuju kah dengan saya tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menegaskan bahawa bantuan-bantuan kepada nelayan, petani dan juga peladang itu akan dipertimbangkan. Jadi komitmennya ialah kita hendak membantu tetapi saya ulangi dengan Yang Berhormat Pendang tadi bahawa kita ada penambahan bajet yang boleh kita minta.

Sekiranya keperluan untuk kita jaga dalam laporan audit berbilion-bilion wang telah ditiriskan, kalau kita dapat kawal benda itu dan kita percaya bahawa bajet tambahan itu dapat kita pohon dalam prospek untuk kita pastikan mereka-mereka yang sepatutnya disasarkan mendapat subsidi ini akan diteruskan. Apakah Yang Berhormat Limbang bersetuju dengan saya

bahawa perkara ini masih terbuka lagi untuk kita bahas dan kita mohon untuk memajukan, membantu mereka-mereka yang berhak dalam memastikan mereka layak mendapat peruntukan ini. Terima kasih Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Saya setuju yang sebenarnya pagi tadi Yang Berhormat Port Dickson menyuarakan dan dijawab terus oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi kita memanglah, *I think this is* sesuatu yang baiklah, diharapkan oleh petani, nelayan dan sebagainya. Bagi kita *we just wait and see* lah, mudah-mudahan ia menjadi realiti, kenyataan. Rakyat tunggu itu.

Kita di kampung ini jangan berjanji. Kalau berjanji tidak tunai nanti, faham-faham sahajalah, payah. Kita tidak sama, mentaliti orang bandar, kita di kampung sedikit, keadaan tidak sama. Orang berjanji kita ikat janji. Jadi kita berharaplah, tadi itu pun sudah banyak orang itu-sebelum itu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Akan tetapi *talking about* ketirisan ini, saya *always believe in* penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini walau macam mana pun kita buat undang-undang dalam Parlimen ini, ini, ini, ini, ini, apabila pelaksanaannya di luar, penguatkuasaan tidak ada ataupun lebih kurang sahaja, berbuih mulut kita buat akta ini, akta itu semua cukup, akta pencatutan, SST dibuat, kita kata harga barang turun, di Limbang barang belum turun, rakyat marah. Jadi saya mintalah kepada agensi yang berpatutan yang diberi dan mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan ini supaya kena ikutlah. Jadi kena buat semua ini kalau tidak, tidak ada erti kita buat semua ini.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bera minta mencelah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Bera dahululah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Bera dahululah

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bera dahulu. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Papar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Dahsyat!...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kita undi untuk Yang Berhormat Kapar dahulu tahu. Okey, tadi disebut tentang bajet tambahan untuk perkara-perkara yang tidak disebut sewaktu bajet diumumkan. Maknanya ia timbul sebagai *after thought* sahaja iaitu selepas rakyat tidak puas hati dan sebagainya baru timbul isu untuk adakan bajet tambahan. Kenapa maknanya dari segi niat salnya memang tidak ada. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tidak apa Yang Berhormat Bera, bagi saya terima kasih...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta Tumpat sekali, lebih kurang sama sahaja. Cuma saya hendak ulas sedikit.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: As long as Tuan Yang di-Pertua bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Selepas itu gulung sekali.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, kita tengok bajet pada tahun ini ataupun bajet tahun depan 2019 merupakan bajet yang lebih besar daripada Bajet 2018 sedangkan Bajet 2018 itu bajet pilihan raya. Jadi dalam besarnya bajet itu tiba-tiba kita dapati banyak berlaku kekurangan di kalangan mereka-mereka yang benar-benar memerlukan bantuan seperti para petani, penternak, nelayan dan sebagainya. Hari ini seperti mana Yang Berhormat Bera sebut dijanjikan pula dalam bajet tambahan.

Jadi sebelum pilihan raya baru-baru ini banyak sudah janji benda-benda yang sepatutnya boleh menyejahterakan rakyat dan rakyat telah memberi undi bagi mengharapkan- memberi undi dengan janji yang telah diberikan oleh Pakatan Harapan itu. Hari ini apabila keluar bajet besar bajetnya lebih besar daripada bajet tahun ini 2018 tetapi maknanya untuk kesejahteraan rakyat dilihat semakin berkurangan. Jadi, janji baru pula ini macam mana?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Sekejap Yang Berhormat Limbang, saya hendak jawab sekejap Yang Berhormat Limbang. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Masa tinggal satu minit sahaja.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya tidak nampak Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak benda ini menjadi isu, yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Bera dan juga Yang Berhormat tadi. Apa yang saya maksudkan ialah apabila keperluan itu diperlukan, kerajaan sebelum ini pun membuat penambahan bajet pun berkali-kali juga, tidak pernah disebutnya sebelum itu betul-betul berlaku juga Tuan Yang di-Pertua. Jadi isu saya sekarang ini keperluan rakyat asas itu perlu diutamakan. Kalau keperluan itu tidak cukup, boleh kita cadangkan supaya penambahan bajet itu boleh dibuat.

Jadi, isu kata bahawa selepas ini janji tidak dibuat bajet, Menteri Kewangan tidak berjanji untuk membuat penambahan, saya berbicara soal praktis yang berlaku dalam Dewan yang mulia ini. Maka fahamlah apa maksud saya, kalau tidak faham pergi dalam *Hansard* dan baca *Hansard* itu. Terima kasih Yang Berhormat Bera, kena faham Yang Berhormat Bera Menteri masa itu...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya...

Tuan Yang di-Pertua: Gulung, gulung, gulung.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Yang Berhormat Bera, terima kasih Yang Berhormat Kapar dan terima kasih Yang Berhormat Tumpat.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Jadi saya- Tuan Yang di-Pertua, kepada semua sahabat *better late than never*. Tidak apa, *it is okay* tetapi janji ada, jangan berjanji kosong sahaja. Lambat tidak apa *but* kalau sudah betul-betul ada kemampuan dan berani berjanji buatlah, itu sahaja. Rakyat menunggu dan ikat janji. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi ya?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Saya kena ikut Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua- *you are the honor of the floor...*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Cukup masa sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, saya ingat ada orang yang perlu balik.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Okeylah...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak cuci baju dan sebagainya *[Ketawa]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Okey, tidak bagilah, sudahlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menggulung secara kesimpulan saya berharap kerajaan baru, harapan baharu dapat memberikan nafas baru kepada kami rakyat di Limbang. Kami tidak mengharapkan perubahan yang drastik namun apa yang kami harapkan daripada Belanjawan 2019 yang dibentangkan ada sedikit walaupun tidak banyak tempiasnya sampai ke daerah Limbang, daerah yang unik di negara ini. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Jadi untuk pembahasan-pembahasan pagi esok pukul 10.30 ke atas, Yang Berhormat Kapar akan menjadi pembahasan pertama diikuti oleh Yang Berhormat Jempol, kemudian Yang Berhormat Pekan...

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada dalam senarai, belum lagi. Diikuti oleh Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Pasir Putih dan seterusnya. Yang Berhormat Jempol akan diberikan...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, kita akan bekalkan *list* baru esok.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Setiap hari ada *list* baru ya, esok pagi-pagi tolong berikan kepada saya. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh yang demikian Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 14 November 2018.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.32 malam]